



# AL-AMIN

Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w. dalam Puisi

---

SASTERAWAN NEGARA  
A. SAMAD SAID



# AL-AMIN

Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w. dalam Puisi

---

SASTERAWAN NEGARA  
A. SAMAD SAID

Cetakan Pertama 1999  
© A. Samad Said 1999

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

A. Samad Said (Abdul Samad Said), 1935-  
Al-Amin / A. Samad Said.  
ISBN 983-62-6828-6  
ISBN 983-62-6746-8 (kkt.)  
1. Islamic poetry, Malay. I Judul.  
899.2313

M  
899.2313  
ASS

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Huku Kelang  
Selangor Darul Ehsan

~~M~~ 897160

16 MAY 2000  
Perpustakaan Negara  
Malaysia



## Menuju ke Arah Puisi al-Amin

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ .

Perit dan pedih sungguh hidup saya ketika masih kanak-kanak. Dalam usia belum pun tujuh tahun sebahagian rumah saya telah dibom, dan selama tiga tahun lebih selepas itu, saya sentiasa hidup dalam ketakutan. Sepanjang-panjang tahun tersebut bom jatuh pada bila-bila masa saja, dan makanan semakin sehari semakin kurang. Pada puncak penderitaan saya, kami - ibu, abang dan ayah saya - kehabisan makanan. Saya sendiri terpaksa turun ke longkang, mencari sisa makanan - apa saja - untuk melanjutkan kehidupan kami. Menoleh ke belakang sejauh itu, saya mula faham mengapa sejak kecil lagi ibu sudah mengajar saya membaca Surah Yasin. Itu ialah perlindungan, katanya.

Kami semua menghafalnya ketika itu, dan setiap kali siren berbunyi (tanda musuh menyerang) kami akan membacanya sekhusyuk mungkin, meyakini bahawa hanya itulah perlindungan yang ada pada kami. Saya membaca Surah Yasin selancarnya, dan mempercayai bahawa Tuhan melindungi makhluk-Nya. Lebih tiga tahun berlalu, dan kami selamat daripada bencana bom, walaupun ayah saya sendiri kehilangan sebahagian daging peha dan sebatang jari kakinya.

Begitulah kesan atau pengaruh ayat-ayat suci terhadap saya. Ia menjadi senjata yang amat sakti sejak saya berusia tujuh tahun lagi. Dan ketika menyertai kelas mengaji, saya menjadi murid yang setia, meneliti gerak mulut guru mengaji, dan cuba mengikutnya sedekat mungkin. Dan dengan pengalaman selama itu, saya berasa amat bersalah apakala hanya setelah berusia enam puluh tahun baru saya cuba merancang menulis puisi panjang tentang kehidupan Rasulullah s.a.w. Saya sedar bahawa kehidupan Nabi yang mulia itu amat luhur; saya menelitinya, tapi takut untuk menulis tentang Baginda, khuatir kalau-kalau yang ditulis nanti tidak sampai kepada yang luhur.

Tapi, empat tahun lalu, ketika saya galak mengembara ke seluruh tanah air, keinginan atau kerinduan ini datang berulang kali. Pada suatu senja ketika berada



di sisi sebatang sungai di Sarawak, saya tekuni pelbagai bunyi alam, saya tekuni setiap gerak daun, dan kemudian saya tekuni awan yang beraneka di langit. Semua itu bercerita dalam batin saya. Dan apakala saya tersedar akan usia yang lanjut, meneliti keadaan diri yang masih munasabah sihatnya, menyedari betapa banyak peluang yang terhidang dalam hidup saya, terkadang saya tersedu sendirian. Saya teringat kembali peristiwa bom jatuh meranapkan sebahagian rumah saya; saya terimbas semula beberapa peristiwa pilu dan perit selama tiga tahun tujuh bulan dalam penjajahan Jepun; kemudian, saya melihat bagaimana saya berkembang, menjadi seorang ayah, menjadi seorang datuk dan kini menjadi seniman. Saya terlalu banyak diberi.

Pada mulanya terilham untuk menulis puisi panjang tentang kehidupan Rasulullah s.a.w., memang semua kenangan dan pengalaman pedih itu yang berlalu dalam imbasan hidup saya. Segala penderitaan, dan kemudiannya segala kebahagiaan, tidak datang tanpa suatu makna dalam kehidupan seseorang. Direnung jauh ke dalamnya, saya mulai yakin bahawa setiap insan yang datang – betapa pendek pun usianya – sebenarnya telah diberikan suatu kesempatan luar biasa dalam hidupnya. Sering saya bertanya apakah pula balasannya kepada satu nikmat kehidupan yang teranugerah kepadanya itu?

Empat tahun lalu, dalam usia sisa enam puluh tahun, saya tersedar betapa sia-sianya kehidupan saya jika tidak saya ciptakan sesuatu yang bakal mendekatkan saya kepada Nabi kami yang besar. Sebenarnya saya takut untuk memulakannya, kerana saya sedar bahawa tugas itu bukan sesuatu yang mudah. Berkali-kali saya merenung ke dalam diri, berhari-hari saya menilai usia lalu dan usia sisa, dan pada suatu senja ketika berada di sisi sebatang sungai di Sarawak, tiba-tiba tergerak hati saya untuk memberanikan diri mengerjakan sesuatu yang belum pernah saya lakukan sepenuh hati. Bunyi alam dan gerak daun, luas langit dan aneka awannya, diselang

imbis bom jatuh dan peristiwa menyelongkar makanan di longkang, semuanya mendesak atau memujuk saya untuk melakukan sesuatu yang lebih bererti dalam sisa hidup saya.

Dan empat tahun lalu, dengan sedikit keberanian dan sedikit keyakinan, saya merisik dana bantuan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memungkinkan saya hidup tidak terganggu untuk mengerjakan puisi panjang mengenai kehidupan Rasulullah s.a.w. Dan, hampir saya tidak percaya bahawa selepas sepi setahun, tiga tahun kemudiannya, dari hari ke hari, dengan tekun saya mengerjakan puisi panjang itu, dan pada 29 Jun 1999 yang lalu saya sempat menyudahkan manuskripnya. Saya seperti tidak percaya, tapi penuh syukur, bahawa saya telah sempat menyelesaikan satu kerja yang terlalu bererti dalam hidup saya. Pengalaman inilah yang ingin saya catatkan di sini, kerana saya ingin agar teman-teman lain akan lebih cepat menyedari dan terdorong untuk menulis sesuatu seperti ini.

Saya ingin bermula dengan mengakui bahawa betapa ruginya saya kerana tidak menguasai bahasa Arab. Kerja mengkaji dan menelaah sejarah kehidupan Nabi menjadi lebih sukar tanpa penguasaan bahasa tersebut. Memang di sana sini saya dapat menangkap erti ayat surah-surah yang dibaca berulang kali, tapi saya berasa bahawa pengetahuan atau penguasaan bahasa Arab akan lebih akrab dapat menghantar saya kepada sumber atau inti dunia dan sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w. Betapa pun, dengan kekurangan yang besar itu, saya masih tetap cekat menekuni dunia dan sejarah kehidupan Nabi daripada buku-buku berbahasa Indonesia dan Inggeris, sesudah mendapatkan “petunjuk”, “saringan” dan saranan daripada beberapa orang teman ulama yang lebih faham. Dengan menelaah beberapa buah buku – saya kira tidak kurang daripada dua puluh buah – dan menjurus kepada buku yang ditulis oleh Heikal dan Martin Lings – saya menghimpunkan beberapa fakta penting untuk dibangunkan sebagai puisi panjang.

Selain telah membacanya secara berkari beberapa tahun dalam sepanjang usia saya selama enam puluh tahun, empat tahun yang lalu, hampir penuh setahun, saya menelaah buku-buku penting yang saya katakan itu. Semakin hari, saya sendiri berasa menjadi semakin kecil, malah kerdil, apakala mendapati bahawa betapa luasnya ruang lingkup kehidupan – zahir dan batin – Nabi Muhammad s.a.w. yang saya tidak tahu, apalagi kuasai, sepanjang hidup saya. Saya ingin memasukkan segala-gala dalam karya saya itu, tapi saya sedar bahawa ia ialah suatu kerja yang “mustahil”, kerana setiap liku yang ditemui, menimbulkan liku lain yang tersembunyi. Maka, akhirnya, saya hanya berserah, menulisnya sebaik dan sekhushyuk yang terdaya, memilih kata-kata yang bersih dan jernih, membentuk frasa dan idiom yang indah, dan kemudian, menyerahkannya kepada penghayatan dan penilaian khalayak.

Kerja saya itu barangkali menjadi sedikit ringan kerana sepanjang enam puluh tahun kehidupan saya, pada detik dan masa tertentu, saya sebenarnya pernah menulis beberapa puisi rohaniah seperti ini. Masih saya ingat lagi bahawa saya telah pun menulis puisi begini dalam tahun lima puluhan ketika satu kumpulan seniman dekad itu merancang mementaskan sebuah drama perjuangan wira Islam. Saya telah diminta untuk menulis puisi yang menceritakan tentang wira Islam dengan segala kejujuran, kesetiaan dan keberaniannya.

Puisi itu muncul dalam kegusaran dan kesukaran saya menulisnya, maklum saja ia ialah pengalaman awal saya yang belum tersedia dengan ilmu atau teknik menulis puisi. Betapa pun, puisi itu menjadi, dan sempat dibacakan dengan baik di atas pentas dan kemudiannya tersiar dalam sebuah majalah mingguan, yang, sayangnya, tidak saya temui naskhahnya hingga sekarang.

Dan saya menulis lagi puisi rohaniah selepas itu, antaranya “Kita Ini Tetamu Senja” yang sempat dilagupuisikan oleh Kopratasa. Ketika menulisnya kali ini saya sudah lebih tersedia dengan ilmu dan teknik berpuisi. Tidak saja larik puisi yang

tercipta itu berimbang dan berirama, malah tampaknya ia sempat juga menyatakan tentang wujudnya manusia di dunia, betapa insan perlu menyedari dirinya sebagai khalifah, makanya wajar menjadi contoh terbaik. Puisi itu juga menyatakan bahawa manusia datang seperti kosong, tapi pulangnya wajar berisi. "Kita datang ini kosong tangan kosong dada; bila pulang nanti bawa dosa bawa pahala," kata saya.

Puisi-puisi saya yang lain kemudiannya, di sana sini, tetap diselitkan dengan pesanan-pesanan atau nafas-nafas rohaniah itu. Dalam puisi "Daun Baja", misalnya, saya menyebutkan: "Daun-daun gugur/menjadi baja/menyambung usia/pohon sendiri – ternyata hidup/dan mati/masih tetap sehati". Dan dalam puisi "Tikaman dalam Seloka" yang mengisahkan tentang kekalutan dunia politik, ada saya sebutkan: "Sejadahnya terlipat di hujung kaki/Qur'annya syahdu di sisi jubah/perginya penuh darma, sempat mengucap/Kalimah, sempat terbayang Ka'abah."

Dan barangkali antara yang agak serius ialah dalam puisi "Ufuk Nurani" di mana saya menyebutkan tentang kealpaan manusia akan panggilan jihad. Saya mengingatkan bahawa "kita jarang cuba membangun taman/menghayati puisi Rabi'a Balkhi/membersih jubah dan sejadah; lestari bumi seperti sengaja kita alpa." Malah selanjutnya saya mengingatkan bahawa "abad ini sepatutnya detik hemah/berkah musyawarah. /Dan seperti insan uryani/sepatutnya kita sedar langit merahsiakan/kudus rindu dan jihad syahdunya." Dan saya mengakhirinya dengan: "Kini kita berbisik bahasa tasbih/demikian lama/apa yang dicari/apa ditemui?"

Pengalaman seni yang lama ini rupa-rupanya amat membantu apakala saya mula menulis puisi panjang *al-Amin*. Saya tidak ingat berapa lama saya terkaku untuk mencari lirik pertama yang sepatutnya mendedahkan hajat dan hasrat saya yang menyerah itu. Dan memang pada mulanya ia amat menggamamkan, maklum saja saya baru selesai membaca banyak buku tentang Rasulullah s.a.w. dan betapa beberapa insiden dan fakta itu sedang bergaul dan berkocak dalam benak saya.

Memang terlalu lama saya menanti untuk menjernihkan segala, mencari saat yang "syahdu" dan hening, kerana tidak bakal lahir larik-larik rohaniah daripada kecacauan dan kekalutan perasaan dan fikiran. Di samping menunggu "ilham" sedemikian, saya juga mula mencari-cari bentuk sebaiknya bagi pengucapan itu. Saya bertanya sendiri berapa larik yang diperlukan untuk membentuk satu rangkap, dan berapa kata pula yang perlu membentuk satu larik. Di samping kerunsingan dan keghairahan itu, saya juga bertanya-tanya apakah mungkin bakal tercipta frasa dan idiom-idiom segar untuk menyatakan sesuatu yang purba dan murni?

Beberapa kali saya mencubanya, gagal atau tidak berasa puas, lalu mengetepikan atau "memusnahkannya". Dan pada suatu ketika, seperti terngiang-ngiang dulu, saya "menemui" kata-kata yang saya percaya wajar dan tetap sesuai sebagai pembuka puisi. Cepat-cepat saya mencatatnya. Beberapa kali saya mengulanginya, menafikan dan merobah beberapa kata-kata yang awal kerana ingin mencari rima dan frasanya. Beberapa kali pula saya menghidupkan semula beberapa kata yang saya percaya sesuai. Dan akhirnya, saya berasa puas dengan larik dan rangkap yang dicipta.

(Dalam hubungan ini juga seupaya saya mencari kata-kata yang dapat mengangkat sesuatu kesyahduan – di sana sini – barangkali telah "melanggar" sesuatu kebiasaan atau kelaziman dalam penggunaan kata-kata. Terdapat kata-kata seperti "baraqah", "talaq", "beda", "hewan" dan "tofan" yang tidak mengikut ejaan biasa Dewan Bahasa dan Pustaka semata-mata kerana keinginan saya hendak memelihara suasana atau iklim syahdu, selain daripada keinginan saya hendak memelihara rentak, rima dan unsur puitis tertentu dalam karya ini. Saya amat berharap Dewan Bahasa dan Pustaka memaaf dan merestuinnya.)

Seperti biasa, paragraf atau rangkap pertama memang menyulitkan. Ada saja yang disangka kurang indah atau kurang tepat. Tapi, sebaik-baik rangkap pertama itu menjadi, larik – dan kemudian rangkap – yang menyusul menjadi lebih "mengalir".

Ada ketikanya, saya seperti tidak terkesan dari mana atau bagaimana larik-larik itu datang susul menyusul. Saya berasa santai dan ghairah saja menuliskannya. Dan sesekali pasti saja kita akan tersangkak semula – bagi saya ini sering berlaku – kerana itu maka saya mengambil masa tiga tahun untuk menyudahkannya. Apakah “gangguan” begini berlaku, saya akan berasa resah semula. Lebih meresahkan lagi kerana ada ketikanya hingga seminggu tidak terlahir larik-larik yang saya hajati. Walaupun ada kalanya saya cuba memaksa diri, tapi, pengalaman lalu “menunjukkan” bahawa kerja seni tidak boleh dipaksa-paksa – jika ia tidak lahir, ya, ia tidak lahir.

Pada ketika-ketika “kosong” begini, biasanya saya akan mengalihkan perhatian kepada fakta-fakta yang telah dipilih. Saya cuba mendekatinya semesra mungkin, jika boleh “menampaknya” sendiri. Saya juga cuba membandingkannya dengan fakta daripada sumber lain. Dan kerja begini biasanya akan mengalirkan saya semula kepada buku-buku yang telah dipilih, dan ini terkadang boleh melekkakan, sehingga “melupakan” pula saya kepada kerja yang perlu segera disambung atau dilanjutkan.

Betapa pun, ada baiknya juga sangkakan seperti ini. Ia memberi saya waktu untuk “balik ke pangkal jalan” – mengesan semula rangkap-rangkap yang telah tercipta, menghidupkan peristiwa-peristiwa yang telah dirakam, lalu teringat pula peristiwa-peristiwa yang “telah terlupa” dirakam. Selalunya, saya akan mencatatkan peristiwa-peristiwa yang “terlupa” itu untuk “disisipkan” semula ke tengah atau di celah rangkap-rangkap yang telah pun terjadi.

Setiap kali saya akan mengingatkan diri bahawa kisah hidup Rasulullah s.a.w. ini perlu bermula dari zaman Jahiliyah sebelum kelahiran Baginda. Zaman itu perlu dilukiskan “sedekatnya”, kalau boleh, sehingga, nantinya ia dapat bantu berkisah mengapa waras lahirnya seorang Nabi yang terpilih bagi menangani kegawatan zaman itu. Setelah diingatkan semula tentang kelahiran berhalwa atau

dewa-dewa kafir seperti al-Lata, al-'Uzza dan al-Hubal, saya mengingatkan semula tentang tanda-tanda awal kedatangan seorang Nabi yang telah pun diramalkan oleh rahib Yahudi. Dan di tengah-tengah kegamaman ini terkadang terpercik pula larik dan bait yang lain.

Seerti yang dikata, terlalu banyak peristiwa bermakna yang harus diteliti dan dipetik hemah dan hikmahnya. Antara yang terpenting dan mesti tentulah peristiwa Nabi berkhawat selepas berumah tangga dengan Khadijah. Sejak kecil lagi Nabi telah terpesona oleh setiap isyarat dari alam, dan Baginda yakin bahawa banyak yang dapat dipetik daripada isyarat alam itu sendiri. Khalwat Baginda mengkhuduskan pengamatannya akan alam dan kepercayaannya bahawa ada sesuatu yang maha besar bagi Pencipta seluruh alam dan seluruh cakerawala. Khalwat Rasulullah s.a.w. amat membimbing dan mengajar sehingga pada suatu ketika Baginda mengalami pengalaman yang amat luar biasa. Seperti yang diketahui semasa kecilnya Baginda banyak menghabiskan usianya sebagai gembala, dan apabila belia Baginda mendewasakan diri pula sebagai peniaga. Baginda tidak sempat belajar membaca, tapi itulah pula keistimewaannya.

Keistimewaan demi keistimewaan teranugerah kepada Baginda, termasuklah pengalaman isra' dan mi'rajnya – satu petanda yang amat luar biasa yang hanya teranugerah kepada seseorang sepertinya.

Pada bahagian-bahagian seperti ini penciptaan puisi saya menjadi lebih sulit. Yang ingin dirakamkan bukanlah sesuatu yang terbiasa oleh manusia. Dan yang ingin dirakamkan bukanlah pula sesuatu yang wajar dikhayalkan saja. Masih saya ingat bahawa pada peristiwa-peristiwa mukjizat seperti inilah saya sering "terganggu" bukan saja kerana memang saya tidak mampu untuk merakamkannya begitu saja, malah memang terlalu sukar untuk dicari kata, frasa atau larik yang dapat padu dan indah menggambarkan peristiwa itu.

Apabila tergamam seperti ini segala-gala seperti bermula semula bagi saya. Mencari waktu yang syahdu, memilih kata dan frasa yang jitu, membina rangkap yang indah dalam satu bentuk yang telah pun di"tentukan" memang amat mencabar. Tapi, sebaik terasa ada kata-kata yang mengalir - dan munasabah - saya merakamkannya semampu boleh. Terkadang larik-larik itu menjadi, tapi biasanya larik-larik itu masih perlu dijernihkan beberapa kali sehingga ia benar-benar memuaskan diri saya sendiri. Tapi, terkadang beberapa hari kemudiannya saya masih berasa bahawa larik dan rangkap tertentu perlu lebih dijernihkan lagi.

Tempo atau langgamnya mula berubah pula apakala tiba kepada peristiwa kekacauan dan tipu helah musuh-musuh Nabi. Nada dengki dan dendam musuh Nabi perlu diperuncing sejujurnya untuk memperlihatkan keruncingan keadaan yang tingkat demi tingkat meruncing menjadi perlawanan yang keras. Bagaimana Nabi mempersiapkan diri dan wira-wiranya untuk menghadapi Perang Badar, dan bagaimana gambaran perang itu sendiri, bukanlah satu rakaman yang dapat mengalir begitu saja. Untuk peristiwa-peristiwa seperti ini - di mana sentiasa terlihat keruncingan, malah kekejaman - saya terpaksa membaca dan membandingkan rakaman daripada beberapa buah buku. Saya selalu tidak puas hati. Seteliti mana pun ditelaah, ia masih tidak mudah ditumpahkan ke dalam puisi. Betapa pun, setelah tersangkak, setelah dirobah dan dipermantap, akhirnya terjadi juga beberapa rangkap yang saya kira munasabah dan mengisi.

Barangkali peristiwa dan pengajaran daripada Perang Uhud amat wajar diteliti dan direnungi. Saya turut ingin menekankan hal itu, membaca tentangnya beberapa kali daripada beberapa sumber sebelum secara jerih menurunkannya dalam larik-larik puisi yang saya harap berkesan.

Kehidupan rumah tangga Nabi, bagaimana Baginda melayan setiap isterinya, dan kemudian bagaimana ketika di Madinah Baginda merindui anaknya, segala ini



ialah peristiwa-peristiwa lembut yang wajar dirakamkan dengan lirik-larik dan frasa-frasa yang lembut juga. Saya ingin mengangkat rasa kasih, pilu dan rindu yang berlegar dalam kehidupan Nabi di tengah-tengah keluarganya. Bagaimana, misalnya, perlu dirakam imbalan kasih yang ditunjukkan terhadap isteri-isteri Baginda; dan bagaimana secara terselindung antara isteri-isteri itu berlaku semacam lumba dan cemburu untuk memikat hati Nabi. Semua ini ialah kisah-kisah sederhana yang menghibur, menusuk dan berteladan.

Tidak harus dilupakan juga pertalian Makkah dan Madinah, tempat arus ulang-alik menang dan kalah, ilham dan helah dan matangnya sebuah masyarakat Islam yang bantu membantu, persaudaraan yang besar, menjadi inti kepada dunia Islam kemudiannya. Saya juga cuba merakamkan hal-hal yang runcing dan sulit ini ke dalam lirik-larik yang terkadang menjadi terkadang tidak – tapi ia tetap dilakukan juga.

Dan akhirnya tentu saja tidak lengkap jika tidak dapat dirakamkan kisah sedih saat akhir hayat Nabi – bagaimana Baginda tidak menunjukkan keperluan atau kezurannya. Baginda masih tetap berulang-alik ke masjid yang dibinanya sendiri, melanjut dan memantapkan lagi bimbingan dan dakwahnya. Pada saat-saat begini, tidak saya sedar bahawa saya sendiri turut berasa terlalu amat pilu, cuba mencari kata-kata yang setimpal untuk merakamkan keperluan itu.

Pengalaman menulis puisi *al-Amin* ini sebenarnya mengajar saya untuk menjengah ke dalam kehidupan Junjungan kita yang terlalu sedikit kita ketahui, apalagi dalam. Penciptaan puisi ini, dengan demikian, ialah perjalanan rohaniah saya sendiri untuk mengenal Rasulullah s.a.w. sedekat mungkin walaupun ia bukanlah satu upaya yang mudah. Betapa pun, memulakannya dalam usia yang barangkali terlalu lewat, masih sempat mengajar saya tentang kelahiran, kewujudan dan pengaruh seorang Nabi yang memberikan erti syahdu kehidupan ummahnya.

Mengenal perjalanan hidup Baginda, daripada yang sekecil-kecilnya kepada serahsia-rahsiannya, kita dapat beransur ke arah sempurna sebagai manusia, lebih-lebih lagi apakala kita meneliti al-Qur'an, satu khazanah luar biasa yang diwariskannya kepada umat Islam di seluruh dunia.

Membandingkan segala yang terakam itu dengan larik-larik yang dicuba seandainya, *al-Amin* masih tetap berupa hanya satu titik kecil dalam percubaan seorang seniman untuk mengangkat satu khazanah kehidupan yang terlalu besar. Betapa pun, saya berharap bahawa percubaan saya ini akan bakal berguna. Saya sendiri berasa matang olehnya, dan saya harap bahawa akan begitu juga dirasakan oleh mereka yang sempat membacanya. Mudah-mudahan.

A. Samad Said

31 Julai 1999



Syahdu awal kata, suci awal hasrat, khidmat awal hajat,  
mentari teman pagi terbit, sasau inti diri yang mencari.  
Rindu benih cinta, sayu sisa resah, lidah batin suara,  
dari jantung purbakala gedung khazanah bertanya jiwa  
hingga ke inti dicari, sampai ke akar digali, antara hilang  
dan sua, bermimpi atau berjaga, resah sejarah manusia  
dijejak jalan pulang, disedia jalan datang, nurani kemudi.  
Inilah lembar, renyuk dan terbiar, carik paling sukar.

Segala-gala gelisah, buana dan cuaca dalam pusaran hitam.  
Cakar-cakar kenyt gempa halilintar dan bara yang merah,  
antaranya lenggang wap pasir zaman yang bahang mendera  
dalam gementar nafas hemah puncak gugup berbalah, mencari  
segala-gala resah angkasa dan lembah, kerak biji kurma,  
tengkorak unta, karat pedang berbekas titis beku darah.  
Ini wajah zaman berang panas kelar liar nafas penuh gusar  
suara pekikan jerih gempa halilintar hewan dalam keraguan.

Tapak-tapak kaki rekah di sini, kenangan kerlip sesenja dua,  
ingatan sentiasa tak terarah. Pasir-pasir zaman bara bermula  
memercik bau dan debu dari purbakala, dari segala prasangka.  
Bahagia bukan ceritera anak Adam memilih dunia. Kepal-kepal  
mega terlalu jauh pucat dan jenuh. Serbu angin seram mendera.  
Kafilah sepi dibakar amarah dalam gelombang busut-busut pasir.  
Unta mengangguk, kaleng berlaga, setiap mata bening rahsia.  
Bahagia bukan ceritera. Seketika setaraf hewan dan manusia.



Khemah terketar di bawah mega dikunyah bahang mentari,  
hilang pancang, lusuh jubah, musim ganas taring ngeri.  
Segala berbondong diikati kegusaran dan gempa halilintar,  
tengkorak unta, unggas dan kuda dan bayang anak-anak mega  
sentiasa merintih dalam bisik purba, sentiasa berkisah  
menjeritkan angkara dan haloba antara gerombolan manusia.  
Terbiar hitam tungku, kaleng-kaleng retak berkarat dan  
dalam kafilah kacau dan lebat bermula musim penuh wasangka.

Mentari sentiasa menyeringai, mencakar dan membakar,  
bulan bermusim sesekali tersenyum isyarat dan menyimbah  
kegusaran awal musim bercatur siang dan malam. Kemelut  
di singgahsana. Bahagia masih bukan ceritera. Dan anak-anak  
kisah dan mega sayup jaraknya. Angin tajam menyerbu  
dari penjuru rahsia. Kisah jauh tak terhidu bahaya  
tetap berbara insan dan hewan tiba-tiba berselerak galak.  
Siapa penentu dan pendamai mencari dalam diri, siapa raja.

Antara kerak-kerak kurma, nyaring kaleng berlaga, seram  
dan berang, mimpi mengoyak dinding khemah. Wajah zaman  
terlalu liar, gusar dan kasar. Insan yang tak terselam  
inti diri, tak terkawal dengki iri, renek tofan dari gurun,  
datang mengancam. Kembara amat jauh di bawah mentari dan  
mimpi sekali diingat sekali dicuriga. Terdera anak-anak mega  
serak bersuara, kesal merintih langit kalut gelita  
tercari-cari serlah sinar ditindih bayang derita yang pekat.



Senja mempunyai irama dan nafas, bahang mulai mencakar khemah, belum serasi setiap diri bertengkar berkata benar mencari bintang yang tiada. Gempita dan garau, desak angin dari jauh. Mega menjerit. Semua senja bersedih seperti biasa dan curiga. Antara jelir api yang terjaga, pohon kurma terlalu tua, bernafas nadi kafilah dalam gusar dan gementar berharap dan bertanya kembara sejarah amat resah, panjang kembara mendatang yang walang dan getir hati masa.

Tanah yang lengang masih terbelah-belah. Dataran gersang dan gunung-ganang ruang gema berlari berdegup sentiasa di hati. Dan semua arah, ke timur dan barat, seperti tersedia mengarah ke dalam gua, menjejak kegelapan yang bercahaya jika sinar sememangnya ada; mencari kerlip yang tak bakal gelita. Antara keluarga atau antara khemah di tengah gusar kafilah, mega dan angin pusat bertanya dan puncak berhujah. Tidak ada resah penentu, langit dan mentari sedia membantu.

Khabar hanya terkisah, terkenang dan mungkin terlupa – kegelapan dan keganasan purba untuk semua. Bertanya nafas bumi dari celah-celah Osiris, Isis dan Horus, Mesir yang terlalu tua. Dan khabar hanya pintasan ragu, perbalahan dan kepincangan, suhu yang membakar, dalam benci, menghanguskan semua arah sebarang terterka dan sedetik terkesan ke mana kedamaian atas dataran dan gunung, di mana tempat merujuk, berhujah dan sayup merenung?



Tofan gelita sentiasa bergelora, meredah kafilah dan menjerit luka, resah dan tak jernih bertanya kepada bumi tentang arah inti, bertanya manusia di mana khemah damai. Kaum Jahiliyah pecahan nurani, kesementaraan dan wasangka. Setiap musim semakin ngeri. Hati tenteram hanya gementar malam yang sayu atau serakan bintang yang mengerdip, tapi tak tahu. Bertanya dari dalam dan luar keluarga, dan bertanya dari musuh yang sentiasa ada.

Pedang dan panah, insan, unta dan kuda antara calar kaum dan kemelut arah, antara niat dan darah tidak pernah sekhemah walau berbondong semua dan bergerak sekafilah. Zaman terlalu gelita, suara sentiasa garau, dan antara hasrat dan darah, kaum pecahan nurani, pedang resah di sisi diri perlu sentiasa disedia. Dan unta dan kuda, wajar turut wasangka, berbisik atau marah, Isis, Osiris dan Horus pengaruhnya. Keresahan dan kepatahan ini tiada batasnya.

Melalui jendela khemah, keluarga yang degil dan bayi-bayi wanita sama dibakar bara. Anak perempuan bukan maruah, lahir dalam mantera bahaya, terpinggir sejak mula, tersingkir dari tapak dan batuk pertama. Bulan yang calar atau ular yang bisa di tepi khemah. Pedang yang lapar atau kaleng tersia-sia dan ingatan yang sedikit pun tidak terarah, sedang murka batinnya. Cekau tangan dari taring gigi yang bermula hanya bertanya, dengan segala dendam untuk memusnah.



Kelahiran itu amat bahaya, bayi wanita, ketibaan itu amat neraka. Angin dari utara, cekau dan cengkam ular menyeringai kedatangannya, mencari cahaya yang sebenar gelita, mencari khemah paling papa. Wanita itu beban dan harta, diserapkan oleh nafsu, dikunyah dan dijentik seluruh nestapa, dicekau, dicengkam, diseret ke tengah, ditimbus di sisi kafilah, tengkorak unta dan kaleng tua. Arahan yang paling durja; elang, serigala sedia saksinya.

Mereka adalah warga Jahiliyah pemuja kuasa, penghirup arak dan dalam arus nikmat sentiasa ghairah. Di celah Osiris, Isis dan Horus, dalam kesementaraan dan wasangka, mereka adalah wira Jahiliyah tak bertanya, berhujah dan merenung. Mereka pemuja berhala, bercakap penuh sesat, bongkak dan yakin, bertarung penuh kejam, dan sentiasa menunggu kelompok penyengat sebagai kawan, berdiri sama kuat, berhasrat sama dengki untuk hanya memusnah.

Mentari sentiasa di atas kafilah, menjerit dan membakar, di atas bayang-bayang lesu kepincangan mencakar-cakar semua arah. Unta-unta terhenti, pedang berkilat dan permaidani dalam gulungan, manik-manik, cerek dan rantai permata berkocak dan bergesel melontarkan suara sejarah purba, bercakap dalam nafas biasa, dan tiba-tiba menerjah gempa halilintar, tiba-tiba hilang, anak-anak mega, dan niat menjadi amat durjana. Tertikam baka sendiri.



Zaman ini nafas ular dan kerengga, lidah dan sengat dalam kafilah. Zaman ini zaman bertanya yang terbiar. Suara penyair hanya perakam tindak bangga, hanya kisah arak, wanita dan kuasa. Dan ketua kafilah dalam seluruh wasangka, berani penuh membuta, percaya hanya wangsa peribadi, dan dengan kejam dan dendam, mengoyak dinding khemah sebaik terdengar petarung paling gagah. Perlawanan akan berlangsung, dan ujian tidak terhenti.

Semua didera terpacak sekitar kafilah: warisan, pengalaman, harta, kebijaksanaan – atau tak terkesan kedunguan – semua ikatan kaum separuh bongkak dan separuh maruah, dilayani agar berkembang dalam pusaran angin paling garang, dan dipertahan akar wangsa tanpa waras berkira, dipertegak kebanggaan tanpa menghirau dataran panas, atau gunung yang tak rela menjawab, berhujah, merenung tentang lara. Kebijaksanaan mempunyai nyawa dan wajah paling rahsia.

Bulan masih menyimbah kegusaran awal, masih berhujah. Di mana panah atau pedang sudah berdarah? Di mana tengkorak unta atau ular yang turut bertelagah? Semua dalam kafilah, semua dari kelompok khemah berkejar dan menjerit mencari, membangunkan berhala di sekitar Makkah, Madinah dan Jeddah. Dan meluru di tengah abad yang resah bergantian wangsa bercakap dan menerima Ka'abah menjadi pusat paling sengsara. Keresahan dan kebingungan berpusar dalam hati nurani sahaja.





Bahagia bukan ceritera. Dalam kafilah dan di bawah khemah bahagia hanya terka. Zaman menghembur bara, kalbu amat kacau. Tengkorak unta dan kaleng air masih tertinggal reput dan karat. Dalam jubah peluh sentiasa hangit. Kafilah berlalu terus, mencari bekas-bekas tapak, menekuni arah, walau bintang mulai ada. Kesementaraan pancang-pancang purba, bersuara dengan hati yang gementar. Puncak sentiasa curiga.

Begitu musim batinnya sekitar Makkah, Madinah dan Jeddah. Pusaran angin paling murka. Antara niat dan darah, antara sesama kafilah, baik saudagar atau sekadar pengembara tidurnya jarang damai, mimpinya sentiasa wasangka. Selalu hanya sebutir bintang yang bercahaya. Mentari sering berdarah menyedut dan menyerap setiap roma. Ada laluan yang belum tersua; ada pertembungan lara. Bawah khemah, dalam kafilah, mereka mencari siapa? Di sekitar, berhala.

Wangsa Arab merestui kaumnya, terlalu percaya, sentiasa gusar, terlalu peribadi ketika sendiri. Cekal dan maruah membakar semua khemah. Rindu nafsu tak terjaga. Benderanya keangkuhan sendiri, malah siang lebih berani. Jubah mudah koyak, kaleng air terlontar, dan pedang yang berkarat, cincin atau gelang permata penuh nafsu berkata tentang diri wangsa yang terlalu percaya diri juga amat peribadi. Ia pancaran khazanah purba, batin yang tak mudah sempurna akarnya.



Masa berhenti seketika bersama kafilah, tidak berkata-kata. Sayup angin paling rahsia mendera dari arah gelita; batin mula mencari berkata sesama iri, dan bahagia tidak pernah damai, tersua, tidak tersambung rambut yang lara. Dalam jubah semua peluh, jika mengalir ia kehangatan resah, kerana dari sejarah purba, dalam kafilah amat wasangka, jarang berdiri ketua yang warak. Di sisi kitab, jika tegas kata-kata ketua kafilah juga bukan penyebar bijaksana.

Kaum adalah pecahan nurani, padang gersang masih dirinya. Unta, serigala dan elang; kekayaan, kebijaksanaan dan darah terlalu jarang tafsir sebagai khazanah insan, terlalu tersisih sebagai watak bermaruah. Elang menjadi pencarian liar; unta sentiasa tak sempat berdamai dengan bayangnya. Serigala adalah manusia sendiri di bawah awan yang jauh bertemu sesekali di balik gunung, berkhemah sesekali di malam sangsi dan kehalobaan tajam masih tetap dirinya.

Bumi segar ini terkelar tiga dengan hati bongkaknya sendiri. Tersebur api dari jantungnya, membakar dan menjerit. Keyakinan telah ada dari reruntuhan kekhuatiran. Dan suara sentiasa ragu calar balar dari keyakinan yang palsu. Semua datang dengan kuda, tapak-tapak liar dan megah; semua cemeti berdetas mengalahkan tofan yang panas; bersembunyi di balik gunung dan gurun, berjanji dan berdusta serentak. Tidak ada menara sinar, tidak ada yang sedia benar.



Bumi besar yang terkelar mewah nubari di selatan yang segar, musim sejuk gementar nikmatnya, tanaman bersorak kerana subur. Dari Parsi dan Bizantin mata sentiasa bertanya-tanya, cemburu dan ingin lebih tamak bersama angin. Hasrat berkira. Bumi selatan Arab yang mekar bersama musim terkhusus, Parsi dan Bizantin tidak mudah damai, lebih tidak akan syahdu. Unta yang memberi susu, hewan menghidang juadah, amat rindu Bizantin dan Parsi, amat tinggi nikmatnya.

Akan terjadi pertarungan, kecil atau besar, akan terjadi gegaran; panah dan lembing, angin panas dan tofan, berkejar menunggu; semua bendera akan tercahik oleh cemburu Bizantin dan Parsi. Semua kuda akan bersesak, menjerit, meronta, mengasak – pertarungan akan lebih dibakar, dan api tak hanya sekam bara. Lembing dan panah, ronta rantai dan pedang, jerit yang utama bumi Arab di selatan dengan unta damai di sisi perigi, dan inilah kelar memaksa Bizantin dan Parsi, rempuh penuh dosa.

Kini terjerat kambing, unta dan rusa liar; dunia kelana di celah-celah gunung dan dataran yang gersang, kini sama-sama berlari, berlumba dengan nasib dan kekejaman yang tidak mudah diterka. Segala inti rasa – cinta yang dalam, benci yang tajam, dan lidah yang pernah mesra – tidak dapat dipercaya. Pekan kecil di atas dataran terbakar bersembunyi di celah-celah batu gunung membahang di sini diseluk nurani setulusnya, gementar yang paling terserlah.



Tiada apa yang tercapai dalam kafilah yang amat resah. Segala gamam, dan dari utara sentiasa terpercik berita, merayap-rayap sekitar Makkah, siapa penyembah al-Lata, al-'Uzza dan Manat juga? Siapa terlupa kepada Hubal, tak terpintakah bantuan daripada dewa-dewa begitu dipuja? Wira Jahiliyah dengan pedang dan panah di bawah mega yang jauh, dengan suara sejarah purba melalui jendela khemah ke mana hilang maruah atau memang ajal mendera?

Perlawanan terpaksa berlangsung, telaga-telaga gagal dijaga. Unta dan kuda yang terlepas lari ke pihak Parsi atau Bizantin dan semangat yang membakar, tegas, hitam. Dan racun dihimpun semula. Cinta kaum dua ribu tahun, benci musuh di Hijaz dan Najd, kini kemarau semua matlamat. Garang api disemburkan. Semangat purba dalam dahaga, terbancuh lebih ganas, semua pembunuhan tak berpusara, dan kerana maruah batin Makkah dan Madinah tak padam, malah makin menyala.

Berhala-berhala terpaksa jatuh, diragui, ditanya dengan lara hati atau semangat luka. Semua di Taif, Nakhlah dan Qudayd bertanya-tanya kepada al-Lata, al-'Uzza dan Manat. Dan berhala-berhala keraguan serentak, jawapan paling segera dan sementara, semua mengharungnya, penuh gema tanpa jawapan, penuh suara yang ngeri, sampai kepada wangsa Qusai, berhujah dalam keluarga. Dan zuriat boleh bertelagah, memihak tiga berhala atau Qusai menentukan Hubal di Ka'abah.



Langit kekacauan pada bumi terbelah-belah. Tercakar semula semua arah atau nurani yang bertanya ke mana inti arah? Ternyata zaman ganas ini nafas ular dan berhala berlaga; sekitar Makkah, Madinah dan Jeddah pusan angin tetap murka. Wangsa yang percaya pada diri dan amat peribadi, hatinya yang, jika damai, masih dalam wasangka, berbisik dan mencakar sanubarinya. Antara khemah atau antara keluarga mereka jeritkan kekusaran yang amat purba – dari kaki suara meninggi.

Mereka telah terbiasa oleh bisik-bisik batin wangsanya. Dalam khemah atau di celah-celah badan unta atau kuda, mereka telah terbiasa mengasah pedang dan panah bisa sentiasa tersedia, tanpa mengenal harga usia, selalunya tanpa teliti berkira, mereka merempuh dengan amarah pertahan Wad jika Kalb kaumnya; menyemah sawa jika Huyai golongannya; atau mendewakan Ya'uq atau Yaghuth jika masing-masing dari Khaywan dan Quraisy. Mereka waspada.

Mereka telah menngis dan ketawa oleh lara dan jenaka. Ketaktahuan menghantar mereka dalam keraian yang sia-sia. Mereka tahu malam mempunyai irama dan nafas – gigi garang, mata liar, kuku kejang dan jerit buas. Dan zaman terlalu gelita, bertindak tetap dalam wasangka. Atau kepada berhala lain lebih dekat ke Ka'abah atau di sisi Zamzam seperti berdirinya berhala Usaf dan Najlah. Mentari telah berulang terserlah, batin masih amat gelita dan lelah.



Bernyanyilah beberapa purnama, tepuk atau jeritan girang; menarilah mereka kerana terlalu ghairah dan alpa. Mentari, rembulan dan bintang kerdip sia-sia di angkasa. Di antara khemah di sisi kuda dan unta, mereka tetap bertanya tentang berhala, percaya untung celaka padanya. Belum ada lain yang sedia diharga, kecuali penyair, ulama purba dan para dewa berhala. Belum juga ada kekacauan seperti gelagat mereka. Buminya terkelar tiga, dan langitnya resah dan gelora sama.

Di tengah keresahan dan percik kegelapan, dan pada ingatan yang tidak terarah, mentari sentiasa menjerit: bahagia bukan ceritera. Insan-insan kafilah dan petani tanah gersang terus membina rumah berhala – al-Lata, al-'Uzza dan Manat – dan Hubal paling ketara. Mereka telah menghantar dalam keraian yang amat sia-sia; tergamam, gusar, menyaksikan Ka'abah kawasan paling terjaga dan terpuja, di sisi telaga Zamzam bermaruah, batu hitam pada sudut istimewa, diam tapi berkata.

Pertanyaan apa, rahsia apa, kekusaran panjang bertanya: isyarat apa batu bintang dari cakerawala, pertanyaan batin yang terus gelita di tengah bumi terkelar tiga, dan Hubal untuk abad yang lara di situ takhtanya, sepi tak tertanya, resah tak menjawab. Hubal diterima hanya dalam kekacauan kafilah lara. Semua kuda akan bersesak, tengkorak unta di sisi pohon kurma. Dan jauh dari negara purba, terangkai Hubal dari takhta Anbat. Pertanyaan, rahsia bercanggah.



Di tengah cemburu Bizantin dan Parsi, lakak yang berang. Hubal dikerumuni ratusan berhala, menjadikan kafilah lebih berharap, lebih terbelah. Tidak ada yang sedia benar. Tetap terjadi pertarungan nurani, tetap meletus gegaran. Pohon-pohon kurma berbisik, mega jauh terus berbalah khabar jika ada damai resah dalam batin insan yang sasar. Air jermih telaga Zamzam berbisik di tengah sepi batu hitam: Rahsia apa yang menjalar, kata tak bersuara, isyarat seram?

Gunung-ganang titik gema berahsia, naluri kafilah bertanya. Wajar ada tempat berdamai, rahsia dari unta dan berhala. Musim-musim berganti, wajar ada nafas peribadinya. Dan tersisih sejenak dari kafilah, terlepas dari khemah, tempat berdamai perlu ada, menghalau keraguan purba. Menyaksikan Ka'abah kawasan istimewa, mendengar desir Zamzam yang berkisah, abad-abad lalu menjadi lebih ditanya dan manusia di sisi pohon kurma, damai syahdu hasratnya.

Berlegar di kawasan yang sama, berpusing dengan tapak damai kembali ke inti diri, menjermihkan kalut paling peribadi. Dan berulang dari diri ke diri, jawapan dari pertanyaan yang adi, tidak terjumpa mega atau desir pasir, tidak tertanya detik mana akan terjawab rahsia tentang cemburu Bizantin dan Parsi, tentang pertarungan sukar dikawal, tentang diri peribadi. Kembali ke inti diri, bahagia masih bukan ceritera. Ulangan di kawasan ganjil ini memujuk peribadi. Damai yang inti.



Suara sejarah purba masih bercakap dalam nafas yang bisa, isyarat yang seram. Semua kuda masih bersesak, dan antara ratusan berhala cuba mengimbangi nafas Ka'abah, api setan juga tak terhenti setakat bara. Di dalam khemah, terbisu, antara niat dan darah, mereka mencari apa mengulangi mimpi wasangka, menekuni arah sukar disua. Butir-butir bintang di atas dataran yang panas, mega jauh merenungi pohon kurma dan kafilah berdebar oleh pilunya.

Bumi cuba dikenali sezas dan seserasi hati, dan suara dari dataran atau celah gunung, marah atau pilu, tengkar yang tak mungkin lebih awal terhidu, dicari dalam ragu, dikesan sampai senja. Tiada apa terhantar, dan luka hingga senja semula, nafas mana yang tidak gelegak, terbakar dalam dendam marak. Bumi masih cuba dikenali sezas hati. Berhala-berhala itu lebih nyaring dipuja di celah pohon-pohon kurma, semangat kafilah gusar, berdarah.

Denai-denai niaga menjadi lebih sibuk, dan kuasa dari Bizantin dan Parsi, dalam pendam, menyembur rintik ragu. Di tanah yang sentiasa bertelagah, bimbang alam di tengah percik darah, semua kuda akan bersesak, melengking jerit, menendang liar, dan setiap ketua keluarga kafilah sebelum meluruhkan khemah, sebelum merundingi ratusan berhala, mencungap mengejar cita-cita pernah ada. Bulan tak menjadi, tirai awan berenda merah, menghantar duka sasa.





Hewannya padang pasir, terasuh dari musim ganas, Kaum Quraisy terbaja sendiri, sebentar resah dan ragu, sebentar garang beradu. Di tanah yang sentiasa bertelagah, seluruh Hijaz dalam bening waja. Qusai masih nyata berkuasa, perancang pintar, pentadbir yakin, dan ulang-alik kafilah menjadi terpelihara, disambut dan dijaga. Mega dan angin dari pelbagai penjuru, nafas nafi dan dengki, tindak uji dan duri, Hijaz teras disangah, menjerit semua kuda, kafilah terbelah semula, tapi Qusai, perancang pintar, waspada.

Memang di jazirah gersang, terbiar, penuh ancam berbahaya ini – jauh berbeda dengan tanah subur, kaya dengan hujan musiman payah terduga bakal ada nurani tanda, bakal terbit sinar yang mesra. Dan dari kelompok para berhala akan ada maruah, dari titik melimpah menghantar isyarat bagi wajah zaman yang panas, ketakpercayaan sesama manusia, membisik pesanan rahsia, dalam gusar nafi atau dalam ketar dengki, memulakan tindak uji dalam ribut duri. Memang di jazirah panas ini, antara kafilah terbelah, ada bahaya bagi berhala.

Di jazirah yang subur, di Yathrib dan Khaibar, bernafas petani kaum Yahudi. Arab Badwi, di sekitar jazirah begini, dalam serkup bumi berkelar tiga, sentiasa tak percaya pada kaum Kristian dan Yahudi. Baik wajah bulan, baik tirai awan, ia salam tak menjadi. Dalam kafilah, di celah-celah khemah, Arab Badwi yang sangsi tahu kuasa takhta Bizantin atau maharaja Parsi, menyusup cengkam, cuba merobah hati dan susila mereka. Di tanah keras, bertelagah di dataran tanpa musim hujan, ketip dan sengat musuh, inti yang api.



Dan mimpi sentiasa wasangka, pengembara tidur dalam tofan ragu. Kejutan atau gamitan al-Lata atau Manat, al-'Uzza atau Hubal, menjadi lebih sering. Dan bayang-bayang Qusai, perancang pintar dan pentadbir yang yakin, dalam zuriat yang berbalah, api tetap juga tak terhenti setakat bara. Dan semua cemeti berdetas, unta, kuda dan ahli kafilah, dalam gangguan berhala, mencari mimpi di Khaibar dan Yathrib, mentafsir suara purba, mencalarakan hasrat takhta Parsi membenteng serangan rahsia Bizantin yang murka.

Api benar-benar menjadi lahar, kuasa menjadi lebih megah. Maharaja Bizantin melontar bala tentera, berselerak marah. Ketika Yusuf As'ai menjadi Zu Nuwas, memilih Yahudi daripada Kristian, lahar Bizantin semakin berselerak galak di bawah marak di atas gelegak, tajam tak terbatas. Melutut Zu Nuwas diterjal Habsyah, malunya jauh ke jantung diri, dengan berkuda resah dan ketawa, berkelana ia mencari ombak yang besar, digogok dan ghaib di dalamnya.

Jazirah di selatan semakin terbelah; kkuatir, gementar, berbalah. Bantuan diharap pada Parsi. Kuasa ini penjajah juga, lahap, memberi lebih menerima, membantu lebih menjajah. Dan dari gertak Bizantin, jarizah Arab terkelar dan terjajah oleh kuasa tangan dan senjata dalam selimutnya, dan kiswa penyelamat yang berdusta. Darinya perisai berubah menjadi senjata, panah dan pedang kembali ke murba, tertusuk dalam alpanya. Bahagia bukan ceritera. Badwi Hijaz dan Najd, diam, pedih mengenalnya.



Persaingan di jazirah utara lebih kasar radaknya; cemburu dan sangsi, gusar dan iri, mendabik-dabik, berkejar liar, dan dendam dari pucuk ke akar. Kasar dan kejam pusaran buas, al-Lata dan Manat, Hubal atau al-'Uzza, percik-percik sangsi. Dan dalam kafilah di celah-celah khemah, Yahudi dan Kristian sama tak dipercayai. Bayangan Zu Nuwas terserlah, digogok samudera kuda perkasanya. Tercakar semula semua arah, wasangka raja. Badwi mula terdesak, dipengaruhi, bertukar agama sesering rasa.

Kaum Ghassan, benteng Bizantin terencana, sedetik kuatnya, lalu gugah, menyerah pada penguasa Parsi, juga seketika. Sedetik gah di Hirah. Herkules seperti sengaja memijak. Kaum Ghassan terbelah. Kisra yang berdusta, menegak kuasa menabalkan ketua Parsi, menyingkir Badwi melata. Dan tercacar semula semua arah, terkejut rusa dan unta dalam kafilah. Terbakar tiang-tiang khemah. Dan benci musuh di Hijaz dan Najd, suara paling negeri. Sesekali berombak berani di jazirah utara tiada janji yang rela.

Semua ini lontaran muka, wajah yang diajak berkata-kata. Dusta dan percaya sama akarnya, walau untuk beberapa ketika. Bernafas pada abad ketujuh, semua seperti bakal luluh. Kegementaran oleh kekuatan di Najran, aneka aliran agama, Kristian utamanya, mengusar, membenam dalam kasar canang. Jazirah Arab terketar lesu, merintih dalam sayu, melawan dengan bisu. Dan masih terus abad, berlanjut perselisihan di Hijaz dan Najd, kaum Arab pengembara yang papa, lebih lara.



Gementarnya akan rezeki, kluatirnya akan bencana, menyala. Semua akar dalam diri berabad menjadi ranting rentung. Jika dipandang di tengah keluarga, kekusaran pada wanita, detik demi detik, mengajar mereka kasar dan sombong. Ketaktahuan lebih berkuasa – siang gelita, malam gempita, wanita seksa utama, dibunuh atau ditanam, dan dicela. Kekejaman paling puncak dalam setiap kafilah dan khemah dan di tengah sejarah pusaran menjadi rayapan neraka.

Pagi boleh berkembang sejuk, langit lengang tak bermega. Kafilah celik, dan bergerak, dengan megah yang sia-sia. Di tengah khemah jeritan bayi tertafsir sebagai malapetaka; tak diyakini rezeki, dan kesangsi mencengkam diri dengan beliak mata, kerut dahi amat marah, dan dengan tapak yang liar, panah dan pedang terjerit di pinggang. Dengan gurun tafsiran dinyanyikan para berhala yang menghina semua seperti tak terkawal, tak terlindung, sedia menyerah.

Kaum menjadi pecahan nurani, senja tersimbah murka, bendera kejahilan menjeritkan kekalutan jiwa, dan menyapa. Ketaktahuan menggogok diri, bukan gusar, bukan gementar walau ia sepatunya dusta. Ia pohon kurma tak berbuah, ia telaga semakin kering airnya, ia demam antara khemah, menghantar atau menerima warkah yang luntur tintanya. Kemegahan wangsa menjalar lebih kasar, lagu dan tarian seasas dan seserasi, arah kemelut cuba juga diduga.



Mula susut khazanah purba, batin terdera mula lebih lara bertanya dan menjawab tentang ketulusan kafilah atau tentang beberapa khemah yang bergelap, bersuara, berahisia, yang, dalam ragu gurun, berarak dalam sorak, sambil melihat arus air telaga yang susut tiba-tiba, yang masih percaya, atau pura-pura, yakin mega jauh untuknya. Badai semakin terdesak, bermimpi gagal, merenung kalah, persaingan di jazirah Arab persaingan radak dan cemburu.

Memang tajam pertarungan cemburu Bizantin yang marah, akan kejam perbalahan kalbu Parsi yang amat bongkak. Di tengah serakan berhala terpelihara, mereka saling akur dalam beda sikap atau dalam cakap, mereka terik dan ikat segala tiang khemah, memanah burung atau kambing, menyalakan unggun, bersemarak, menajamkan pedang purba dan pusaka. Dan dalam satu jerit dan rentak, sederap, mereka menerjah Arab Badwi mangsanya, kaum dan kasta yang makin terbelah.

Seluruh angkasa berdebu tahayul menghalau mega putih. Halilintar dari jauh, kerlip dan kenyt kilat, bersanggah. Tidak ada unta yang tenang, kafilah dan khemah gusar, dan runtuh. Sesekali dalam raung tajam atau pekit perit suara sejarah purba bersama ketakutan dan keangkuhannya tidak berdamai kerana tunjang utuh dalam bumi keruh, kerana suara nurani, sejarah berbalah, dan derap tahayul, berkejar, mendabik dan menyeringai, kafilah dalam kuasanya.



'Hamah wa sadah' burung atau jasad yang terbelah-belah dalam nafas Jahiliyah ia menegak waja selama di sisi pusara. Bertanya atau berhujah dalam kabus Jahiliyah, bersetuju atau menyanggah, atau tak faham bahasa pembebasan atau hukuman dalam alam yang makin sasau. Dan suara hujah atau tofan, suara mega atau samudera, tak mungkin terbaca - Jahiliyah tunjang utuh dalam bumi yang panas, bercerita tak dimengerti, tak dipercayai.

Tahayul menghantar merpati dan burung unta dalam gerhana. Ada azimat, emas atau tembaga, fajar dan senja berbau dalam nista. Semua leluhur menuntut suara, tak terbiar, terbelenggu - tahayul pasti wira paling utama. Dalam kejiip, merpati dan burung unta mencari kafilah, mencari nafsu dan rantai permata, mengiringi para kelana yang memunggah khemah, menyalakan marak khabar tahayul hingga anak-anak mega berkejar jauh dengan tindak semakin purba semakin bisa.

Semua cepat digantungkan pada dinding khemah, berkata atau nyaring menjerit, menuntut darah sapi, menghimpun ranting-ranting sala dan usyur, mendaki bukit, marah, membakar sapi, mensyahdui rintihnya, gegar sebagai petir dalam hujan impian atau halilintar, dalam ribut yang mendera. Dan sapi masih tahayul ulung, tanpa arah dicari perigi; bisul unta dicari inti, panas dan menyeringai, dan tahayul mengunyah sampai ke batin, membakar sebagai dalil utama.



Nyala api bagi hujan dan kalung emas bagi selar ular;  
dicari gigi serigala, dihalau dosa dengannya. Liar  
dicipta patung unta, gaulan tanah, gandum dan kurma,  
dicari bukit boleh bernyawa, diuji santapan dewa  
dan tahayul itu terus dipercaya. Rawatan dalam khayalan,  
tunjang untuk dalam bumi, bercakar sesama kafilah;  
terjelir lidah dan petir, tersimbah lantai khemah, nafas  
Jahiliyah, ragut ganasnya, tahayul itu dewa, bergema.

Wangsa Arab terlalu peribadi apabila sendiri. Dan di antara  
kelam arah lebih ia berkata-kata, racun di atas lidah; lebih  
ia memuja berhala, mengipas tahayul, merempuh batin,  
mencari segala yang tiada, mempercayai ada dalam kafilah.  
Bahagia bukan ceritera. Diulangi tapak yang liar, menghimpun  
semula ranting usyur dan sala, di atas gunung sapi di bara.  
Mencari hujan dengan api, meyakini segala yang purba  
melestarikan jiwa yang kacau, sasau, dalam tofan yang ragu.

Gurun-gurun sengat menggeliat dengan gengis dan kasar,  
segala jarum, bisa dan panas, setiap cengkam dan tikamnya  
dalam jazirah tak berhati, sentiasa mencurigai diri. Dalam  
kontang arah dan matlamat, sedetik terlihat, sedetik gelita,  
bumi begini tetap ganas dan kejam. Dan musim dalam abad  
begitu semua noda terjadi: zina dan hamba, hina wanita  
dan bunuh bayi, juga berjudi. Nilai diri dan harga otak  
parasnya hanya di tapak kaki, hujah cuma lidah, tidak hati.



Di mana dicari semua makna, berfaedah dan sia-sia? Bagaimana diurai dan dinilai dalam syahdu diri? Tempat bertanya siapa yang unggul, dan jawapan yang betul, di mana diikat sebagai pelabuhan? Dalam jazirah tak berhati, kekalahan dan kemenangan tak berpiala, musim gusar, jatuh bangun, dan hala ada atau tiada bakal lambat dikenal, terkadang langsung tak tersua – kekusaran ini dalam abad kacau ia api inti. Berperibadi.

Sepasang kafilah, sesesak khemah, dalam ribut pasir atau angin yang tiba-tiba tajam, insan menjadi hewan menyeringai sesama suku, berpanah berpedang, tertunjuk oleh berhala, bergarang atau berdiam, juga kuasa berhala rajanya. Langit abad terlalu muram, hati abad cuba tenteram, dan keresahan dalam kafilah di tengah selera khemah, ketakutan paling gusar atau kasar yang tak terbaca, atau mengukir yang sia-sia kerana bukan semua dicakap benar.

Antara Makkah dan Madinah kembara bersama unta, iringan burung atau serigala haloba masih tunjangnya. Tak dicari semua makna, kehalobaan pusaran alpa, kemenangan seperti berjudi, kekalahan seperti mimpi. Antara berhala di tengah Makkah atau di sisi Madinah, semua percikan api, ditentukan ribut hati nurani, dijinakkan kedunguan, ketaktahuan dan bongkak diri. Kembali dalam pusat pertanyaan, kembali tanpa hati.





Bertambah musuh di Hijaz dan Najd, meningkat guruh,  
sekitar Makkah, Madinah dan Jeddah, amat peribadi tapaknya.  
Mencakar-cakar sanubari, terbakar hala dan kafilah. Musim  
gusar kacau dengan api inti, tergamam memilih berhala  
mengira-ngira tak berkira, tak akan menjadi pagi atau senja.  
Unta dan kurma, serigala dan merpati bergomol penuh iri  
dan tetap rahsia dalam khemah, dalam kafilah. Pencarian amat  
kabut, penemuan tak tertaja dalam musim penuh sangsi.

Dan wansa Arab Badwi bernafas tanpa hati. Tirai adat wajar  
turun, bunga-bunga gunung patah dan rekah. Semua isyarat  
dari langit dan bumi, dalam arus kafilah dan di sisi khemah,  
semua kenyt sinar dalam kabut alam bercakap dan memujuk,  
melontar jerit, membenam makna. Segala kotoran lalu boleh  
segar bermusim, bernanah atau boleh mengiringi bunga,  
mencari isyarat dari langit dan bumi, mengejutkan kafilah,  
merusuh nurani, membisik tajam. Tirai abad wajar turun.

Ternyata unggun dari batin diri. Kembali semula pada peribadi,  
kepada ketakutan hakiki, kepada penemuan dan pencarian  
yang sama ngeri. Suara dari Laut Merah, angin dari Teluk Parsi,  
berhala-berhala di Ka'abah, rintik gurun paling derita dari  
leluhur Ismail kepada suku Aus dan Khazraj, dari suara amat purba,  
melalui ribut, petir dan mimpi berhala. Semua wajar bercerita  
semula atau bercinta pada diri yang amat kacau, suku amat ragu.  
Tirai adab turun menghalau benci, ghairah dan nafsu manusia.



Abadinya terlalu sengsara, terlalu kacau dan kejam. Dalam mimpi juga semua berdosa, kafilah bercakap tiada batas, mengukur lebih tiada rasa bersyukur. Alam ditikam selera nafsu. Dari jauh ufuk langit berdarah, merah, membuak dan menyimbah. Dari jauh mega dengan wajah amat murka menghantar tamsil, dan gurun berbara. Angin panas tidak kencang ke satu arah, sarat dengan asap dan di celahnya mengejut terbang burung-burung luka.

Akan mengerlip segaris cahaya, mengejutkan dengan tanda. Bergema suara dalam setiap khemah, gementar ke usus rasa. Unta dan serigala di atas dataran terbisu. Dan jauh di ufuk rahsia, dalam serkup hikmah, di tengah inti ghairah, terpercik pelbagai tanya akan adakah cahaya atau sinar, kerlip bergaris cahaya? Angin panas menyeringai mula mengunyah setiap khemah, dan, dengan buas, ganas, melontar lembing isyarat bagi zaman yang amat berdosa.

Mentari lebih lengking menjerit: bahagia bukan ceritera. Satu obor dan satu tapak, satu musim dalam syahdu detak, mengiraikan kerlip-kerlip tanda, mengheret isyarat ke dalam kenangan, melontar tajam ke dalam mimpi, dan antara kenyataan dan khayalan, antara sejarah dan igauan, merayap-rayap kegusaran, separuh ragu diyakini tahu, separuh, antara bahaya paling gering, sayu menjerit, percaya sudah terhidu sesuatu: akan terbuka pintu baru.



Padang pasir yang berombak melimpahkan lekuk bayang yang sayu; ribut mengejar dan wap pasir penuh menguji. Dalam ruang sejarah, peristiwa getir dan mendera. Dalam sepi, terlalu lama, sentiasa ada yang meminta, bersuara tulus dalam hati, kekejaman dan kejahilan bila terhenti? Lekuk bayang yang terlalu pilu, menjengah padang pasir yang tetap berombak, di atas atau di sebaliknya, apakah tiada berita atau warkah bakal hadir wira pembawa hikmah?

Dalam syahdu khemah arus kafilah yang letih, kemungkaran tak terjawab oleh nafsu yang racun. Wasangka semakin berduri, tiada janji yang suci, di hadapan mata timbunan khazanah. Sedetik tiada janji yang suci, tiada kubu yang kebal, hanya mimpi atau khayalan gua lindungan sementara, hanya duga. Mentari indah waktu subuh membantu mimpi, melambai kembali. Bulan rindu menjelang senja membakar sisa wasangka yang iri. Harapan hanya pohon-pohon tak sengaja, tapi ia perlu ada.

Musim rindu itu ditunggu dengan nyanyi dan air mata, dipercaya hampir sepelekos jiwa, dinilai dalam ragu, sentiasa begitu. Jazirah Arab, dataran dan gurun yang sengsara, dari arus kafilah, dari hati manusia, ditunggu kasih yang terserap lama dalam angin dan ribut purba, dalam nyanyi dan cerita. Akan ada celik cahaya, damai dan tulus akan bersamanya dan dari dengungan pemuja berhala, musim rindu itulah isyarat mengganggu hati yang amat lama diajak berbisik dan berhujah.



Sekali terkesan kerlip cahaya, awan di ufuk dibakar warna dan gurun amat letih tetap menghantar cerita. Pesanan hikmah. Dalam jazirah Arab berhanyutan sudah kenit mata purba di mana duduknya manusia yang berhemah? Di mana ratapnya? Dalam usia amat tua di mana zuriat dalam kafilah berlaga. Awan di ufuk masih dibakar warna dalam batin sarat resah dan Ibrahim nabi bertuah terasa ada benih dalam impiannya; Hajar dihadapkan, Sarah menghadiahkan, dan ia ditabalkan.

Satu anugerah berkembang antara bahagia dan hemah, dan Ibrahim terlalu tua, terlalu mengerti, pembaca isyarat ia, meyakini ada angin dalam khemah, mesra yang resah. Sarah, Ibrahim sedar, tulus memberi, tapi wanita dirinya. Tidak mungkin damai, tenang atau syahdu. Ibrahim tahu di mana didapatkan merpati tenang atau unta tak berbalah? Ibrahim mencari jauh ke hati, muncul, tenggelam dan menjadi. Hajar yang setia dengan Ismail bayi anugerah wajar dipelihara.

Halaman khemah terlalu sempit bagi Sarah yang terasa perit. Khemah yang rapat dalam satu kafilah nafasnya tetap luka, datang ilham menguji, difikir disaring, gelora dalam diri. Ibrahim nabi bertuah belajar cekal, bertimbang dan merana. Ismail dan Hajar lebih damai di luar, atau begitu teruji; Hajar dan Ismail menyertai awan di ufuk dibakar warna, indah dari jauh, dari dekat sukar terduga asas bahasanya dalam perit berkhemah, Ibrahim berkelana memaknakananya.



Pada satu detik di dasar nurani tergugah, terdesak atau diarah Ibrahim tak terjamah batin diri, tindakan gelita malam ngeri. Tapi, seperti amat serasi di situlah Hajar dan Ismail menyendiri, berkelana dalam ujian, mencari hemah menemui diri mereka. Sarah yang menghadihkan, Hajar yang memungkinan, kini Ibrahim mula membaca isyarat yang lebih rahsia, merenung bintang tak terjangkau serasi dalam kedamaiannya, dan percaya Hajar dan Ismail terbiar berkelana, menderita besar ertinya.

Gurun pasir menghantar asap, wap bercakap sesama sendiri; buana dengan nafas dipinjam, memandang, bertanya dan cuba mengerti ada kafilah sedia dahaga, ada insan sedia derita, hikmah yang luar biasa. Buana dengan suara diberi tetap diam cuba mengerti, belajar kagum terhadap Ibrahim, belajar sabar bersama Hajar dan Ismail. Dan di celah perca jubah dan peluh derita para kelana di tengah gurun, Ibrahim terpaksa memetik hikmah di lembah turun-temurun, merenung sedalamnya.

Pohon hemah terpulas liar, ribut pasir gema memburu, Ibrahim tafakur menilai setia setiap langkah dulu dan baru, berbisik kepada maya, menyeluk ke dalam jiwa, menanti jawapan menduga di mana hemahnya, di mana belasnya, di mana batas dan warasnya Hajar dan Ismail di atas gurun lapar dan dahaga tanpa kurma dan telaga, hanya berdua ditinggalkan mencari kasih sendiri, mengesan arah cahaya jika terjumpa, merenung langit dan burung dalam doa.



Benih berdenyut merayap akar, dan tunas penyaksi diri.  
 Dalam bahang ada tamsil sakti, bisik antara khemah sepi,  
 beburung sedar lebih awal, percik suaranya rahsia,  
 yang terdengar mungkin tak sedar, yang sedar terbisu.  
 Ada hikmat dalam malam, dalam zaman yang amat ragu.  
 Bakal bermula suatu suara menggementarkan para berhala,  
 kafilah terhenti, khemah sejuk, tabung kurma dan unta  
 sama sedetik tersimbah cahaya, dan tergamam manusia.

Dalam bunyi merintik air, manusia kafilah dahaga di atasnya.  
 Beburung sedar lebih awal bumi menutup mulut sendiri;  
 semua kuda mula bersesak, unta dan kambing menanti guruh,  
 terasa ada peristiwa paling mesra terpercik isyarat saktinya.  
 Di tengah runtuk segala selepas Ibrahim tinggalkan keluarga,  
 ibu dan anak dalam tajam keresahan mula lapar dan dahaga;  
 bekas air cepat kosong, bekal makanan segera susut, mendongak  
 Hajar, dan dalam getar dada, percaya ia akan hikmah.

Pasir menjadi duri-duri panas, bahang mencapai puncaknya.  
 Jerit Ismail lengking menjulang, lapar dan dahaga mencengkam  
 terlalu lara, Hajar terlalu sengsara, tapi perisainya tabah.  
 Bertanya tak terjawab, tetap bertanya di mana hikmahnya  
 semua kegementeran yang menyerkup apa jawabannya?  
 Musim adalah nafas ular dan kerengga, sengat dalam kafilah.  
 Hasrat adalah embun tak menjadi, masih terbara khemah,  
 dalam duka menulang berkejar Hajar ke bukit yang garang.



As-Safa di puncak pertama tak ternampak lembah berkafilah.  
Berlari Hajar ke al-Marwah lembah tetap lengang juga;  
tangis Ismail meningkat lelah, dahaga dan lapar berlumba,  
Hajar merasa ada peristiwa paling menduga, ada isyarat  
paling mendera. As-Safa dan al-Marwah bergilir dilawati.  
Tidak ada kafilah, tangis Ismail sama maraknya dengan dahaga.  
Raung anak pilu yang puncak, gamam Hajar masih dikawal,  
berlari hingga tujuh kali ditenung gusar kaki, terserlah erti.

Perjalanan dan derita mereka sepanjang usia. Antara  
bisik alam dan Ismail seperti terapung suara bertanya  
paling mesra padat erat tamsil syahdu yang makin padu.  
Hajar terasa bantuan hakiki, percaya seerat leher sendiri,  
terlihat Ismail menggesel tanah pedih derita inti pilu  
berkali sehingga terkepul debu, dan jerit Hajar dari kalbu:  
dirinya ibu teruji di tengah gurun panas dan sepi, anaknya  
Ismail, waris Ibrahim, terpinggir dalam arus erti, diyakini.

Suara terhantar dengan jujur didengar telinga sepi lembah,  
dua insan yang terduga dalam ujian amat purba, bersuara jiwa  
ibu dan anak yang kudus percaya segala ditentukan Maha Kuasa  
dan sedang berlaku hikmah, tercatat detak sejarah purba.  
Sedang tangis Ismail menyaingi kakinya, Hajar terperanjat resah,  
terpercik air dan mencurah, tuah di tengah gersang lembah.  
Terkejut Ismail, mencekup air, dan Hajar sedetik terbisu  
doa terjawab jauh dari kafilah, dari Ibrahim yang amat tua.



Kembali kepada janji, tapak-tapak unta tertimbus sebahagiannya, cerita kelana dari pelabuhan yang jauh, cerita emas dan kurma, tanah terpinggir, jerit dan lara Zu Nuwas, bangga kiswa. Cebis nafas purba yang lain jalurnya: kaki anak yang bertuah, tanah gersang mula bertelaga, Hajar faham derita dan iktibarnya. Akan tumbuh pohon kurma, ramai singgah kafilah; akan terbangun kawasan dalam arus niaga, dan dasar menjadi subur yang inti bagi ketulusan baru, mercup wangsa lebih waja. Ini buminya.

Tanah menjadi tidak yang ramah subur dengan musim kafilah, memanggil, anugerah yang mesra, menjemput sekhushyuk kalbu. Lembah gersang menjadi gamit rangsang dan terhampar permaidani, lembut untuk berkata-kata dalam selera, tergesel kaleng besi, berderap ronyok kampit, menusuk wangian, dalam khemah hanya salam tergil, terbisik air telaga dan damainya bayu. Tak teringat para kelana, hikmah Hajar dan Ismail, tumit dan bumi; Ibrahim yang gusar, yakin kepada Ilahi, menyaksi keajaiban adi.

Dua puncak tujuh nafas berkisah dengan teka-teki yang sakti kahwin dan kembara, sayang dan iri, terjadi begitu serasi dan isteri dan suami, ibu dan bayi, dan memercik air kini. Lembah menjadi benih sejarah, berakar umbinya keluarga, kafilah menyebarkan banyak khemah, mengintip langit rahsia. Kerlip dan sinar, mega dan kilat, menggosokkan unta, dan dalam sepi menyaksi bersuara dalam bisu, sedar wujudnya rahsia, suburnya hemah. Di lembah ini wajar lahir wira.





Di lembah ini kesyahduan bercerita dari hati yang mengerti, penderitaan puncak kesabaran, penemuan arah yang asli. Anak Sarah dan anak Hajar memulai dua wangsa manusia. Ismail matang dari derita, kasih ibu dan air telaga rahsia. Malam dan siang bersalin jubah, rentak batin serasi, serasa. Musim sering melawat, menghidu dan menyembur isyarat, lembah menjadi subur, sibuk kafilah bertambah ghairah, ada detik berfikir, Ibrahim dan Ismail, ada tugas yang darma.

Masam peluh, luka dari berburu, atau kantuk oleh bayu, di mana ujiannya bermula, senja atau subuh yang dingin? Tergerak oleh tulus suara, warna-warna alam tuntut dibaca, dianugerah sudah peristiwa - tumit anak memercikkan air, khidmat tunjang dan arah syahdu bagi para musafir, setiap ziarah ke lembah Makkah setiap bapa dan anak bersua, degup kalbu semakin nyilu. Mereka masih percaya cekal Ka'abah yang satu, khas dengan maruah, perlu dibina demi ibadah.

Suara terhantar lebih jujur didengar hati lembah yang sepi rumah ibadah bagi setiap kafilah dan bagi penghuni dan debar gusar ragu, duri dengki dan puncak megah dan gamam diri yang bergomol, berabad, dengan panah, pedang dan radang, kini di jazirah Arab, dengan selera keinsafan, keazaman, waras hati. Ibrahim yang semakin tergerak datang, Ismail sentiasa menunggu berimbang tulang berparas peluh anak dan ayah pendiri wangsa di tengah lembah di sisi Zamzam memercupkan rumah ibadah.



Gerak lembut bermula embun membasahi kepala unta dalam kafilah ke Makkah. Pagi masih duri panas ketika, dalam gusar dan kagum, mentari mengejar senja kala. Tanah gurun, jabat wap dan debu, sumber ilham, tanah Ismail dan Hajar, tempat mereka dahaga dan terharu. Dan bersama Ibrahim, tapak didirikan rumah ibadah, di mana perca-perca khemah terobek ketika kelana, di mana kisah-kisah purba, tahayul sia-sia, mula diserapi air telaga.

Terkerlip tanda anugerah, dari serabut dan gempa nurani, dari berhala, dengan cemeti detas-detas berang, terbelah segala. Embun membasahi kepala unta, masih kafilah terus ke Makkah. Di balik khemah, di tengah pengembara, kampil-kampil kurma, kaleng air dan pedang bertelagah, mentari mengejar senja kala. Sepi dan sayu di hati malam, hampir sedetik terkerlip tanda bukan lidah gurun atau jarum hujan; tumit dan tangan, bukan. Ada suara diam berkata, ada baka paling mulia, datang ia.

Terjadi Ka'abah batu sakti rahsia angkasa, penjuru timurnya. Dalam arus kafilah, semua mengerlipkan khazanah, rahsia, jauh ke dalam serah cakerawala, permata-permata angkasa, tak terhitung, tak terbaca, tak terduga, tak terangkat, tapi ia masih cahaya, tak mustahil batu sakti rahsia angkasa, pesanan berkat bagi manusia kerana bakal lahirnya, dalam satu wangsa, keluarga mulia, juga satu anugerah bumi, dari pusat Ka'abah, akan tulus nurani, dan bahagia.



Bercabang keluarga mengutip tapak sendiri, mengejar peribadi, suara dalam arus dan pusar musim. Ismail, anak tercabar, mengerti, yakin dan sabar. Pengorbanan detak nadi, intui uji mendakap perintah Maha Kuasa, menuruti penuh serasi. Ibrahim amat tua dan rela, Ismail amat taat dan sedia, menghayati, antara lipatan jubah dan kedut permaidani, memahami arahan Ilahi, lapisan isyarat dan ketakjuban alam, menyerap suci demi damai kafilah, demi bahagia keluarga, demi ummah.

Di sini akar memesrai bumi, pucuk menggamit mentari, dan udara memeluk di celah segala. Begitu induk keluarga, waras, kasih, pintar dan ihsan. Begitu nafas keluarga menghargai bumi, mengasihi insan dan jauh ke intui, lubuk rasa dan fikir, mesra dan mengerti, kuasa Ilahi. Di jazirah Arab begini air terpercik menyuburi benih insan dan alam. Pohon-pohon mengembang daun, ranting dan buah untuk beburung, dan zuriat manusia dipupuk, dipelihara, diasuh, dijaga, lembah dipercikkan hemah menanti wira.

Berombak padang pasir melimpahkan lekuk bebayang yang pilu, tirai purba terlalu luas sepanjang derita aliran kafilah. Detik dan detak berang, silang panah dan pedang, mencalar nurani. Lekuk bebayang turut berombak, dan jujur sepi amat berperli. Tirai adab bakal turun, isyarat maruah mula mercup dan harum pada senja begini. Dalam malam menyanggah berhala, terhantar bisik dan angin mengiringi batin kafilah ke Makkah, Ibrahim dan Ismail berdua, pesan ke tengah Ka'abah kerlip sinar paling menyerlah.



Bakal bermula gemilang sejarah, bakal hadir pemimpin ummah. Dari bibir seluruh nabi, akur yang yakin, berseri mentari menyiram kudus zaman. Isyarat maruah mula harum pada sembilan Rabi'ulawal, bahang tahan serangan gajah, takjub, gamam dan terpesona, sudah awal diramal pendeta dari Syria. Aminah melahirkan putera, Abdullah ayah yang arwah, Abdul Muttalib dan Abu Lahab, dalam khemah arus kafilah, menyambut khabar, bersyukur dalam batin, terasa iktibar lain bermaruah, kelana dan peniaga, bergetar permata.

Diulang kisah ajaib ketika mengandungnya Aminah, bergema semula, kerana rahib ingin ke Hijaz, Zaid bin 'Amru ramalannya, akarnya memang sejarah bersejarah, keluarga penjaga Zamzam, pemula alur niaga Makkah, Yaman dan Syria, darma kepada tetamu ke Makkah, derita dan bahagia ziarah, yakin dan ragu berhala. Kini terhenti sejenak Makkah, cuba menghadamkan pesan lalu, jenuh menyaring iktibar syahdu. Mentari memancar sinar rahsia, dan dalam cahaya terbisik kata, dan yang menunggu, yang tahu, terlalu damai jiwanya.

Warna musim pekat tersimbah, gersang, kuning, merkah biasanya. Tertakdir, dakap ayah tak dirasa, susu ibu nikmat tak juga lama. Telinganya lebih terasuh raung unta, regek kambing dan jerit kuda, dan belai datuk sementara juga, dan sendiri dia belajar dewasa, mencari teman pada angin, bercakap kepada awan, burung dan pohon. Memetik erti dari resam hari, merenung hemah dari gerak kafilah. Jazirah Arab menyaksi anak yang terpaksa cepat berlari, mentafsir hikmah alam, yakin ragu insan, dan ternyata api yang padam.



Dewasa hanya timbunan hari, tajam rasa, matang diri, dan hari penuh khemah dan kafilah, debat wangsa, cinta dan iri di tengahnya, di sisi Abu Talib, Muhammad s.a.w. anak yang peneliti semakin berteman pada angin, burung dan pohon kurma, semakin merenung hemah dari kafilah dan memetik erti dari resam hari. Zaman punya batin sendiri, dari luas cakerawala disaring peribadi. Zaman juga gusar sesekali, memerhati watak, rakus dan gelojoh dalam timbunan hari, mendidik Muhammad s.a.w. sebagai insan sejati.

Gersang gurun dan cekal unta dalam renungnya Rasulullah s.a.w. remuk manusia dan gagal berhala diuji dan disanggahnya. Panas hawa menjadi amat biasa, siang dan malam hampir sejubah Muhammad s.a.w. pemerhati amat arif, penghurai paling tabah. Gurun dan unta, kafilah dan manusia, dalam pelbagai warna dari pelbagai sisi, dalam deru angin, kabut pasir, ditelaah jerihnya belas dan kasih dari Allah, tapaknya teratur terarah di jazirah Arab, dalam kemelut, Muhamamd s.a.w. menjadi cahaya.

Putera yang ketika dikandung terpercik sinar dari rahim ibunya, terkerlip mahligai Basra di Syria; dan ketika ia diasuh Halimah, kontang makanan merata, susu melimpah di tengah mereka. Putera yang menjadi yatim sebelum lahirnya, menjadi lebih piatu ketika enam usianya, tenang bersama datuk, matang di sisi pak cik, merenung alam dengan mata hati, menilai insan dengan hati budi jujur, akrab seserasi nama; bijak, padu, cekal tindakannya cemerlang bintang di tengah gurun benih anugerah turun-temurun.



Di tengah longgokan batu bertindih dan tergolek sayu siul seruling dirinya seorang gembala muda, yatim yang awal, alam cermin telaah. Darah ayah peniaga, kalbu kaum berwatak, dan cepat dia dewasa, tegas menangkap semua isyarat, tangkas mengerti seluk tabii. Istimewa hadirnya, warna alam menjadi aneka, bergesel dengan jubahnya dan setiap langkah, detak nafas, degup bumi amat serasi semua terbentang di keliling diri, mengayam nurani bakal nabi lebih awal didengar azan, sayup dan meresap, pesan syahdu masa depan.

Ketika bersendiri, antara sayu seruling, kenangan mungkin berisi – tanya yang inti, wajar bagi yatim yang awal. Abdul Muttalib, datuk yang penyayang; Abdullah, ayah peniaga yang segar; Aminah, gadis pingit keluarga Zuhrah, asas luar biasa. Kenangan yang berulang, tanya yang inti, Abdullah dengan harta unta, kambing dan pengasuh Ummu Aiman, kembara niaga ke al-Syam, berkat nama di Gaza dan ketika berehat sedia ke Makkah, sakit dan meninggal ia di Madinah. Putera lahir selepasnya, pelukan datuk di Ka'abah, Muhammad s.a.w. ia.

Demi bangsawan amat biasa, padang pasir nafas tulen, bayi yang wajar dewasa. Bagi Muhammad s.a.w., Bani Saad tersedia pengasuhnya, ketika lapan hari usianya, dan akan bertahun, gurun mengajarnya, angin panas sebagai guru, dan pengasuh keras lembut berimbang, menghantar hanya isyarat, dewasa wajar sendiri. Ke tangan Thuwaibah ia, hamba Abu Lahab, pak ciknya, beberapa hari sebagai jambatan kafilah keluarga, khemah bermula. Bayi diteliti amat kagum, Thuwaibah serasa di hati, walau tetap terbatas hari, tali batin tetap mengikat.



Berlari kenangan ke pangkal usia, tingkah dipupuk, awal menduga. Gurun gersang, unta, kafilah dan khemah, masa hanya pemula. Aminah sedar perlunya hikmah. Dan Halimah dari suku Bani Saad, penghuni daerah dahaga, setahun berkelana menuju Makkah kenal ia tulen udara, dan faham ia indah bahasa bagi lidah. Setelah resah, gagal menghidu peluang mewah, gurun menjadi mesra, redup menatap Muhammad s.a.w. yang sepi, bayi amat damai, serasi terpilih ia bonda kedua mengasuh Baginda bayi sederhana.

Kafilah adalah ujian dalam ragu dan suka di sisi anak luar biasa, Halimah penyaksi beberapa peristiwa tanda-tanda semuanya; anggotanya susut, bayi sendiri tak tersusu, dahaga sentiasa setahun lara menuju ke Makkah, menjadi amat berubah selepasnya. Seelok Baginda didakap susu badan mewah alirnya, dan Halimah terkejut unta yang lesu ketika dipicit amat kaya susunya tanda anugerah, memang daripada Muhammad s.a.w. puncanya; berkelana pulang lebih ghairah dan sihat dari berkelana datang.

Tersentak teman-teman khemah dalam gersang gurun embun ada, terkejut mereka keldai Halimah yang letih amat bertenaga pula. Dari dakap awal terpercik pelbagai isyarat kagum semuanya yang tersangkak, yang ragu, berubah kesan tapaknya, mula dirasa dan bumi Bani Saad, bahang dan gersang, seperti menyanyi ia. Semua musim bernafas, mentari mula dicari, sinar yang mesra, kafilah dalam ujian. Keluarga Halimah sangat bertuah pilihnya di tengah mereka, di atas bumi Bani Saad, termula satu sejarah.



Deras berganda musim inti melusuh khemah-khemah dalam kafilah. Cergas anak gurun menatap, mentafsir, menyerap setiap tingkah dari kilat wap air saujana di tengah gurun bermain aneka tafsir. Mega-mega jauh, angin deras menemani debu, serentak bersuara Muhammad s.a.w. dewasa di tengahnya, diam yang berfikir, dan pada ketika syahdu Halimah amat terharu, anak kelana perlu dikembalikan. Dan pasti gurun akan lengang, angin tak bercerita, kerana pada Muhammad s.a.w., baginya, serasa ada yang sentiasa bersuara.

Kasih terlalu dalam, kehilangan tak tertanggung, Halimah ke Makkah bercakap dengan bahasa belas, mengharap dengan hati tulus dipinta Muhammad s.a.w. berkhemah lagi menghirup alam gurun, diharap Baginda lebih sehati dengan nafas alam yang mencabar dan menguji. Kelana kafilah tak tersia-sia, Halimah pengasuh amat mesra, waspada, banyak udara boleh dihirup, banyak ragam unggas dan insan dikenal semakin diresuikan anaknya lebih lama di khemah menjengah dalam diri. Tangan Halimah semakin bertuah di sisi Muhammad s.a.w. lebih dewasa.

Berganda lagi musim inti menambah dan menyegarkan peribadi Muhammad s.a.w., dalam bebas gurun panas, bermandi sinar mentari. Senja dan malam, juga pagi, ditengung dalam sepi, dan terpercik perisita yang tak terulas dan tertafsir oleh fikir dan hati. Rahsia bagi Halimah, gusar dan terketar ia, tak tersimpan sendiri. Berkelana semula ia, mengembalikan Baginda kepada bondanya, mendedahkan lapis rahsia, berhati, berjaga, masih samar juga; pada ketika tak terakam, tak terhurai, berlaku sesuatu amat syahdu.





Keajaiban lalu belum terhurai muainya susu suburnya ternak segarnya keldai sehatnya keluarga keajaiban rahsia berhikmah. Dengan gusar dada berselang ria, dan suara tersusul dan lancar Aminah menghayat kisah takjub anaknya dilawati tamu sakti busana amat putih, utusan khusus Maha Kuasa, murni tugasnya suasana bertukar nafas, warna. Suara terbeku terkerlip sesuatu dari kumpulan teman-teman, Muhammad s.a.w. tiba-tiba diasingkan Jibril memimpinnya, dibaringkan, dan nuraninya dikuduskan.

Dengan gusar meningkat ghairah antara lancar dan sedak suara berita takjub terpilih dibisik dan dihurai dalam bahasa kasih seperti dikisah anak Halimah, adik angkat Baginda, teman sesusu. Tergamam Aminah dan Muhammad s.a.w. mendadak diserah tapi sebagai bonda mengerti ia, difahami kegementeran pengasuhnya, dan terkerlip peristiwa hadirnya dua lembaga yang amat putih busana mereka menyisih ketul daging hitam dan dengan air batu, dalam mangkuk emas dibasuh hati sebersih suci, dan kemudian dijahit sembah kembali.

Tentang godaan syaitan sekali usah digusarkan, kata Halimah. Sejak lahir anak ini telah dilindung seistimewa ia dilahirkan. Dan terkerlip semula pancar sinar dari rahimnya, terbayang segera mahligai Basra di Syria. Semua alamat mesra dan sakti, dan semakin bertambah kini hadirnya lembaga berdua putih busana menyucikan kalbu dalam mangkuk emas di samping pesan terhakis cengkaman iblis. Dan air batu di dalam mangkuk emas, cucian tulus yang suci, dan peribadi menjadi amat jernih.



Tak kahwin lagi Aminah, imbas tanda hikmat anaknya, usia berharga bagi keluarga, dan kemudian, ummah. Aminah mematuhi nurani menyedari tugas, mendapat restu, menjadi pengasuh lebih syahdu. Berganda lagi musim inti, enam tahun Muhammad s.a.w. kini, ia bersama Ummu Aiman. Ke Yathrib mereka semua ke keluarga ibu suku an-Najjar, ayah saudara didekati. Ke pusara Abdullah peniaga yang arwah ayah tak disua dan rinduan anak yang tak terkata, keinginan ibu memberitahu, menyedari tulen baka, mengenali akar keluarga.

Resaja ajal akar rahsia, menjalar atau bertuip bukan hak manusia. Sebulan Aminah di Yathrib, erat mendidik sebagai ibu, anak mengerti makna hidupnya, dan semakin terasuh dirinya oleh alam, bertambah matang langgam insan, dan lebih penanya di dalam diri. Sedang berkafilah pulang ke Makkah, ajal bercakap dalam rahsia, Aminah sakit tidak terubat, dan meninggallah ia di al-Abwa', dan di situ juga pusaranya. Muhammad s.a.w. menjadi yatim jati, pedih, sendiri, rindu dan sepi.

Debu pasir terangkat sesekali, suara dalam rahsia, inti kata. Kepiluan terucap dalam pusar angin, pilu meningkat batin, matang, kematian ayah sebelum hadirnya diri; kematian bonda setelah mengenalkan pusara, tidakkah ia isyarat dalam peristiwa? Langit senja mengiraikan keindahan; gelita malam menanam iktibar, menjenguklah ke dalam nurani, menjengah ke zahir buana kini ia lebih kara, sendiri teruji, dalam khemah dalam kafilah, setiap tapak akan baru, dan lebih bertanya tentang jejak arah.



Tanpa susu dan tangan ibu, anak dalam cekau gurun dan gigiti musim, segar jalar akar, matang dalam bertanya, semakin terbentuk dari tafsir, berhujah dengan kesepian, dan menangkap dari kerlip bintang, menghidu setiap rintik hari, mengenang dan menyisihkan hampas dari inti peristiwa, bertanya sepuas, sedalam dan seikhlasnya. Dan dalam sunyi, menemui kuntum-kuntum iktibar baru membaja, menyiram, menghidu sasa terasah tiga hati, kini di tengah sepi, terpaksa ia berdiri.

Enam usianya, dan di tengahnya, terlalu pantas luka berlalu induk keluarga Abdul Muttalib, ketua di Makkah, mengkhusuk dakap cucu bernafas dalam mesra, dan Ummu Aiman – Barakah – pengasuhnya. Tergegil padat dan panjang Muhammad s.a.w. menjadi gembala remaja tempat berlarinya semakin luas dalam gerombolan unta dan bayang. Dan dalam serlah mentari di sisi bebayang padat dan panjang sebentar terkikis, sejenak terkerlip jalan hidup menduga, bertanya, Abdul Muttalib, datuk penyayang, mengasihi cucu, membimbing matang.

Makkah pusat hidup alur temu alir pisah para kafilah di tengahnya. Abdul Muttalib penyambut mengerti dan mesra bagi pengunjung semua. Sekitar Ka'abah khalayak bernafas dan bersama cucunya ia sentiasa menunjuk yang baru, mengimbas yang purba, membenih hemah. Anak gembala yang merindui ibu, ayah dan pengasuhnya juga, matang di tengah hati, meneliti kata, menapis suara, mengerti dan di sisi khemah terkembang para peniaga bertanya, berhujah. Gunung, mega dan pengalaman menjadi khazanah amat berharga.



Kasih datuk ke mercu menara dipupuk serasi ke kerusi peribadi. Barakah memberi khidmat ibu; Abdul Muttalib wakil mendewasakan dan sebelum meninggal Abdul Mutalib kebijaksanaan sempat dialirkan. Dua tahun penuh hemah, tangan datuk yang begitu bermakna, dan ketika semadi datuknya, menjelang lapan usia cucunya. Bertambah sudah derita dan dewasa gembala muda di Makkah terbaja semangat kafilahnya, remaja yang matang, bakal bersedia Abu Talib penuh belas, tabah, seorang calon peniaga.

Bergeraklah kafilah baru atas gurun menduga, dan musim panas yang mencantas, ribut berang yang degil, di dalamnya Muhammad s.a.w., bekas gembala, terasuh, teruji sebagai peniaga. Burung tak mudah dihitung, unta begitu payah dipelihara, dan luas langit serta saujana gurun tempat kekusaran dihimpun mendengarnya ia lebih rapi, melihatlah ia lebih teliti, dan antara gemerencing barang dagangan, riuh atau sepi kafilah santai ia belajar berniaga, menilai, meneliti, mengagak, mengira.

Bulan, awan berkisar; bintang dan tofan bergilir, tahun berlari, di tengah gurun antara khemah dan alir kafilah, Baginda dewasa. Abu Talib mata dan tangan matang bagi anak buahnya dari jauh terdengar berita, ketika hampir tertafsir segalanya terlalu banyak yang berdenyut di pekan Busra, selatan Syria, Abu Talib pembimbing ketua kafilah kemudi keluarga peniaga. Muhammad s.a.w. pelatih cekal ke depan dan ke belakang kafilah, menyerap dalam jalur peristiwa, atau mendengar sedekatnya.



Alam berkata-kata lebih awal, mentari dan mega serlah dan bayang bergomol dalam rahsia, mengejut, memesra, mendebarakan Bahira. Sayup direnungi rayap kafilah sarat dagangan ke Syria gementar sentiasa puncak, kerlip dan pancar isyarat tekun dibaca inilah kafilah Makkah amat istimewa, anak-anak awan menemaninya. Siapa watak di dalamnya? Penyeri nafas kudus, lelaki khusus? Memang lebih awal alam bersuara, anak-anak awan terhenti tiba-tiba, di atas pepohon yang cepat merimbun, meneduhi kafilah dari Makkah.

Bahira yang sedar terkejut dan kagum cepat berbahasa. Jamuan bagi semua peniaga kafilah keluarga Quraisy istimewa, semua tak tersisih tua dan muda, tuan dan juga hamba. Jamah puncak penghargaan, dan gua rahsia khazanah sakti Pendeta Bahira, juga seperti Waraqah, yakin datang akhir nabi. Mega tak mungkin berhenti, pohon tak menunduk mengerti jika bukan perciknyanya cahaya, ghaibnya suara, kerlipnya tanda apa gerangan erti ketaran, debaran dan kejutan naluri?

Terhidang jamuan nikmat dan wangi, Bahira meneliti tetamunya jelas bukan bulan yang penuh di celah juadah terasa cacatnya. Siapa dilupakan ia bertanya jemputan disebar untuk semua Muhammad s.a.w. masih di sisi unta pelatih remaja menjaga kafilah. Bahira amat memerlukannya dituntut syarat buku ramalnya remaja dua belas tahun tetamu dicari mega terhenti kerana hentinya, pohon menunduk damai melindunginya. Bahira mengiringinya. Abu Talib tidak terduga penting hadirnya remaja istimewa.



Jamuan menjadi pusat bertanya, dalam nikmat, wangi dan cahaya Bahira terlalu terpesona cekal membaca terbingung dan ria. Wajah dan angguk Muhammad s.a.w. peta batin yang amat bercerita. Bertanya ia tentang cara hidup, tentang tidur dan umumnya segala, amat tegas dan sopan jawapan Baginda, sinar tak perlukan cahaya hingga, masih dalam kagum, pinta disaksi tanda antara kedua bahu menonjol daging mirip tahi lalat hitam kekuningan sekelumitnya, terpesona Bahira hadirnya manusia penghenti mega atas kafilah.

Kerlip di badan begitu meramal, suara Muhamamd s.a.w. akar diri. Gerbang rahsia tak bermakna ketika kunci syaratnya salah. Muhammad s.a.w. tegas dan cekal enggan bersumpah atas nama berhala al-Lata dan al-'Uzza tak berdetik dalam kalbu yang luhur taqwa. Bahira cepat mengerti, mengalah serta-merta, menekuni tetamu muda menyetujui sumpahnya hanya atas nama Allah, tidak berhala. Para kafilah tergamam semua meresapkan hikmat sekelip mata menanti jawapan, bicara dan budi tinggi, santun seorang gembala.

Langit malam terasa benderang, jamuan makin meningkat lazat, antara kunyah dan suara secara hormat hikmat dihayat tanda-tanda hemah amat besar Pendeta Bahira merenungnya; Abu Talib, dalam gusar dan ghairah, jenuh mencari iktibarnya dan teman-teman malam dalam jamuan menanti ramalan Bahira tersentak, juga kagum semua akan khabar yang amat tak terduga selepas Abu Talib mengakui tamu remaja memang anak buahnya dan cepat pesan pendeta: daripada Yahudi lindungilah dia.



Gempar dalam sunyi kafilah terganggu, tertanya dan sepi.  
Terkilat keajaiban dan isyarat yang pernah terperi  
alur dan alir datang mula berbeda dari rayapan pulang  
kenangan dan mimpi, dalam kocak kafilah, menjadi lebih berwarna  
dan bermula tapak serta jejak atas pasir gurun yang panjang.  
Diteliti setiap unggas atau mega yang tiba-tiba terbayang, dan  
terdengar regek unta, amat ganjil, berbisik kepada siapa  
pengalaman dari Syria, jaya niaga, bahasa batin lebih menduga.

Rantai dan tali, nyaring dan sepi, mempunyai suara sendiri  
ufuk batin tak terselam, kafilah, dalam arus, tetap diam.  
Dalam jubah keringat tak basah, khayalan tak sempat kering  
Abu Talib berhujah di tengah kafilah, damai Muhammad s.a.w. di sisi  
dan apabila bintang merintik, di ufuk sesekali mengenyit cahaya  
bermafas semula ahli kafilah menyaring setiap peristiwa  
merujuk subur niaga di Busra ramal amaran jamuan Bahira,  
dan dalam teluk-teluk bayang di tengah gurun, Baginda terpelihara.

Pasar di Syria sesak dengan catur niaga cergas otak petah lidah  
menyukat serasi harga. Muhammad s.a.w. niaga dalam cerdas pertama -  
pengalaman yang dipinta, perjalanan sayup yang amat bermakna.  
Bercakap dengan nurani, menilik jauh ke akar, bakat semula jadi.  
Berdiri ia sebagai lelaki, remaja pada usia, dewasa waktu berhujah  
Abu Talib pak cik yang bangga sempat mengasah dan terkejut,  
menghimpun tapak dan hikmah berkisah jimat secara hemah  
sedar, dari jalar kafilah dan sunyi khemah, luar biasa anak buahnya.



Gurun saujana, bintang pembisik damai, teman yang indah rasa, khazanahnya dari kembara dan cepat tersanggah juga ia. Dalam kembara liarnya gurun, dalam puncak dahaga dan bahaya Muhammad s.a.w. pembenci al-Lata dan al-'Uzza yang tiada tara. Ia pengamat, penenung, pintar, jujur dan dermawan luar biasa. Abu Talib merasa bertuah, amat penyayang dan begitu faham ia; Abdul Mutalib, pengganti Aminah dan Halimah, wakil guru dan bapa, ia pelindung, pemelihara gembala muda yang matang seperti tiba-tiba.

Keluarga Abu Talib penyembah berhala, kaum Quraisy pemuja Bawwanah. Muhammad s.a.w. sentiasa terpisah, pembenci al-Lata, al-'Uzza, Bawwanah. Setiap majlis pemuja, setiap desakan pak ciknya pasti ia membantah. Lalu, hanya sekali seperti ingin berbudi, hadirilah ia di tengah berhala dan sebaik kembali terketar ngeri dirinya. Ia mengadu setiap dihampiri berhala muncul lembaga putih tinggi menyanggahnya menyembah. Terakhir itulah hadirnya dia, kemudian damai dan syahdu dirinya. Dalam dadanya begitu kesal dan berang terhadap al-Lata dan al-'Uzza.

Panjang dan pantas kaki masa, angin dalam pusaran mengejar musim, benih mercup, dahan beranting, pucuk menggeliat, bunga berbuah. Dan antara alir kafilah dan kisar khemah dalam kalut peristiwa Muhammad s.a.w., penenung di tengah gurun, peneliti angin dan mega, penapis peristiwa dan penilai setiap urat dan seluruh jalurnya, menjawab dalam diri, berbalah dengan berhala, fikir matang berbaja. Kaki masa terlalu deras, cunganan cuma gema, rancak menduga dan di celah kaki masa, pusaran musim, Muhammad s.a.w. pohon sasa.





Antara gelecek kilat dan jelir petir terjah mentari lecur pasir  
Muhammad s.a.w. gembala khusyuk, meneliti, merenung, mentafsir.  
Risik-risik alam pintar diperiksa tanda-tanda terbiar penuh rahsia,  
tapi tidak bagi gembala – terhampar gurun saujana tafsirnya.  
Bisik peristiwa nyaring didengar, gugah berhala terus disanggah  
mentari marak dan bulan mesra, gurun gersang, resah khemah  
terpendalam khazanah di sisi, di dalam, di antara dan di luarnya  
tak terjengkau sebarang kelana kecuali ia penghening jiwa.

Dalam garang jerit berhala di tengah gusar manusia, tergegar Makkah.  
Muhammad s.a.w., sisa pilu pusara di al-Abwa', turut tersanggah  
perang sekutu Quraisy dengan sekutu Qais berang di Nakhlah  
az-Zubair penggempur utama, dan dalam gersik panah sisi pak ciknya  
cekal, tangkas dan berani Muhammad s.a.w. mengisi busur-busur panah  
menjadi medan dewasa, menjadi serang Fijar, pembakar semangat wira,  
menjadi percik tanya telagah sukuan, menjadi pengikat keluarga,  
anak penenung dan pemikir tidak berganjak menyanggah berhala.

Lurut embun ghaib bermanik, menyusup dan menderap, bersuara  
dalam derap terjah, dalam kealpaan dan ketaktahuan, tiba-tiba  
tanah terdera mendadak bah besar menyeringai dan galak mengunyah,  
merempuh dan menggigit dinding Ka'abah pernah terbakar sebelumnya.  
Berpesan bencana secara murka tersentak khemah-khemah dan kafilah,  
menyala pertanyaan di tengah berhala hangat jawapan di mana-mana  
dan manusia, yang berbantah, bercekau sesamanya gah bersama dewa,  
meneliti embun, merenung bintang dan mega, menilik bah yang gah.



Lima belas usianya ketika perang perjas erti marah dan maruah. Tangan berdosa warga Quraisy berdarah dalam bulan amat bertuah. Warga Hawazin pertahan maruah empat tahun garang bersanggah, dan ketika damai Muhammad s.a.w. hampir dua puluh tahun usia segarnya; dirinya penyembuh sengketa nafas akrab antara kaum dan warga dan cepat sihat alir niaga kerana serentak sihatnya rasa keluarga dusta nafas yang tak cepat merata kerana antara al-'As bin Wail dengan warga Zuba'id terpercik sengketa mengaibkan warga Makkah.

Urut tangan segar sasa, suara garau jernih, tapak teguh menjejak, mimpi khemah-khemah nyata, teluk-teluk bayang, angin iktibar, lembar-lembar tindak dan gurun dilihat terlalu sendiri dan sepi, bercakap dalam bisu atau sesekali tergalak dalam tofan menderu hasrat dan hajat antara khemah sekitar kafilah, cakar-cakar kilat dalam pekat gelita, mengkhushyuk, mengerti, mencari dan berjumpa. Begitu rahsia dewasa dalam abad amat terbelah, dan begitu, di tengah sengketa warga, makin matang dan ranumnya gembala.

Latar berlari ke akar khidmat, suku Jarham pengasas janji dicari tapak yang jernih membela yang tertindas di Makkah tiga Fadhal – waris Fadhalah, Harith dan Widaah – sebatu kata di kalangan warga Quraisy merecup semangat yang sama, dan sebaik didengar sajak bantahan dari lelaki yang teraniaya Zubair, Abdullah dan teman penegak inti perjanjian menuntut barang rampasan al-'As bin Wail kepada yang hak dikembalikan betapa tulus terisi hasrat, betapa terbijanya janji semangat.



Dan tersila dirinya dalam usia sasa dewasa, timbangan waja. Dalam musyawarah dan hujah para telagah, terserlah dirinya gagah berdiri teguh dan mulia peribadi, ikhlas dan penuh hemah; kata-kata tak condong kepada dunia, tidak mendabik, tidak haloba; damai menjadi payung, meredup api yang marak, berjabat mesra; al-'As bin Wail wajar berdamai waras mengalah kerana dosanya dan terselamat semangat "al-Fudul" berakar dan terbaja Muhammad s.a.w. penyaksi istimewa penyegar nafas akrab saudara.

Bertukar khemah, terjahit yang robek, terbasuh yang lusuh, dalam kafilah. Mega-mega berganti wajah di atasnya; manusia lahir, yang ada, dewasa beransur lebih tua, yang terpilih ke pusara. Nafas buana berpusar di Makkah. Sejarah dalam sarang lelabah menghikmah bagi yang belajar; yang alpa. Tapi, sejarah tersia-sia. Berhala menjadi lebih bernyawa, bertanya manusia kepadanya. Ketakutan masih tofan nurani, berhala seperti pelindungnya. Niaga menjadi sering, kafilah segar bermusim. Terhampar peluang, dalam niaga, dan ibadah Muhammad s.a.w. dewasa.

Terkibar berita, Khadijah janda peniaga, menggalas bahu, hidu pembantu; terserap khabar Muhammad s.a.w. jujur, tampan tenaga berharga di Makkah. Angin mencari arah sendiri, menyentuh khemah dan kafilah dan gagah angin paling menguji, bersuara dalam tamsil, teka-teki dalam erti. Tersampai gerak, tersangkut juga berita, Muhammad s.a.w. diteliti Khadijah. Jala niaga perlu disebar, Syria sumber subur niaga terlalu makmur teringin Khadijah mengembang niaga Syria cabaran amat menduga dicari pembantu, diberitakan, Abu Talib yakin Muhammad s.a.w. tokohnya.



Menguji asas mencari, wajah boleh berdusta, khusus di tengah Makkah; mencari simpang bersua boleh disaring wajah boleh ditemu diri begitu cekalnya Khadijah, begitu percayanya Abu Talib, lalu watak Muhammad s.a.w. terserlah, disaring tengah kabut, diuji dalam ribut ternyata ia watak istimewa bersih, belas, hormat dan setia. Akar peribadi terlalu mulia, Khadijah semakin mengaguminya. Kemudian niaga diserahkan, upah diperganda, berkembang masih sendiri tawaran berharga tanpa calar ragu, dan Muhammad s.a.w. menerimanya.

Kelana bukan sekadar gurun bukan juga bintang dan mega luar biasa setiap jejak tapak cerita, syahdu, ganjil dan amat istimewa. Maisarah penyaksi tekun dan kagum pengumpul inti khazanah aneh disaksi aneka peristiwa dalam senyap terkelip iktibar sekitarnya cekal disaring kisah dan janji pendeta asing dalam kelana disaksinya Muhammad s.a.w. dilindungi bidadari dari teriknya mentari, kepada Maisarah dalam bahasa terlalu rahsia bisik sang pendeta Muhammad s.a.w. yang diiring sepanjang kafilah bakal nabi terakhir ia.

Malam mempunyai kawan, pagi segar mengasihi alam begitu syahdu sepoi angin dalam hati, tersembunyi dari mata, bergerak di lidah Khadijah tidak bertanya, Muhammad s.a.w. tidak menduga, tapi terasa ada mega yang sentiasa bersuara, sesekali menjadi embun nikmat. Abu Talib pendidik yang mengerti, Maisarah hamba yang pengamat, dalam arus niaga, dalam khemah atau alir kafilah, seperti biasa, pertanyaannya sentiasa ada tentang untung rugi, tentang arah diri, ertinya apa bintang dan bulan, maknanya apa janda dan bujang?



Asas latar teruji semula, anak yang yatim, gembala yang rajin, bersyahdu di tengah gurun, menghening diri berhujah hidup, berani di tengah kirai panah, tenang dalam sebarang telingkah; dalam niaga tangkas dan waras, jujur dan tegas cara rundingnya. Musim menjadi jubah tebal dan berat, dia selesa memakainya berdenyut di tengah nadi niaga, segar di Syria tenang di Makkah diperhati cermat, ditapis dan ditafsir Maisarah secara rahsia kepada Khadijah dilapor segala, bertambah terharu, berminat ia.

Dalam sunyi detak nurani sesama keluarga berkisar cerita mesra Muhammad s.a.w. tampan kara dan dewasa, Khadijah janda yang sepi. Di mana jambatan selama ini, siapa peniti yang mahu bermula? Pada saat tak terduga damainya alir kafilah Maisarah alas bertanya: Kenapa usia dibiarkan sepi, halangan apa berumah tangga, dan tanpa berselindung Muhammad s.a.w. berjujur tiada apa pada dirinya. Maisarah pendengar yang mengerti, cerdas menduga lembut lidahnya jika sedia janda peniaga, bagaimana jika itu kemungkinannya?

Seperti kafilah henti seketika, seperti bulan terkejut mengambang, seperti hati tak terahsia jawapan Muhammad s.a.w. satu nikmat. Maisarah menjadi hamba wangi bersama musim di tengah kafilah, Khadijah seperti mengerti bintang dan mega merestui mereka. Lalu, anak Khuwailid yang sebelum Perang Fijar telah arwah bapanya berpaling kepada Amr bin Asad, dan pak ciknya girang dan mengerti lalu Muhammad s.a.w. peniaga tampan dan gagah di Makkah merujuk Abu Talib, pak cik yang mendidik, yang merestui dan menyokongnya.



Janda ini wanita berpayung berdiri segak dan amat bermaruah diketuk pintu hati tiga bangsawan besar dan paling bestari – ‘Uqbah, Abu Sufian dan Abu Jahal – menghantar hati, tapi cinta bukan niaga, bukan ramal, atau sumpah al-Lata dan al-‘Uzza; rumah tangga khemah sasa dalam kafilah, teman usia penuh hemah kembara lahir yang paling suci, nafiri batin yang amat asli puteri Khuwailid wanita terlindung, tingkah, kata dan tindak murni kening subur mata tajam, Muhammad s.a.w. jujur dipilih nurani serasi.

Tiada latar tidak tersorot dan semua sudut benderang terserlah ada zuriat Khadijah, hasil dari Ais dan Abu Halah dalam usia lebih dewasa, yakin, kemas, peniaga yang jaya dirasa terbuka kini jendela cinta Muhammad s.a.w. calon amat selesa. Berbincang ia dengan Waraqah bin Naufal sepupu yang pendengar, berunding juga dengan Abu Talib, pak cik perancang hidupnya, tali hati sesimpul, jalan tetap beradab, kata beralas hemah; selain mahar empat ratus dinar, dua puluh unta emas kahwinnya.

Terhenti diri merenung tapak, angin pusar mengikis kesan dalam angkasa terkirai bunyi tertebat manik kenangan kembara amat jauh, ria susah, jermih keruh, tamu ingatan suara unta dan kaleng berlaga, suara guruh dan hujan yang tiada terkenyit datang. Suara dari hati sejarah yang amat purba denai-denai tapak, busut-busut pasir, mula berkata tiada yang rahsia dalam aliran kafilah, dan dalam khemah juga tiada. Kini diri atas batas benih bermula hati nurani yang lebih rela.



Segala ghairah subur bermusim peluk kasih antara khemah, dan angin masih menderu kehidupan dipimpin neraca yang tahu gembala menjadi peniaga, peniaga menjadi isteri, kelambu berdua dan keharuan sama disukat, tujuan sama digalas, hidup dihalusi. Terkerlip sinar di atas kafilah terpercik tamsil lebih mula jendela perlu ditutup, peti khazanah dibuka, dan peta ditelaah Muhammad s.a.w. dan Khadijah damai di dapur dan khusyuk di meja mula terjaga, mula terasa, mula terfikir di balik hidup dan iktibarnya.

Rumah tangga menyerlah ufuk, warna bertukar sakti, bumi berperib busut-busut pasir, teluk-teluk bayang, titik-titik khemah, semua permaidani yang cekal bertanya tentang kekalutan tingkah manusia. Khadijah isteri dan penjaga yang penelaah merasakan syahdu suaminya, mendadak teringat cerita Maisarah tentang mega yang terhenti pendeta yang berjanji dan, dalam terik mentari, bidadari yang melindungi; mendadak terngiang bisik antara al-Lata dan al-'Uzza, bakal wujud watak istimewa, dan dalam peluh siang embun malam suami diperhati.

Berlenggang dada langit terbeliak mentari dan menenung bulan dan di bawah kenyt bintang anak-anak mega berkelana dalam kelim ufuk tanya tidak terbatas, jawapan yang gagal musim biasa damai hidup sebagai suami menjengah nilai sekitar diri terhidu nafas bumi, bahagia, resah, segar dan mengah lambang buana bersembunyi, empat puluhan, detak jantung rahsia di tengahnya Muhammad s.a.w. ulangi Hira' gua kudus di gunung al-Nur mendalami batin diri, amat khusyuk, mengungkapi teka-teki.



Berdesir bunyi angin pasir dan bayu yang pilu rintih sendu berbisik kepada diri, tanpa kata berpesan lagi, berhujah payah ditafsir, sukar diterka, tapi kata-kata terapung rahsia damai dalam gua, sunyi dalam suara, tulus diri mencari. Hadir dan ghaib, kenyt dan kerlip, isyarat alam menguji cuba disaring, dalam perih rindu, cuba diselam dalam ragu, bergetar tali batin, halus dan garau, irama tak terhurai keypadahan yang bererti menyelinap, menghilang, menyendiri.

Gurun dan angkasa yang mendakap dari bayi ke dewasa bisik alam dan resah kafilah berbaur dan terpisah menyedarkan diri mencari arah menduga makna, dan menemui erti menanyakan rahsia cakerawala tercipta, makna datang dan pergi erti biadab dan suci budi dan damai dalam gua jernih dalam suara inti diri mencari cepat Khadijah fahami segala resah dan bahagia suami sedar dalam rumah sejak awal bukan insan biasa di sisinya.

Ramadan bulan paling menguji ria wangi dan resah batin, mendorong mekarnya kuntum tanya, segarnya bunga jawapan. Sepanjang Ramadan, dalam bersepi, dicari kebenaran hakiki dalam kenyt bintang dan debu laut dirindu hakikat tertinggi setelah bertanya lama ia di tengah gugah Hubal, Lata dan 'Uzza kuasa apa berhala-berhala ini penciptakah mereka dalam semesta? Arus gua, desir sunyi merayapkan tanya yang lebih murni apa dulu dan apa kini apa alam dan apa diri makin dicari.





Calar-calar kerlip wajah tamsilan alam dalam sepi diri, sunyi menguji, terkadang terbentang, terkadang berbalam dalam sadar yang mimpi atau mimpi menjadi bisik alam. Dari calar-calar kerlip dalam sepi diri sarat berisyarat terlihat tak terpegang, terasa tak terangkut, tanpa nama ia pengalaman dari cebis-cebis mimpi serlah sakti warna-warni bisikan yang berteka-teki, pesanan yang sangat indah ia permulaan tak terhurai, ada yang tiada, tiada yang ada.

Menyerupai insan Jibril ini menayang ayat Baginda diperintah baca tak terdaya tulen jawabnya, dan hingga kali ketiga, sama jawabannya. Dari sepi lereng bukit menyelinap suara merasmi nabi kini dirinya. Allah Maha Kuasa, hanya satu Ia, tugas Muhammad s.a.w. menyebarnya. Terlalu gementar, amat takut, tiga batu ke rumahnya berlari ia, terdapat isteri pinta diselubungi, dan seluruh badannya kini, terasa seperti sudah terpisah roh dari jasadnya ketika itu juga pengalaman paling menduga, isyarat amat istimewa, bakal nabi dirinya.

Gamam tertetar dalam diri gelisah dan khuatir paling puncak unta resah menjongkok, ketika Muhammad s.a.w. mula menunggangnya terdengar wahyu bagaikan suara loceng, dan setelah seketika terkadang serasa dalam diri manusia, malaikat bercakap kepadanya setelah calar-calar kerlip wajah tamsilan dan isyarat teka-teki pada waktu kudus ketika di dalam Gua Hira' yang terlalu sunyi terngiang wahyu yang memerintahnya: "Bacalah" awal kata datang berulang, berulang diragu, diperintah sasa menjadilah ia.



Berlanjut dari 610 M. merayap detik ke detik, terangkai mutiara wahyu, semakin berakar tugas Nabi menyemai cinta menyeru jujur dan adil dalam tindakan, dan perkukuh iman kepada Allah yang Esa. Wahyu datang pelbagai musim terkadang menyelip baris-baris sajak, terkadang seiring halilintar atau jelir petir menguji batin manusia yang sukar mempercayai pelbagai mukjizat yang tiba-tiba tersedia. Khadijah isteri amat mengerti yang paling awal sedia mempercayainya dan dengan setia, gigih, kasih melimpah, suami sentiasa disokongnya.

Semakin disaksinya hidup sia-sia semerbak bunga tipu helah khayal berhala penuh tahayul taman kebatilan yang utama. Hira' menjadi amat kudus, desir, sinar dan ratib angin berulang mengerlip dalam mimpi syahdu yang pesannya satu. Di tengah bisik malam, turun Nabi dari gua susuri jalan Sahara terasing setiap nafas, terbaca percik-percik makna, dan segera kembali berkhawatir di Gua Hira', merenung lebih ke batin yakin, merundingi Khadijah dalam ketar mungkin jin yang pengantara.

Terlalu jauh denai kafilah, lelah, resah, bahaya; terlalu mengajar. Calar cahaya dalam gelita malam di tengah gurun yang gusar sesekali terpercik kenangan, membuka uji rahsia. Bertanya ia dalam kersik dan kesan jejak dari khemah ke lesu kafilah. Catat-catat purba jika, penuh jujur, penuh restu, tulus dipercayai terlalu banyak merangkai hemah kutubkhanah para gembala; amat damai dalam tulus dan hening ditafsir berulang tamsilnya. Abad telah terlalu berusia wajar dan waras pandai dirinya.



Ingatan kocak cahaya terkejut, terganggu, beransur damai dasarnya.  
Kembali tenang sayup seruling, regek unta dan dengus kuda;  
terhampar gurun samar dalam kabut pasir muram dalam sinar  
geletar dinding khemah, dan gamam abdi-abdi yang berjenaka.  
Bulan andang yang amat menjemput, bintang percik api menggamit,  
tapi batin yang terus gelita di tengah bumi terkelar tiga, tapi  
pemuja berhala dan pendeta purba kuasa di sisi pohon kurma.  
Mereka hujan yang tiada dan tofan menggigit yang terlalu bisa.

Kelepet awan hanya kerinduan, sergah mentari menguji hati.  
Bahagia bukan ceritera. Pancaran khazanah purba sasa.  
Musim begini terlalu kacau, mengherdik, menguji, mencera.  
Bumi besar terkelar tiga, ronta rantai dan pedang mendera  
wanita terhina, berhala terpuja, ikhlas, amanah, mimpi waja  
dan tahayul menghantar merpati, tirai adab terus teracun.  
Dalam Gua Hira', Ramadan yang murni, tersaring segalanya  
perlu tumbuh pohon subur, suci, rendang yang lebih insani.

Khadijah, air jernih yang tenang, cermin tafsir yang santun,  
isteri, peniaga wanita dewasa, yang pengerti dan amat sabar.  
Didakapnya Nabi mengalir mudah suaranya seperti kudus doa  
bergembira dan tabahlah, anjurnya, mengerti apa yang dikata.  
Dipujinya suami kerana ikhlas, mesra, hormat dan darma  
atas kelebihan luar biasa, atas akar tulen insan mulia  
tanpa sedar diyakinkan kerdip iktibar segala yang masih rahsia  
dibayangkan kegemantaran sebagai tanda bakal Nabi menjelma.



Kerlip bintang kerdip harapan dan doa padu bagi suami, dan ketika Muhammad s.a.w. damai tidur merenung sendiri Khadijah, sedar akan hasrat, yakin kepada hajat, mengharapkan berkat darma utama bagi gembala yang amat menyayangi bangsanya. Nafas zaman penuh dengkur, alpa dan mungkar sepanjang khemah tak terela Muhammad s.a.w., dada syahdu yang kudus terlalu menyembah duka nurani, dalam rindu menyembuh luka kafilah, khidmat murni suami serasi dalam cemas dan senyum isteri.

Diteliti lengkung alis yang damai, dan tali sandal yang terbiar, mercial khayalan dalam kenangan niat paling bersih terhantar. Dalam dakap jubah putih yang mulia mungkin mimpi menjadi dan dibiarkan nyenyak suami diselesaikan lagi keliling yang sunyi. Musim semakin bersuara di tengah gurun dan taman tersembunyi di luar jelas didengarnya tak terselam nafas nyenyak Nabi. Bumi harus dibaca melalui mentari, unggas, pohon dan mega tapak-tapak awal, suara di dalam dan di luar gua, berhikmah.

Sementara menanti tercelik Nabi merenung jubah dan alis indahnyanya terbang ke mana burung sejarah kepada pendeta atau ke kafilah saja? Atau ternampak mega terhenti atau rimbun pohon ghairah melindungi? Berduka bukan caranya isteri, terlalu berminat tak digemari Nabi ada riak dari alam batin dan ada khidmat yang sudah tersurat, harus tenang membaca pesan dari setiap arah yang datang beragam; seperti terdengar gempita suara seperti ternampaklah lembar perintah Khadijah yakin dan percaya dalam nyenyak Nabi itu penghayatannya.



Kerana teman ada, saudara ada dan kerana peristiwa amat rahsia Khadijah mencari jalur bersuluh tafsir sinar amat benderang. Waraqah bin Naufal sepupu yang penelaah, penterjemah yang mengerti, kepadanya Khadijah datangi menyingkap keganjilan riak suami dan dalam detik amat singkat, oleh tahu dan pakarnya, bertafsir ia. Peristiwa baraqah sedang berlaku, watak mulia sedang diluhuri gusar betapa pun bersabar perlu, katanya, sedikit pun tanpa ragu Muhammad s.a.w. sedang menerima tugas, Nabi terakhir bagi manusia.

Ketika di sisi suami berlanjut lena Muhammad s.a.w. belas dipandang, cemas dan harap, dan kasih yang sarat mudah terlimpah. Tergil tiba-tiba suaminya sesak nafas dan basah keringatnya, tersedar Muhammad s.a.w., hadir malaikat menyampaikan wahyu dan dia yang berselimut diperintah bangun ditugas penyampai amanat. Didengar wahyu berlanjut diperintah bersih pakaian, hindari dosa, memberi usaha mengharap banyak, dan merendah, sopan dan tabah. Dan masih gemetar Nabi, dan serentak semua pesanan dijernih.

Mula luntur ragu awal, angin yakin dari Khadijah sepoi dan bersih jika mimpi suci bertamsil pohon batin berbuah hemah tapi senyata mentari hadirnya, sinar panas yang amat ramah. Tafsir Waraqah diberitahu, dan Khadijah sendiri turut setuju yang menyelinap Jibril syahdu yang disampai suci wahyu. Masa tahan dan menguji dalam sepi hening segar berakar, menegapkan lelaki ghairah bersemangat inti beriman. Damai Khadijah didakap kebenaran, penganut pertama dirinya.



Dari mula kata utama gurun dan lembah cermat dibaca banyak musim dikenal dan banyak kafilah mula tersapa. Berhala mula lara suara pemuda dalam bara yang resah meradang satu gelora kencang dan paling gegar dan marah kafilah-kafilah kebenaran berkhemah teluk bebayang bersembunyi, nyaring suara meningkat puncak, dalam rindu pesan pun marak Allah yang Esa, hidup yang tulus dan ihsan sesama insan ratib paling mesra di tengah khalayak mula bergema.

Sejak dari busut pertama selerak jejak disedari ranjau rintangnya; langit mungkin bersih udara harum dan segar berhala masih pagar. Senyum dari wajah isteri dan kini penganut inti sepenuh sanubari keyakinan yang berakar, darinya, dalam tulus, cecal tumbuh. Dan terkilas wajah malaikat menyampai janji dan tugas murni pakaian mendakap pada diri perlu bersih, indah dan suci terangkum erat dalam batin, terasa nikmat luar biasa, makin yakin walau raksasa pagar berhala marak berbara belum sedia didera.

Telah dipancang khemah dakwah dalam kabut ribut yang buas mula dicari tangan serasi meluaskan desa melimpah ibadah langkah bermula goyah dan percaya di sisi Khadijah penyokong sasa. Pagi angin yang jernih menjabat senja, bintang mengerdip kasih, Gua Hira' sejadah khalwat, pemercik hikmah penuh ibarat terpetik antara mimpi dan sedar kuntum hemah musim selama terhimpun menjadi taman merimbun secara berdikit di tengah teman pohon ibadah merendang jujur, manis, mesra, tulus dan subur.



Selepas temu paling indah riang angin, unggas, bintang dan mega, selepas terkelibat malaikat di angkasa perintah pesanan "Baca" dalam gementar ia berani kemudian dalam gusar azamnya menjadi dakwah musim berjanji, ada arah, dan arah berlanjut mesti. Tapi sunyi mendadak mengikat sunyi enam purnama tak berlidah salah apakah, silap benarkah, cemar niatkah berkata diri resah yang terlalu pilu, mendengar tidak, melihat tidak, buntu. Luka ingkarnya manusia, di gunung resah ia, malaikat hadir semula.

Yang diucap dalam bahasa terindah, jawapan yang bertanya didengar Nabi, antara kagum dan khusyuk, setiap ayatnya. Lereng gunung menjadi amat sunyi, suara saja tegas bergema disampai arah berkias maksud, serentak, tetap jelas intinya, tidak sedetik pun Allah menghindar atau mencemuh Nabi di sisi segala didoa, dipenuhi segala yang dipinta, tulus dan penuh baraqah yatim ia tak berlindung tidakkah tersedia juga bumbung baginya? Awal begitu bergantung, kini tidakkah merdeka bebas hidupnya?

Inti suara yang terlalu merdu sunyi yang didaki puncak makna tak terduga, dari jurang alpa dan kecewa, tak sekali tersangka hadir tidak mesti ada, ghaib tidak pasti tiada, ternyata enam purnama sepi begitu nyaring berbunyi, amat bererti. Syukur majlis dalam sanubari riang takhta yang tinggi semesti terima kasihnya, tak terbanding, tak ternilai cakerwala baraqah angin cemerlang ke seluruh khemah, dan janjinya kini semakin berumbi sepanjang hayat seluruh bakti.



Terbetik ketika tak berjanji saat Nabi mengelilingi Ka'abah dengan Waraqah terserempak ia hal suci dan tabir rahsia dan sepupu Khadijah yang sedia mengerti, berkata, bertafsir bukan tamsil semata dalam angkasa, anugerah terpilih hanya paling gembira dirinya, paling sayang dan bertuah rasanya. Ditenung mesra Baginda, disedarkan aneka rintangan yang ada terjadi jika, janjinya, jika dirinya ada, akan tetap dibelanya dan ubun-ubun Nabi mesra diciumnya, menanam kasih luar biasa.

Sepi enam purnama, nyaring dalam sunyi, titis embun makna amat lembut disedari, terlalu banyak duga di keliling diri kata-kata teman lidah, suara teman hati, bercagar, berjanji tidakkah diam enam purnama, tegas berkisah, suci yang rahsia? Menanti dalam debar, tercantum walau kelar, bisik yang tinggi cium Waraqah sekitar dahi peluk amanat seerat hati Muhammad s.a.w. menjadi pemikir yang cepat, denyut nadi yang asli tiada kata, gersang panjang, adalah hasrat yang disampaikan.

Lalu panjang kafilah, pindah-randah khemah, tanda berkisar waktu enam purnama lidah lincih di gurun syahdu. Sayu. Rindu. Tak didengar kaleng berlaga, tak juga disedar resah unta di tengah gurun panas terbelah manusia amat lambat membaca. Tiba-tiba mengerdip bintang, malam tersenyum menyambut siang dan kebijaksanaan tersemai, musim mengerti menjadi-jadi terhenti wahyu, bermula pesan, jalan jauh direnungi batin tidak terjamah batin hakiki, tidak bererti kedatangan ini.





Pancang khemah wajar dipungah dibebaskan sedetik unta resah.  
Unggas hinggap dan terbang kembali di bawah mega berubah jubah,  
dihampar permaidani diteliti lapisan warna didengar dengkurnya  
pengalaman tetap tersia-sia jika tak tertakhta maruah manusia.  
Kepintaran, kebodohan sasa jika kemungkaran puncak cita.  
Terdengarlah suara enam purnama senyap yang hemah berlidah  
alam perlu diberi teman, insan perlu dibimbing arah  
apa anugerahnya berhala, apa kuasanya – ditanya, kini dihujah.

Takut kepada gelap, gentar akan halilintar, gagahnya 'Uzza  
dengki sesama kaum, ragu di sisi keluarga, runtuhnya kafilah  
dan cinta akan judi, megah akan pangkat, rindu pada nafsu  
Quraisy begitu benderanya, dalam dan luar hati nuraninya.  
Tiada langit setenang telaga, tiada laut mengombakkan  
manusia menjadi raja sendiri, di mata di kepala di hati  
racun yang sentiasa bermusim, api musnah yang menjelir liar  
buas meragut, ganas mencekau Nabi teruji di tengahnya.

Diteliti Khadijah resah suami lena dan celiknya yang ngeri,  
tofan diadang, panas dimesra dan cemas sempat direda.  
Menjadi kukuh tekad Nabi, menjadi utuh keazamannya  
dengan Khadijah penganut mula, penganut lain cermat dicarinya.  
Wahyu syahdu perlu ditakhta dan wajar dibimbing manusia  
besar gusar pun bahaya menikam perisai kukuhnya inti iman  
dicari malam yang damai, ditunggu dini yang jernih, dibisik  
dari kata awal, dihebah dalam santun, hanya Allah yang Esa.



Pangkalan lebih teduh yang rapat, kafilah senadi lebih serasi di bawah bumbung Ali dan Zaid mesra serumah keluarga Nabi dan mereka benih yang baik pancang yang bakal sentiasa teguh seperti anak mereka berdua walau yang seorang bekas hamba. Nabi meneliti sejarah terkini, menyukat sejarah mendatang dari batas rumah disemai benih dengan baja baik, suburlah tali tekad tulus dan teguh boleh diregang bersama, dan Khadijah juga turut percaya bermula sebaiknya dari keluarga.

Semakin disedari rekah jazirah renung yang panas paling menusuk desir pasir dan wap khemah nafas waktu yang sengaja mendera berapa lintasan di bumi, di langit dan berapa kiasan yang direguk pancang-pancang mimpi tak tercabut kenangan purba tak bisu dalam rimbun berinti benih pelukan bumi sentiasa berbudi. Dari mimpi ditafsir tingkah ke akar jauh disaring isi berteduh segala di tengah keluarga tapak awal yang dipelihara Ali dan Zaid benih berinti bersama Khadijah taman dakwah berbuah.

Senja singgah dalam ghairah, unggas berbisik ke diri sendiri menghebah debar jantung kafilah khabar Nabi khusyuk di Hira' seketika terbisu penyembah berhala rasa tercabar Hubal dan al-'Uzza dan unggun resah merayap merah dalam risau terjulang amarah pedang dan panah di kiri kanan, di depan dan di belakang juga dan ada khemah akan terbakar, pasti ada kafilah terkocak liar di sekeliling diri terasa bahang semakin cekal Nabi merancang dan Khadijah semakin di sisinya, penerang dan pendorong setia.



Di sini masih dunia abadi setaraf dengan hidup hewani; di sini arah tak bersendi komplot berhala nikmat bermimpi, semua nafsu berpusat tofan semua tofan berpacu nafsu garau dalam suara, meresap mengakar, takhta dalam tingkah di bawah langit begini, rindu dan resah, Hubal dan al-'Uzza raja. Kilat mencantas, guruh menjerit, semua khemah tergugah begini terjeratnya kafilah, dalam suram, kembara tak berarah. Muhammad s.a.w., bekal renung hemah Hira', sedia menyanggah.

Semakin dirapati pintu hati, dari luar dan dalam, gilir dibuka cecah merasa bahang, jengah menentu warna, batin berhemah. Khadijah yang waspada, Ali dan Zaid yang setia, terdengar gelora dalam diri Nabi sepi, dalam hajat insan, khidmat, tugas yang sarat. Semua tanda berkata-kata dalam tamsil pada diri watak mulia rambut hitam, janggut subur, kening lebat, gigi teratur, berkata-kata di sisi derap langkah dan tajam renung meredah segala yang kacau dan mungkar, sasau dan liar, mesti disanggah.

Dalam syahdu debarnya, celik dan lelap sejenak, Nabi merasa batin tidak terpercik segala tamsil seputar diri dan dari alam yakin tidak terhantar segalanya dengan sia-sia dan Nabi terus menimbangnyanya. Ada bahaya sebagai penguji, ribut pasir untuk dibaca, ada hikmah. Ummah sedang menjadi dan berkembang, ikatan perlu dipererat, dalam gusar dan resah antara khemah Rasulullah s.a.w. cepat berkira, dan dalam tenang dan damai dirinya kekuatan berlumba-lumba tiba terhenti segala dalam detak doa – menjadi segala dalam kudus jiwa.



Sejadah bermula seperti permata, berangkai, mengerlip dan rahsia. Ayat-ayat dari Allah, jermih meresap suci berakar, damai terucap. Muhammad s.a.w. mengasas sembahyang, petunjuk lurus dan syahdu, ayat dan buat serasi seisi kepada Allah sembah dan pujian. Titis kata biji permata, gerak dan diam, menjalarkan kekhushyukan cekal dan sempurna, yakin dan tulus, sejadah menjadi damai niat; sejadah lain di sisinya, dan Khadijah di atasnya, mematuhi ajaran. Dan bersolat mereka berdua, memulakan arahan Allah Maha Penyayang.

Bertamu bulan, bersalam bintang azan sayu sekitar kamar diri sejadah bertambah indah, solat suci dalam damai, meningkat murni. Hari menjadi teman yang akrab, waktu bermakna di atas sejadah Nabi dan isteri syahdu dan khusyuk, ikhlas mematuhi perintah Ilahi. Hidup menjadi lebih bertanya, matlamat menjadi lebih terarah, alam dan insan anugerah Tuhan menjadi teman yang berkekalan. Insan sesama insan dalam khemah dan kafilah cakar yang degil mencari telaga, menemui air, syukur ke Allah khidmat Nabi terakhir.

Sedang sepuluh usianya, Ali kagum melihat unta, damai melihat kuda dari arus ghairah kafilah takjub ia akan dagangan permata, terkadang tergamit ia kepada Ja'afar dalam kafilah saudagar al-Abbas, direnungi nasib sendiri terpelihara adil di tengah keluarga Nabi, baraqah yang tak tersangka pemberian dan rezeki amat munasabah. Di bawah bumbung sederhana, bersama keluarga Khadijah, Ali dewasa, berkira dengan pintar, bergaul penuh mengerti, memetik setiap tamsil dan tanpa terduga, terserempak ia Nabi dan Khadijah atas sejadah.



Berat difaham sukar ditanya serasa terduga ertinya sejadah, dan Baginda amat terbuka pesan Allah bukan rahsia untuk semua ia. Berdamai di atas sejadah tenang berseduka diperjelas erti amalannya. Dirinya Nabi, arahan syahdu dari Allah, memelihara umat manusia berhala bukan pelindung, al-Lata, al-'Uzza bukan kuasa perkasa, mentari, bulan, mega dan insan tetap ada maha penciptanya. Kisaran hari, terbitnya mentari, jelmnya bulan digerak kuasa rahsia, kepada Allah Maha Kuasa, dari atas sejadah, Baginda menyembahnya.

Mengerti Ali dan kagum lama ia, semua bersebab tak terselam unggas menghidup pesanan musim menari ia sebeb angkas, mesra mentari berjarak – dekat gersang, jauh beku – hadir berimbang dan datang pergi manusia, muda tua mereka, berpasangan pula dan ada yang teratur, ada yang diatur, ada yang mengatur berhala kaku menyendiri, terkacip, berdebu, didiri dan tumbang tak terkisar jika tak digerakkan, tak bersuara kecuali gesel angin Muhammad s.a.w. akui ada kuasa paling tinggi – itulah Ilahi.

Tangan dan kaki, dada dan hati, tergeletar kini, gementar Ali solat Nabi penuh bermakna tanda wujudnya Kuasa Maha Pemurah. Simpuh dan sejadah, duduk yang berarah, taat dan adab nurani bersyukur kepada pemberi, membalas tingginya budi, amat bererti. Lalu kepada Ali solat Nabi anjurkan, Islam inti agama pilihan; berdiri biar bertanah, bernafas biar berudara, renung yang tampak Ali yang sepuluh usianya, ingin berunding dengan Abu Talib, ayahnya, tapi malam baraqah, menyelak tabir dewasa, memilih dia sendiri.



Manusia kedua memeluk Islam. Khadijah pertama, Nabi pelopor. Bertambah sejadah dalam keluarga tertanam sendi iman yang subur. Dahi dan tapak, lutut dan sejadah bagi sahabat paling akrab, ayat terucap dari ikhlas hati gerak tersusun atas landas adab luas ruang khemah jernih dan bersih seluas yakin diri bantal benihkan mimpi, mimpi daunkan cari, cari rendangkan hati. Menyusur ke akar bangsa menghirup hemah lama kini atas sejadah dengan ayat dan kiblat, khusyuk dan tawaduk, Allah dirindui.

Nafas juga dari dalam Zaid bin al-Harithah, bekas abdi Khadijah dibebaskan Nabi, menjadi anak sendiri, sayang yang mendalam; tak kembali ke ayahandanya kepada Nabi pangkalan dan setianya khusyuk menekuni ibadah Rasulullah s.a.w. dan terbukalah nuraninya ke dalam Islam sepenuh rela, orang ketiga mempercayai Nabi. Dalam jubah atau atas sejadah sama seimbang ghairah agamanya ke Taif di sisi Nabi, ke keluarga Umar berdakwah, tak jaya dihina dan luka mereka di jalanan, Nabi di kaki, Zaid di kepala.

Dan Ka'abah mula lebih diperhati, angin menyanggah berhala. Kaum Quraisy terganggu solat Nabi cara apakah, tanya mereka. Disangsi lebih teliti, disangkal dihujah, pertanyaan peribadi kelilingi Ka'abah Nabi, Khadijah dan Ali, bertawaf tujuh kali. Sebelum solat Islami akrab kepada yang asing aneh sekali dan rakan niaga pernah bertanya, al-Abbas tenang menjelaskannya Muhammad s.a.w. dan Ali, anak buahnya, dan Khadijah, isteri Nabi, mereka saja yang solat begitu, jelasnya, berhala seteru mereka.



Makkah tanah membangun, saing antara saudagar, rujuk pada berhala.  
Tangan-tangan Quraisy sebagai penjaga di tengah nurani yang luka,  
Muhammad s.a.w. berdiri di musim cabar ketika kata-kata tak cermat diuji.  
Langit, mega, bintang, mentari diragui dan bukan tempat tanya,  
Muhammad s.a.w. terlihat isyarat yang berharga di dalam dan sekitarnya.  
Bagaimana waras disebar makna dalam khemah yang sentiasa resah;  
bagaimana berhala wajar diruntuh dengan kafilah-kafilah yang keruh;  
mencari teman, mencari tenaga, Nabi berkenan Abu Bakar yang sasa.

Pintu rumah diserbu pasir, janggut dan rambut mereka tergigil  
suara bincang mesra berombak, jelas menjelas pantai bicara  
rimbun kurma tempat berteduh, degup unta pendukung tuju.  
Antara kisah untung rugi niaga tumbuh pohon besar agama  
dan cekal berhati Nabi menjelas, sabar mengerti Bakar mendengar  
setelah sisik kocakan, atas tasik kenangan, ada pencarian diri  
berlari sekitar berhala, berwaras sekitar diri, dan berhujah:  
apa dicari berbalik hati dan apa dijunjung atas kepala – Agama!

Abu Bakar bin Abu Qahafah pengunyah yang sabar, pendengar teliti,  
langit ditening amat luas, mercup Islam, terapung berhala  
berdiri dia di tengah, waras dalam koçak, hemah dalam detak.  
Dan Muhammad s.a.w. damai menerima salam alir nadi kudus Islami.  
Allah hanya satu, tiada yang sekutu, menyerah asas hati,  
melihat segala, alam dan cakerawala, wajar sedar manusia  
dan kuasa maha besar mentakhtai segala ada Pencipta Maha Kaya.  
Telaga yakin semakin tenang, dan Abu Bakar bersepi terasa damai.



Terurai paras amalnya, bertingkat, bertabir, tipis dan panjang, terkibar hasrat kalbu, menyelongkar sakti alam, mesra memahaminya. Di Hira', di dalam gua, setiap Ramadan syahdu, berkhawat dirinya, adab dan adat biasa, agama Ibrahim dan Ismail hanya dasar, direnungi, ditapis benar salahnya, dihujah lebih kurangnya, dan cemas nuraninya dalam saat mengharap, damai paling inti, dinanti isyarat luar biasa, bertanya pada diri, menjengah batin dan cakerawala, yakin berpusar jawapan, samar mulanya, cerah dan beransur terang.

Islam agama dari akar sanubari restu Allah Maha Penyayang, segala cekau dan cengkam, mungkar yang sia-sia, dan derhaka unggun awal membakar merentungkan asas kemanusiaan. Dalam suci dan sepi Hira', berkata-kata hati Nabi, menanti berperi; dalam silau dan kerlip, rantai mutiara sakti, datangnya hikmah semua bersuara dalam sunyi membawa erti hidup suci dan hakiki. Abu Bakar menangguk rangkaian kisah Nabi menjadi lebih berdasar semakin mengerti ia isyarat langit dan bumi, Allah Maha Besar.

Angin gebu menerjang tajam suara malam yang amat rahsia, azan dalam diri, bersih, memujuk, memeluk, menyemai rindu. Semakin terhampar sejadah bunga-bunga iman mengharumi kafilah. Retak beberapa berhala, sekawan elang menenggek menajisinya, titis-titis tanda indah dalam tamsil bercerita dalam bisu dan dalam gelita malam cakar-cakar petir berlidah tamsil juga; padang Jahiliyah berjubah baru menyelina doa dari khemah tertentu semakin percaya akan isyarat langit dan bumi - Allah Maha Kuasa.





Antara khemah, antara kafilah, antara jubah, antara sejadah,  
bisik jari atas tasbih gema tulus nama kudus taman terindah,  
Nabi terasa sahabatnya ibadah, terasa juga musuhnya berhala.  
Azam anak cekal, khusyuk ibu tindak, dari hati kasih membuak  
antara sayup kafilah damai unta dan geliat kuda gurun memercik khabar  
keluarga Nabi sedikit yang banyak sentiasa utuh, ibadah tanpa gentar,  
wahyu sekitar Gua Hira', meresap kasih, fajar menyingsing batin menyerah.  
Khadijah, Ali, Zaid, dan, alhamdulillah, hasrat Bakar turut menyala.

Berbelang wajah berhala, berpalang kawasan takhta, jengking kesasar,  
pangkalan tak berbendera, jendela tinggalan purba, kini berasap gusar.  
Ajaran Nabi akar yang wangi rimbun melindungi subur yang jati  
wahyu di Hira', pesan di Makkah diyakini Khadijah, Zaid, dimengerti Ali.  
Dari bumbung damai saudara, solat dan doa mengerdipkan kilau cinta  
kini lebih diyakini betapa dalam perih amat perlu dikawal api;  
marah biar mesra, mengecil biar ada, jernih insan dan kerdip iman  
begitu dijaga unggun, jubah, tasbih dan sejadah menjadi khazanah kafilah.

Asas solat kilat bercontoh, ilham permata indah suara paling bahagia;  
terwajib solat fardu, semua tindak dan doa terkilat kerlip dulu;  
pada deretan tinggi Makkah, pada waktu ditentu, Malaikat Jibril tiba  
dihentak tumitnya ke tanah mengalir jernih air daripadanya  
berwuduklah ia santun teratur dan cermat Nabi berwuduk pula  
bersembahyang Jibril dalam khusyuk, bersembahyang Nabi menekuninya.  
Begitu ajaran disebar, dengan benih batin, dengan inti iktibar  
dan berjejaklah ucap dan doa subur segar dari atas kudus sejadah.



Begitu bermula solat pertama tahap awal ke tengah keluarga; Khadijah, Ali dan Zaid kini lebih bahagia berisi atas sejadah. Ruang angkasa demikian luas dan bumi di kaki tidak terukur diri terasa zarah yang hama dalam cakerawala yang subur dan setiap detik, setiap denyut nadi, adab solat tambah disempurnai; berucap semakin jelas, bertindak semakin tegas, inti niat terisi. Azan yang memanggil, mulanya sekitar hati, semakin terjulang tinggi terapung suara syahdu, meresap sebagai seru, damai ummah yang baru.

Dua rakaat Jibril mulai, dua rakaat Nabi turuti, akar mula berumbi dan ada hemah sendiri, tafsir berpandu, tindak berseru; dua rakaat setiap solat ketika di dataran tinggi Makkah yang sayu, di Madinah empat rakaat dilengkap kecuali ketika kembara. Ada air dari hujan, ada sinar dari mentari, terbayang segala erti amal ibadah lengkapnya diri tingkat rakaat bagi sempurna hati dan Khadijah, Ali dan Zaid semakin mengesan tanda, merasa nadi. Hala bertambah jelas, hasrat semakin tegas, amalan sepenuh hati.

Sebelum terbitnya fajar isra ditetapkan dua kali solat fardu; tahun pertama sebelum hijrah lima kali mula ditentu. Jumlah rakaat dan solat ditambah ketika Nabi berada di Madinah contoh zahir oleh Jibril, ilham rahsia oleh Nabi cantum serasi yang difahaminya oleh watak yang amat suci. Musim menjadi lebih indah dimengerti, walau terancam, gagah dalam lusuah dinding khemah, dan jenuh letih arus kafilah, jantung solat bersih dan segar, berdenyut iman mesra dan teduh.



Syahdu dicari jernih udara mendalam erat damai di batin ibadah tercontoh dari zikir Jibril, permata yang mesra, terus ditafsir lanjut dihayat dipetik cermat kuntum isyarat. Batin harus berkata jujur, dan anggota tulus bertindak luhur, menghidupkan amal dalam damai menyemai benih sentiasa taqwa. Dan di antara khemah dalam arus kafilah terlalu wangi ayat suci ada landas atas tanah, ada hujan dari langit, suara ibadah musim kudus menjadi, benih niat dan akar solat mendapak diri.

Di atas busut tapak sejarah bisik anugerah bagi teman as-Safa, gema yang lebih panjang, bagi Bani Muttalib, Manaf dan Zuhrah. Di sini pesan dari kalbu gementar dan insaf: dunia ada pancarobanya, jerit perih di batas hati, gamam yang gusar. Buana masih amat rahsia, cakerawala lebih khabarnya. Manusia dalam kebodohan, bongkak tak berduri, dan jendela khemah terdedah bagi ribut halipan. Rasulullah s.a.w. berdiri sepadu hati mengingatkan: dunia akhirat tak tertolong manusia kecuali Allah.

Dan meningkah Abu Lahab, garang dan megah, seperti api di dada pedas bertanya: itukah inti jemputan berdiri di atas as-Safa? Ada kunang-kunang di waktu malam, ada bintang sayup di atas gelap menyimpan terang, rahsia menyimpan tuah, dan cerdas bagi Nabi yang sentiasa bertaqwa. Senyap suara nyaring kata dunia bergerak atas isyarat mengajar dengan tamsil yang ghaib. Abu Lahab penghalang sengaja, pancur resah dan iri dan dera tersanggah oleh anugerah kedamaian dunia akhirat utus Baginda.



Ada ketika wangi harinya mercup bunga di hadapan kafilah  
kirai-kirai embun melayang mengejar ranting dan hidung unta,  
bahasa hemah dalam mutiara mengiringi hikmah seorang Nabi  
terkadang mega bergomol tiba-tiba, kerlip kilat sayup dan jauh;  
derita warisan sukar dibaca ada utusan terpendam lama.

Bulan bergantung bintang terlorot di antaranya ilham tersangkut  
kata-kata dari Rasulullah s.a.w. permata harga, matang dan utuh  
di hadapan Abu Lahab tak tercurah sia-sia, tiga tahun terbaja.

Terkelip perca inti hidup kenangan berkisar yang berbaja,  
di perdu-perdu ranting menyerlah tunas, akar turut bicara.  
Sejadah mempunyai baunya sendiri nikmat rasa berkata-kata  
dan langsir pada khemah diterjah pasir berbisik pada kafilah  
khalwat yang sasa, suara dari khazanah gua, ikhtisar mula.  
Bising bintang, awan alpa, kening mengingat, berpesan semua  
zaman baru pacak mula angin sejuk dan ribut marah amat berkata  
semua kelibat alam, semua wajah dan bunyi, lebih bermakna.

Syahu semakin dicari, zikir Jibril terulang-ulang, masanya  
kini bermula hidup taman, dalam dan luar diri, sama mencari  
Rasulullah s.a.w. menangkap setiap imbas, bercakap dengan masa lalu,  
mengintikan setiap peristiwa, bertanya erti masa depannya.  
Ilham yang mencabar dan mimpi di dalam sedar di dalamnya ada  
kata-kata yang amat rahsia, ada perintah yang mulia.  
Nabi menjadi lebih berkira-kira, dan di antara khemah dan kafilah  
Nabi menjadi lebih bertanya-tanya. Tugasnya amat berat, mulia.



Peristiwa menjadi tak diduga setiap tapak dengan lakarnya di sekitar Hijir berlegar dan berkumpul setompok Quraisy, bercakap tentang khabar hari, dan bersemangat mencaci Nabi, insan istimewa ini, dalam tindak dan kata, cemburu mereka. Wira begini, dalam serba sederhana, dibasahkan dengan dengki dan ketika dalam satu puncak bicara keras dengung kata-kata Nabi masuk damai menuju ke sudut Ka'abah mencium Hajar Aswad, marak dengki mereka menyaksi damai Nabi mengerja ibadahnya.

Setiap kali Nabi berselisih cemuh itu terdengar mendidih, kata-kata yang tiada bunganya racun dan sengat sentiasa menjadi dan meningkat setiap kali Nabi mendekati, dan marak intui dengki itu, mengunyah dendam semakin ke daging dan tapak tidak ada yang bersih, tidak ada senyum apalagi kasih. Tapi, sabar adalah kunci Nabi, ajarannya lebih melalui budi kasar ditangkis lembut, keras dialas budi, nyala yang padam semua hujah dengki dan marah dibalas kata amat sederhana.

Abu Jahal memang pendengki yang utama dalam hati dan kata. Anak dari kelompok Makhzum ini besar seperti tanpa budaya, cucu Mughirah dirinya dan anak buah Walid yang kini tua, merasa dirinya hak bagi kuasa, memang kaya dan bengis juga. Tak tersukat marahnya kepada Nabi semua racun dihantar lidah segala tohmah, dari sekecil dan sebesar-besar berhalanya. Nabi itu ahli sihir paling berbahaya, katanya, waspada – marak dengki menghimpun racun ke arah Nabi kesemuanya.



Masih di luar masjid Nabi berhampiran dengan gerbang Safa. Ketika itu masih damai dan syahdu insan yang amat tabah ini, menyaksikan sekawan hasrat dan sejantung hajat memuji Illahi. Dalam detak tak tersangka derap tapak keras dan murka hampir tersentak suasana, memang begitu niatnya, Abu Jahal muncul, bersedia dengan lagak, berkira dengan bongkak, saat amat serasi, fikirnya, di sini tempat menghina, akurnya lalu berjejer sindir dan lantang suara kepada Nabi khususnya.

Ribut memang disengaja, membakar memang niat, cecal suaranya. Dari jeling pertama kepada cemuh ekor mata, Abu Jahal bahagia. Hadirin gusar yang sangsi tak terdaya mentafsir kecuali percaya ini perlawanan paling sengsara ratapan hanya dalam sanubari. Tak seorang sedia berhujah jika dirinya bukan dari Abu Jahal dan hanya seorang dirinya di situ, kata satu, suara satu – bangga dan menghina senjata yang tersedia, tajam dan buas. Abu Jahal angkuh ke dalam masjid, Nabi damai ke rumah.

Banyak penyaksi di antara mereka ada suara yang amat diam; banyak keraguan sesama mereka berbalas hanya berpandangan, kecuali mata seorang wanita menggarap peristiwa dan iktibarnya wajar begitu dirasanya perlu ditapis fikirnya, sengsara ia, dan pada detik amat lara Hamzah ditampak datang berpanah mengeletik hasrat bercerita wanita penyaksi bekas abdi Abdullah. Cemuhan tidak wajar dibaja, fikirnya, dengki perlu ditarah kepada Hamzah diceriterakan segala betapa Nabi amat dihina.



Seperti terkeruh alam tiba-tiba, awan mengenyit sesamanya, rahsia. Dan bagai kelayak akan memanjang Hamzah tenang mula radang. Dirinya baka yang bakti berdepan dengan wanita yang gemetar. Kisah bukan lidah khayalan, gangguan ini paling ke tulang - mata dan lidah wanita, debar dan cara berkisah, Muhammad s.a.w. benar sengaja dihina. Tak tersempat huraian panjang, tergantung kata, Hamzah telah meluru, panah di bahu, gegap langkah penuh sergah Abu Jahal cekal dicari tak dikira tak dipedulikan jika benar pun ia gergasi.

Wanita pengisah masih gamam memerhati wira yang amat terganggu. Tidak diniat membarakan, tidak dirancang gelora, hasratnya mulia. Penghinaan tidak harus dibaja kepada seorang pembawa obor lebihnya dan Hamzah tahu lidah yang mengadu bukan hati yang mendendam; suara itu batin dari insan yang pernah abdi dan pernah dibebaskan dan keluarga yang melindungi Judhan yang bersaudara dengan Abu Bakar dari akar yang baik, semai berbaja, dari pengalaman yang tulen. Aduan wajar disanjung, waras diisi, dan Abu Jahal amat pendengki.

Seluruh anggotanya makin terketar, gerak waja yang amat faham terbayang Muhammad s.a.w. yang syahdu, boleh menjawab sengaja berlalu; terpancar Abu Jahal yang bongkak, semakin mendabik semakin marak dua wajah saling berbalah, dua tingkah amat berbeda, fikir Hamzah. Menjawab menjadi amat pasti bara hina perlu disiram serentak dan Abu Jahal di hadapannya, dan dia dengan ancung panahnya turun naik debar, garang nyaring suara, dan panah semakin bara Abu Jahal mengerti, marak api bukan mimpi, depan khalayak ia sepi.



Terserlah segala bagai angkasa – angin, mega, kilat dan hujan – suara yang terkadang kacau dan terkadang rahsia tapi berarah. Beginilah sejarah, cara membaca, beginilah jika untuk dewasa, perlawanan keras percaya dan benci antara Abu Jahal dan Hamzah pertarungan hati nurani, percanggahan maruah, demi agama demi Nabi. Segalanya menyala dari dasar diri akar percaya yang amat sasa ia berbisik jauh ke dalam, dalam jubah khazanah, peluh yang akrab dan di sini kini hanya kandil menyerah berbisik demi maruah.

Berkira dan bertimbang, menilai dan menghadam, asas tindakan; mencari tak terjumpa, tersua tak difaham, segala seperti sufi. Memang Abu Jahal watak gagah yang dendam, duri merata-rata sejarah diri pembakaran harta dan amat bengis sebagai penguji; ia mencari kebebasan demi membesarkan, ia wajah kemegahan dan ia menjadi jeritan paling memanggil, badik tertanam berkali; ia mencari gelanggang, pedang terhunus, ia perisai amat marah dan Hamzah lebih murka terbayang Nabi syahdu amat sangat dihina.

Yang berhadapan watak berkira, Hamzah dari keluarga pohon sasa, ranting berseni, daun segar, buah ranum peradaban dalam zaman, dan di tengah gurun, mereka pancur perenjis tuah, harus istimewa apa bacaan mesti dimulakan, mana tapak mesti disusuri, Hamzah amat sedar dalam gegar rasa – di sini segala harus berhenti, dan di hadapan Abu Jahal di tengah khalayak tak tersukat demi Nabi, Hamzah ingin bangun dengan bangga, dengan maruah, keadilan juga, begitulah dirinya di hadapan Abu Jahal menegas kata menguji diri.





Telah tumbuh bunga telaga menggeliat sendiri dalam sepi dini. Malam, khabar dari ufuk, kunang-kunang seperti berjenaka, ada tamsil tidak tertanggung dan kisah sengaja dialpakan pencarian dalam diri, dalam fikiran berlaga, jerih bersuara tiada siapa yang benar sendiri-sendiri bercongkak, menegak, pencarian seperti ini – kebenaran yang ditunda – perit mengasak biar iman segar berbenih atas batu gurun yang sentiasa sayu setiap geliat berbisik sepi di luar dalam batin bergema.

Islam suara yang kudus sakti ke inti yakin pada Junjungan gelora khalayak batas semai yang menguji, sedia menanti Abu Jahal menindas, Hamzah memintas, Nabi cekal dilindungi. Tanah menjadi subur bunga batin bugar angin beransur mesra semua bergomol dalam zaman berpusar mencari tangkai, dan dalam arus azan subuh sentiasa bergugus buah hemah – insan menemui jalan, jalan mengesan arah, arah menemui Nabi, lebih murka Abu Jahal, makin perkasa insan Madinah, ummah menjadi.

Di hadapan garang unggun gergasi di kiri bayu sering tersangkak suara al-Qur'an memadat suasana – damai, tenang, tulus, mendakap. Di khalayak Quraisy lebih marak hujah, samar tujuan, sangsi diri dan bulan boleh tersenyum di tengah gurun dalam ragam dan ragu Muhammad s.a.w. diresahi, semakin tercabar semakin teguh ia berdiri, Allah itu satu tanpa sekutu waras diterima tanpa ragu, Nabi menyeru di hadapan, unggun masih gergasi, tapi bayu mudah tersangkak cekal Nabi tegas hati bersuara: Allah itu satu tanpa sebarang sekutu.



Cabaran dan ancaman bermula lebih awal, tidak ada salam mengerti, sudah tersangah Rasulullah s.a.w. sejak tokoh-tokoh Quraisy bertindak. Abu Talib mereka hadapi – Abu Jahal antara 'Utbah dan Syaibah berkeras mereka berhujah semuanya bara dan dendam dan gelora, Rasulullah s.a.w. keras didakwa sengaja menghina tuhan mereka antara kata dan tindak banyak bara tercurah Nabi dipinta diam usah menganggu kaum mereka, usah mengejek dan mencemuh tuhan; pokok akan patah dan daun akan luruh mereka berazam melawannya.

Abu Talib tenang berhemah tak bersetuju lain cara mengucapnya. Mereka meneliti setiap kata, menilai semua gerak, dan mereka tahu Abu Talib bakal beralas melindungi Nabi dari selaran, dan dengan suara lembut berimbang menolak tuduhan, setiap selaran, berkisah dan berhujah lalu terpercik runcing perbalahan diduga tidak terukir sepakat kata, ditolak langsung semua hujah, malah ancaman meledak segera tak diajar Abu Talib akan diajar mereka. Tak sabar kami, katanya, nenek moyang dan dewa-dewa disanggah.

Mereka bersumpah terus bertelagah hingga satu antaranya musnah, kecuali Abu Talib sedia merendah menyerah Rasulullah s.a.w. segera; tidak berhemah orang setuannya, tidak dewasa ketika mengukur anak-anak bukan dirinya, dia tegas, dia membalas, Nabi haknya. Setelah selesai jalan telagah, setelah pulang Abu Jahal sekawannya berkira Abu Talib, berfikir amat dalam, menimbang sesaksamanya berhadapan ia dengan Rasulullah s.a.w., lambat bercakap menduga, katanya: mereka akan memerangimu dan tetap juga memerangiku.



Siang yang bahang malam yang balam wajah alam membayang hati tidak ternampak sinar berdamai – rasa luka dan murka makin iri. Abu Talib mencari kebenaran ingin menyebut dan memeluknya; Abu Jahal menuntut kemenangan sedia berpatah seganas-ganasnya, dan Rasulullah s.a.w., makin khusyuk dan syahdu, teguh, tegas dan sasa; antara imbangan, perlawanan dan keyakinan terpercik kegemantaran. Tiga watak mewakili tiga arah, tiga hasrat saling tidak mengalah. Gurun menjadi tempat bertanya, langit bebas tak mampu menjawab.

Kekeruhan menyelubungi semua suara dari kafilah ke kafilah. Semua menanti, dalam gusar dan debar, jawapan tetap masih tiada. Ada bara dalam sanubari mereka bertiga, masing-masing lain warna; ada tingkah dan laku, melawan tanpa menyerah, tekad luar biasa. Dan dalam bisu, berhala-berhala gementar, Abu Jahal makin tertekan. Mega tidak direlakan terapung, panas gigitan ditahan badan dan perlawanan dan keyakinan memercikkan lebih kegemantaran; tapak semakin jelas dari khemah dan khemah, Abu Jahal pelawannya.

Tercatat lagi peristiwa bagi Abu Jahal seperti sesuatu yang bara, tidak semua keluarga menunduk, diharap didesak, seperti sia-sia. Dan bagai gempu didengarnya bukan khabar untuk telinga, juga mata; azamnya amat dendam, caranya meningkat kasar, renungnya api. Hatinya tidak bakal serasi, kini nanti, pada Hamzah, pada Umar yang lalu cepat dibenamkan dan yang muncul amat dicemburui. Tindak Umar bin al-Khattab bayang yang baik dijaga dengan debar, jika ke Safa ia, jika ke rumah Sa'ad dan Fatimah, untuk apa?



Tapi ini detiknya al-Qur'an bertakhta; suara menyeluk, menyelam getar yang sukar dihurai nikmat puncak ke akar batin, dan dalam rintik-rintik di sisi apungan mega, dalam bayu juga, suara itu lagu, kata-kata yang empuk, ranum dan amat selesa, terpisah ke alam khusyuk semesta tak terhurai, rasa mendakap. Rintik-rintik itu semakin berwarna menalami mega dan bayu, menghamparkan takhta sendiri, melepaskan kunang-kunang hati; di sini bukan suara itu suara, di sini khidmat amat berkata.

Berjalan Umar bin al-Khattab dalam rintik-rintik suara yang nikmat, terpegun dan tersentak ia di hadapannya di kaki Safa rumah Nabi. Dalam dirinya Umar amarah, kakinya berniat, tangannya berpedang. Jika Muhammad s.a.w. gagah dalam segala tindak, Umar menggugah. Bukan senyum mengiringi hati, pedang bukan hiasan, cekal dendamnya. Awal niatnya untuk membunuh pencemuh dan pencela al-Lata, al-'Uzza tapi, rintik-rintik yang nikmat suara dari Khabab bin al-Aratt menyangkakannya, dan tak ditahu Sa'id dan Fatimah keluarga Islam sudah.

Tetamu rahsia menegurnya, terlupa ia rumah kecil di Bukit Safa. Rintik-rintik menjadi gelombang suara menjemput amat khusyuk kembali Umar ke rumah Fatimah punca mengalir suara kitab mulia terkejut Khabab, Fatimah dan suaminya yang kini Islam, gamam. Murka pada muka dan tangan, berang pada hati dan kepala, Umar gigil paling puncak, radang api menyala, dipukul saudara wanitanya. Menggila-gila, menggila-gila hingga ternampak ia decup darah paling malu jadi dirinya, diambil kitab dibuka, dan Surah 20 dibaca.



Alam tidak seperti biasa dirasa; alam terlalu lain sekali jadinya, kata-kata yang amat merobah suatu nikmat sukar dicerita betapa indah dan nikmat ia, betapa ia satu maruah luar biasa. Jalaran yang mesra, ketaran yang serasi, suara amat berharga segalanya bersalaman menganugerahi makna yang khusyuk semakin ke dalam seperti taman aneka puspa wanginya istimewa berubah diri serta-merta dari kara menjadi amat bersaudara. Surah 20 melalui rintik-rintiknya mendamai batin yang segar.

Keindahan al-Qur'an kekhusyukan yang diiringi mekar dalam diri. Umar bin al-Khattab, wira yang cekal, pedang yang sasa, kini bergegas langkah, hati dan detak dada amat menduga, rahsia mata mencari, suhu yang panas serasa damai yang dini; di mana Nabi di mana insan yang terlalu kini ingin dicari. Pedang diregangnya semula dan kakinya mencari tapak baru lebih tangkas lebih cergas amat ghairah, bersemangat, waja berlari Umar di lorong-lorong Makkah meluru ia ke Gunung Safa.

Rasulullah s.a.w. mengesan tapak mendengar nafas menerka tindak masuk Umar cepat diregang seluruh kekuatan amat berimbang, bertanya Nabi akan maksudnya datang tergesa derap yang berani rasukan apakah bagi Umar gerak pedang seperti sedia menanti; bersedia Rasulullah s.a.w. tangkas menilai bahaya jika tikaman ianya dan suaranya berkira, tenang, bersukat kepada Umar ditanya hajat. Tertegun Umar wira yang gagah di medan di hadapan bukan dendam dalam syahdu dan insaf datangnya bagi menyerah kepada Allah.



Kata-kata sukar dimengerti alunan suara melimpah makna debar Umar dalam baur gentar dan bahagia memupuk dirinya. Kini hati telah diserahkan agama menjadi pegangan hakiki, dan Nabi reda yang kagum tak tersangka depannya Umar terpegun. Hikmah dan hemah mula bersuara dalam hati seorang perwira, tak terhingga syukur Rasulullah s.a.w. agama berkalbu, dalam sepi, kini menjalar akarnya, amat bertuah, kini Umar meyakinkannya. Dan Makkah di lorong-lorong arah ke Safa mengalir intinya al-Fatihah.

Bukan di situ hentinya tafsir suara merdu al-Qur'an berbisik dengan kasih. Kisah Umar mempunyai tunjang, terjentik batinnya dan ada kisah kedua sama dipercayanya sama difahami, bandingan bererti yang tak sia-sia. Memang ia perubahan yang bertakwil kerana insan yang dikhabarkan pernah peminum sepi sendiri di tengah khalayak, kerana mata biasa mata umum, temannya tiada. Tergeraklah dirinya untuk bertawaf berdamai hati, dan mencari, tibalah di sisi tembok Ka'abah dirinya temampaklah Rasulullah s.a.w.

Nabi tak semata khusyuk membaca al-Qur'an kepada diri yang damai; suara itu lagu paling meresap, bahagia amat memuncak, kekudusan. Umar terpesona serta-merta kata-kata tiada huraiannya, dan, lagu tidak ada taranya, membuat dunia suatu kekhususan baginya. Di sisi bangunan empat segi yang didirikan Ibrahim, dan di sisi Rasulullah s.a.w. kini suara al-Qur'an terus mendakapnya, seeratnya dan mengakulah Umar amat lembut jadi hatinya, lantas menangis ia; diakui sepenuh jujur dan luhur Islam telah meresap batinnya.



Keharuan tak mudah terhenti, dalam ghairah, memang ia raja. Merasalah Umar di takhta suara syahdu al-Qur'an damailah ia. Serasa jurai pelangi tiba-tiba di kepala, gurun di sebelahnya terfikir, khemah keluarga perlu tahu inti berita yang paling ria; burung terbang, angin heboh, datar gersang diselar guruh. Tujuh kandil seperti menyala dalam gua terlindung dari gelita dan pengalaman harus dicerita, Umar segera kuyup oleh ghairah, kepada Abu Jahal, paman yang berpengaruh, wajar khabar awalnya.

Tak diketahui khabar apa, Abu Jahal, girang, menanti berita cepat segala menjadi ribut, keruh alam, gelora diri kerana yang tersampai terlalu parah bagi para pembenci Rasulullah s.a.w. dan datangnya ini dari anak buah seperti meracun dirinya. Bongkas dan murkanya ibu api, dari paras, dari tindak, marak dari kata, dari jerkah gugah yang dendam gelegak tak bersudah. Diterjanya pintu, dalam marah berganda, dihalanya Umar tidak ada ruang bagi Islam, baginya, Abu Jahal sudah menentukan.

Pedih diri ke dalam batin, Abu Sufian, sama penentang, berang. Inilah berita akhir satu kekalahan bagi mereka, dan tak disangka dari Umar puncanya, kerana percayanya terlalu berakar, ia sedia bersolat di hadapan khalayak, keberanian yang yakin, dan ia percaya tanpa berganjak, penentangan paling terbuka bagi paman, Abu Jahal, dan temannya. Sesuatu terlalu meluka. Dibawa apa kau dari sana, jerit Abu Jahal, rasukan apa, jelas perubahan dan perpindahan Umar, amat mendadak, tak diterima.



Pertentangan badik yang lebih tajam, dipenggal pohon ke akar, musim marah tidak dibataskan kerana semua tangan mencakar dan peta tujuh dibuka pedang dan panah terkelip di atasnya. Abu Jahal sukar berdamai, tasik dan telaga jika ada, fatamorgana. Senja yang indah jika tiba garang dan gelisah anginnya, dan nyata, tidak lagi ke Umar dendam, lebih ke Nabi kini diarahkan; akan pecah dan dimangsa kelompok badai sengsara dicepatkan dan amaran api yang menyala, diputuskan nadi perhubungan.

Memang tergigit sudah kesemua menembusi kulit mencecah tulang, jika khemah, ibarat rapuh seluruh tiang; jika bahtera segumpal kipas terputus tenggelam; marah yang tak reda, sekat difikir halang dijangka, sekat dan halang dilaksana. Suara terpaksa disatu, tapak sederap, keluarga Nabi mangsanya, hingga lorong ada jalan terdedah bekalan tetap tak tiba; malam siang sahabat dicatu, derita dibaja, memusnahkan niatnya. Alamat yang paling panjang bagi penderitaan yang disediakan.

Langsir khemah dikoyakkan dan kafilah ketika singgah diterjah, panas ganas dibiarkan menikam badan dan tekak, sebolehnya dihauskan. Abu Jahal dendam ke nadi berjalan kejam berlari ngeri nafas paling curiga – Islam dikuncup, berhala dikembang; peristiwa Umar tak terlupakan, tak termaafkan, berang beracun menjadi unggun, tempat berhimpun berselerak ular, disedia sengaja dengan tamsil dan amalan, diarah cecal dari awal; puak Rasulullah s.a.w. disingkir dalam niaga dan hidup harian.





Ternampak di luar segala yang kasar, hukuman tak bertepi, tapi yang belas masih ada maklum yang tersingkir bersaudara; tidak bercakap dengan bahasa, mereka terus dari hati, dalam rahsia selalunya mereka mengumpul bekalan demi bakti. Dan tidak semua khuatir, besar denda dijangka, mereka rela dan dalam sepi malam, kadang ketika bulan diselimutkan, dengan unta yang tekun, sama berahsia, bekalan disalurkan; begitu derita keluarga Nabi teringan, dalam cekal, terpikul.

Dalam baur kekusaran masih ada kisah rahsia penentang bertiga – Abu Sufian, Abu Jahal dan Akhnas – pendendam yang amat ragu. Mereka saling berlingung saling terpisah menghadiri, mendengar ajaran dan bacaan Rasulullah s.a.w., mereka kagum dalam diri dan gusar mengakuinya. Terserempak sejak awal hadirnya, mereka mencipta pelbagai alasan, berjanji tidak bakal mengulangi, kerana hadir yang berulang bakal meruntuhkan keyakinan – mereka pemimpin contoh, sasa di tengah khalayak Quraisy.

Tidak terhenti hadir pertama, hujah dan alasan tetap berbalas kerana ajaran dan bacaan Rasulullah s.a.w., tarikannya dari batin. Abu Sufian, Abu Jahal dan Akhnas, anak Syariq bersemuka dan bersembunyi, berhujah dan berjanji lagi setelah hadir kedua. Dan pada malam ketiga masih sama-sama dalam rahsia hampir terikat mereka merasa bersalah, kekalahan Quraisy, sia-sia. Berjanji semula mereka kali ketiga yang amat mendera, dan kali ini dendam yang kalah menjadi lebih berdarah bagi mereka.



Kekerasan terkalah oleh hemah kekuatan Nabi, inti sejati, kukuh peribadinya, dan cintanya akan kebenaran – berpanjang. Tiga malam yang terpisah disaksikan sepadatnya inti ini, dan tiga seteru yang menghidu amat menyedari betapa watak seutuh ini, merdu suara dan tangkas tindak, sukar berganjak. Semakin berakar pengaruh Nabi, Abu Jahal dan teman semakin iri berlawan tidak bersempadan, azam dihidupkan, tarung dicekalkan. Dan langkah yang lain dicari, keras atau lembut, perlu diisi.

Ilham kini dari 'Utbah bin Rabi'ah yang pintar bercongak, berkira. Mengertinya amat berdasar barangkali Nabi, fikirnya, akan alah jika yang diberi bukan lagi hidangan yang panas, bukan api. Seperti sesama insan, lebih sesama keluarga, kata-kata mesra, janji lebih berdasar, barangkali itu lebih membuka hati Nabi. 'Utbah didengar tekun walau dengan calar rasa dan calar maruah dan teman-teman Abu Jahal, juga khalayak Quraisy yang gamam, anjuran diterima dalam luka. Ilham 'Utbah kini bakal dicuba.

Pada detak dicari, damai dan selesa, sedang berehat Rasulullah s.a.w. ke masjid rombongan mendatangnya santun dan sedia mengalah. 'Utbah juga wakilnya, ilham diri wakil diri, cucu Abdu Syams bijak, bertimbang dan lebih bersopan, wakil rombongan – bersanubari. Syahdu dulu kalbu di tengah teman-teman yang debar mendengar. Kata-kata senjata yang paling bertuah jika pandai disampaikan ia; 'Utbah menyeluk ke dalam batin, menghening jernih di kepalanya mula memuji akan Nabi mulia turunan, katanya, bijaksana tingkah.



Ke jati niat paling sukar dirasakan, diam berhemah, berkata ia betapa kaumnya banyak menyeluk dan berhujah tak terfaham apa yang dicari, tak juga mereka kecewa mencari alasan adi. Masih payah disebutkan, menenang dada menyukat kemungkinan, selepas bersepi kata-kata mula menekuni tapaknya sendiri, dan dikhabarkan dengan berkira. Begini Rasulullah s.a.w., bermula kata dengan mesra, lembut dan berjaga. Semua bertenang dan terdiam, semua bersedia dan menanti simpulan kata berhikmat dan berisi.

Katakanlah jika harta dan kekayaan yang amat diinginkan, katakanlah itu yang tertanam, bersedia kaumnya mengumpul harta sebanyaknya. Nabi, katanya – kata 'Utbah – boleh sejenak menjadi paling kaya ke atas dan di atas kaum Quraisy yang sedia ada, yang memang rela; jika bukan, jika pula kehormatan diri yang paling diinginkan, katakanlah, kata 'Utbah, bersedia juga kaumnya mengangkat Nabi paling atas, paling tinggi, sebagai penguasa pun mereka sedia. Tenang dan sepi suasana khalayak kerana yang disebut dihadamkan.

Bermula lagi kata-kata bermaruah, bermulalah dengan amat mesra. 'Utbah juga wakil utama, bertenang dan menyukat, sebelum bersuara. Barangkali kekuasaan jantung idaman, semua gerak dapat ditentu, barangkali itu yang amat dirindukan, katanya – kata 'Utbah. Relat juga kaumnya merendah diri mengangkat Rasulullah s.a.w. ke takhta kuasa. Atau – dan di sini terhimpun beberapa kesenyapan – atau katakanlah Rasulullah s.a.w. sebenarnya kesurupan, maaf, katakanlah halnya demikian ahli pengubatan boleh disediakan dari mana pun dicari, sedia diadakan.



Unggas seperti menghinggap, mega terapung, angin kembali ke asal. Pengakuan yang paling sukar, 'Utbah tahu, janji terlalu bermadu, tapi kaumnya tidak tertahan dera yang batin, cerca asal dan berhala. Terlalu melawan Nabi yang cekal – dan mula berakar segala ajarannya. Berbalik ke tapak awal, kerana sesuai, berdamai, bertenang, bermimpi akan boleh semuanya jika tawaran bermaruah, dan Nabi menerimanya. Lalu mereka – 'Utbah dan rombongannya – merasa-rasa, berharap inilah hajat yang dalam, dan yakin inilah bayaran paling tinggi.

Nafas Nabi terdengar, nafas alam terhenti, nafas 'Utbah gelora berkali, dan rombongan antara sabar dan benci, antara calar dan api, resah meneliti Rasulullah s.a.w., menanti jawapannya, berharap telaga di gunung. Desir jubah terdengar, alam bernafas semula, Nabi ingin berkata-kata, merenung, meneliti, menyukat dan berhenti, di bibir suara tersedia, dan menjawab Rasulullah s.a.w.: yang dibawa agama Islam yakin ke hati, tidak harta yang digila, tidak kemuliaan dicari, malah bukan kuasa. Dirinya diutus sebagai Rasul, diturunkan al-Qur'an, khabar yang gembira.

'Utbah dan rombongan digegar guruh, ternampak dewa-dewanya runtuh. Tidak berganjak Nabi ini, fikirnya, tidak juga termakan hadiah tinggi. Sesama rombongan, dalam lumba nafas, dinanti hikmah yang lain dan Rasulullah s.a.w. semakin meneliti mereka, tenang, damai dan mesra. Tak mengertikah mereka, mungkin fikirnya, tuah yang dibawanya? Tak inginkah mereka, mungkin dikira, petunjuk dasar dalam dunia? Ulang kata untuk bertegas, Rasulullah s.a.w. menghamparkan pesanan dibawanya agama Islam yakin ke hati kepada mereka dianugerah kini.



Unggun mula menyala dalam diri kumpulan 'Utbah kerana tak disangka setegas itu tidak berganjak Muhammad s.a.w. dari keyakinannya. Dirasa tofan akan mendera, ganas yang liar, dipercayai puncaknya. Sejenak berunding sesamanya, kacau yang panas, mengejek jawabnya. Nabi mendengar kilas jawapan, bersedia, setajam mana, menangkis, tapi mendengar tetap ia ingin menyeluk dan menduga 'Utbah depannya. Dan sabar dan tenang menanti Nabi, dan 'Utbah mencari kata-kata, bermula seperti menyelar, katanya, dunia hidup sempit di Makkah.

Sindir itu semakin ke puncak, setiap kata menyala dan menyengat bukan maksud yang ingin dialas, racun depan mata ingin ditera. Kumpulan 'Utbah semakin rapat gerak menyokong pemimpinnya; ketar bibir dan merah mata, kata-kata dicari, tak tertapis lagi cubalah dipinta kepada Tuhan gunung-gunung sekitar dihapuskan daerah ini sempit hilang banjaran luaslah ia, yakin jelas 'Utbah. Juga, pintalah diadakan sungai-sungai seperti di Syam dan Iraq, dan - suara itu menjadi degil - dan pintalah dihidupkan arwah tua.

Tamparan yang disengaja, jeling yang membakar, kata-kata bara semua ini disengaja oleh jantung yang calar, oleh bongkak diri. Bangunkan, hidupkan, tegas 'Utbah, nenek moyang seperti Qusyaiy, pinta dihidupkan mereka, jika jaya, jika boleh, baru dipercayai. Tawaran Rasulullah s.a.w. tidak dibalas, tawaran mereka lebih neraka rintang dilawan rintang, halang dihadap halang, sengaja diterjah. Jawapan Nabi air yang sejuk, angin yang mesra, bunga yang harum; datangku, kata Nabi, khusus membawa kebenaran agama dari Tuhan.



Semakin ke dalam menjalar pengaruh, terdengar-dengar bacaan Nabi; indahnya bahasa merdunya suara, isi yang penuh makna, bercerita tentang terjadinya alam, tentang nabi-nabi dan insan, dan percanggahan; betapa semua kemungkarannya meruntuhkan. Lanjut surah yang terus berkisah tamsil dari mentari dan bulan tak kepadanya keharuan, kepada Allah segala kepujian, dan kepadanya seluruh menyembah dari lurah ke gunung, dari samudera ke daratan, ikatan alam, insan dan hewan kepada-Nya berserah.

Dalam pesona 'Utbah bin Rabi'ah, dalam kagum yang lanjut, dan ingin ia bercerita oleh gementar nikmat bacaan surah yang suci. Terpancar kekhusyukan pada wajah, mesra suara amat menobatkan. 'Utbah mengakui telah didengarnya bacaan paling istimewa, dan yang tak terdengar sebelumnya, disedari bukan sajak ianya, bukan ilmu menyestatkan, bukan semacam bentuk ramalan bala. Yang bersuara Nabi yang luar biasa dari kata, tindakan murni. Usah diganggu ia, kata 'Utbah, kerana darinya bakal datang berita.

Terkejut khalayak Quraisy, pemimpin yang diwaris, kini terpesona; harapan yang dikirim, kini tergendala, terkejut pengikut 'Utbah. Cengkaman apakah telah berlaku, mereka bertanya, telah berkuasa lidah Rasulullah s.a.w., telah mengalahkan pemimpin mereka - 'Utbah bin Rabi'ah? Tapi, 'Utbah amat sederhana, cuba damai dan menenangkan, cuba jelas dan menghuraikan. Yang benar telah dikata, katanya, berfikir dengan watak sendiri, berjujur dengan sanubarinya, khalayak dipintanya waras, kerana dirinya kini disimbah hikmah.



Demikian bayangan datang dan pergi. Kekuatan, kekecewaan beradu. Di tengah khalayak Quraisy, sedang resah, ada pengganti tak kurang bara, dendam dari maruah kaum, marah dan pegun, mereka membantah. Dihidupkan semula sindir dan tanya disanggah huraian Rasulullah s.a.w., dan didesak mereka, sengaja diuji sebenarnya, diperli setiap hujah. Nabi syahdu dan sabar mengerti hingga ke hati ditentang dengan budi dan pekerti – diyakinnya khalayak Quraisy tak hilang taji, dipercaya dirinya juga mesti goyah. Sinar benar perlu dipancar.

Pertanyaan menggantikan gersang gurun, tegas, marah dan menggila. Dalam kerasukan, suara bertingkah, khalayak yang gelegak, mendesak datangkan bersamamu malaikat, datangkan ia mendukung kebenaran, pinta dari Tuhan kekhususan ini, sindirnya, tidakkah kau istimewa? Rasulullah s.a.w. tahu sebelum disebut, mendahului abad dewasanya, dengan sabar dan syahdu, di tengah Quraisy yang ragu, dia menunggu; berlanjut kata menyindir, ribut dan bara sepanjang nafasnya memang Quraisy mengibarkan bendera bongkak sebelum waktunya.

Melengking menyusul suara lain dengus dan bengis tetap di dalamnya, maksud jarang tersirat, dendam tidak berselimut, tangkas hujahnya. Rasulullah s.a.w. tahu Quraisy terganggu, dibiarkan api menyala, lanjutan marah, dan di lengang gurun dan serumpun khemah, dinanti sindir tak beralas, berkatalah khalayak Quraisy, masih bedebah. Pintalah khazanah emas dan perak, kata mereka, agar Nabi kaya-raya, pinta kebun dan gedung seberapa banyak agar setaraf mereka, dan, katanya, jika terbukti ini fahamlah kami ketinggian martabat Nabi.



Kerana hemah terlalu dalam, sabar akar segala, Nabi setenang jiwa berkata tak terisi ia permintaan begitu, apalagi lain niatnya. Khalayak Quraisy terasa menang dalam kepuasan yang tak puas, disaring lanjut kata, dicemik dan dicemuh sebelum terucap ia. Berkata Nabi khidmatnya membawa khabar gembira kepada mereka, utusan itu yang dipastikan; berkata Nabi yang dibawa kebahagiaan, terhenti menduga, damai meneliti, dalam sabar dan percaya, berkata sejelas permata: kedatangannya membawa manfaat dunia akhirat.

Jika telaga keruh di dasar, ribut pasir di atasnya, begitulah khalayak Quraisy yang sedang kacau, bagaimana dihadap berita? Suara melawan amat menyala, tidak ternampak kafilah, juga khemah, tidak sedia dihadap amanat Rasulullah s.a.w., yang hidup amarah. Satu jalan yang sia-sia, dengan niat, sengaja dibina halangannya, perlawanan dihidupkan walau dicari kedamaian, dengki membalut akar. Jawapan Rasulullah s.a.w. perisai fikiran, soalan Quraisy memabukkan, kata Nabi jika demikian diingin biarlah Allah yang bakal menentukan.

Sindir masih diperlihara seakrabnya dan kepadanya Quraisy berkata jatuhkanlah bencana dari angkasa, boleh dipinta ini dari Allah. Mata yang menjeling, tangan yang mencekau, menambah sindir, suara yang lalu bergema semakin keras, tajam dan menghina. Nabi yang sabar dan damai, insan yang faham dan berhemah mendengar kaum musyrikin bertegas tak dipercayai yang tak terbukti betapa benar pun Muhammad s.a.w. Nabi, kata mereka, tak diterima. Makanya, jatuhkanlah bencana dari angkasa sekarang juga, katanya.





Udara berlanjut bahangnya percakapan semakin menjadi sia-sia; antara yang yakin dengan yang ragu, yang ikhlas dengan pendengki salam tidak bererti. Memang yang satu menyelam batin, yang lain mengocok zahir, dan dalam pusaran amat gusar alam menjadi kabut. Tapi, Rasulullah s.a.w. tasik yang damai, berkocak di bawah ingin menilai makna, dan jika berkocak di atas dari luar mulanya. Memang kini dari luar, tapi tetap difahami, menjawab masih, bersabar pasti, dari awal telah dijelas Allah saja penentu segala.

Wakil musyrikin Quraisy tidak tegap berdiri kecuali, dengan iri, menyindir dan telagah, seolah daripadanya semua menjadi cerah. Benih ragu terus disemai, tanpa baja, tidak disiram, dibelai. Waktunya memang kini, di tengah khalayak di sisi khemah diserunya Nabi, nyaring yang ngeri, dinyalakan ragu yang awal, dalam sindir berganda ditanya tidakkah Tuhan tahu mereka bertemu, tidakkah diberitahu cara bukti diaju agar yang dikata benar ada? Sengaja dikocok pasir, sengaja unta diusir, sengaja ia menyindir.

Dan sebelum reda angin, awan berat terapung, panas membakar, dicetuskan ragu yang lain, di tengah khalayak sengaja digalak. Ada berita gusar, katanya, ada khabar hambar penting dibaca. Nabi dikejutkan tidak mengejut helah tercipta dari dasar hati dan menanti saja Nabi tanpa resah tanpa iri berita di hujung api ternyata serta-merta, dikata, mereka mendengar kisah dari Yamamah seorang bernama "al-Rahman" pembisik arah ke kalbu Nabi, katanya, tak dipercaya "al-Rahman" ini, tak juga Nabi, melawan mereka pasti.



Dan kata susulan banyak ranjaunya, diseluk kalbu bertanya, betapa lembut pun dihantar kalut. Salam sentiasa berbadik, jerit berbisik. Bangun seorang lebih bertegas, Abdullah bin Umayyah namanya, terusik khalayak kerana seperti menunggu tak dijanji, membuat tak disuruh kini berdirinya seperti kekunang di celah batu, kerlip yang berkata dan Quraisy yang marah, tak kenal kalbu, tak nampak kunang, dan menanti semua kerana terlupa salam berbadik, jerit berbisik, terlupa bertamsil kalbu, percik menyindir, terbayang dari lagak Abdullah.

Diserunya Muhammad s.a.w., diingatkan tawaran Quraisy yang mesra, dijelaskannya sengaja Nabi tidak menyambut. Diserunya Nabi, diingatkannya pertanyaan dan permintaan mereka – menduga, menguji. Begitu hujahnya agar yang pelik dapat dimengerti; yang kelim, faham. Disalahkan Nabi tidak menjawab, padahal dirinya Utusan Tuhan, digugahnya Nabi tidak menyambut, padahal obor nyala di tangannya. Makanya azab dipinta, kata Abdullah, juga menekuni bukti darjatnya; jika pinta tidak diberi, hujah tidak disanggah, ertinya apa ini?

Khalayak digusarkan lebih tajam, menanti takjub yang amat balam, Abdullah, cucunya al-Mughirah, yakin dari gunung, gah berdiri menanti dan meneliti, berkira dan bersedia, mencurah kata-katanya. Tak bakal dipercayanya Nabi, jelasnya, selagi tak dilihat sendiri Nabi dapat menggunakan tangga menaikinya sehingga jauh ke angkasa, dan tak juga sampai diyakini, kecuali jika apakala turunnya pula dibawa malaikat empat sebagai saksi membenarkan darjat Nabi, mentakhtakan kata-kata baginda; tidak diterima jika tidak begitu.



Masa bergerak menjadi tua, kisah-kisah terkumpul, juga dendam. Kembang waktu tidak menyembuhkan khusus bagi Abu Jahal, dan dalam suara yang amat sedikit, pagi disambut malam, dia merancang tidak akan ada kemenangan, kata batinnya, khusus bagi Nabi perlawanan, dari dalam dan luar, nyaring dan senyap, berlanjut. Lalu di tengah khalayak Quraisy sekali lagi bersyarah ia geram yang tampak, gigil meningkat, suara berselubung murka; saksikan sendiri, tipiskan telinga, Nabi terus saja cercai berhala.

Gigil bertangga di hadapan khalayak, suara menggigit, meningkah diulangkan sikap Nabi, kata Abu Jahal, menolak setiap tawaran. Membalas Nabi semakin cekal, katanya, mengecam agama, kepercayaan dan nenek moyang, tidak ada jalan yang reda, bertelagah sahaja, dan, kata Abu Jahal, bertelagah kini dirancangnyanya, keras dan penuh dera. Lama dibiarkan khalayak terbakar, di kepala, di hati gelora bergelut dendam dalam dadanya semakin ditiup kembang lalu bersumpah ia, demi berhala demi keluarga, Nabi bermalpetaka.

Katanya, esok cekau bermula, cekal dan buas, dengan batu mulanya besar sekiranya membunuh, ringan mampu diangkat, di atas duduknya. Dibiarkannya lagi khalayak terbakar, marak paling puncak, dan, dengan bengis wajah, dan lebih bengis suara, Abu Jahal berkata Nabi datang akan diteliti, setiap gerak jelas dibaca, setiapnya. Dan pada saat khusyuknya, dalam solat yang amat inti, dan ketika bersujud ia, di situlah bermula angkara, dengan dendam bara, kata Abu Jahal, dengan batu besar itu akan dihancurkan kepala Nabi.



Malam punyai debar sendiri, pagi menghantar cahaya segar, kini Abu Jahal mengambil batu yang besar melihat sinar, melihat Nabi dan seperti dijanji di atas batu duduknya, batu bakal dilontar. Jalur hari serasi dengan percik warna seperti semalam datang Nabi ke Ka'abah. Menghadap ke Syam kiblatnya sebelum penentuan arah, antara Rukun Yamani dan Hajar Aswad duduknya khusyuk, sembahyang yang damai, syahdu luar, syahdu dalam, syahdu segala, kecil dirinya menghadap Allah, dan tak dijangka wujud bahaya.

Khalayak Quraisy bagai gembira, berkelompok, berbual, menanti peristiwa yang dijanji, meneliti Abu Jahal dengan batunya. Tiba sujud Rasulullah s.a.w., tiba marak Abu Jahal mengangkat batu, dekat tapaknya, dekat hasratnya, gelegak marahnya, tepat tujuhnya, tapi terpegun semua, terperanjat sebahagiannya, tak terlontar batu yang dirancang, malah Abu Jahal seperti kesasau, kegamaman. Dan tiba-tiba berundur ia, tampak getetar badannya, tampak juga pucatnya, dan sebelum batu jatuh ke tanah, keringat sekujur dirinya.

Aneh yang tak terhurai, khalayak Quraisy terbisu, lama temui suara. Di hadapan mereka, di sisi batu, Abu Jahal insan yang gawat, masih getetar, masih pucat, masih sekujur oleh keringat, dan terbisu di hadapan teman, gagah awal melutut malu, masih terbisu. Tenang datang berjengkit, semangat kembali berkawan antara mereka, dan bertanyalah yang kagum berterjah apakah Abu Jahal yang gagah mana hilangnya keberanian dan kebongkakan, mana batu di tangan? Pengalaman amat rahsia, fikir Abu Jahal, bagaimana menjelaskannya.



Disedari searah tenung kepadanya, kumpulan Quraisy yang sangsi; diyakini mereka berbalah dalam hati atau bertingkah dengan mata. Inikah peribadi yang pernah berani, Abu Hakam panggilannya, besar suara dari tekak? Inikah yang ketika datang paling menikam tengkar, sehamis najis niat, yakin yang bongkak, tegas dan lasak, inikah? Didengar kesepian sekitar khalayak yang berhujah dalam sanubari, didengar kata-kata kagum yang sia-sia, pujian awal tak bermakna. Semua perlu disembuhkan, penyakit peribadi maruah tercemar, semua.

Tersangkak gerak bibir, dibiarkan menapis agar kata dan detak hati dapat selaras selari, agar dalam kecewa mereka, bakal dapat diterima. Dan tersangkut kata dalam kerongkong, kusut maksud dalam hati, bercanggah beberapa detik, menjernih dari buih, mengalir ia kini – cuba dipercaya ada unta merintanginya, katanya, ketika sujud Nabi dan ketika batu ingin dilepaskan, ada unta jantan sebesar-besarnya; cuba dipercaya juga leher unta yang sasa, katanya, benar sesananya; dan cuba dipercaya besar taringnya, katanya, dan seruncing-runcing.

Terkaku mata terbisu mulut, masing-masing ragu dan cuba percaya; di hadapan Abu Jahal, fikir mereka, terlintas unta paling besar, leher amat sasa, taring begitu khusus, mimpi dan khayalan apa, dalam hati tanya mereka. Abu Jahal terdengar-dengar Abu Hakam ia, dipanggil-panggil dengan malu, digusari penjelasan yang aneh. Terjatuh batu kerana unta, solat Muhammad s.a.w. sempurna sujudnya, payah diwarasi khalayak Quraisy, mengangguk tapi menggeleng itulah kenyataannya, dijelas diragui, tapi memang unta mencegahnya.



Angin tidak berhenti, pasir gurun berselerak, kisah berlidah dari khemah ke khemah, tidak mustahil antara kafilah, tentang unta dan taringnya, tentang batu tidak terlontar, tentang Nabi yang syahdu. Di tengah kehebohan kesaksian yang aneh dihebah Abu Jahal sendiri, di tengah kegamaman yang kacau berdiri al-Nadr di tengah mereka, merenung dengan mata menduga, meneliti, bertanya dalam sepi. Ada angkara, bahaya yang mencabar, di tengah mereka. Ada masalah. Terkisar mata khalayak, sumber yang bertanya, al-Nadr puncanya.

Beringat dia bercakap anak al-Harith ini, pinta ditelan, dihadam; merenung dianjur jauh, meneliti sampai ke akar, telinga berseni sesudah yakin khalayak bersedia dalam tenang amat menggoda utuh diingatkan apa alamatnya bahaya di hadapan mereka. Quraisy yang tercabar, disebut secara bertingkat, agar terkunyah, dan disimpulkan agar difahami setiap bahaya berhulu daripadanya. Bingung khalayak menjadi-jadi hanya mata tenang walau dalam mimpi; makin merenung, makin bertanya, makin dinanti tamsil al-Nadr.

Dalam sinar amat mendakap, hati lebih bersedia, renung yang yakin, al-Nadr bin al-Harith memberitahu peribadi Nabi yang unggul. Ketika mudanya Muhammad s.a.w. katanya, amat disenangi insan keliling, mesra perangai akrab bergaul inti hubungan ke bawah ke atas, tak terpikul insan biasa. Pada Nabi, tanpa kekok, semuanya tersedia dan lebih terkasih kerana jujur dan amanahnya, tak pernah berdusta. Semakin sempurna terpupuk peribadi apakala bertambah usianya. Bagaimana ingin dituduh dia tukang sihir, tukang tenung, penyair?



Menjelas seperti menyindir, khalayak Quraisy, terbisu dan bingung, utusan apa yang ingin dihebah dan di pihak mana al-Nadr berdiri, tak tersua keraguan dalam kalbu pelabuhan, khalayak menanti dan al-Nadr berdiam. Dibiarkan unggas terbang, ditapis deru angin dan khalayak Quraisy sekelilingnya menilai fikir dan rasanya kerana yang dicakup bukan kekuatan mereka, lebih meluka diri – jika Abu Jahal terkalah pada tapak akhir, Nabi mengapa dipuji, khalayak menanti ingin berjermih sepanjang ini keruh di hulu.

Al-Nadr ingin berjas kepada kaumnya, yang ditampak, diperiksa. Katanya, bukan tukang sihir Nabi ini, bukan penenang atau penyair. Peribadinya utuh, tindakannya bertimbang, dan itulah masalahnya bagi Quraisy yang buta menuduh, al-Nadr menguji dan mengejutkan. Bertentang harus menang baginya, bayang-bayang bukan musuh, dan Nabi, katanya, soal yang besar kerana jujur tak tertanding, mesra tak terbanding. Dan Quraisy, berat dalam menuduh, gusar ketika menyukat; bukan senjata untuk melawan peribadi Nabi yang unggul.

Al-Nadr bin al-Harith sedar bukan kawan, ia musuh ke isi tulang di Hirah pernah bermukim, penggemar kisah panglima dan raja Parsi, Nabi ditelitinya selalu, didengar dekat syarah dakwahnya, dan sebaik Rasulullah s.a.w. berlalu, ke khalayak itu yang ia tuju, berkata lebih nikmat kisah padanya, lebih matang isi dakwah, dan dipujuk khalayak Quraisy dengan kisah Rustam dan Isbandiyar, dipengaruhi dalam dan luar, dihidang dengan ramuan tindak dan gaya, dan terpesona khalayaknya, menjadi anak yang kagum dan menyerah.



Subur pengaruh tertanam di tengah gurun, al-Nadr menjulang atas kaumnya, berdiri sekuat 'Uqbah bin Abu Mu'it, diangkat wakil. Ke Madinah utusan mereka dan ke pendeta Yahudi tempat berunding, Muhammad s.a.w. peribadi bertenaga semua sudut perlu diketahui mereka, kini dalam rahsia semua ditakik untuk mengerti dan pendeta, sebagai pengasah, tajam menenung dalam menyelam, dibuka tilik penghurai rahsia tiada tabir tiada bayang Muhammad s.a.w. disorotnya; Al-Nadr dan 'Uqbah sekerlip lintas menjadi bijaksana tentangnya.

Disebut dalam senyap gelap gua diserlah pendeta Yahudi berkata bertanya kepada Nabi bertanya yang hemah, masuk ke dalam diri, merayap di tengah rahsia, mandi dalam batin, lemas dalam harum. Pancang tanya dalam angkasa atau di perut bumi titiknya tiga, dan tiga itulah yang mesti disergah, kata pendeta, tiga itulah rahsia. Sama melintas mata al-Nadr dan 'Uqbah, sama menduga dan kagum jika rahsia di perut bumi, dalam air atau pada mega; jika panah boleh meluru dan pedang boleh membelah, ke sanalah luru mereka.

Setelah dibiarkan sabar menggigil, direnung mata gusar menerka, dan setelah beryala ragu merangsang, dipikat dengan ketawa jenaka berkatalah para pendeta Yahudi itu, kali ini sungguh berkata, tiga titik yang disebutkan, pertanyaan penting kepada Muhammad s.a.w. tapis kilat jawabannya, tangguk dan saring yang keruh, dan hirup yang jernih ke dasar hati. Al-Nadr dan 'Uqbah masih menunggu yang terhampar, dalam kata yang banyak, masih kias dan bayang dan seperti meledak tiba-tiba, kata pendeta ada tiga kisah rahsia.





Ditanyakanlah kisah itu kepada Nabi, diperhatikan gerak matanya; tanyailah tentang kisah tiga pemuda dalam zaman yang telah berlalu; tanyailah mengapa dari istana mereka lari, mahligai amat mewah; dan tanyailah kisah yang lebih menakjubkan, rahsia dalam batin – tanyailah tentang lelaki yang berkelana ke barat dari timur ianya; tangkap imbas gerak Nabi, baca kekaguman dan keharuan di baliknya; dan titik ketiga – tanyai Nabi soal roh, sesungguhnya apakah ia; itulah kisah yang tiga, di dalamnya pertanyaan berjawab, tanyalah.

Kekaguman tumbuh dari kafilah ke kafilah, tapi tersimpan dalam diri al-Nadr dan 'Uqbah, dibawa seperti nikmat. Bertanya sesamanya, al-Nadr dan 'Uqbah, seperti khayal menerka aneka jawapan, seperti tahu, seperti ragu, dan sepanjang kembara pulang masih menerka jawapan. Dan sesekali dalam bahang mentari, sesekali dalam ketar titis embun, mereka bertukar terka, ternampak-nampak tiga pemuda lari dari istana; terbayang-bayang lelaki berkelana dari timur, dan dalam gigil menduga, kkuatir yang panjang, berbisik tanya apakah rohi sebenarnya.

Itulah antara puncak tanya, separuh bongkak separuh ragu, terapung lama dalam diri mereka, pulang dari Madinah, pulang dari pendeta. Rasulullah s.a.w. kaya dengan dakwahnya, di tengah khalayak, malam siang, Islam itu utama. Dan dalam bibir dan hati serentak harum berkata Allah itu tanpa sekutu sentiasa ia satu, dan Nabi, dirinya, adalah pesuruh-Nya. Khusyuk adalah dirinya di tengah jantung Makkah dan di sisi Ka'abah, kekhusyukan itu disimbahkan kepada khalayak, dan dari Madinah dari para pendeta tak disangka kembali dua penyanggah.



Berlegar tiga pertanyaan sebagai perlawanan masih dalam kelana, masih pada 'Uqbah dan teman cekalnya. Kisah yang bersejarah sendiri dari bibir pendeta Yahudi, buku yang ditutup, sengaja kini dibuka; perlawanan ini dari dasar murka, dari iri dan keinginan menghina. Dan sebelum tiba kehairahan khalayak telah dirasa dari wajah, terbancuh dalam jeling dan senyum, teracun dalam lidah dan kata, dan himpun unggun lenggang asap dan tari apinya amat membakar seperti akan ada majlis bersuka merayakan kekalahan Rasulullah s.a.w.

Sejemput Quraisy yang berkuasa harinya paling gembira kerana inilah pertanyaan yang menggugah, tak mudah dijawab tentunya. Kepada al-Nadr dan 'Uqbah yang telah sampai, berehat dan bersedia, suara pendeta semakin mesra, semua jalur dan warna kata, segala, senjata akhir babak dari pusat kami, begitulah dipercaya, senjata telah tersedia bagi Nabi yang bagi mereka terlalu berbahaya, dan inilah tikaman derhaka, penuh menghiris, beracun, mengingat Nabi yang khusyuk dalam dakwah dialpakan demikian cara mereka.

Sorak paling gemuruh di tengah khalayak yang sementara sopan. Nabi yang dipanggil tenang berdepan, menanti kata dan hujah, dan seperti para pendeta yang bertanya, tegas, mengancam, dan seperti dibakar segala, keras, menyala, walau dari 'Uqbah dan al-Nadr, wakil dari puncak kuasa. Muhammad s.a.w. tenang juga. Siapakah yang meninggalkan istana, siapakah mereka bertiga? Siapakah yang dimungkinkan mengembara dari timur ke barat, dan dalam senyap yang berbisik ditanya: Apakah ia roh itu?



Senyap akar damai fikir titi nilai jawab detik hati  
Nabi sedar di hadapan 'Uqbah, al-Nadr di sisinya, di tengah  
khalayak yang sama mendera, Nabi yakin ujian terancang  
dipacakkan teguh di hadapannya, bijaksana harus jawapannya.  
Tiga soalan dari latar yang balam, petikan dari sejarah,  
dari alam kembara dan kabus rahsia, soalan yang menduga.  
Nabi sedar dari kata pertama, ayat tersusun, bibir mengucap  
di dalamnya pedang terhunus, panah beracun, hidangannya.

Senyum dan tenang wajah Nabi, angin dirasa tangan, dan  
panas dirasa sejuk. Alam sering berahsia, dia sering mengkaji  
setiap pertanyaan satu keharuan, menjawab satu kenikmatan.  
Dan di sini tiga serentak yang ditanya ranum uji di dalamnya  
dan sengaja tercabar dirinya diukur tinggi dan rendahnya.  
Khalayak Quraisy sama mencengkam dengan mata amat tajam  
sengaja dimarakkan renung, gerak anggota yang terlalu jelas  
sengaja dibuaskan. Tapi damai Nabi menjawab esok akan dijawab.

Panas siang seperti mengerut bertanya sesama alam yang gusar  
begitu langsung Nabi menjawab, dan terlupa beralas kata-kata.  
Tegas dan jujur dari hatinya tapi beriak-riak kekusaran  
mengapa, dalam yakinnya, terlupa diiringkan "insya-Allah?"  
Menantilah khalayak menantilah Nabi ilham jawapan tak berlidah,  
resahlah Nabi resahlah khalayak kerana setiap kali ia tertunda  
mula tercalar kewibawaannya hikmah lidah mula disangsikan  
sehinggalah malam lima belas muncul Jibril membawa jawapan.



Nabi sedang amat duka seperti ribut seperti kalut sejenak kelam dan gemuruh di dalam hati masih dijinakkan. Api harap ternyata dalam penantian yang sabar. Dan kini Jibril datang atas suruhan penyampai jawapan yang tiga, bermula dengan ingatan yang tegas, jika dibuat apa pun, dijanji sebanyak mana, bagi insan, janji terhad dari tapak ke kepalanya, tidak setepat terbitnya mentari tidak ada yang hakiki. Dan bagi insan juga, cakap berkira dalam hemah seperti jinaknya burung, masih mesti insya-Allah.

Pelajaran yang sampai menusuk, bijaksana menara atau lurah, Nabi pun terpaksa terima, menyedari wahyu, senja atau subuh, di gurun atau di gua, dalam khemah atau antara kafilah, datangnya tanpa kuasa diri, dalam ihsan Maha Pencipta, datangnya anugerah. Dan dari Jibril, pada malam kelima belas, setelah Nabi bimbang dan terharu, didatangkan bantuan yang batin, ghaib yang nyata, terjawab keraguan sendiri, debar yang saling nikmat dan menguji, di dalamnya terhimpun kekuatan istimewa untuk jawapan yang tiga.

Kisah pemuda meninggalkan keluarga, kisah kuno tak berhebah di tengah-tengah Makkah, adalah tamsil ia, tepat kini waktunya. Inilah yang dijelas pertanyaan pertama dari yang tiga, tekun dan yakin, benderang dari lubuk hati, dan khalayak tergamam, Quraisy dan suku-sakatnya, mendengar kisah pemuda, dihina pemuda-pemuda berhala, berhijrah dari dendam dan ancaman, dalam kudus anugerah tanpa disedari tiga ratus tahun mereka terlena. Soalan pertama sempurna dalam kejut dan percaya Nabi menjawabnya.



Dari mana keraguan wajar dibina lagi, kekalutan dicemarkan, begitu difikir wakil Quraisy, diharap ke dasar hati, dihasrat cepat menjadi. Khayal dan mimpi di khemah dan duri dinanti, diharap jawapan ketiga Nabi bakal belukar terbakar, asap tebal; dua jawapan buah yang ranum, ketiga dipinta di jantungnya ulat berumpun, terka tak serasi, jeritan kepada yang tuli. Berdebar khalayak, panas mengunyah, titis peluh tersimbah setiap mata ke bibir Nabi, gerak berkira, jawapan hakiki.

Berkafilah semua kekusaran, berkhemah setengahnya, tanya terjawab soalan kedua, tenang dan sopan dari Rasulullah s.a.w. datangnya pengembara matang dan gagah derap tapak dan tangkas langkahnya Zulkarnain namanya, kurang didengar, Zulkarnain diulangnya, bisik batin yang didengar Nabi, bisik batin yang disampaikan. Bumi terhampar luas, gunung-ganang dan lurah, paya dan sungai dari barat ke timur, dari timur ke barat Zulkarnain dianugerahi tenaga kembara bersama hak dan tindak menghukum yang salah.

Berkocak lagi khalayak Quraisy yang ingin menghina, terhina. Zulkarnain besar dalam khayal mereka, watak utuh, pencari yang gigih, kini terjawab dan tertabal dalam jawapan Nabi, yang terbantu oleh Jibril, datang khusus menyampai wahyu. Medan bertelagah sampai ke akhirnya, wakil Quraisy al-Nadr dan 'Uqbah, lesu hingga ke jari, gementar di tengah khalayak, tiga pertanyaan dari pendeta Yahudi sejenak mengamankan Nabi selepas lima belas hari terjawab kini tulus hingga ke inti.



Dan akhir kata akhir jawab pertanyaan ketiga puncak pancaroba kilat menyuluh malam kelam, terkoyak tingkap khemah, di sekeliling hanya mega. Wilayah roh semesta, tak terhurai sebanyak bintang 'Uqbah ghairah menanti, al-Nadr, dalam sepi, ghairah menerka, di tengah khalayak amat dijangka tak akan ada yang tepat menduga kecuali dalam pusar rahsia niat pendeta bertanya, ujian sengaja. Dan pada Nabi setelah Jibril menjelma selepas lima belas hari lengang dan senyap, melalui wahyu, kudus teranugerah jawabnya.

Kata-kata sebelum meresap, sebelum juga terucap, ia bunga yang aneka dan harum dalam taman yang mimpi, khayal yang rahsia. Nabi damai kerana mengerti, padu di ujung akar, mekar di pucuk, rahsia llahi semesta istimewa, pertanyaan roh dari insan kebimbangan yang mesti; dirinya tercipta bukan mencipta, maka terbatas haknya, bertanya sebanyak mana, sesungguhnya sanubari, bertanya kerana ingin tahu, menduga atau sengaja menguji, bukan wilayah dan haknya. Nabi tahu, Nabi diam, cuma khalayak menanti.

Wahyu yang dihayati telah berkata-kata dalam batas yang dijangka. Jibril yang menyampaikan, mengerti dan patuh, suci menganugerahkan bergema semula perintah, firman Allah yang sempurna, berkata jelas dan padu, kudus dan syahdu, berkata nasihat yang terjengkau bahawa roh adalah urusan Allah sedikit hanya pengetahuan manusia. Seperti lengang segala, di tengah khalayak, seperti tiada kata, gamam yang dimengerti bagi Nabi, kerana, di tengah-tengah tamsil alam kuasa Allah tak tertanding, pena dan tinta tak terakam.



Angin berhembus damai seketika, gurun gersang menyanyi sendiri mengiraikan aneka tamsil wangi dan mesra bagi Rasulullah s.a.w., mencacakkan duri tajam dan kasar bagi al-Nadr dan 'Uqbah, tapi segalanya sementara kerana nyala Quraisy dari dalam tak padam, dan Nabi, biar malam biar siang di dalam dan di luar khemah, tekun dan sabar membina ummahnya, dari benih ke daun, merimbun sesegar kurma, keras, cekal dan manis sentiasa dalam hemah. Saking ummah Islami meningkat, kaum al-'Uzza terus menyekat.

Tindakan Quraisy tersorok dan terbuka lebih dendam dan kejam pengikut Muhammad s.a.w. di lurah, gurun dan sekitar Makkah didera, dipukul setengahnya, dikebulurkan dan dipaksa berdahaga, dan di bahang tanah Makkah dalam rangkulan wapnya dijemur para hamba. Umayyah, ketua puak Jamah, paling pedih marahnya, membuak benci, dicurahkan dendam ke Bilal, penganut Islam, pengagum Nabi. Pada ketika yang sengaja dipilih dihempapkan batu ke dada Bilal, dalam cekau panas dipaksanya menyingkir Nabi, memilih al-'Uzza.

Terucap selesa – dan ini sentiasa – dari hamba yang bengis didera, Bilal, masih batu terhempap di dadanya, dalam bahagian membara, tenang mengucapkan “hanya satu, hanya satu”, keyakinan yang tunggal. Derita tumbuh sebagai tenaga, tenaga menjulang sebagai keyakinan, keyakinan yang tunggal – “hanya satu, hanya satu” bergema, berpadu. Perlawanan tiada tara antara Umayyah dan hambanya kerana agama kebencian yang paling diucap kaum Quraisy, pemuja al-Lata, al-'Uzza; penentangan yang paling direla oleh para ummah yang bertambah.



Dalam puak yang sama dendam berangkai tidak semua sama senaja; Abu Bakar, kerana sama kulit beda batin, tidak serumpun rumahnya. Quraisy dirinya, tapi dalam wilayah Bani Jamah rapi duduknya, dan angin panas masih selesa, simpang jalan tempat bersua, Nabi sering dilihatnya. Sekali saban hari, dan tengah hari biasanya, Nabi lawati Abu Bakar dibaca dan membaca pesanan pada wajahnya. Wajah itu mesra, terlalu menjemput amat muhibah, malah kerananya Bilal, hamba Umayyah patuh dan cekal, mencium Islam, setulusnya.

Paling gelisah dirinya menyaksi penghinaan, Bilal sebagai mangsa dan Umayyah pendera. Pada hari paling menggugah, ditapis marah, dengan suara sahabat, luar dan dalam kalbu, suaranya penuh haru tak terasakan betapa zalimnya, seperti begitu diucap, tak terasakah bersalahnya menghukum hamba demikian kasar tanpa sebabnya? Ketawa Umayyah bertingkah, keras berdendam, tanpa sabar berkata hamba adalah hamba harus tahu rendah tarafnya, duduk menyembah, dan lebih wajar didera, baginya, kerana yang dipuja bukan berhala.

Amat tercabar Abu Bakar, kata-kata yang kurang hemah dari Umayyah, pendera yang amat penghukum, perlu ditarah ke taraf yang wajar membela tanggungjawabnya, darah daging keluarga berhikmah, dan Bilal, hamba tersengsara, kini Islam yang tulus, wajar dibela. Bertukar kata sama berimbang, berhasrat sama seinti, dia menganjurkan padanya bekerja pemuda yang hitam, sasa dan gagah, seagama Umayyah, bagaimana jika mereka bertukar hamba setenangannya antara berdua? Bersetuju Umayyah, diterima Abu Bakar, dan Bilal dimerdekakannya.





Jarum-jarum dera seperti lebat mencacak di hati ummah, dan kini terkeliap semula peristiwa-peristiwa sengsara mencabar diri memang bahagia bukan ceritera seperti seawalnya turun kata-kata; bahagia panggilan ke dalam batin deru angin dendam mendera di tengah kocak busut pasir, dalam kafilah, kaleng-kaleng berlaga terkadang setaraf hewan dan insan, dan dari robek jubah mereka terkadang seperti terdengar kuat bisikan purba, racun di takhta. Semua kemelut dari sangsi manusia, dari jerkah dengki mereka.

Sudah sampai ke tingkat menjawab, berkerumun semula pertanyaan imbas dan lembaga menyelinap dari celah-celah Osiris dan Isis, dan di mana tempat sayup merenung seperti gah berhala al-'Uzza menyaksikan cakaran nurani dalam khemah kaum-kaum Jahiliyah, termimpikan percik bintang yang mengejut terburai, membisik luka kepatahan dan gelepar yang tiada taranya, dengki yang memusnah. Memang mentari sentiasa di atas kafilah, membakar dan menjerit kerana, dalam remuk renungan, seperti setaraf hewan dan insan.

Angin yang mesra masih dicari, dalam rayuannya, dalam dera, dinanti. Dan dalam khayalannya, dalam rindu, darma awal dihajat, puncak hemah yang gugup terbelah, dalam sepi dinanti. Di sini kenangan berkejar kerlip, dan antara retak biji kurma dan antara rangka tengkorak unta, masih terserap nafsu takhta, cekau dan cengkam ular yang amat bisa, masih terlalu biasa. Begitu tertegun Abu Bakar, sementara berdepan dengan Umaiyyah jarum-jarum didera dinampaknya di tengah kocak busut pasir.



Memang pada awal tahun keempat berdakwah berang Quraisy menampar, tidak digemarnya cara Nabi, lebih didengki, meningkatnya ummah, maka bangun mendadak dua puluh lima peribadi utama kaum yang marah, Abu Lahab di tengahnya sebagai pemandu, gerakan mendera dipacu, berlurah dari lontaran batu, mendaki kepada menghasut dua puteranya agar menceraikan Ummu Kalthum dan Ruqaiyah, kerana anak Nabi mereka. Lebih menajam gerak benci, dihidupkan isteri Abu Lahab sendiri, dan Ummu Jamil dalam kacaunya, isteri Lahab, dikiraikan duri.

Sekali lalu di tengah jalan tempat lalunya Nabi yang amat damai terselerak sudah gumpalan duri sengaja dirancang, ditumpahkan, dan dalam marak amarah, gear amat dengki, Nabi dicaci Ummu Jamil binti Harb, wanita yang kasar, saudara Abu Sufiyan ia, dengan gumpalan duri masih dikirainya, kata-kata masih memaki demi kuasa Allah, Nabi yang datang, dinampaknya seperti Abu Bakar, kepada Abu Bakarliah latah dan marahnya, amat tajam dan memalukan. Dan Nabi sendiri di sisi Abu Bakar, tenang, damai, menyaksikan.

Terjadilah satu pembalasan dari ghaib kuasa, Ummu Jamil pendengki tak ternampak peribadi di hadapannya, menyelar kepada yang silap, betapa aib terhukum dirinya, seperti duri-duri khusus baginya. Dan hemburan kata-katanya yang amat menyangkal, menangkis dakwah, menyindir Islam dan memuja al-'Uzza, bertubi, sebelum ia pergi. Dan apabila Abu Bakar menoleh ke arah Nabi mencari fikirannya, Nabi membenarkan wanita di puncak marahnya telah terambil matanya. Dan dibenarkan juga Nabi segala itu kuasa Maha Kuasa.



Dendam begini seperti batas amat terbaja melimpah di tengah kawan, teman yang musuh, segar dengan nafas yang keji, bugar dengan hina. Oleh pusaran terlalu buas, menusuk ke inti hati, segala terfikir dilakukan, keji sampai ke najis, diamalkan dengan khusyuk, begitulah suatu waktu paling ditunggu ketika Rasulullah s.a.w. solat di Ka'abah, teman-teman Abu Jahal yang dirangsang, tergelinjang ria, menyapukan najis unta betina di belakang Nabi. Dan puteri Nabi, Fatimah, sempat melihat, membersihkannya, dalam duka yang syahdu, mengasihaniinya.

Berkumpulan menjadi puncak buas, mudah membakar tanpa berkira, demikian hati enam sahabat, sejati dengan dendam, Nabi musuhnyanya. Abu Jahal, 'Utbah dan Syaibah, juga al-Walid, Umaiyyah dan 'Uqbah, teman antara berenam, pemuja berhalo pembenci Nabi merekalah senja dan subuh, malam dan siang, menggeletek dengan rancangan, berfikir sekeruh lumpur, mengatur seperti pintar, menyeringai marah. Dan pada setiap ketika Nabi di Ka'abah, salah seorang pasti ada, dan hadirnya pasti dengan senyum menyindir, seperti najis di bibir.

Pakaian mereka mencemuh dan mengumpat dari bawah ke atas, dan hadirnya, di mana dan ketika Nabi berdakwah, hadir yang songsang. Pada detik terancang, di tengah dakwah Nabi, sahabat karib 'Uqbah, Ubai bin Khalaf namanya, menyuruh meludah Rasulullah s.a.w. ke muka, dan itulah tanpa segan, teragak dan khuatir, 'Uqbah melaksanakannya. Air ludah dirasa tak mencukupi, penghinaan perlu ditinggi, ditumbuk tulang menjadi serbuk, tulang bangkai yang sebusuknya, dan ke arah Rasulullah s.a.w. dihampiri, dengan megah dan gelak, serbuk dihembusnyanya.



Jarum-jarum dera semakin dicacak, angin mesra masih dicari, dan keadaan dari jerkah dengki Quraisy, setaraf hewan dan insan, berlarut musim kerah, menyala demi hari, membakar tulang keluarga. Demikian, seorang anak, apabila tulus memeluk Islam, tersanggah. Ummu Mus'ab, ibunya yang keras dan degil, berang ke seluruh rumah mendenda anaknya, kebulur beberapa waktu, dan menghalauinya. Mangsa yang lain, 'Ammar bin Yasir, dilontar ke tengah bara, Sumaiyah, ibunya, diradak pedang pula, wanita syahid pertama.

Makin difikir denda yang buas, tali dicerut ke kaki Abu Fakhah, mangsa yang amat dhaif, diseret ganas merata-rata lorong Makkah. Ada yang ditarik rambutnya, dipulas leher, dan dibaringkan. Batu besar dihempapkan di dada, dibiarkan kejang panas seharusnya. Wajah sengsara dihodohkan lagi, dibiarkan jerit seksa melengking, amaran kepada Nabi dan khusus kepada pengikutnya, pesan berdarah bagi pencari kebenaran. Segala terserap oleh nafsu di kalangan Quraisy, batin digigit dengki, nafas diracun hasad, elang dan serigala mereka.

Berkira-kira sudah bermula dalam diri Nabi, berkira yang hemah. Terlalu melimpah mangsa, dan Abu Jahal semakin liar dan buas. Malam lengang di gurun yang sabar, di antara khemah dan rumah, khayalan melintas dari bucu bumbung ke tangga, tingkap dan pintu, berkata-kata dalam bisik bertamsil di sisi unta dan kuda perlu berakhir kedegilan insan, perlu berfikir dalam jermih, dan tempat dan kafilah dicari, dengan jubah dan sejadah, mereka perlu lebih bersedia, bahagia dan derita, mereka pengikut Nabi.



Lebih banyak terhimpun panah menjadi sinar penguji di gurun desir air menandus dan gagak seperti pupus sejenak, bayangan luka yang semakin berdarah, isyarat bala dari Quraisy, dan segala semakin menyala, mendidih marah antara mereka, ditumpahkan ke khemah dan kafilah Nabi, bakal, dengan ngeri, dilimpahkan sekali duri dan racun di setiap lurah dan bukit. Dendam, dalam rencana paling puncak, kini bertaring, menyeringai tanpa belas, dan Nabi sadar ummahnya perlu menghimpun sabar.

Berjuma tidak lagi boleh terdedah, khabar sentiasa terhidu, dan kerananya, dalam rahsia yang tulus, diperhati gagak-gagak musuh, dan dalam rahsia juga, lebih tulus dan cerdas, cepat disebar berita bahaya demi keselamatan ummah. Angin di sekitar Makkah mula mempunyai baunya sendiri - wangi yang tulen atau palsu yang berjubah diteliti dengan hidung dan mata, dengan tasbih bersukat, dan sentiasa Nabi yang bijaksana mengingatkan berlawan wajar pada waktunya, berlembut tidak mengalah buta.

Sekali, tanpa sangka, oleh kealpaan mungkin atau kerana yakin, pada tahun keempat kenabiannya, ketika para penganut khusyuk ke busut di Madinah, ketika mereka berjuma untuk musyawarah, besarnya mata para penyembah berhala, waspadanya mereka, dipercikkannya sengketa, diciptanya dengan sengaja, lalu bernyala paling merah, merebak dendam dan dengki, berkocak senjata. Dan ummah semuanya wira, Sa'ad bin Abu Waqas istimewa, bertangkis dengan luka, perwira pertama yang mati berdarah.



Terkibar-kibar langsir khemah, bersepah senjata dan manusia. Khabar yang paling durjana, isyarat jauh ke batin, bersuara telah tiba waktunya, bertapak menanti atau bergerak menguji, atau diperlukan kafilah baru, semangat amat besar, diperlukan hikmah. Dalam dakwah risalahnya penuh setia dalam telaaahnya, Nabi berkira amat teliti, melangkah dengan berimbang, berkata bila perlu. Di Darul Arqam di gunung as-Safa dalam tenang suasana, mula berjumpa para pengikut diajari al-Qur'an dan kebijaksanaan Islam.

Bertenang dan berdakwah berlanjut dalam tahun kelima kenabiannya amat dirasa cengkaman para penyembah berhala, kasar tiada tara. Dalam golak dan gelora, tajam pedang dan regek unta, Nabi bersedia demi ummah dan diri, demi keyakinan amat hakiki, bahawa Tuhan satu tanpa sekutu, bahawa dirinya pesuruh Tuhan demi peringatan, dan dalam kekhusyukan merenung dan berdoa, dalam detik bahaya turunlah Surah al-Kahfi dengan mutiara kisah tiga peristiwa – cerita sahabat dalam gua, kisah al-Khidir dan kisah Zulkarnain.

Terbayang anjuran dan alamat di dalamnya, mimpi yang berjejak, penderaan wajar ditangkis, berikhtiar dan berkira, bijaksana. Jika gersang di tanah satu atau gersang tempat berdiri, atau, jika bahaya menjadi pagar, musuh di sekeliling terus mendera, tingkah diri harus ditapis, saringan paling jemih; tapak ke dalam dan ke luar diri, perlu berarah, selaras dengan azam, sehati dengan tindak. Begitulah, dalam kudus damainya, Nabi merancang membangun ummah di tempat lebih terbuka bebas sebagai manusia.



Sebelum bermula tapak, gerak oleh hati mereka, terbantu oleh wahyu yang membimbing, Nabi bertenang dalam merancang, teringat Raja Najasyi, raja Habsyah, kepadanya tempat bercadang, dan kerana terkenal ia ketua yang adil, penuh belas dan mengerti, memang ke negerinya bumi diyakin. Difahami peta dan jejak, dimengerti angin dan hawanya, diketahui benderang dan gelitanya, Nabi mengatur kumpulan awal, dua belas lelaki dan empat wanita, terserta Ruqaiyah, anaknya sendiri dan Uthman bin 'Affan, suaminya.

Dalam gelita yang terlalu padu, merekalah rombongan pertama berhijrah demi ke jalan Allah, percaya diestui sekudusnya. Berjaga dan berhati gerak disukat, ragu dihenti, bergerak tapi, dan dalam gelita yang tidak luntur, jalan tersuluh oleh hati, Makkah ditinggalkan separuh sedih separuh berharap, mereka mara. Dan dalam payah dan resah, diutuhkan keyakinan, menghalu mereka ke tepi laut tempat berlabuh dua buah perahu, bahtera berbakti, pelayaran yang rahsia dalam hidup mereka menuju ke Habsyah.

Berita mempunyai kakinya sendiri, mempunyai bau yang cepat dihidu. Gerombolan Quraisy tipis telinganya dan desir bisik diterjemahkannya; berkejar mereka, penuh marah dan cemburu, diburunya Uthman dan Ruqaiyah, dipercaya Nabi berserta mereka, digandakan gerak meronda cepat ke arah laut, deras ke pelabuhan Syu'aibah, tempat dijangka berkumpul kumpulan Nabi, tempat berlepasnya mereka bila-bila masa tapi Rejab bulan amat bertuah, gelita yang benderang di batin ketika tiba gerombolan Quraisy berlepas sudah Uthman bin 'Affan.



Memang jernih langit di bumi baru, bulan tergantung, sepi menambat, menyimbah cahaya yang menjemput. Pagi dimesrakan decip burung, kuda dan unta mengangguk-angguk, senyum khalayak memupukkan, dan oleh Uthman dan Ruqaiyah, juga Zubair, juga Mus'ab, anak al-'Awwam dan anak 'Umair, terasalah senyum yang ikhlas dari bumi yang baru. Terlupa resah dan dera ketika mereka diburu musyrikin Quraisy, terasa bertapak yang berjejak dalam bulan Rejab, Najasyi, raja yang berhemah, menjadikan hidup pendatang baru begitu selesa sekalbu.

Tidak teringat rayapan waktu, deras yang mengalpakan, tiga bulan, menghidu udara Habsyah, begitu cepat berlalu. Bahagia dirasa, tapi Makkah dirindu; setiap tiba kafilah, ada berita ditanyakan, ditafsir terang kelamnya, sembuh cederanya, diketahui riak kisah, dirumuskan segalanya. Damai mula memayungi Makkah, begitu terhebah. Permusuhan mula dinisankan, persahabatan makin ditatang, juga begitu yang dihebahkan. Angin kencang dari Makkah, aneka kafilah yang sempat singgah, begitu terhebah kisahnya; Makkah amat berubah.

Berundinglah teman-teman yang berhijrah tanpa kurang cinta mereka kepada Habsyah, berkira ingin ke Makkah semula, Makkah amat berubah. Dan penghijrah itu – Abdul Rahman bin 'Auf, Hatib bin Amru dan Abdullah bin Mas'ud, juga Zubair, juga Mus'ab – menyaring berita indah dari Makkah, termampak-nampak khemah yang ria, dan damai teman-teman beribadah. Terbukalah makanya hati, teringin benar kembali, bertemu kawan dan keluarga, mencari akar sebat, dan hasil rundingan terbelah dua, ada yang ragu dan ada yang percaya.





Berkocak beberapa ketika hati mereka yang bertanya, lama bertimbang betul salahnya, untung ruginya, manfaat dan bahayanya, dan mereka, yang telah selesa tiga bulan di Habsyah, masih juga terbelah dua, akan pulang ke daerah sendiri atau akan berkembang di desa baru. Ruqaiyah puteri Nabi bersama Uthman, suaminya, sama berkira-kira, sama menapis berita, sama menilai dan berfikir tentang Makkah yang terlalu dirindu. Azam akhir di tangan sendiri kerana datangnya kerana bahaya, usah pulangnyanya bahaya juga, demikian fikir mereka.

Lalu, kembalilah sebahagiannya ke Bahasyah, sebahagiannya ke Makkah. Berkelana mereka dalam rahsia, sampai dengan jaminan terjalin, keselamatan diri, walau tak mudah dipasti, dipelihara sepenuh iri kerana, dari mula tapak pulang, mereka sama berkira, jika pergingnya damai selamat, walau dalam gementar yang panjang, pulangnyanya perlu terlindung juga, juga dalam resah yang panjang. Alam berjejak cepat bercerita dengan darah dan air mata, kerana segala didengar tentang kaum musyrikin yang beransur lunak, tidak benar setulennya.

Berlindunglah mereka ke keluarga sendiri, mencari payung selamat, sebahagiannya ke ayah bonda, sebahagian lagi di khemah teman, tidak kurang yang terdedah sendiri, berhelah berikhtiar sepintar diri. Dan cemas menjadi raja yang utuh di sepanjang gurun, memekik nyaring di dalam kalbu, siang berpanas dera, malam bersejuk ragu, kehidupan dan ibadah sama direnda dengan jantung yang lebih cekal. Terkadang terkenang semula ke Habsyah di mana rajanya amat mesra, terkadang tersedar ujian di Makkah betapa perih pun ada manfaatnya.



Pusaran baran dan api benci kaum musyrikin menyala lebih marak, ke Habsyah kini menyambarnya melalui 'Amru bin al-'As wakilnya dan Abdullah bin Abu Rabi'ah pembantunya. Mereka memang bernyala. Tidak lagi dikejar di tengah gurun; mereka sampai ke singgahsana tempat bertakhtanya raja, dan dengan debar megah, mata berbara, lidah mereka lebih racun mengunungkan busut fitnah dari awalnya. Najasyi, raja yang belas dan mengerti, mendengar khabar yang beracun, meneliti keliling, menduga, menerka, berfikir dalam.

Kepak burung sempat didengar, lidah yang fitnah lebih menyambar; daun-daun terbakar sebelum jatuh lidah 'Amru menyalakan segala. Raja mendengar nyaring di batinnya terhidu fitnah dari akarnya, dan masih menduga, menerka, berfikir dalam ianya, masih berkira. Keliling takhta sesenyap pusara, beberapa ketika hanya, dalam gusar dan resah para pembesar, sesetengah telah dirasuah, membantu 'Amru dan Abdullah, membenarkan kisah palsu, menokoknya padu. Dan Najasyi, berfikir dalam sanubari, memanggil yang terdera.

Bersuaralah, ditentang musuh di hadapan takhta, diapit pembesar yang terasuah, berkatalah yang jitu, kisah berkelana yang benar, buruan yang amat kejam, Najasyi tenang menunggu, mendengar. Mata cepat menghantar sinar mencerita segala yang terbenam, kata-kata terapung dalam tamsil yang amat berselindung, tapi, berkata juga yang berlidah, Ja'afar bin Abu Talib kini wakilnya, diceritakan betapa tertipu dan terseksanya ummah oleh Quraisy; betapa dia dan kumpulan tetap percaya kepada Tuhan yang satu.



'Amru dan Abdullah, garang dan yakin, tegas mencabar, membantah lain kisahnya dari khazanah, lain kenyataan yang telah dicipta. Penghijrah ini, berulang katanya, mereka menghina dewa berhala, mengikis kepercayaan nenek moyang, memeluk agama amat asing. Telinga raja dua selaras, mendengar sama seimbang, penapis peribadi, direnungnya Ja'afar ditelitinya pembesar istana, dicari dusta mata, diselam tulus hati, diperhati mereka lagi, dengan tenang didengar terdera di hadapannya, sesungguhnya hati, bercerita tentang Nabi.

Dari kalangan insan, berkata Ja'afar, Allah telah memilih seorang, murni asal usulnya, tulus dan jujur, bijaksana, begitulah Nabi. Nabi inilah, kata Ja'afar, menolak berhala, dan menyembah Allah. Diajar ummah bercakap benar, bertindak jujur, belas sesama insan. Nabi inilah, demikian didengar raja di takhta, melarang menghina sesama insan, membela wanita, anak yatim, bersedekah dan puasa. Dari mana lagi keluhuran diperoleh sebegitu jernih dan membela jika bukan pada Nabi yang amanah, demikian didengar raja di takhta.

Dengan amat merendah, tangis hampir di mata, Ja'afar mewakili teman meminta pertimbangan, disimpulkan, jika insan begitu mulia, dengar sukar dan cekal, membina satu ummah, jika jujur asas akarnya, kasih manusia di batinnya, dan Tuhan yang satu, hanya itu disembah, di mana lagi salahnya? Suasana sedia malam yang larut, kepak burung tak didengar, kecuali resah unta sesekali mendengus hidungnya, dan wakil penghijrah yang terdera ini, masih cekap di hadapan raja, dan Najasyi yang belas dan mengerti, sedang amat terpesona.



Kesyahduan turun memesrai istana dan hadirin di hadapan raja. Ada benih yang tumbuh segar dan wangi, ada kebijaksanaan hakiki. Sebaik tersedar raja dari pesonanya yang agak lama, bertitah dia, dipinta Ja'afar bin Abu Talib membaca beberapa surah, dan tenang dia mendengar, firman-firman Allah. Ja'afar terasa bebas dan damai. Dengan khushuk dan tertib, dalam keharuan luar biasa, dibacanya ayat-ayat yang amat syahdu mengenai rahmat limpahan dari Allah, dan dibacanya, dibacanya, dengan merdu suara, dibacanya, dibacanya.

Menjadi amat selesa Najasyi, telinga dan kalbunya terlalu aman kerana dibaca Ja'afar Surah Maryam, kisah kelahiran para Nabi, sesudah dibacanya peringatan mengenai Zakaria yang berdoa sepi mengadu tentang dirinya yang tua dan berdoa memohon keturunan. Bukan sekadar inti permintaan dari yang daif kepada Maha Kuasa; bukan hanya harapan yang panjang daripada insan yang kekurangan; kata-kata dari al-Qur'an, wahyu yang terlalu luar biasa, dibaca dengan ketulusan dalam sebut dan lagu yang paling mengkhushukkan.

Dari jauh desir kafilah, suara kaleng berlaga dan dengus unta terlalu luar bumi dan anginnya, kerana di dalam istana Najasyi ada desir, suara, bumi dan angin yang lebih mempesonakan. Dan dalam detik yang tak terfikir di tengah mereka yang hadir kesepian riuh di dalam batin mereka, keriuhan sepi di luar diri, lalu berpalinglah raja Habsyah kepada anak al-'As dan Abu Rabi'ah dua wakil musyrikin Quraisy, menjawab dengan mata, disusuli suara, mempertahan kaum penghijrah hidup dan ibadah di buminya.



Terkibar-kibar langsir khemah menghantar isyarat jauh ke batin dan dalam istana di atas singgahsana terbisu khalayak seketika terlalu adil perintah Najasyi menimbang dari erti akar surah-surah terganggu anak-anak al-'As dan Abu Rabi'ah, terbakar sanubarinya, seperti terdengar mereka suara dakwah di Darul Arqam di as-Safa; dan bagi Ja'afar pelagu surah bersama keluarga dan temannya, seperti dinampaknya semula arahan Nabi dalam Rejab yang bertuah. Kini ada pesta, syukur paling tinggi, ada payung yang dirindui.

Bergema kemudiannya setelah celik khalayak dari pesona mereka; kening yang bersih dan serban yang putih bergerak-gerak bisiknya. Najasyi sedia berangkat, para pembesar, setengah ria seluruh, setengah gusar mengeluh, berpandangan sesama, merasa-rasa hati, yang terasuah tak sedia mengalah, yang jujur, penuh syukur, gembira. Dan telah berkata yang berlidah, Ja'afar bin Abu Talib dikelilingi teman-teman hijrah yang terdera, telah mencacak payungnya semula; angin ibadah akan mesra menyaingi tofan marah anak Abu Rabi'ah.

Semakin petang menyelami malam kepek burung, dengus unta, berbaur sayup didengar dalam irama bersambung, bercerita tentang musim, kemenangan yang sementara. Bagi Ja'afar sekafileh, penuh berazam, ingin dijadikan kemenangan abadi di Habsyah yang mengerti, dan ujian yang begitu mendera, dalam syukur, diterima seiring ibadah. Mentari, dengan sinar benderangnya, pagi esoknya, seperti menyapa, seperti berkata, dalam ombak pasir bebayang juga turut berdoa, dan setiap yang malamnya getir, paginya, dalam rahsia, boleh bahagia.



Memang keharuan tak mudah terhenti, penentangan menjadi tajam; sudah diduga hati musyrikin Quraisy depan belakang bertopeng mereka. Dikejanya ummah Nabi, semakin kasar, semakin dendam, dikejanya khemah tidak bakal aman, kafilah sentiasa, dari mana pun, disanggah. Nabi di Makkah, mengatur dan beribadah, dengan cekal, memupuk ummah, didengarnya setiap berita derita dan kegamaman mereka berhijrah didoakan sepenuh raga, dipohon kepada Allah, kekuatan yang sabar, disengangnya tingkah Najasyi, dan diyakininya kecekanan Ja'afar.

Murkalah pemimpin musyrikin Quraisy dari dua wakil didengar kisah betapa raja Habsyah, di samping membela penghijrah, membelanya, terpesona juga oleh bacaan surah-surah, tertumpah air mata. Kumpulan yang kecil, tercabut dari akarnya, dari Makkah yang resah, kini dikhabarkan mula berjaya – tak terterima Abu Jahal kebenarannya. Unggun murka semakin dinyalakan, pembakaran bagi sepanjang jalan, demikian diarah kepada setiap musyrikin Quraisy, dendam dibarakan, dan Umar yang muda dan sasa cepat terbakar, mengetap gigi berazam.

Tak akan mudah bagi Makkah kota yang terbelah oleh dua agama; juga tak bakal damai bagi kota yang semakin reput akar kaumnya. Abu Jahal menghentak kaki, digegarkan, dengan benci, bumi Makkah. Dan Umar yang muda sasa, pengikut Abu Jahal amat setia, menyeringai, kerana marahnya, kerana bencinya, kerana mudanya terhadap ummah. Demikian dijangka Abu Jahal – tentang Umar yang belia dan marah, dan ketika dua wakil ke Habsyah kembali dengan khabar kecewa demikian diharapkan marah Umar, dan bakal berkeras di sisinya.



Nyatanya tofan menderas ke arah lain, bulan tenang di langit kota; nyatanya Umar pemimpin muda memakai jubah yang lain coraknya, tangkasnya secepat Abu Jahal, benar, azam sama maraknya, benar. Tapi dua tapak lain bentuknya, dua langkah berbeza jaraknya, merenung ke arah yang sama, menangkap ke dasar yang lain, begitu Abu Jahal dan Umar – berdiri di atas kebanggaan kaum yang terluka, berazam menjaga keutuhan dan maruah, Abu Jahal dan Umar, berbeza. Ka'abah sama dipandang, kerana asuhan Khattab, Umar menghormatinya.

Dengan bekal batin yang lain, dengan asuhan peribadi dari Khattab, dalam berangnya menangkap kenyataan, Umar keluar dengan rentak, mendidih lagak, sebentar suam sebentar gelegak, bersama pedangnya. Simping tersedia bagi peristiwa, bersalam hati atau menggucur darah, di simping demikian, Umar yang sasa bersama pedang perkasanya, bertembung dengan teman serumpun, Nu'aim bin Abdullah namanya, dan ada rahsia di antara mereka, Nu'aim gemetar menyembunyikannya, Islam sudah agamanya, tak dihebah, menyedari. Umar yang radang.

Dan tanpa tahu, menyemburlah api marahnya Umar, bersuara seperti pedang sendiri, berjanji jika dijumpaya Muhammad s.a.w. akan dibunuh, kerana, katanya dengan yakin, Nabi, dengan mencemari berhala, menyembah Tuhan yang satu, telah menggelorakan kaum Quraisy. Tergigil geram seluruh badannya, tergigil sama pedang hebatnya, dan Nu'aim yang gusar kerana berahsia, bercekal juga menasihatinya. Membunuh belum pasti membunuh, hujahnya, membunuh boleh dibunuh. Umar masih gunung yang sasa, sedia meledak, percik lahar mendadak.



Kisah yang sudah, dalam balam ragu, terbancuh semula, dalam sepi semakin berbunga. Kembali kenangan dan bayangan merintik samar seperti tercegat di sisi khemah, debar resah tampar marah, dirinya, dan Nu'aim yang deras dewasa oleh pengalamannya, memilih kata-kata, lama, tapi setepatnya, menghimpunkan ke bibir, untuk Umar semua. Umar masih percik lahar, ombak dada setara matanya yang merah, diregang pedang dengan geram, merenung Nu'aim, keningnya mendera ditanya sebalik halangan, sebaiknya bijaksana, apakah jawapannya?

Langit yang kacau dengan angin marah menampak pasir dan khemah cuba diubaratkan Nu'aim cuma lambat baru terkata, Umar menapisnya. Dan telinga terasa lebih berbahang seperti tercurah rintik api, tamsil payah diterima dari teman di sisi jalan dalam rayap marahnya, tapi jawapan tetap dinanti. Dosa tak sukar dicari pada orang, kata Nu'aim, dan amat salah terlalu dipercayai, kerana, tanpa sedar, di khemah sendiri pun, lama dilupa, tak mustahil menjalur bahaya. Kembali ke tapak sendiri, diperiksa keluarga sebelum Nabi dimurkai.

Berbalik ke jalan awal, Umar, dengan marah lebih ketara, tangkas dan deras langkahnya, berkocak dengan teka-teki, terimbas adiknya. Nu'aim jarang seganjil itu, fikirnya, berani kerana suatu rahsia; menyuruh dijengah ke dalam keluarga lebih aneh terasa anjurannya. Nu'aim, teman di sisi jalan, tidak berlidah teka-teki, fikirnya; ada yang benar sukar ditanam, ada yang buruk perlu digali, lalu semakin cergas langkahnya mendekati rumah adik perempuannya, dan, amat terperanjat ia seperti terdengar suara bacaan, itukah rahsiannya?





Khabab pembaca surah di hadapan Sa'id dan Fatimah bacaannya, sedang merdu dan khusyuk suaranya Ta-Ha mengalir dari bibir, terempuh tapak yang kasar dari luar yang heboh, terhenti Khabab, sempat menyuruh di suatu sudut, dan naskah disembunyikan Fatimah ketika masuk Umar yang marah, menyinggai dan menjeling, membaca setiap muka, dan dengar suara guruhnya bertanya apa didengarnya? Semua menafikan pendengarannya, tiada ayat, tiada surah, semua cekal menyembunyikan. Tapi bertegas Umar pengaruh Nabi dihidunya.

Garangnya tidak setakat suara, cepat tangannya memukul iparnya, Fatimah yang membela, mengadang dan melawan diserang sama. Meleleh darah kerana cedera, wanita patuh pembela suaminya. Seperti kilat yang menyambar, keyakinan dan keraguan beradu, dan seperti pelupa yang tersedar, kekecewaan dan kekesahan bertaup. Dalam ketar dan gusarnya, Umar, masih kacau, menuntut naskah surah biar dibaca sendiri, jeritnya, agar ditentukan resapan pengaruh seorang Nabi ke atas keluarganya. Merintih, Fatimah masih membantah.

Tidak dibenarkan Umar, abangnya, menyentuh surah yang amat suci tangan pemegang perlu bersih, katanya, bukan tangan pemuja berhala. Serentak anehnya, Umar membersihkan diri sebelum diberi naskah surah, dan Umar, pahlawan yang peradang, penyembah berhala sepekatnya, mula terketar bibirnya membaca surah, bertukar wajah dan nafasnya, menjadi amat lembut, secara bertingkat, menjadi terlalu terharu, betapa indahnya surah ini, katanya, betapa cantiknya ia, dan sedang diulangnya pujian yang mesra, muncul Khabab di sisi mereka.



Segala-gala tergamam, hadirin dan masa, mata dan telinga, segala. Ada perasaan yang terimbas semula, rahsia yang lama tertanam, kini, di hadapan Khabab, pembaca surah yang amat merdu, berkata seperti didengarnya semula seruan Nabi dalam salah satu doanya, harapan dari batin yang mengharap, jelas memohon dari Tuhannya, perkuatkanlah Islam di kalangan ummah dengan penyertaan Umar, putera Khattab dan Abu al-Hakam, putera Hisyam, dan kini ketikanya. Umar terpegun sendiri, ketika tersedar bertanyakan di mana Nabi.

Khalayak menjadi amat damai, menangis kerana riang, di hadapan mereka musuh bakal menjadi kawan, keruh menjadi jernih, dan, tanpa gentar dan ragu Khabab memberitahu Nabi di rumah Arqam. Amat tergesa Umar menuju ke gerbang Safa tempat Nabi beribadah. Nu'aim memberitahu yang awal, gerak Umar telah diketahui, dikesani. Dan tatkala diketuk pintu, Hamzah yang hadir, membenarkan tetamu. Dengan yakin berkata ia, jika suci niat datangnya, selesa sambutannya, tapi, jika Umar berniat jahat, pedangnya sendiri akan khianat.

Bersetuju Nabi tetamu yang berang, dengan pedang datangnya, dan tatkala menjongol Umar di pintu, Nabi menariknya ke tengah ruang, bertanya dengan jempunan hasrat besar apakah membawanya ke situ. Umar bukan lagi pahlawan yang garau, pedangnya seperti tertidur, suaranya amat biasa, lebih rendah dan lebih mesra, mengumumkan: O, pesuruh Allah, datangku kepadamu untuk mengisytihar keyakinanaku akan Tuhan yang satu, akan pesuruh-Nya yang membawa pesanan kepada ummah dan dunia. Ketahuilah hadirin Umar menyerah.



Berakar segera dari bawah, merayap keyakinan dan semangat, Umar baja dan air yang baru setelah menyertai Nabi menambah kurasani. Abu Jahal paling meradang, dalam kekalahan sementara, cekal berdiri dikatup pintu di hadapan Umar, disergah dan berulang dicaci. Segala seperti dijangka, Umar, masih merangsang, menghebah berita Islam kini dirinya, dan paling diberitahu kepada Jamil bin Ma'amar. Berita sentiasa seperti api, menyala marak, merebak, dan penyokong Quraisy, pembenci Nabi, menyerang Umar terhendap atau terbuka.

Pada satu detik terlalu genting, dendam dan benci mengunyah segala dan Umar seperti disangkarkan musuhnya, sedia dibakar sebuasnya; muncul pendeta tua Quraisy yang bijak berkata dari sanubarinya, menyebut akibat yang ditahu, dan di tengah angkara para peradang diingatkan kaum 'Adi bukannya bayi, dengan maruah Umar bakal dibela. Pembengis dan peradang bermusim juga, oleh kebijaksanaan pendeta, dijermihkan hasrat mereka, musim bertengkar disirami bunga sabar. Berjarak dan kuasa, Umar dan Quraisy, dalam kalut, tenang seketika.

Umar peribadi yang berfikir, bertenaga, berpedang, kini lebih berkira. Ditanya kepada Nabi kenapa, dalam keyakinan, sentiasa mereka yang mesti bersabar, walau ke tingkat amat dihina, diasak musuhnya. Dan Nabi peribadi berimbang, merasa langkah, berlawan perlu berhemah tidak ditunjuk lagak kuasa, diselipitkan tenaga, bangun bila disangghah. Pada detik yang selesa, dalam bahang sengketa, diatur Nabi langkahnya dua barisan selari diketuai Umar dan Hamzah ke al-Arqam halanya. Quraisy cepat membaca, Nabi dan ummah diyakini akan di situ lama.



Keras pokok di hadapan diri, ranting dan akar terlalu segar melawan bakal sia-sia ketika musim lebih selesa. Lalu Quraisy, pengalaman dan dendamnya matang merancang jalan bertimbang mengapa tidak sama berdiri di tengah Makkah belajar bijaksana, mengapa tidak sama merestu menyembah dewa menyujud Allah, atau, tegas pemimpin Quraisy, sehari disujud Tuhan sehari disembah dewa. Lama diteliti kening Nabi, cuma membaca sebanyak rahsia, gagal mereka, kerana dari awal cekal Nabi, Islam agama tunggal suci.

Qur'an landas memimpinya, menyediakan jawapan tegas berakar, kepada Quraisy, tanpa segan dan tanpa gusar, Nabi menjelaskan tidak sama hakiki kita, arah langkah yang amat berbeda, makanya, tak akan kusembah berhalamu, tak mungkin kau menerima Tuhanku, kerana kamu mempunyai agama sendiri, juga begitu kupeluk agamaku. Terlalu benderang siang hari, seluruh liku batin bermentari jawapan tak perlu disanggah dari segala segi nyata kebenarannya; pemimpin Quraisy merasa amat terluka, Nabi merasa amat bahagia.

Percanggahan menjadi tembok dan pagar bercekau gerak sanubari telah diulangi Nabi pegangan dan sikapnya, Quraisy telah mengerti. Segala bermula di tapak lalu helah disembunyi dendam di sekam, menimbang mereka dengan dacing berbeda masing-masing bertauliah, kerana dalam kocak sanubari tidak mungkin lagi ada rahsia telah jauh perjalanan mereka, Nabi dan Quraisy, sama pengembara yang seorang mempercayai Allah, yang lain memuja berhala di tengah Makkah yang resah tak selari mereka, tak mungkin bersua.



Mulalah debu-debu terkirai bergomol dipacu angin yang menggila, dan panas mentari menjilat kulit bumi, zahir batin panasnya iri; unggas-unggas berkelana kerana tahu dan manusia di dalam debarnya. Ada yang cemar dalam kepala; dalam hati semakin ada yang sangsi; suasana membuka dadanya sendiri, dan bekas luka berdenyut darah. Demikian dihayati semua, pemeluk Islam dan penyembah al-Lata, al-'Uzza. Bahasa tertarah menjadi kasar, pengucapan bisik menjadi jeritan begitu terkesan di tengah-tengah dua kelompok yang bergeseran.

Masing-masing kembali menyelam silam yang amat perih dan sedih Nabi menyelam lebih ke dasar menyimpul segala dari Gua Hira', Quraisy menimba lebih ke diri menimbulkan kemegahan dari semula; masing-masing berpisah di titian pertama, tidak yakin berjumpa. Seperti awalnya, pada senja di Ka'abah berbincang khalayak 'Utbah, sedang Nabi dan pengikutnya tenang dan syahdu dengan ibadahnya. Dua latar dari dua hati mencari jawapan melalui pertanyaan sendiri; terkadang terjumpa terkadang terpisah menjadikan Makkah paling resah.

Terkerlip deras peristiwa derita dari sepi rahsia kini terdedah mengulangi sesuatu dari tak sedar kepada tahu, dan penuh syahdu, dan membisikkan keyakinan esanya Tuhan dan diri sebagai pesuruh, menghebahnya dari khemah ke kafilah, dari kafilah ke sanubari, dan, tanpa henti, diburu, didera, dihina, dan tanpa henti, ada cemar dalam kepala; dalam hati semakin resah. Tapi, tanpa henti, dari dasar sanubari, membara dan menyala keyakinan, sedera mana pun, lestari dari Iqra', pertama, lestari yang suci, Maha Kuasa Ilahi.



Sama-sama bersedia dengan langkah berkira, tapak amat berhati. Setiap didengar berita ditapis sahah dan dustanya, dan dinilai jauh ke dalam batin, diwaraskan fikir. Paling kencang dendam, kini lebih bertabir, tapi paling tajam kisar pedang, dan Nabi, kerana kudus, ikhlas dan doanya, datang khabar dari Jibril, memintanya berjaga, kerana musuhnya kini, dari kumpulan muda, lebih berazam dan lebih ganas, merancang membunuh di mana saja. Kepada Ali, Nabi khabarkan dirinya sedang dalam puncak bahaya.

Pada detik yang teratur, dengan gagah tenaga dan segar langkah, ketika malam sedikit gelita, berdatangan penyerang yang marah. Di hadapan pintu di dalam kawasan rumah, kumpulan menjadi besar, menghidu setiap bau, mendengar setiap kata, meneliti setiap mata, dan hampir serentak disedari mereka Nabi yang mangsa ada di rumah. Getar telinga semakin halus, tersaring setiap suara, dan terdengar suara wanita – Saudah, Ummu Kalthum, Fatimah dan Ummu Aiman – berbual lembut tentang rumah dan diri, berbisik tentang bahaya.

Kerana yakin mangsa di situ, dan kawasan peribadi berkuasa sendiri, menantilah anak-anak muda yang buas berdendam di luar kawasan. Setiap penjuru dirayapi mata, gerak angin turut ditapis sama, kisar suara, dari dalam dan luar, yang tinggi dan yang rendah, masih terus didengar, dicari bahayanya, tipu helahnya, hemahnya, dan semua terhimpun menjadi peta yang terlalu cepat dapat dibaca. Dendam berubah menjadi api menyala lebih berang, lebih ngeri jika terlintas saja Nabi, tanpa belas, akan disambar api ini.



Di dalam Rasulullah s.a.w. setenang telaga sedar bahaya di luar. Di sisinya Ali yang mengerti, meneliti Nabi, bersedia ganti. Diberi Nabi jubah tidurnya, dan dipinta Ali tidur di katilnya. Dalam jubah hijau, lembut dan mesra, bahaya bakal gementar, dan Nabi seperti selalu tenggelam dalam bacaan al-Qur'annya, baca lebih ke dalam hati ke dalam diri, membaca Surah Yasin dengan merdu dan khusyuknya, menghayati setiap kalimat, dan sebaik tiba pada kisah ghaibnya kuasa mata, Nabi pun beredar.

Malam amat malam, tapi kumpulan menunggu menyala matanya; tak terlepas setiap lembaga, didengar setiap tapak dan dehem. Dan kerana dendam mereka, bayang-bayang turut diteliti, bentuk dan tebalnya, ayun dan rentaknya, desir dan senyapnya, segala. Tapi, Nabi, oleh kuasa yang melindunginya, oleh ikhlas langkah terbebas dirinya dari mata, dari kumpulan yang amat bersedia. Dan sementara Ali selesa dalam jubahnya, Nabi lanjut perjalanannya. Di luar kumpulan berjaga masih berjaga, tak ternampak bayang siapa.

Tiba-tiba muncul seorang, berselisih dan mengenali Rasulullah s.a.w., menyaksikan kumpulan di rumah Nabi berhenti ia bertanya sebab. Tak diyakini berita tetamu, dan dikata, sekeliling amat dijaga. Mereka ternampak Nabi masuk ke rumah, dan di dalam pasti dirinya, tak terlepas walaupun bayang dari rumah yang amat dijaga, katanya. Masing-masing mengangguk yakin, tapi dalam risau, mula meracau. Dari tingkap yang bolos dapat sentiasa dilihat orang yang tidur, dan masih di situ orangnya, amat mustahil Nabi melepasi mereka.



Bersama kerdip bintang mereka menanti, bercakap sambil meneliti. Sejuk menjentik badan, mata ditusuk letih, mereka masih bersuara, dan tanpa dijangka, tanpa disedar, segala kata-kata tersia-sia, ketika didongak ke langit, bintang-bintang berselimut awan. Pagi telah menguap, dan di hadapan mereka kini hanya hadir Ali, tak berkata, tak terhurai, sesama mereka ditanya ke mana Nabi. Tetap dinanti, mereka percaya, di dalam rumah, hadir orang dicari sementara bulan pucat ketika pagi, dalam nafas Safar, makin tinggi.

Didengar semula suara wanita, bernyawa dapur, bau masakan wangi. Diingat mereka suara pembaca surah semalamnya, ke mana kini kumpulan yang dendam, gamam bertanya, tak mengerti malam berubah, tak faham bagaimana, dalam malam yang amat dijaga, Nabi tiada. Ada hikmah yang tak terbaca, berunding mereka, masih terasa alpa. Azam baru, cecal baru, pada malam Safar, kawalan akan lebih tajam. Suara semakin ditapis, gerak dikira setiap langkah, bisik dicatu. Malam kedua, jika Nabi ada, jerat mereka akan rapat sampai ke pagi.

Melalui pesanan dari Jibril dikesan cepat bahaya malam yang bala. Ali tersedar betapa Nabi beredar di tengah bacaan surah yang suci; keluarga wanita tenang berbicara, suara menyelinap keluar jendela dan kumpulan yang berjaga, meneliti dengan begitu ghairah, mereka masih tetap terpedaya, betapa bertuahnya Nabi berdakwah ia kini. Dan malam akan bertebat lagi, lebih dalam rahsia, lebih menduga. Ali yang berdoa, masih dalam jubah, memohon bantuan dari Allah, dan amat dipercayai, kudus kalbu, jernih doa, terselamat Rasulullah s.a.w.





Rintik-rintik bahaya dalam suara peribadi berucap dengan gusar tidak dijumpa tapak damai, betapa dicari, tidak dijangka ada. Nabi lanjut dengan kafilah dakwah, Quraisy terus juga berhujah, dan di antara mereka, Abu Talib yang tua, sedang letih dan uzur merenung dari katilnya, bertanya diri nasib kaumnya, dia lara dan sakitnya semakin ke kaki, matanya sayu dan bibirnya lesu. Abu Jahal paling resah menyedari inilah jambatan muhibahnya berunding dengan Abu Talib, dengan rencana, menjadi hasratnya.

Terlalu cepat bintang mengerdip, dan mentari cepat berlalu di antara kisaran waktu, Abu Talib yang sakit, semua tertumpu. Berkumpul Quraisy di hadapannya – Abu Jahal, 'Utbah, Syaibah, turut menunda Abu Talib dan Abu Sufian – rombongan kuat berhajat. Bercakap dari hati, turut dipanggil Nabi, berhadapan, bersepi. Tidak banyak khabar berubah, Nabi amat tahu sejak awalnya, tidak juga banyak yang dijangka, Quraisy masih tetap mencuba di hadapan pemimpin yang sakit, dibuka hati sekilau mentari.

Suara Abu Talib amat meminta, nafas lelahnya berselang garau hajat lama diulangi, dengan mata sayu, segala simpulan diberitahu. Cekal dan gusar inti suasana, dari ketiga pihak berpusarnya Quraisy merasa-rasa debar Nabi, Abu Talib menanti-nanti suaranya dan Nabi santun duduk, mesra mata, menyukat mereka setulusnya, meneliti Abu Talib berulang kali, menyeluruhi wajah-wajah Quraisy; dari inti batin menyelinap suaranya masih pada pangkalan lama disujud Allah yang satu dan kepada mereka juga dipinta begitu.



Seperti tofan seluruh rumah, pusar yang kacau, petir yang buas. Masa mempunyai kakinya sendiri berlari sepentasnya, secekalnya. Hanya Abu Talib merasa tenang, memahami tofan di dalam diri; hanya Nabi merasa damai, memahami batinnya, telah amat bersuara. Dan kini giliran Quraisy, berkata dulu dengan mata, disusuli lidah, dirasa tidak berganjak syarat meminta, tidak diterima apa-apa. Hanya Abu Talib yang tenang bernafas, mencari mereka dengan mata, menggeleng, menggigit bibir, berucap bisu, hanya dirinya yang tahu.

Tiba-tiba Nabi menyedari suasana akhir bagi pak ciknya, bermula hibanya. Kenangan terbang jauh, menjangkau ke zaman bayi, betapa dibela ia; menjangkau ke zaman remaja, betapa dibimbing ia; menjangkau ke zaman dewasa, betapa disokong pula. Sedihnya sedih yang jernih, embun kemerlap sejuk mendasar, begitu diteliti Abu Talib, amat bertanya ia betapa sedemikian lama, dalam mengajar dalam bersama, masih teguh pegangan pak ciknya, memeluk agama nenek moyangnya, patuh berakar tidakkah wajar Islam dirinya, dan disarankan lagi Tuhan yang satu.

Saling berbantah dalam fikiran, lidah bertingkah saling mencabar Abu Jahal penyala api, tidak dibenarkan pujukan Nabi, dengan teman di sekelilingnya memihak ia kepada berhala semakin nyaring hujahnya. Sementara gegar balah hujahan, sebentar ke Nabi, sebentar ke 'Utbah terlalu keras dari Jahal dan Syaibah, dan Abu Talib menyaksikannya. Detak dinding, gerak tingkap kibar langsir mula meningkah-ningkah perbalahan mempunyai nyawanya sendiri, nyawa pesakit telah terhenti Abu Talib pergi tanpa memihak, Nabi kecewa gagal mengislamkannya.



Pilu sampai ke hulu hati, kata-kata tak terhurai, dan gelita segala. Nabi meneliti di hadapannya menilai watak-watak menyanggah, cuba difahami tak dimengerti, cuba dimengerti tak difahami begitu watak yang saling menyanggah dari awalnya berdakwah, di hadapan pemimpin amat disegani mereka masih berkeras diri. Nabi amat terharu mengenangi beberapa peristiwa lalu, dan 'Utbah paling tertera beberapa ketika, kerana ia cuba melentur Nabi dengan tawaran yang mewah harta, kuasa, kemewahan seluasnya.

Dikenangi Nabi, pada detik genting berharga, tawaran luar biasa jenaka dirasakan di dalam diri, dan 'Utbah seperti terpesona, percaya yang akar, salam yang erat, anugerah dijangka memikat. Nabi peribadi tak tergugah, menimbang menilai memang asasnya, hadiah disedari senjata, anugerah mewah lebih bermaksud, dan di atas takhta sedia memberi, mudah disebut, mudah didakap, tapi bagi 'Utbah pewakil kuasa, ingat menjawab, lupa bertanya, dan mendengar "Ha Mim" diucap Nabi bertambah kagum dan pesonanya.

Suara sudah suatu rangkulan, dari dasar hati salam disampaikan dan telinga deras merakam bacaan dalam bahasa Arab bagi semua yang tahu, bagi yang tidak tenggelam lama dalam ragu, menunggu. Didengar setiap kata di atas lagu paling merdu, di dalamnya erti yang sakti membawa peringatan, membawa berita gembira, dan pada ayat ke-37 dilihatnya Nabi menyujud, jermih dalam peribadi, didengarnya risalah bertamsil indah - peringatan dan berita, dan 'Utbah bin Rabi'ah memberitahu semua, Nabi jangan lagi diganggu.



Dan kembali kisah mengejar kenangan kabus tersisih sesopannya. Tanpa musim, gugur daun demi daun bercerita setiap uratnya kini saat bertimbang, dalam ragu, dihidu cecal nafas peristiwa. Jelas, yang datang bersambung dari yang pulang, garang berkias ia, terkocak, berbisik dan menjerit, tanpa tafsir yang dapat dibaca tapi dalam debar tersentak, deru bertapis, bertengkar harum bunga. Dari sini bersambunglah ghairah cerita, purba dan baru, bermaruah. Bagi ummah, inilah musim pesanan mendapak segala yang jujur.

Ketahui sudah seraminya peribadi Nabi yang jujur, amat luar biasa. Sejak kecil petah lidah menakjubkan Halimah yang cermat mengasuhnya, khayal yang nyata di hadapan hadirin dan kisah bukan renda ciptaan begitu ikhlas dikata, begitu lancar ia, begitu bersahaja pula. Yang dinampak lebih ternampak oleh suara dan cara sebutannya terbangun kisah dari ingatannya, sungguh bersih, jernih langit mega bercerita ia tentang kotak hiasan zamrud hijau yang amat memikat; di tangan yang sama tertatang kendi bersamanya mereka ke gunung.

Rakaman takjub dari hati hadis menghebah pengalaman yang kodus tiga manusia mengunjungi Baginda nyata bertugas setiap mereka; dibenamkan tangan dibasuh ususnya, dan salji di kotak airnya peribadi kedua menangani jantung noda hitam cepat dibuangnya, dan tulang dada hingga ke pinggang diusap oleh peribadi ketiga dan malaikat yang hadir pendorong peristiwa berkata jika ditimbang berat Nabi akan mengatasi sepuluh anggota, seluruh masyarakat malah. Dari puncak Nabi dibimbit, tanpa gentar, lalu peribadi itu terbanglah.



Berulang kisah ketakjuban, melangkahi usia, mengatasi khayalan; kebesaran seorang Nabi kuat nafasnya, keindahan tidak terlukis, ketakjuban sukar ditanding, dan manfaat sampai ke hulu lidah. Begitu tanpa disebut Nabi, atau secarik disebut, lama gemanya. Busut menjadi gunung, tasik berubah laut, bisik membesar tofan kerananya, dari nafas yang dipelihara, suci dan kudus kisahnya disenangi para sahabat, dibimbangi Quraisy yang mendera, dan sering terbancuh oleh musuh, sering terjernih oleh sahabat.

Sehingga berbau cemar dan suci, melangkah lebih merasa, dalam diri, sentiasa dicari obor yang jati, dinyalakan hanya sekali. Benderang seluruh angkasa mengawani bulan dan kumpulan bintang, begitu niat dan hasrat dari awal, mengejar kerana mengerti, dan sama bercerita di tengah ummah dalam khemah, dalam kafilah, yang inti ajaran Nabi, peringatan dan bimbingannya, Maha Suci Tuhan yang satu, dan Muhammad s.a.w. pesuruh paling kudus, melaluinya bakal berkembang Islam di tengah ummah yang terlalu dicabar.

Pada senja indah dan sayu, pada malam gelita yang sepi, selalu menyelip kenangan penderaan yang amat bermakna, dimengerti, dan taman menjadi di setiap dada melalui siraman dakwah, dalam damainya beribadah, teguh iman tak tersanggah, merancang tak terhenti bagi Nabi. Semakin cekal disanggah berhala, menyala kekuatan diri, semakin digesa kaum Quraisy yang marah dan pada detik berkhawat merenungi alam dan batin diri, menjadi utuh segala, se segar dan sejernih Zamzam, didakap azan yang suci.



Bunga-bunga gurun tumbuh, burung bersantai mencari dahan, ucapan alam dalam rahsianya, terlalu direnungi dan dibaca, tak sua, terlalu dicari. Dalam kalutan Makkah, bahaya yang sengaja dinyalakan dari awal hati ke senja kata, Nabi menyaring segala arahan, wahyu yang terencana dan yang tiba-tiba, Nabi mengembalikannya kepada ummah, mengingatkan, dalam dan kudus, bumi sekadar sementara berhenti mencari reda Allah, menjadi hamba-Nya yang setia, dan mengisi kehidupan di dalam dan di luar kafilah dengan mesra ibadah.

Dalam murka Abu Jahal di sisi al-Lata dan al-'Uzza sentiasa celik malam diganggu mimpi dan jaga siang, kerahan penuh bara, kerana damai dan syahdu suasana di sebelah kafilah Nabi, walau, sentiasa disanggah dan didera. Wahyu datang pada penting ketika, dan terkadang berjarak, mendadak datang pada genting ketika, memberi kekuatan dan bimbingan, mendewasakan pengalaman yang baru, dan, Nabi yang menambah ummahnya sedikit tapi berlangsung, bersabar melawan kerana suci maruah, merancang kerana kebajikan ummah.

Berdatangan pengalaman, terkadang mengejut, dianugerah hemah, terkadang, dalam samar seketika, mengerlip cahaya petunjuk, menjadikan warna bahasa tamsil yang ditafsir sendiri, menjadikannya panduan setiap langkah, serasi dengan debar hati, muhibah dengan fikir yang terdesak, dan oleh anugerah, dan oleh bijaksana tersedia, kafilah Nabi, betapa ia dalam resah, masih kafilah yang waja. Dan malam dijadikan selimut berhemah, siang digantikan rasa waspada, begitu, antara wahyu dan ibadah, mengakar, berpohon cekal ummah.



Pada suatu malam lena, tidur yang mesra, telah mercup mimpi terlalu di hati. Berpohon ia dalam baur warna, tak dengan lidah lancar bersuara sekitar pertemuan bermakna hak seorang Nabi setelah membelah bulan dengan jari terkuak Hira' di antaranya dalam celik, mimpi menjadi begitu senafas dan sehati kerana ada ucapan terlalu berpesan manfaat bagi seluruh ummah, dan peristiwa teka-teki bagi Quraisy, anugerah abadi bagi Nabi begitu dilalui dengan tapak lembut, begitu jujur diceritakan.

Terbangun dulu malam bersedia menanti kehadiran seorang Nabi, terhampar permaidani batin, terbuka gerbang, menyelinap bisik, telah teralih selimut mimpi, dan segera ternyala lampu dini dalam cakerawala baru, merintik pesan rahsia, telah bersedia Nabi bercakap dari detak jantung, dalam sepi, hadir ayah yang dijanji dan beriak-riak surah sebelum bergelombang dan meresapi diri yang serentak diikuti ibadah paling panjang pada malam sakti; di hadapan jernih terserlah titian arah kemerlap dengan baraqah.

Mimpi kini sebutir mutiara menyilau putih, mengenyit terlalu indah, terlorot diri ke dalam cakerawala dalam rayapan harumnya mawar, dan tersedia tapak memulakan tamsil, suara siapa mula berkata tersingkap tujuh tabir berkibar, dan terserlah keajaiban, dan Nabi hadir dengan jubah merahnya, luar biasa, lebih ke mawar dirinya. Bersandal ia, gerak mengenal arah, lembut bersukat, lunak menapak dan hampir mendadak dalam ketakhadiran hadir ia di alam terpilih, bermula taraf baru, dalam selubung baraqah, terhidang alam syahdu.



Kisahnyanya hanya kepada sahabat yang membantu dan amat mengerti, tidak tercakup pandangan mata, tidak terwaras sekadar berhujah. Pengalaman dalam dan luar mimpi, penghayatan dalam dan luar diri banyak tabir yang sukar disingkap, kekaguman tak juga terhurai, tapi, berfikir dengan hati, merasa dengan fikir, boleh terserlah, dan boleh dipercayai, titis air tidak berbunyi, bunyinya ada; burung terbang tidak menghinggap sekadar sementara, menghinggap ia; kepada sahabat diceritakan Nabi dalam bisik bertamsil, juga doa.

Satu perjalanan singkat yang panjang, malam yang amat dihadihkan Masjid al-Haram simpuh bermula bersimbah doa ke Masjid al-Aqsa menjadi segalanya dalam rencana baraqah mengatasi baraqah, dan langgam bergerak teratur sendiri, hala direstu, sejak awal turut tertentu. Melihat untuk ke dalam mengerti, bercakap untuk ke makna hakiki – perjalanan singkat yang panjang amat dihadihkan makanya tanda-tanda yang terserlah, ternampak, terhayat semua bukti hadir satu kekuasaan, dalam bentuk mana pun, tiada taranya.

Hijrah sungguhan bakal bermula, dan setahun sebelumnya, diberi tanda Rabi'ulawal Isnin keputeraan Nabi, tanggal yang sama dipilih Rasul, berulang kini tanggal bertuah, keindahan dan harum tak terkisah. Memang melihat untuk ke dalam mengerti, bercakap untuk ke makna hakiki – memang perjalanan singkat yang panjang, keharuan mengagumkan kerana langit luar biasa jernihnya, malam yang tenang bersama bintang, kerlip dan desir alam berkata-kata, bisikan dan doa tiada hentinya kerana pada malam yang khusus, Nabi dimi'rajkan Allah ke angkasa.





Rimbun daun bergayut di ranting, dengan ghairah, mengeliat jalar, ranting mendakap dahan. Menghirup zat sinar dan air, pohon inti memeluk segalanya, menghulur saraf ke bumi, merayap sebagai akar. Sebati dalam keluarga alam, serasi sedenyut dengan tanah, demikian berceritanya rahsia dan ketakjuban istimewa perjalanan malam Nabi. Seperti daun mendakap dahan, bercabang mengejar pohon, mengalir dalam sarap, menegap dan menjirus ke akar, perjalanan bermula dibimbing Malaikat Jibril, tetamu dan wakil menyampai wahyu Tuhan.

Berimbun tafsir sesegar daun, berbisik dalam irama unggas dan bayu, cerita yang amat berhikmah, disuburkan oleh khayalan, menghebah ia. Masjid al-Haram salam dimula mengiringi doa sebati hati ke Masjid al-Aqsa perhentian bersukat dan bermatlamat, terjulung ke langit kemudiannya. Bumi kehilangan rupa dan suara, alam angkasa terhampar, amat berkata mengenai tanda-tanda yang terlalu mempesona. Tak cukup dicerita lidah. Berkunjung tamu, bergerak kafilah, di dalam dan di antaranya tergamam khalayak, paling mesra di sanubari, dan kepada mereka awal tafsir.

Sedang tidur damai di Hijir, sedang tenteram sepenuh, datang Jibril. Kata Nabi demikian bermula sebelum menjadi rimbun daun, menggeliat jalar sebagai ranting, sebelum mendakap dahan ke akar, begitu kisah. Diusiknya Nabi dengan kaki, mesra dan sayang, tercelik Nabi duduk, dalam bertanya, menyeluruhi yang hadir, kosong lengang tak bernafas. Sebaik tidur kali kedua, terusik lagi oleh kaki, dan tercelik Nabi, menyeluruhi yang hadir, melihat yang tiada, Nabi terasakan pesan. Tiga kali Nabi dikejutkan seperti diusik, tapi bersungguh ianya.



Dalam lembut lenggang andang bayang-bayang mempunyai lidahnya, berbisik ia tentang iklim dan suasana, menghantar ia rahsia, didengarnya dengus unta, sesekali tapak berlaga, terhirup resahnya. Malam mula menguap, sudah berlalu azan, malam mencari dengkurinya, dan ada bahang mengingatkan, sejuk mengalpakan, saling bersilih. Malam masih Rejab bertuah, terlalu dirasa pesan yang dihantar dan dalam baur dan retak suasana desir pasir yang menggetak kini damai sendiri, dan Nabi, celik cergas, menyedari tugasnya.

Sambil bertapak terpercik ingatan, bisa gigit dan cekau Quraisy, Nabi mengutip rintik-rintik makna yang berapungan sekitarnya, dan berombak tabir di sudut, di tangga berselerak kasut kembara. Doa melimpah berulang-alik menjernih dan mendamaikan dirinya tapi deram dan dengung bayu yang jauh kuat melintas di Makkah bersama regek unta, kicau unggas, jerit kuda dan tutur manusia. Sudah awal terhantar pesan, amat mustahak, sudah berada di takhta. Dari dingin menggigil, Jibril yang menyapa, kudus arahannya.

Ditengung sayup ke ufuk gelita terlihat lidah kilat terkenyit, satu bisik dan satu jerit tersimpul dalam hemah semesta dikiraikan memantik tamsil cepat dibaca erti di baliknya terhimpun ia tapi masih kekalutan suara yang tak mudah dikesan dan deras langkah antara khayalan dan mimpi tersedar kini Jibril di hadapan penuh hemah dan hikmah membentang sanubari; malam terpilih dari mimpi yang tergerak kini hadir Nabi, dan sedang menanti Buraq di pintu Ka'abah, mereka menghala ke arahnya.



Akan bermula satu bimbingan dari bumi dasar ke luas cakerawala; akan, dalam peneruangan diri, terhampar satu dan rahsia berfikir tak terfikir, merasa tak terasa, begitu ajaibnya; dari menjadi, tak dirancang, dirancang bukan hak insan, satu anugerah paling permata, kerlip zahir yang payah dinilai, begitu dalam setiap langkah ke arah Buraq kekaguman meningkat dari busut heran ke gunung takjub kembali ke lurah ghairah, bersedialah Nabi memasuki gerbang hati yang paling jernih.

Malam masih bernafas di Makkah di bawah langit yang terharu tiada yang tahu betapa Nabi akan melalui keajaiban masa. Semua sedang bermimpi dalam alam-alam berbeda, dalam sepi, semua di buminya berkira yang tak tercapai betapa dicari, semua dalam batinnya bersuara, bisik yang nyaring, kagum tanpa batas, menanti tanpa masa, belajar tanpa tahu, dan bakal dewasa, satu bisik dan satu jerit tersimpul dalam hemah semesta, begitu Makkah di bawah langit yang terharu pada malam itu.

Dan Jibril masih menarik tangan Nabi, dan Buraq semakin dekat; putih bentuk kuda miripnya dan bersayap pada pangkal pahanya tak terhayat oleh mata, tak tergambar oleh lidah, istimewanya. Dan bersedia dirinya bagi Nabi dengan keredaan dan khidmat terpancar dari cara sambutannya, bersedia dan penerimanya, dan dengan disebut nama Allah, dengan ucap syukur amat tulus naiklah Nabi ke atasnya, Buraq yang tenang bersedia di Ka'abah, dan bergeraklah mereka laju meluru mencecah ke Masjid al-Aqsa.



Amat mendadak segala berlaku, setiap detak dihayati Nabi, pemandangan yang bercerita, dalam tamsil atau di luarnya, semua mempunyai makna bagi Nabi dan umatnya – semua dinikmatnya. Malam Rejab dua puluh tujuh, terpilih dan dianugerah, malam tuah kembara kilat yang amat sempurna, mendesir angin dan udara, harum sekitar diri dan semerbak melimpah seluruh kembara di Jerusalem yang belum dilihat, tak pernah disua, kini dirinya di mana menanti para nabi terdahulu dan Nabi mengimami mereka.

Bait al-Maqdis bumi mempesona, tanah amat baru dijejaki Nabi, dan bertemulah Baginda dengan Nabi Ibrahim, Nabi Musa dan Isa dalam lingkungan dan suasana payah dicerita kerana syahdunya. Berjemaah mereka dalam kekhusyukan dan kedamaian yang asli, berucap masing-masing dalam satu paduan rohaniah yang hakiki menyembah Tuhan yang Maha Esa, mensyukuri segala anugerah-Nya, dan sebelum berpisah, secara tersedia, Nabi diberi dua wadah piala sebuah berisi arak dan sebuah lagi susu yang jati putih.

Sajian menguji tanpa dihebah, dan Nabi tenang di antaranya, hadirin memerhati tanpa kelip, menunggu saat minumannya; mulia dan suci peribadi Nabi memilih dengan neraca tersedia berkira dalam sanubari, berhujah kepada diri, dan dengan tangan amat cekal di antara dua piala yang dihulurkan, Nabi memilih yang berisi susu, diteguknya penuh syukur dan tanpa ragu, diteguknya ke akhir titis, bersinar mata oleh nikmatnya berkatalah Jibril tegukan Nabi amat direstu. Arak diharamkan.



Sebelum sampai ke cakerawala, sedang lena di masjid yang suci, telah dijemihkan kalbunya, menunggang Buraq layang yang sakti, dan jauh dari Hijir di mana tidur alam dan manusia, dan dalam mimpi, telah jauh ke angkasa seluruh diri dan batin Nabi, dan kini selepas meneguk susu, menolak arak dan madu, menghadap ia keajaiban, terlintas sebentar, melintas sebentar, amat haru; pesanan yang kemerlap, dibaca dalam aneka tamsil, mengembang di hadapannya, ditenung dan dihayati sebelum dipetik satu-satu.

Terlalu bahagia dirinya, dalam nikmat padat, amat bersyukur ketika meluru di atas Buraq, kecil dari keldai, besar dari unta dan bersama Jibril sampainya di lapis syurgawi pertama, sedia kata menyambuti kedatangannya, kemudian temui ia akan Adam, terlalu dihormati, dalam suasana tak terhurai, mesra disalami, dan meluru dan menjulang lagi Nabi menghayati rasa tak terkias, dalam detik tak tersedarkan menjamahlah ia ke syurgawi kedua, tegur bersapa salam berbalas dan ditemuinya pula Nabi Isa.

Menjulang lagi ke syurgawi ketiga lapisan tiada terbanding, dan seperti di lapisan pertama dan kedua, Nabi disapa amat mesra, Jibril mengakui Muhammad s.a.w. di sisinya dan telah diterimanya wahyu; direstui Nabi ketika tibanya berhadapan dengan Nabi Yusuf, diberinya salam penuh hormat, diterima dirinya penuh dakapan, menyelinaplah rasa kudus, dan menjaralah keterharuannya telah tiga nabi-nabi lalu disalami, disapa dan sekasihnya diterima; terlalu ia menghormati dan dihormati terus damai di sisi Jibril.



Dalam rentak dan kesyahduan yang separas, di sisi Jibril masih, terpimpin Nabi ke syurgawi keempat, kelima dan keenam, dan dalam setiap ruang mempesona berjumpalah Nabi tiga nabi lagi – Nabi Idris, Nabi Harun dan Nabi Musa – sapaan amat mesra dan dakapan bahasa utama mereka, kekaguman demi kekaguman, tumbuh dari batin, dan suara benar-benar menjadi tangan paling menyalam, mendakap, dan kata-kata menjadi jari yang amat lembut membantu kerlip mata, bercakap tentang kebesaran Allah dan ibadah bagi kesejahteraan insan.

Para syurgawi keenam salam dan pertanyaan mengiraikan warna kagum. Nabi Musa sedang di situ ketika Rasulullah s.a.w. masuk di sisi Jibril, memberi salam Nabi kepadanya, membalas salamnya terlalu mengharukan kerana, demi berselisih, tiba-tiba teresak Nabi Musa, amat basah. Mengapa air mata seperti anugerah, pilu apakah yang paling bertakhta? Dan menjawab Nabi Musa, sedu yang ikhlas, tangisnya, kata-katanya, kerana khalifah lebih muda didatangkan selepasnya, amat ternyata, bakal lebih ramai ummahnya diterima ke syurga daripada pengikutnya.

Belum terpisah dakapan haru, Nabi, di sisi Jibril, ke syurgawi tujuh, ditanya dan disambut ia seghairah dan semesra nabi-nabi awalnya, Jibril masih memperkenalkan, masih membimbing, dan Nabi Ibrahim pula di hadapan mereka, tuan rumah yang penuh menerima, mereka bersalaman. Pada detik paling lembut, Jibril, selepas ditanya dan menjawab, memberitahu Rasulullah s.a.w. dihadapannya seorang bapa manusia, bersalam dan berdakaplah lebih ke inti batin, merasa lebih ke inti, dan suasana, dan mereka, dan suara, dan hati berdakap seakrabnya.



Detik menjadi lebih sakti perjalanan lebih terarah dan rahsia di sini kekaguman menjadi dasar dan mata mencari, bertanya, kerana Nabi dibawa ke pohon Sidrah tempat terlarang selebihnya. Di situ mengalir empat sungai, dua zahir, dua terlindung. Ketika ditanya apakah ertinya zahir dan ghaib sungai-sungai itu, menjawab Jibril dengan yakin yang dinampak dua sungai di dunia, yang terlindung dua sungai di syurga, tak lebih didedah makna, kecuali yang termampak Sungai Nil dan Sungai Furat di dunia.

Dibawa Nabi ke rumah tetamu tempat ujian arak, susu dan madu dengan bijaksana pilihan Nabi amat tepat dan direstui Jibril. Demi ummah kemudiannya ditentukan solat lima puluh waktu, dan ketika melintas pulang menghadapi Nabi Musa disaran pinta dikurang kerana, katanya, tak akan terdaya dikerjakan para ummah, lalu kembali Nabi menghadapi Tuhannya memohon sendi solat dikurangkan. Sepuluh waktu dibenar gugur, dan empat puluh waktu direlakan; digesa Musa berulang sehingga ke lima waktu paling direstukan.

Penerbangan yang tak terlukis melalui Buraq di sisi Jibril, lawatan tak terfikir dari lapis ke lapis syurgawi yang rahsia. Penemuan tak disangka dengan nabi-nabi awal yang pernah ada; perbincangan tak diduga menghurai peribadi dan peranan ummah. Penentuan penuh anugerah dan syarat solat yang sempat diserasi, segala menjadi simpulan bagi sanubari yang penuh amal termungkin hanya oleh Nabi yang jujur mengerti di samping ikhlas berbakti yang tak dijangka begitu dimulia bagi perjalanan semalam syurgawi.



Sebelum pagi waktu itu, telah tercelik Nabi, ingin segera bingkas; pengalaman bukan rahsia peribadi, amalan baik wajar disebar. Dengan cara amat sederhana, lidahnya dan telinga Quraisy, berkisah dan mendengar, takjub dan kagum bagi ramai, berfikir segelintir. Perjalanan malam kini berjalan sendiri didengar dan dikisahkan, menjadilah ia kisah berbisik kerana beberapa ketakjubannya, dan dalam desir angin dan selerak pasir, masing-masing berhujah - setengah percaya hampir terpaksa, setengah menggeleng tak menerima.

Abu Bakar cepat menjadi tumpuan, didengarnya kisah pelbagai tafsir; memang takjub dan kagum bagi ramai, berfikir rasanya makin segelintir dan apabila menjulang kisah rahsia dengan kekaguman luar biasa berfikirilah Abu Bakar amat wajar ketikanya, sesuai waktunya, ditanya dari Nabi sendiri. Melindung memang caranya, dirasa memang tugasnya, lalu, pada detik amat serasi, ketika suasana lembut mengizinkan, pergilah Abu Bakar, dengan cara santunnya, menerka sebelum berucap, dan berucap secara bertapis; bertanya ia kunjungan Nabi ke Bait al-Maqdis.

Tidak tersangka sedikit pun Nabi, tidak gusar, malah tak juga gentar; seperti diduga setiap tanya, dan telah pun sedia setiap jawapan. Tapi, berhati-hati juga Nabi, kerana faham keraguan umum, berkatalah ia memang benar desus khabarnya, dan memang malamnya ia ke sana, satu perjalanan yang amat panjang, dan dilakukannya hanya semalaman. Bertening ia ke muka Abu Bakar, dan bersepi Abu Bakar menelitinya, ada khabar cepat dipercayai, ada kisah perlu disah, terasa inilah ia benar nyatanya kata-kata merata Nabi kembara malam ke Bait al-Maqdis.





Bagaimana ditahu tanpa ujian, jika kata, sekadar ia, bertebaran; melihat tentu mengingat dan berdiri pasti terbukti – itu yang dicari, dan kepada Nabi, yakin berhadap, Abu Bakar mula menguji, bertanya jika ke Bait al-Maqdis ia, kota yang tak pernah ditempuh, bagaimana keadaan dan rupanya, kerana, melihat tentu mengingat dan berdiri pasti terbukti. Nabi teringat oleh Jibril, terbang yang amat kudus, sedang lena dirinya tiga kali diusik kakinya, dan terarah dirinya ke Buraq menanti, kecil dari keldai dan besar dari unta, terkejut ia.

Begitu dimulakan gambaran, menyusur ke awal peristiwa, dan berlanjut; memang mendadak segala berlaku, pantas terderas, pada malam Rejab, mendesir angin dan udara semerbak melimpah seluruh kembara, kilat yang amat sempurna. Dan pada saat ditentu lembut tercecah dirinya ke Bait al-Maqdis, lalu, dengan khusyuk yang tak tercerita, diberitahu tempat-tempat yang dilihat, disebut sampai ke urat, dilukiskan setepa mata, dan Abu Bakar yang mendengar setiap kata, terpapar pemandangan dicerita kagum dan membenarkan setiap penerangan Nabi.

Khalayak Quraisy berkumpul mencabar telinga dan lidah, kini berbalah; dicerita jujur pun kepada mereka Rasulullah s.a.w. tetap terus diragui. Seperti awal jangkakan Abu Bakar, mereka lebih berhujah, jika melihat tentu mengingat, jika berdiri pasti terbukti dan kenyt mata tanda ragu, dan mereka, semakin ramai dan degil, semakin mendesak bukti, dan Nabi tenang dan sabar memang jubahnya, dalam derita ia ketawa; bertanya ia menjawab, diragu ia jermihkan, dan dihurainya penuh ingatan dari sisi Jibril, bersama Buraq, di Bait al-Maqdis didaratkan.



Antara perjalanan malam yang rahsia dilewati beberapa tanda, dan Nabi, jujur ke sanubari, memberitahu, kerana itu tuntutan mereka. Pada satu detik yang deras, kata Nabi, dilewatinya kafilah Bani Fulan. Mereka berkelana di sebuah lembah. Terlihatkan Buraq kenaikan Nabi serentak terperanjat mereka, dan, seekor unta meracau demikian jauh. Dan mengarah ke negeri Syam dan singgah di Dhajnan dijumpa lagi kafilah Bani Fulan yang sedang letih dan amat terlena, dan Nabi membuka wadah minuman mereka meneguk ala kadar demi hausnya.

Dan yang lain-lain dicerita Nabi tentang kafilah dan unta mereka, khusus ketika menurun di dataran Baidah di tikungan di jalan Tan'im dan tentang unta coklat tua yang bertompok dua - hitam dan berbelang. Amat tenang dikisahkan dan terlalu setia kepada lukisan, benderang terlukis di hadapan mata, tapi, kerana sifatnya Quraisy, tak juga sedia dipercaya. Berbondong makanya mereka ke tikungan yang dicerita dengan mata sendiri ingin disaksi, dan betapa terperanjatnya mereka sedia ada kafilah yang dikata, juga sedia hadir unta yang disebut.

Betapa lagi tidak dipercaya perjalanan malam yang amat luar biasa kepada Abu Bakar terhurai jelas segala disaksi di Bait al-Maqdis, dan kepada khalayak Quraisy telah dibukti kesan kafilah dan unta cerita yang berkembang, disangsi dan diterima, menjadi hadir depan mereka. Dan dalam rahsia yang disangsi dan diterima Quraisy, turut tercerita peristiwa lebih mengagumkan mereka - kisah betapa dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa kemudian dimi'rajkan ia, menyaksikan keajaiban betapa besar dan istimewanya kuasa Allah.



Dan ia adalah Nabi, pengalaman khazanah, hidup terhayat jelas apakala selepas awal isra'nya telah disediakan tangga luar biasa, dan Jibril, memang tugasnya yang tersurat, menempatkan Nabi ke tangga, dan dengan peristiwa terancang batin, naiklah mereka menghadapi pintu Hafadzah di mana, di hadapannya, dijaga Ismail, malaikat yang mengepalai dua belas ribu malaikat. Bertanya dan menjawab, tentang diri dan martabatnya Nabi, dibenarkan mereka ke dalam, satu pengalaman amat mengajar dan mengasyikkan.

Manusia pertama yang dijumpa, syahdu dan tekun dengan tugasnya, dilihat, berhadapan ia dengan roh-roh manusia pergi balik bermakna yang baik dari yang baik, senang damai berlalu; yang jahat dari yang jahat, ngeri dan amat jelik. Dan Nabi di sisi Jibril, meneliti dan berfikir, bertanya kemudiannya, di hadapan seorang yang tekun siapa dirinya begitu tugasnya. Nabi segera dimaklumkan itulah Adam yang gembira berhadapan dengan roh yang baik; dan amat gelisah menyaksi roh jahat keluar dari jasad yang pastinya jahat.

Sedang di dalam gelora kawan neraka, disaksi keanehan lain; manusia-manusia yang bermuncung seperti unta sedang menelan gumpalan bara marak, memasukkannya ke dalam mulut dan keluar pula ia dari dubur mereka – pengalaman yang mengimbaskan makna. Apabila ditanyakan sebabnya Jibril tidak teragak memberitahu begitulah mereka yang ketika hidupnya amat galak sekali memakan harta anak-anak yatim; tanggungjawabnya untuk memelihara, tapi oleh halobanya, tanpa belas, ditelannya harta.



Masih terus disaksikannya neraka, pengalaman yang memakna, dan kini keanehan yang lebih bertanya kerana di hadapan mereka bergerak kumpulan manusia terlalu boyot perutnya, kenyang yang sukar difahami. Banyak tafsir yang terdedah pada manusia sebegini, kerana, sambil terpaksa menyeret perut, sedang bergerak mendalami neraka, mereka diunjuk oleh malaikat, membibitkan tafsiran yang beraneka. Dan apabila ditanya apa sebenarnya, dan Jibril yang di sisi Nabi memberitahu tanpa selindung kumpulan itulah manusia pemakan riba.

Terhampar pula pemandangan lain, dalam gelut dan resah, bergerak kumpulan lelaki yang kais-mengais mencapai daging di hadapannya. Bukan sembarangan daging bergantung, dua jenis amat bermakna, sejenis daging yang sungguh segar, baik isi dan baunya juga, dan sejenis daging yang amat busuk dan meloyakan - dicapai-capai mereka. Tapi begitu ramai dan begitu berebut daging yang busuk diragutnya. Pilihan penuh bertanya, kegemaran terlalu aneh, dan bila ditanyakan kepada Jibril cepat ditegaskan itulah lelaki pemilih wanita yang haram.

Dan lebih menginsafkan pemandangan baru kerana yang bergayut wanita dari payu daranya, dan apakala ditanyakan musababnya, berkatalah Jibril itulah sang isteri yang sedia ditiduri mereka yang bukan suami halalnya, dan itulah mereka yang melahirkan anak yang bukan dari ayah yang sebenarnya - betapa aibnya segala, terlihat segalanya ini dengan kebenaran Malaikat Malik yang sentiasa resah dan hiba, kerana pada setiap ketika dan peristiwa kemunafikan batin yang dihadapinya dan neraka itulah puseranya.



Sebahagian besarnya tersebar cerita, takjub yang enggan diyakini keluarga Quraisy; perjalanan menunggang Buraq, isra' di antara dua perhentian, betapa dikisah pun, mereka tak sedia percaya, kerana semalaman kembara dari dan di antara dua jarak dengan pengalaman dirasa aneh bukan satu kebenaran biasa bagi mereka. Tapi, suara angin lebih deras, bisik manusia berkembang garau, betapa dinafi, menyalanya mengatasi api, dan menjejak ke hati; pengikut Nabi, dan semakin hari, semakin bertambah jumlah ummah.

Ternyata serasi dan sedenyut dengan tanah demikian berceritanya rahsia ketakjuban keistimewaan perjalanan malam Nabi terakhir, bermula dari damai tidur di Hijir, tercelik oleh usikan Jibril, pada malam Rejab bertuah dalam deras terpanas larian Buraq; terjamahlah dua tanah yang amat berjarak berdiri dua masjid suci, Masjid al-Haram dan Masjid al-Aqsa, terlalu dirasa pesan dihantar, tanda-tanda keagungan Maha Pencipta, Malaikat dan para Nabi-Nya, kilat-kilat neraka mereka yang berdosa, segalanya tercerita.

Kebesaran dan anugerah dari bumi ke langit ke luang cakerwala terpilih hanya untuk Nabi. Segala mukjizat yang disimbah hanya ke atas Rasulullah s.a.w., segala peristiwa, betapa genting, dilaluinya lapis demi lapis membuka batin, menjadi akar tulus, merimbun pohon maruah, dengan pesanan dan peringatan yang cekal dihebah bahawa dari Ka'abah bermulanya, solat menjadi sendi istimewa, meluhuri sanubari, menyembah hanya ke Allah yang satu, dan isra' dan mi'raj, perjalanan semalaman syahdu, bakal memperkukuh ummah.



Lebih luas didengar kisah mukjizat Nabi, lebih mendalam dengki Abu Jahal. Dengan teman-teman Quraisy amat cemburu, amat terbuka, rancangan mereka semakin kasar, dipintas segala yang lalu, disekat setiap kafilah, dihalang makanan dan persahabatan, ke atas mereka pengikut Nabi; dan segalanya, siang malam, tiada batasan, ditumpu ke keluarga Nabi, dikesan setiap gerak, didengar setiap kata, dikeji setiap usaha, dicanggah setiap dakwah. Marah sungguh menyala. Dan dengan langkah amat berkira, Nabi cekal mengembang agamanya.

Tak terkikis kisah ajaibnya, tiga kali terbedah dada, tiga kali dicurahi hikmah, cerita yang terlalu disangkal kaum Quraisy. Tak terkepung berita luar biasa perjalanan pantas dengan Buraqnya melintasi gurun secepat kilat, cerita yang didengki kaum Quraisy. Dan kini, dalam berjaga, riuh Makkah sepi tiba-tiba, amat kurang aliran kafilah, memercikkan wasangka dan cemburu dan amarah. Sesuatu, dalam bersahaja, menjalar sebagai akar, tak terlihat di permukaan, bernafas dalam rahsia, mengalir ummah ke Madinah.

Di tengah gurun, di sekitar Makkah, Abu Jahal yang dendam cergas menyebar jala gurunnya. Setiap tapak diteliti, gerak unta disangsi; setiap jubah disiasat, setiap purdah diawasi; jalanya amat mencerut. Dan pada malam tenang didengar jeritan, siang yang sibuk dirasa lengang tak dinampak kilat sebenar, segalanya bayang-bayang yang menyamar, dan dalam rumpun kafilah dan khemah, dalam pusar pasir, deru angin, dicari mata yang tersembunyi, didengar dengkur yang tinggi, kerana, oleh ragu dan dengkinya, Abu Jahal terlihat hanya pengikut Nabi.



Di bulan Rabi'ulawal pada tahun ketiga belas kenabian Rasulullah s.a.w. api berang masih marak di jazirah Arab; pagi masih duri yang panas dan mentari resah sentiasa mengejar senja kala ketika kumpulan Abu Jahal dalam gusar dan kagum, tapi sentiasa dalam amarahnya, mengoyakkan tirai adab dan mencemarkan setiap isyarat maruah segala apa sekitar Nabi. Semakin dinampak gerak berahsia dari kalangan Nabi yang setia seperti setiap langkah mengerlipkan khazanah rahsia, lalu pada puncak tak tertahankan berkumpul pemimpin Quraisy, berhujah.

Dar al-Nadwah menjadi terlalu bingar oleh serabut dan gempa nurani seperti tiba-tiba ternyala semula api yang padam, segalanya dendam dikocakkan semula, dan kononnya begitulah, peranan Nabi memercikkan perselisihan di kalangan Quraisy dan sekutu-sekutunya. Inilah bahaya. Mereka menuntut hutang darah agar lembah menjadi benih sejarah, dan masing-masing bertarung suara, menyemburkan bara dan api kata, dan mereka amat percaya cara ringkasnya Nabi amat patut dimusnah dan kini difikirkan bagaimana sebaiknya rancangan murka dilaksana.

Berjerit seorang tua dipanggil Najdi menuntut rancangan diwaraskan hutang darah tak begitu mudah, katanya, Bani Hasyim akan membela. Tapi jika ada seorang pemberani di tengah mereka dan ia sukarela rancangan mungkin bakal indah. Di tengah mereka apa ada orangnya? Kewarasan belum menjernih kekeruhan lain telah tersembur, dan cepat Abu al-Bakhtari bangun bersuara, pandangan lain yang sama nekadnya memenjarakan Muhammad s.a.w., katanya, paling terbaik mengatasi masalah terkurung dan terasing, tertindas dan terseksa, mencegah dakwahnya.



Seketika azamat suasana, garau dan kasar, jerit dan tengking, dan, di antaranya degup kalbu setiap hadirin terbukti saling memancing. Najdi paling menyangkal, berkira dan berwaras sarannya, kerana, jika Nabi dipenjara, Bani Hasyim di hadapan sekali membebaskannya. Dan seperti berombak padang pasir melimpahkan bebayang, mereka terserup dalam kebingungan, sepi dan sayu di hati setengah, tapi masih api mengelilingi mereka. Oleh marak dan berangnya, ada, begitu mendadak, menjadi kalap menyaran diikat kedua kaki Nabi.

Tak semua terdengar lanjut kata, Nabi ingin ditunggangkan atas unta yang liar, dikejutkan ia dan berlailah hewan yang tersergah; akan berempuhan anggota Nabi, digesel dan dicekau pasir dan batu, dikocakkan sebuas rentak, digoncangkan lompatan yang menggila. Lebih azamat suasana, dan di tengah khalayak, Najdi berdiri semula, lebih mesra suaranya, lembut bersebab, tenang berbahaya, berkata ia Muhammad s.a.w., insan kelebihan amat istimewa, khusus pidatonya, jika dibiarkan bebas, suara itu akan cepat memukau memusuhi mereka.

Abu Jahal penilai berpengalaman menyaring segala dengan dendam, jelas berfikir ketika merancang, tapi merancang dalam kesamaran, Najdi dan Abu al-Bakhtari dikira gamam, sinar bulan yang sia-sia, sedang khalayak melihat dengan mendengar, bersorak setiap ketika. Ketika mereka masih digelorakan, segentar jurang cuman, sehairan mega mengembang, semarah tofan buas, Abu Jahal cekal menghujah helah Quraisy menghimpun wakil setiap suku, serentak menyerang Nabi, jika tertangkap, katanya, tak bakal ditentu siapa penyerangnya.





Rancangan menghidu nafas berasingan bagi yang mencari dan dicari, di tengah khalayak senja itu berselerak tapak-tapak unta, berkecah yang kacau. Kumpulan pencari bersedia gerak menggeledah, dalam baran, semua tabir dikecai, tingkap berpaling bakal ditarah, dan tak terahsia dari bulan tak terlindung dari mentari – begitu dijanji. Memang ia rancangan, penindas yang galak, mencari tapak, nafas dengki berhembus tegas, dan mula terkirai benih dendam ke seluruh batasan, tekanan menjadi kacip bisa, belati berkarat dan amarah.

Malam berbau pembunuhan, gores mengintip, cakar-cakar mencekau, telah dibakar segala hati musyrikin Quraisy, sehingga ke bebayang perlu dicari ke mana atau di mana pun hadirnya Nabi; bisik menjadi jeritan, dan jeritan, laungan. Malam terlalu menggeletar sendirian, bintang-bintang bercakap sesama sendiri, deru pasir dan gunung berbalah dari jauh, mengucapkan kebimbangan dan berita amat bara, persengketaan menjadi wira dengan taring yang buas, dahaga yang paling kering, lapar yang amat genting, semuanya mencerut ke Nabi.

Kegementaran mempunyai telaga tersorok, tenang dan damai airnya, begitulah tingkah dan resam Nabi di tengah-tengah kebencian Quraisy. Sebelum malam lelap dan setelah dini celik, keluarlah Nabi serahsiannya di tengah khalayak tak terkesan, tapak yang lembut, gerak berhemah dan dalam ketaktahuan semua, jaga yang tidur, bagi Quraisy musuhnya, selamat Nabi di rumah Abu Bakar, berjanji dalam rahsia, kini hadirnya berbisik sebentar penentu langkah dan melalui jendela belakang rumah keluarlah mereka dalam senyap malam menuju ke arah dua unta.



Telah tersedia segalanya, unta berdiri selengkap perlu, bagi Nabi dan Abu Bakar, dan di sisi mereka turut awal menanti Abdullah, cekal dan tekun menanti Abu Bakar, ayahnya. Dua unta hampir setara, seekor masih lebih segarnya, dan itulah yang sedia diberi untuk Nabi, tunggangan jauh yang lebih selesa, begitu Abu Bakar memikirkannya. Dijemput seluruh hati demi kebaikan Nabi, tapi, dalam berfikir dan berhemah, Rasulullah terhenti seketika, berhujah sebagai sahabat agar dibayar harga unta setimpal nilainya sebelum menunggangnya.

Bermula bertiga mereka merancang seserasi hati, setiap tapak bakal berbekas. Dan mengira jalan biar bersuluh dalam gelap yang nampak 'Amir bin Fuhairah turut diajak, gembala yang mengenal bau tanah, seelok kesan terselerak kumpulan kambingnya mengacau tapak, dan terhakis tempat menghidu terselamat dari dibau damai perjalanannya. Abdullah disuruh kembali ke rumah, banyak mendengar menghimpun kisah berkembang segala bahaya, malam menyusul, cepat diketahui mereka. Dengan langkah terbimbing dan kisah terdedah selamat mereka ke Thur.

Dua di gunung di kawasan gurun tempat yang diteliti lama, di sini kini mereka dalam Rabi'ulawal tanggal dua setelah tiga belas tahun Nabi berdakwah. Malam siang, bagi sementara, di sini gua berlindung, merancang kembara lebih saksama menuju ke Madinah, dan di sini, bagi beberapa ketika, ditunggu makanan dan berita, dijernihkan segala sebelum tapak dimula semula. Alam dakwah semakin batini bergetar di dalam diri Abu Bakar dan Nabi, dan tak terperanjat mereka didengar Abu Jahal murka mengejar, memberi hadiah seratus unta.



Bernafsu semua khalayak Quraisy hadir besar umpan yang ghairah. semua kafilah disangsi, semua khemah diperiksa, juga rumah Asma', Abu Bakar ayahnya. Lidah menjadi terlalu bahaya, kata Asma', kerana Abu Jahal merempuh rumahnya, bertanya kasar, malah menampar. Sampai berita ke Gua Thur, api benci menyala kisahnya, dan Quraisy cepat menghidu berkumpul mereka menyeluruhi gurun, merapati gua dan dalam detik bila saja, senja atau dini, kasar kedatangan mereka. Nabi dan Abu Bakar bersedia lebih ke dalam meyakini bantuan Tuhan.

Tiba masanya hadir mereka riuh bergema jerit benci arahan memusnah sudah pun mereka di hadapan gua, Abu Bakar dan Nabi di dalamnya seperti di dalam bahaya dulunya Nabi sentiasa percayakan lindungan Allah, kepada Abu Bakar diulanginya, gua yang gelap berubah selesa, dan di luar, di mulut gua yang sibuk wujud pohon setinggi manusia, paginya belum di situ ia; dan antara pintu gua yang menganga lelabah telah menganyam sarangnya amat teratur dan bersahaja malah indah setiap jalurnya, lembut berombak teguh mengikat, tabir yang istimewa.

Heboh yang puncak di luar merayap dan menjalar di sekitarnya, dan suara dikalahkan denting pedang, berlaga panah sesama mereka, arahan dan perintah raja meraja, dengus dan bengis bercakar, tak ternampak mata, tak terhujah hati, di hadapan pohon dan sarang lelabah, tak tertinjau mereka ke dalamnya, tak tersangka. Surut segala kemudiannya, jerit menjadi bisik, bisik beransur bisu suara alam hadir semula, tulen dan jelas, mengganti suara manusia; di dalam gua, di balik pohon dan sarang lelabah, Nabi khusus berdoa.



Terasa terlalu amat lamanya, senyap turut nyaring dalam hati dan mata betapa hadirnya suara alam selepas jerit menjadi bisik, dan diam. Menanti kini menjadi debar yang puncak, tapi tenang cepat menyelip kerana sabar yang terlatih, percaya amat terpupuk, kerana yakin dalam pelbagai bahaya, khusus dari musyrikin Quraisy, Allah pelindungnya. Tak terlihat senja yang indah, hari menjadi tua, dan menyelip gelita dan apakala didengar tapak, dan disaring suara, siang celik semula datang bersamanya Abdullah, juga Asma', membawa makanan dan berita.

Dua yang lain menyusul, seorang ke atas seorang di lurah, amat cermat naiklah Amir, dan seorang pengiring sedia menantinya. Mereka sama bertugas membentang peta jalanan, menyediakan unta tunggangan, dan runding dan rancang amat serasi, ditentu hanya tapak bermula kerana gerak berhijrah kali ini gerak gergasi seorang pemimpin ke Madinah, mata harus cergas sedia, anggota perlu kukuh dan utuh, dan semangat, yang begitu lama dibina, perlu lebih bernyala, kerana cabarannya. Bergeraklah mereka, cermat menurun, dan sedang menanti tiga unta.

Setelah beredar Abdullah dan Asma', merasakan keharuan ayah mereka; setelah Nabi menyetujui Qaswa', unta tunggangannya, bergeraklah penghijrah bertiga meninggalkan Gua Thur, tiga malam persembunyiannya. Desir pasir meracau-racau, malam dan suasana saling berahsia, dan di antaranya nafas manusia dan unta timbul tenggelam iramanya. Bermula tapak dengan cermat, peta terancang dipatuhi, mereka selesa. Alunan dan anggukan unta cecal dan yakin disusuri malam semesranya terkadang berhenti kerana berkira selebihnya perjalanan bersahaja.



Terlalu lengang dan sepi kembara mereka kerana dipilih jalan lebih rahsia dan jauh, di mana lembaga tak akan disua, unta tak dijumpa. Dengan tindak dan cara peribadi, dibimbingi pemandu dipercayai tersualah mereka sisi pantai Laut Merah, perjalanan lebih terarah. Dan pada malam-malam awal dalam sengguk dan jaga terlihat bulan muda Rabi'ulawal, dan dalam samar di gurun luas terdengar suara Nabi amat mesra dan mengerti mengakui bulan penanda arah, dan mempercayai Maha Pencipta bulan yang mesra, Maha Kaya Allah.

Amat sunyi dan rahsia gerak mereka, malam dan siang amat tunggal, hanya mereka yang hadir dalam kafilah, hanya suara dan nafas mereka. Tapi amat tidak disangka, betapa jalan dirancang jalan rahsia, aneh, masih terserempak juga mereka kafilah kecil dari arah depannya. Resah cepat beryala, kebingungan sedetik sebelum tenang berjaga, dan alangkah terperanjatnya, malah gembiranya, kerana yang tiba sepupu Abu Bakar yang amat dikenal, Talhah, yang datang dari Syria, bergayut nanyanya barangan niaga akan ke Makkah kafilahnya.

Dalam riuh seketika, amat riang dan ghairah ceritanya tentang Madinah yang terlalu menanti ketibaan Rasulullah s.a.w. Rombongan awal penghijrah telah mula berakam dan bersedia, dan kini sentiasa menanti berita dari Makkah yang amat bergelora oleh berang dan dera Abu Jahal, dan, telah terkhabar penghijrahan baru, lebih penting dan besar, langkah wajar yang berani, dan ternyata, kata Talhah, rombongan Nabi datangnya. Diberinya mereka persalinan baru dari Syria, diucapkan baraqah, dan berpisah mereka - kafilah Nabi ke Madinah, kafilah Talhah ke Makkah.



Berlarut perjalanan, siang bau pasir, malam bau embun. Kafilah segar dan letih membibit azam, dan unta teman yang mengerti, sabar, mesra dan amat tersukat langkah dan lenggangnya. Bergeraklah Nabi dan Abu Bakar, pemandu setia di hadapan, semakin dekat Madinah. Berehat ketika perlu, bersolat pada waktu, tidur berjaga dari bahaya, perjalanan tak lagi tergendala. Dan kini, selepas bertemu Talhah, mengarah kafilah ke utara sebelum menjauhi pantai mengarah ke Madinah. Dan iklim dan suasana, tenaga dan hati, seilir bersalam seakrabnya.

Dalam olengan yang santai, gerak tidak menduga, kafilah Nabi dikesani juga – bahaya mempunyai mata dan baunya sendiri. Saraqah bin Malik, pencari hadiah yang besar, seratus ekor unta dari Abu Jahal menyalakan nafsu tamaknya. Dan ketika dikesan Nabi, diceritakan lain kepada teman-temannya, hadiah hanya untuknya, begitu dirancang. Dan dalam ghairah dan nafsunya, berbalik ia mengambil senjata, menukar kuda untuk cepat dan lebih bersedia; apakala berhadapan Nabi dengannya, berdoalah Nabi kepada Allah.

Tulus dan sepuh doa Nabi berhadapan Saraqah yang rakus, dan termakbul permintaan Nabi, kuda Saraqah gelisah, terkejut tiba-tiba. Terlontarlah penunggang dari kudanya, bahaya amat mengajar, tersedar ia balasan Ilahi oleh hasrat dan halobanya peribadi. Merendah dirinya tiba-tiba, lebih tulus dari awal datangnya, dan kepada Nabi yang tenang diserahkan diri dan kudanya, malah berjanji Saraqah penuh menghamba berkhidmat apa saja. Nabi damai, mesra suara ikhlas hati, menolak sebarang denda.



Jalan bermula terlalu awal, berbalik musim terlalu jauh, terbuka tabir menyerlahkan arah bagaimana ia bertangga dari musim haji di Makkah ketika dua belas orang Ansar mendengar dakwah Nabi dari Madinah, kini berhadapan Baginda bertanya lebih mengerti menjawab lebih jelas dengan tersinar kudus kalbu, damai tak tercerita, nikmat yang puncak, mereka ucap janji setia tidak menyekutukan Allah dengan sesiapa, tidak lagi berdusta, membunuh kanak-kanak atau berzina atau derhaka; mereka lelaki menemui diri dalam pertemuan 'Aqabah yang pertama.

Mula yang suci dalam sanubari, langkah baru dari diri yang kudus dua belas orang sekumpulan mereka, sepuluh dari suku Khazraj dan dua orang dari puak Aus, turut dua perempuan di antara mereka, setia yang berakar, pencari yang bertemu dan kerana keahadirannya Bai'ah al-'Aqabah Pertama, tokoh Ansar 'Ubadah menamainya Bai'atun-Nisa. Ke Madinah mereka kembali dengan dada terisi, hidup amat bermakna dari awal terbit mentari, tersusun dalam damai, dipimpin jernih dan mengalirkan kehidupan Ansari ini ke sumber batin yang suci.

Pulang tidak bersendirian kerana arah semakin dijelaskan dengan terhantarnya Mus'ab bin 'Umair, pembimbing bacaan dan isi al-Qur'an, Mus'ab yang amat sehati bersama As'ad bin Zarahah tinggalnya, dan dalam setiap solat diimaminya mereka berjemaah sesantun diri, menghayati setiap surah, mengkhusyuki setiap sebutan dan didalamai ibadah seperti diperkenankan Nabi seperti terwahyu kepada Baginda, disyahdukan oleh Jibril penyampai dan pengiring amat istimewa. Begitu berkembang segala, datang lagi musim haji, bertambah ummah.



Ajaran yang berakar, dakwah yang mesra, menumbuhkan bunga segar keyakinan kepada Nabi. Berkembang dan beriman pohon batin, dan dari dua belas Ansar dalam Bai'ah al-'Aqabah Pertama, oleh asuhan Mus'ab dan bimbingannya, pagi malam penuh iman, lapan puluh lapan ahli yang hadir dalam Bai'ah al-'Aqabah Kedua. Suara sanubari lebih terdengar, dalam bincang lidah dan mata, oleh kejujuran peribadi, Nabi amat dipercayai, dan ajaran yang berakar, dakwah yang mesra mengukuhkan inti janji, jalan yang dipatuhi, tetap kepada Ilahi.

Bara' bin Ma'rur amat tinggi tangan dan suaranya, di tengah khalayak Ansar di musim haji di Makkah, tak berbelah bahagi taat setianya. Segala-gala bagi Allah dan Nabi, harta, maruah dan nyawa korban yang sedia demi agama. Bergema suara khalayak, dan di celahnya, antara nyaring dan garau janji, terdengar janji Abu Haitham pula, sedia berpisah dari kaum Yahudi, walau telah sedia ada janjinya, kerana lebih dalam dijengah batin lebih terserlah jernihnya Islam; jika dikorbankan nyawa dan harta demi agama, syurga hadiahnya.

Terharu dan syukur Nabi oleh sambutan, Ansar pengikut tangan terbuka, di tengah gurun kini, dan antara kafilah dan khemah nantinya, bakal didengar azan syahdu, dan dari Makkah ke Madinah, telah Nabi aturkan dua belas pembantu untuk memberi akar kepada pohon, menghantar bunga kepada daun, kerana Islam agama yang santun kini bermula lebih berbaja, bertambah ghairah disemai benihnya, dan dengan Bai'ah kedua di tengah kabilah Aus dan Khazraj, oleh cecal dan yakinnya, Madinah yang amat menyambut, dalam tulus, menjadi asas kota Hijrah.





Dan kini telah di Quba' tiba Nabi tinggal bersama Kalthum yang tua, langkah unta terlalu dekat, tapak manusia lebih serasi, dan pada dua belas Rabi'ulawal itu Madinah menjadi terlalu dekat, Muhajirin dan Ansar terlalu menunggu, dan di antara mereka, ketibaan Ali sama dirindu. Quba' mempunyai kekusarannya sendiri, amat riang ketika ini, kerana sejak empat Rabi'ulawal dari Gua Thur, dan selepas lapan hari berpanas di gurun, setelah ancaman yang mendera, dijamah Yathrib yang pertama, Quba' tapak dan tempat mula sebelum ke jantung Madinah.

Ghairah di Quba' luar biasa sejak sebelum tibanya Nabi kerana selepas subuh setiap pagi telah ada yang menjengahnya, mendengar berita atau mengesan tapak, menghidu bau atau mencari imbas, Nabi sungguh ditunggu. Dan pada hari itu ternampak mereka kibaran jubah antara ragu percaya, dan desir pasir dan desus bisik tiba-tiba sama banyaknya, dan khalayak serentak mengalir menanti tetamu dari Makkah meresahkan Yahudi di Quba'. Mengang tengah hari yang bertuah, benar-benar Nabi di khalayak mereka ketibaan yang dipestakan mereka, amat jujur, sayang, kagum dan cinta.

Sementara Nabi bersama Kalthum, Abu Bakar menumpang di desa Sunh, jarak yang rapat, memang dibahagi secara munasabah. Bertamu lebih berimbang, berpesan lebih awal, berhajat telah terhurai, dan kini, sama menanti hari yang segar, berhemah di tengah khalayak, sebelum memulakan gerakan ibadah, menjulang agama ke puncaknya, melimpahkan baraqah kepada semua, dan sebelum sampai Ali dari Makkah, memperkukuh kumpulan demi dakwah. Dan semua menanti hari bermula, dalam doa dan ibadah, semua bersedia mengasaskan masjid pertama, Nabi pemulanya.



Tanah berbau harum dan menjemput, udara wangi dalam tamsilnya, pada tempat melututnya unta Qaswa' dirasakan serasi tapak masjid. Lalu berunding semuafakat, tiada tali yang kusut, tiada fikir kalut, kawasan hak dua anak yatim dirunding dan dibeli, dengan rela Ansar dan Muhajirin, dengan Nabi pemula bismillah, dibersih kawasan; rumput dan tunggul dipunggah, beberapa pohon palma dialihkan, sampah sarap dibuang dan kuburan penyembah berhala digali. Bekerja semua peluh merata, dalam senyum dan percaya, bermula masjid mereka.

Luas kawasan telah disukat, arah dan letak begitu dirancang, dan kiblat dihalakan ke Jerusalem pada awal berasalnya Islam. Dan terbangun pintu dan tingkap, terbentuk ruang dan dindingnya, terpuncak atap yang amat sederhana dianyam dari daun-daun palma. Disukat dan diserasikan sekali di utara masjid mereka disediakan tempat bagi khalayak muslim yang tanpa rumah dan tanpa keluarga. Dan berhampiran dengan rumah ibadah daripada batu dibina juga kediaman bagi keluarga Nabi, terjadilah segala penuh berhikmah.

Yang dibangunkan pasti dinampak, keringat dan badan tetap berbau, resah masyarakat Quraisy melihat dan menciumi kuntum segar agama beralih dari Makkah yang duka ke Madinah yang bahagia, dan kini, dengan asas masjid pertama, terbina dengan seluruh ummahnya, dan kini mula berkumpul sanak saudara daripada mereka yang percaya bahawa semangat perjanjian dua 'Aqabah perlu sentiasa disiram, dan di Quba' pinggiran Madinah, dengan hadirnya Nabi sekeluarga sejadah mula tersusun indah, azan lemak lagunya, kukuh aqidah mereka.



Sejak subuh sejuk yang damai, langit bersih balam mencerah, terbaca merdu surah-surah memulakan kepujian dari batin jernih dan putih; kebesaran Allah dilagukan ke puncak menyerap ke dalam sanubari, Nabi pembaca utama yang utuh menghargai hari bermula, menyujud Allah Maha Penganugerah, dan subuh cepat mempunyai nafas sendiri, didebarkan oleh Ansar dan Muhajirin dalam satu suara yang kudus, dan Madinah tanah baru yang menerima, insan-insan Hijrah yang cekal di masjid yang terbina tangan sendiri bersolat mereka sekhস্যুক hati.

Hari bergerak dengan pelbagai warna, setiap lapisan bermula tugas dicari rezeki seikhlas diri, diambil dari bumi, disuburkan tangan bersama, didoakan kehadirannya. Dan Madinah, harum oleh semangat Hijrah, diperteguh oleh perjanjian 'Aqabah, di dalam masjid pertama dinyatakan segala kesyukurannya. Nabi memperhati dengan kalbu, menghantar sayang dengan mata, memberi contoh secara amal, dan dari subuh sejuk yang damai terlelap malam yang penuh berisi, hari-hari pertama di Madinah dengan demikian amat khazanah dan murni.

Dan pada ketika- ketika begitu turunlah surah terpanjang menghantar pesan yang padat. Al-Baqarah menyatakan turunnya al-Qur'an tak diragukan bagi yang beriman dan taqwa, bimbingan dan petunjuk dunia akhirat. Tapi, bagi yang ingkar, terkunci hati, telinga dan mata mereka. Insan diseru agar berjujur, ikhlas pada lidah dan kerja, dan insan juga diberi khabar amat gembira, jika tulus beriman ia, bertuahlah. Semakin bertambah ummah, suara surah semakin manis, Nabi pelagunya; dalam sayup malam, bersama nafas alam kesyukuran saling berdakap.



Malam menjadi begitu sunyi kepada Nabi yang berkeluarga, sayang menghulurkan tangannya ke hati, bertanya ke mana mereka, dan dalam lingkungan yang baru, tanah yang mulai selesa, telah wajar masanya dibawa isteri dan anak yang kini di Makkah. Lalu pada detik malam tertentu, bercerita dan berkhobar, dipanggil Zaid bin Harithah, diaturkan jalan dan tugas, digandingkan pembantu Abu Rafi', dan dititip sama lima ratus dirham, upah dan belanja perjalanan, kembara mereka dalam rahsia menampilkan keluarga Nabi ke Madinah.

Saudah, isteri Nabi, dalam sabar dan resah, memang sedang menanti; di Makkah juga menunggu Fatimah dan Ummu Kalthum, kedua anak Nabi. Tugas Zaid dan pembantu Abu Rafi' membawa juga Baraqah dan Usamah, keluarga Abu Bakar disayangi Nabi, dan kesemuanya bakal ke Madinah. Jalan tiba sudah berbahaya, jalan pulang dicurigai Quraisy, dan, dalam arus setiap kafilah, kesan tapak teliti diperiksa, Zaid, cekal dan pintar, berjubah mengelak mata, Abu Rafi', pembantu yang setia, mendengar nafas, menghidu bau, mereka melepasi Quraisy durjana.

Saudah isteri yang sabar dan resah berserta dua orang anak Nabi telah amat lama bersedia dan di atas unta mereka manusia paling berkira. Sepanjang gurun hari berganti, cahaya siang dan embun malam, dihayati setiap nafasnya, mendengar angin yang jauh, meneliti kilat di ufuk, dan angguk unta dan kaleng berlaga, kepak burung dan suara manusia, semua terhimpun menjadi bahasa, terkadang damai, terkadang risau, kerana, dalam gelegak dengki Quraisy, mereka tahu, musuh lebih waspada, dan jauh jalan dari Makkah ke Madinah lebih jauh kerana nyalanya bahaya.



Jauh dari batas menghidu tidak berbau meninjau sukar dikesan, memang begitu mulanya suasana dibakar mentari atau disinari bulan biar di mana kafilah atau khemahnya, biar di Makkah atau di Madinah, dan pada detik tidak teramal mula terdengar kocakan lidah suara samar. Dan pada senja angin tertentu dari gurun menyelinap kata dan jelas mula didengar keresahan di tengah-tengah Aus dan Khazraj rahsia yang tersimpan mencari suara, dan kini jelas dan nyaring bunyinya kedatangan Nabi bersama Muhajirin diresahi benar dua wira di Madinah.

Diuji juga dari awal kelebihan dan keunggulan Nabi, dan ternyata langit abad terlalu muram hanya hati abad cuba tenteram kerana alam ditikam selera nafsu oleh kuasa yang sedia ada, oleh gusar menyala. Pada waktu amat mencuba, di tengah khalayak yang ragu, terpercik tanya yang disengaja, dari Yahudi tertentu datangnya. Dan Nabi, sabar yang biasa, damai ke dalam diri, menanti senyum melimpah, mendengar dan menimbang hujah yang tiba. Jelas memperli dirasakan, hina disengaja, tapi Nabi didewasakan gurun terpilih bersih bersedia menerima hujah.

Disebut Yahudi tertentu nyaring dan buas suaranya, jika begitu hebat seorang Nabi mengapa tak diketahui unta yang hilang, mengapa walang? Hemah Nabi ke seluruh sanubari, hikmah yang ada lebih ke inti, berkata masih beralas, suara tersukat, gerak berimbang, diakui diri insan biasa pengetahuan yang ada diberi Allah, yang diterima, ditahu, dan yang disebutkan hanya itu. Dalam tamsil yang terhidang sendiri, tirai adat wajar turun, bunga-bunga gunung patah dan rekah, tapi, terlihat unta tertambat di pohon, dijumpa mereka seperti dihuraikan.



Satu demi satu sengat disembuh dalam jazirah yang tidak berhati, dan ternyata hujah cuma lidah dan tidak hati, dan cepat terterka segala hasrat kerana kemenangan seperti berjudi, kekalahan seperti mimpi, begitu asakan segelintir Yahudi di tengah Madinah yang mula menerima, begitu Nabi bersedia dari awal tapak, begitu Baginda disediakan demi ummah yang menjadi, dan di atas tanah yang baru kenangan berlari sekali dua; ingatan bertanya, batin mewaraskan, dan Nabi dan ummahnya mula berdesa lebih cermat, yakin pada pegangan, khusyuk pada solat.

Kersik dan risau dapat dimengerti kerana datangnya kafilah Nabi damai lama sumber kuasa bagi sesetengah wira, dan Madinah lebih terbuka menghidu tidak sesama dulu, bergerak tidak juga semegah lalu, inilah ranjau yang dicemburu oleh tampuk kuasa tertentu, inilah gusar mula. Pada hari amat dijangka seorang siasahwan Bani Qainuqa' menyemburkan benci di tengah khalayak mendesak belia dari kerabatnya membaca syair penuh racun memuji-muji khazanah sendiri mencaci hina khazanah orang, bergeserlah perasaan, ternyata dendam dan benci antara Aus dan Khazraj.

Ke telinga Nabi sampai keresahan, berita sengketa yang sengaja dicipta, kini api menyambar api, marah marak jauh ke hati, bertelagah dua puak. Dengan hemah sentiasa terpelihara Nabi mengumpulkan para Muhajirin berhadap dengan khalayak bersengketa, tenang dibiarkan meresap dulu, hangat mengalir sejuk, marak api menjadi telaga, senjata kembali bisu. Dan dalam kudus suasana, kesabaran yang terlalu dituntut, dua kali Nabi menyebut nama Allah, berdakap nafas dan hajat, segera mengingatkan inginkah mereka kembali ke zaman Jahiliyah setelah Islam agamanya?



Tersentak mereka yang bertelagah tak terasa mereka sempat diperkuda dalam tangis penuh sadar, geleng kurang mengerti, mula tertadah tangan, syukur menyimbah ke kalbu mereka, dan dalam keinsafan amat mendasar bersalaman dan berdakaplah mereka menemui kalbu asal sempat tercuri. Dan di tengah khalayak Muhajirin dan Ansar Nabi bangunkan semangat lebih bersaudara, diikat rasa yang satu, dimesrakan setiap salaman, dengan kata dan kerja, digalak mereka, di dalam dan di luar kafilah, agar mereka sedarah, sama merasa sakit, sama bahagia, sama ke Allah.

Dalam masjid yang pertama, atas sejadah amat selesa, syahdunya doa bertambah jemaah bersih dan khusyuk tenggelam sepenuh kalbu, mereka paling bersyukur dan amat damai didakap surah-surah merdu dibaca. Perjalanan dirasa baru bermula, dan dalam tingkah yang masih mencabar, musim tofan dalam lingkungan sendiri, sabar menjadi akar yang murni, kerana yang dilawan nafsu, yang menyanggah kemungkaran, sabar perisai dari batin. Segala helah dari Quraisy, lawan yang murka, di atas gunung dan di atas lurah, segalanya, disanggah dari masjid pertama.

Dan di Madinah arus kafilah tidak pernah lelah berniaga atau berhelah; berita Nabi memuncak utama, dari Makkah dihantar serkap, menghidu dan menyanggah, tertafsir segala dalam amarah, disambut hanya senjata, dicurahkan racun ke setiap dada. Berjaga menjadi landas yang waras, dibanyakkkan landas digandakan waras, dan angin dakwah menjadi selesa. Tapi, di celah musim, betapa dijaga, setiap gerbang ada musuhunya, dan di Madinah, di celah musim, dua gerbang paling berbahaya, dan melaluinya dua sepupu bersekutu, Abu 'Amir dan Abdullah Ubai, musuhunya.



Abu 'Amir memuncak di tengah kaumnya, peribadi terserlah disengani banyak bisik kerana kagum, bergerak diperhati, berhenti ditenungi, oleh busana dan tabiinya dikenal sebagai "Rahib" paling luar biasa. Agama dipunyai pegangan sendiri, yakin dan cemburu; kepada penanya diberitahu agama Ibrahim agamanya, tidak berganjak atau sangsi. Ke tengah khalayak digemakan seruan unggul agamanya tak terlawan. Dan tersentak seluruh jubahnya terkibar oleh khabar agama Islam, dicarinya Nabi, dicari awal lagi, peniru agama Ibrahim tuduhnya.

Berhujah berdepan mata tak gentar lidah tergeletar kasar, dan Nabi yang ditanya, damai di tengah nyala, menilai Abu 'Amir yang bangga. Dengan kata kesederhana nafas, jelas dan tenang di lidah, dijelaskan Nabi tak disanggah agama Ibrahim, tapi agama baru agama wahyu, menerima Esanya Tuhan dan mengakui pesuruh yang khas didatangkan. Lingkungan terlalu luas bagi Abu 'Amir dan suaranya lebih menuduh, enggan diterima penjelasan Nabi dicurah sebaliknya bara ke api, dikata Nabi bukan pembawa apa-apa kecuali memperalat agama yang ada.

Rahib yang disengani berhujah lebih tajam, dan Nabi masih menenteramkan. Tuduhan inti disangkal Nabi, bahasanya lebih lembut, hujahnya cecal, tapi Abu 'Amir nyala yang garang kata-kata menjadi senjata amat bisa, di sisi suasana yang dikaburkan, dalam bahasa mengancam, tak berganjak ia menuduh Nabi memalsu agama orang, darinya membangunkan yang baru. Berulang-alik hujah yang panas, dan angin tenteram dari Nabi meresap ke dalam batin, yang sempurna hanya Allah, dari-Nya datang petunjuk, dan agama yang diamalnya, kata Nabi, terpilih dan diestui Allah Yang Esa.





Pada simpang telagah, bagi Abu 'Amir, kata-kata menjadi tukul sasa, suara tiba-tiba mengganti panah dan nafas radang menjadi pedang. Tapi, bagi Nabi, pada simpang menguji kata-kata tetap salam mesra, suara masih dari kalbu yang tulus dan tiada terlintas nafas radang. Yang dibawa, kata Nabi, agama yang paling suci; murkanya Abu 'Amir menjawab dengan kesat, yakin di hati dan di kepala, garau suaranya jika Nabi seorang pendusta menyebarkan agama yang sengaja dicipta bakal kara mautnya, jeritnya. Nabi percaya balasan sama bagi lawannya.

Cepat difahami gelora yang membuak kerana Abu 'Amir terasa luntur kuasanya di tengah khalayak sendiri. Dan amat terluka sanubarinya kerana Hanzalah, puteranya sendiri, berdiri sebeb peribadi, dan menyenangi kepemimpinan Nabi. Kafilah dan khemah dalam wilayahnya, dirasa Abu 'Amir, amat digoncang tofan keyakinan, dan dirinya tonggak yang mula diragu. Betapa indahnya bulan dan kerlip bintang baginya kini bukan untuknya lagi, dan dalam rancangan yang rahsia, juga marah, dicabutnya akar di Madinah, bersama sepuluh pengikutnya ke Makkah ia.

Dan musuh kedua Nabi tetap hadir dan garang di khalayak di Madinah, sangsi dan risau memang dirinya menyaksikan agama Nabi mempengaruhi, lalu Abdullah bin Ubai, sepupu Abu 'Amir, sedia bertahan dan menilai mendengar kisah yang sekira buruk, mengharap khabar menyebelahi diri. Tapi tidak terjadi yang disangka, gerak lawan yang ternyata sia-sia kerana dari kafilah dan khemahnya sendiri tercium awal rasa gelisah. Abdullah, puteranya, dan Jamilah, puterinya, dalam rahsia, lebih serasi bersama Nabi, mendoronglah Ibn Ubai untuk lebih berfikir dan menanti.



Tapi luka disimpan penuh geram, dinanti saat membalas, di mana dan bila. Dan pada ketika uzurnya Sa'ad bin 'Ubadah dan di saat Nabi melawatinya, terhenti Baginda di tengah jalan, kawan Ibn Ubai yang mencemburunya kerana sahabat tanda saudara amalan Islam yang murni, singgahlah Nabi, bertamu dulu rasa hormat tak terhingga, melagukan beberapa surah al-Qur'an dan menjemputnya memeluk Islam. Bukan tuan rumah yang baik Ibn Ubai, luka di dalam dinyatakannya, disindirnya Nabi kerana berdakwah, dan disarankan berdakwah di rumah sendiri, bahasa yang kesat melukakan.

Tak tersangka suara menjawab, menerima Nabi menyangkal Ibn Ubai, dan Abdullah bin Rawahah memang bersungguh, bersedia menerima bimbingan dijemput Nabi berdakwah di tempatnya. Terkejut Ibn Ubai mengharap kawan menyokongnya, kawan menyebelah orang lain. Terbisu dan berfikir ia, lebih cemburu dari bertimbang, dan Nabi, walau terbelah, masih juga merasa resah, terpancar pada gerak dan air mukanya, pada salamnya. Sa'ad bin 'Ubadah uzur yang dilawatinya bertanya dan diberitahu mengapa dipukunya perasaan Nabi dipinta mengerti kerana Ibn Ubai amat iri.

Bijaksana manusia uzur yang dilawatinya, peristiwa sejenak berhikmah dan terlalu diingat kata-kata Sa'ad, terlalu difaham hati Ibn Ubai, air tidak diminum sendiri, haus diri haus teman, kerana peristiwa sejenak yang dilalui, mengheningkan hati Ibn Ubai, menjadi berfikir dirinya amat lama dan amat dalam, akar mengerti turut terbaja, dan didengarnya kisah dan gerak Nabi, ditapisnya isi dakwah Baginda. Langit cerah suatu ketika, telaga bersih di dalam hatinya, tanpa disuruh atau dipaksa yang jernih diteguk segera, memeluk Islam ia.



Memang lain dirasa pada tanah yang terpilih, Madinah yang memberi, terbisik di hati terdengar di telinga bukan sesuatu yang sengaja kerana kerasnya dera, dari awal diterima tugas, terfikir ia lama tanah perlu bertuah hidup perlu berarah dan dicari tanah selesa tempat yang amat memungkinkan, di bawah bintang yang terkirai, degup hikmah yang didengar Madinah yang memberi ternyata sesuai; di sebelah barat dataran luas di sebelah utara daerah terbuka, dan tanah subur di sebelah selatan perkebunan segar yang lebat kurmanya.

Datang terakhir amat disambut sejadah yang telah sedia, begitu juga jubah. Tapi dikenang datang yang mula betapa insafnya para kafilah. Panas terik yang amat biasa, malam sepi yang tiba-tiba bertofan pengalaman yang sukar dilupakan pembaca peta di dalam gelita, dan kabilah-kabilah yang sentiasa berbalah bertindak sesama luka-meluka bangga puak dan bangga diri, nyala yang buas sentiasa menghancurkan begitu dalam rahsia Abu Salamah bersedia unta seekor mereka bertiga sedang perjalanan sedang bermula berkejar bengis Bani Mughirah.

Dihalang isterinya kerana kabilah dilepaskan Abu Salamah dan anaknya, isterinya dari Bani Mughirah dan kabilah, merasa perlu ia dijaga; menyerang pula Bani As'ad dengan alasan yang sama megahnya anak Abu Salamah tanggungjawab kabilah dirampas menjadi hak mereka; dalam kekalutan bangga membangga saling membandingkan jubah mereka tiga beranak terpaksa dipisah dalam arus kembara ke Madinah, dan sendirian Abu Salamah terdesak berhijrah, dan sendirian isterinya terbiar terseksa, dalam ketaktahuan seorang anak, sendirian juga ia.



Masa mencari jalan sendiri, dan pertanyaan terjawab dalam alpa, terlalu lambat hemah dipupuk, tapi berbunga juga pohon yang kara; melihat derita kiri kanan, menyaksikannya malam dan siang, dan kini tak terhurai masalah mereka, dilepaskan akhirnya wanita yang malang. Di tengah dataran pasir, dalam hangat hari, wanita memerlukan anak, juga terlalu lambat ihsan dipupuk, tapi mengalir juga air di telaga Bani Asad mula berfikir menyaksikan wanita sedang derita lalu dikembalikan anaknya, dan berdualah mereka dalam gurun berhijrah.

Ranjau tersedia di seluruh kembara, tahu atau tidak, bahaya ada cecal hati hanya senjata, ke arah suami di Madinah, bergerak mereka sejuk dan panas siang dan malam lapar dan dahaga anak dan ibu berbaur menjadi warna derita sepanjang gurun bertapak dengan tekun. Dan ketika langit dilihat gelap haluan arah tak lagi dikenal, dan ketika di Tan'im mereka tiba, walau tak diketahui di mana mereka, tidak selama insan derita begitulah bagi anak dan ibu kerana tak disangka terjumpa mereka Uthman bin Abu Talhah yang amat pembela.

Kasihannya tidak berparas, limpahan air ke mana-mana, kerana depannya dua beranak mencari pelindung menuju ke Madinah yang amat dirindu wilayah penuh dengan penderhakaan pembela di luar pemusnah di dalam. Tapi Uthman dari Bani Abdu al-Dar pengembara dan peniaga penuh hemah diaturkan gerak supaya selamat, diperhatikan makan minum dua beranak, berhenti mereka ketika letih, dan dijaga mereka secermat hati, dan didengar rintih si ibu dan tangis si anak dengan santun amat istimewa selamat dihantar ke pedusunan Bani 'Amru tempat Abu Salamah.



Dan ketika para hijrah terakhir selesa di Madinah, ketika masjid pertama telah dibina dan Nabi sesekali disangah mereka yang cemburu; kenangan awal kafilah ke Madinah dari Makkah yang bahang suasananya menjadi semangat ketika luka, dan semakin hari semakin dilupakannya. Kini tapak baru ingin dibangunkan, masyarakat awal berhati ummah walau terserempak manusia seperti Abu 'Amir dan Ibn Ubai, walau akan ada pencanggh lagi seperti mereka, Nabi telah amat bersedia, dan di bumi baru tempat Ansar dan Muhajirin, khusyuk segar dakwahnya.

Cemburu memang tidak terhenti langkah dan suaranya dikesan, didengar berbaik dan bersahabat, berhujah secara berhemah, berdakwah mesra, di dalam dan di luar masjid di tengah khalayak sendiri atau mereka yang asing semangatnya tetap sama, matlamatnya tak berubah, kerana dalam setiap kata dari setiap lidah diingatkan manfaat agama Allah, peringatan khusus bagi ummah bahawa disembah hanya Tuhan yang Esa. Dan tapak baru terus dibangunkan, masyarakat awal berhati ummah, dan dari ruang masjid bertuah sehingga ke sayup malam ada jemaahnya.

Pada bulan-bulan terawal di Madinah ketika masjid masih terus dibina sedang ummah khusyuk memupuk peribadi dan batin mereka tak tersangka terbetik berita duka kerana kembalinya As'ad penyokong Nabi yang setia. Dialah pengukuh perjanjian bersama lapan pemimpin Khazraj yang waja, bersedia berkorban demi Islam, menjerit marah setan di puncak 'Aqabah. As'ad bin Zarah juga tuan rumah kepada Mus'ab orang kepercayaan Nabi, bantu-membantu mereka berdua tidur yang celik mereka bersama, kehilangan As'ad pada detik yang genting kehilangan terlalu dirasa.



Seperti tangan yang menyalami, seperti suara yang merestui, terbuka langit yang syahdu bersih dan biru merenjis tamsil di antaranya, meleraikan simpulan ke inti makna. Dan seperti mata yang menyayangi, seperti hati yang memaklumi tujuh malam rimba resah dan tiga diri jernih telaga terhimpun di dalam surah rahsia perlu dibaca, terhampar gurun gering yang letih membisik pesanan di atasnya, tujuh kafilah hilang arah tiga unta masih lelah mengejar sinar di ufuk berdiri Salman al-Farisi di antara decit burung terdengar merdunya.

Dan pada hari pengebumian As'ad dari jauh khabar menderu Salman terdengar pilunya, merasa detak jantung, memanggil ia ke situ, dan tugas di tengah ditinggalkannya mencari serasi kata sanubari, berkelana ia ke Baqi' al-Ghardad tempat pengebumian ditentu, dan batinnya, penuh rindu dan kasih, amat berkata-kata, jerit atau bisik diagunginya kebesaran Allah. Memang telah awal dirasakannya panggilan Islam di dalam diri, walau di tengah Yahudi sebagai hamba, dipercayai kebebasan di sebelah diri, dan kepada Nabi ia pergi.

Terpesona dan ghairah bukan kepalang di Baqi' al-Ghardad ia berdiri arus ummah yang sedang syahdu bersedih kerana keputungan As'ad. Ternampak ia akan Nabi, peribadi yang terlalu dikasihi, segera didekati pemimpin suci, dirapati dengan santun dan cekal, di hadapan Baginda ia menunduk hormat paling ke batin mengharap salam paling akrab, bersalam mata beberapa ketika, berdakap hati beberapa lama sebelum dikelilingi sekitar Nabi, dalam khusyuk yang rapi, diharap terjengah tanda kenabian Muhammad s.a.w., terlihat ia seperti dikisahkan.



Nabi sadar mata yang mencari, dan di tengah Ansar dan Muhajirin, ia memperhatikan tangan yang mencari, dan Salman tangan yang berharap cepat disambut didedahkan kepada tanda kenabian amat suci mendakap. Salman menghampiri, menciumi tanda yang maha berharga, teresak oleh kegembiraan. Dan apabila Nabi menjemputnya duduk berhadapan, berceritalah Salman akan kisah kekagumannya, dan Nabi, di tengah para sahabat, membiarkan mereka mendengarnya sendiri. Berdiri seorang amat pengharga, dari awal terbisik jiwanya, Salman memeluk Islam.

Apa yang dicintai menjadi malam yang mesra, dan didengarnya semua bisikan ke jalan benar, dan di atas kebenaran ia dimatangkan; Salman hamba yang berkhidmat di tengah Bani Quraizah berkerja sejujur hati, melimpahkan kepercayaan dalam rahsia, membenihkannya sesegar pagi. Tidak pernah bercanggah hati dan fikirannya, tidak dibiarkan rintangan menghalang diri, walau demikian lama, lebih empat tahun sebagai hamba selepas memeluk Islam dalam rahsia, tidak pernah ia dimungkinkan bersama ummah kesayangannya, tidak patah juga azamnya.

Demikian di antara watak yang dalam kekusaran dan kegelapan mulanya menemui sinar agama Islam, memeluknya sepadat sanubari. Di Madinah setelah terbinanya masjid pertama setelah dipersaudarakan Ansar dan Muhajirin, setelah dicuba berbahagia antara kaum dan puak yang resah, disuburkan pohon ibadah, diberikan sebanyak baja, dalam gusar angin gurun, setiap yang telah bersalam menjadi watak dan peribadi waja, dan seperti tangan yang menyalami, seperti suara yang merestui, terbuka langit dengan pelbagai tamsil membisikkan keagungan Allah Maha Kuasa.



Masih terdepang juga tangan, menerima hajat yang sihat, malam dan pagi. Bergerak tokoh-tokoh dalam kesederhanaan kepercayaan belum menjadi. Dicari seperti kehilangan, dan dijumpa seperti bayangan, dan antara tokoh-tokoh ini seorang pendeta dari Bani Qainuqa', Husain bin Salam. Kejam dan pembenci kaum ini, kasar dan buas tindakannya dan seterusnya yang utama Nabi pendakwah yang semakin berpengaruh di Madinah, dan terlalu aneh dirasa, dalam dirinya yang tersembunyi dari kaumnya yang degil, Husain mencari kedamaian lebih sehati, dan Islam pilihannya.

Dan pada hari amat bertuah dalam keharuan para ummah hadir Husain tiba-tiba dalam rahsia yang terlalu dipelihara, dengan kata yang terlalu disimpan, tersebar sekitar ummah, dan oleh Nabi, amat mesra dan penuh percaya, memberikan nama Abdullah kepada pendeta Bani Qainuqa'. Tertokok kekuatan baru, sendi menjadi lebih berakar, dahan mengembang pucuk menjulang, rimbun baru di tengah ummah, dakwah menjadi lebih sasa. Dan di rumah Nabi yang semakin selesa berteduh Abdullah dalam rahsia, sementara di kalangan Bani Qainuqa' gemparnya hangat kehilangan pendeta.

Pada musim dan ketika terpilih berkampung ummah sekitar masjid, dan pada detik waktu yang tepat berjemaahlah mereka dalam damai. Bermula langkah mengisi arahan wahyu, disetiai solat lima waktu, disempurnakan gerak dan baca, disyahdukan ucap penuh sehati, amalan menjadi murni. Tapi kerana ada ummah yang berjarak tinggalnya, suara memanggil belum tertentu, bermuafakatalah Nabi melantik seorang meniup sesuatu yang nyaring. Fikir dan hujah menjernih diri dipilih tabuh sebagai pengganti, tapi kemudiannya dari kilat mimpi azan disetujui, Bilal dipilih pengazannya.





Bertingkat dicari kesempurnaan setuju antara diri dan kalbu, dan gunung-gunung sepi cuba didaki, gua rahsia dijelajah, dalam pencarian tiada yang tak diserlah, seluruh adab dipatuhi, setiap surah dihayati, kata dan amal hati yang serasi, dan Nabi teladan utama serba diperhati; di tengah masjid, kersik dan kisarnya didengar, ayatnya diteliti begitu salam terhantar mereka yang khusyuk di sisi Nabi disayangi senyum menjadi kembang, malam dan pagi, hajat disirami kejujuran basah dan wangi. Demikian suasana berucap dalam ibadah yang sejati.

Semakin dekat kepada hajat sabar menjadi lidah peribadi, sederhana perhiasan hidup harian, muafakat akar silaturahim, tulus batinnya. Antara Ansar dan Muhajirin inti panduan ditapis selalu, dan mereka belajar bermesra dari azan ke azan, dan Nabi teladan sinar permata menyimbah kerlip sinar benderang mengindahkan setiap peribadi di sisi; kawasan menjadi tempat memanggil, berguru dan bergurau, dan antara kerak-kerak batu dan tunggul-tunggul kurma terarah jalan yang bersih; malam lelap terlalu tenteram, dalam dakwah, subuh celik terlalu segar.

Ummah selesa dipimpin azan, suara lemak Bilal mengisi ruang angkasa kembali memujuk kepada diri menghantar pesan paling hakiki, dan terdengar riak air sejuk di tangan jernih di hati terdengar doa awal dan tapak-tapak berbaris dalam saf bersedia penyerahan diri, Nabi imam khusyuk menghantar diri dan jemaah serentak kudus menyembah Tuhan Yang Maha Kuasa mengucap segala penuh syahdu tak terbatas dalam kekerdilan diri insan, tak berpaling, penyerahan yang padu, dan Madinah kawasan yang menerima dan Nabi peribadi yang menyerah.



Waktu sentiasa mengetuk diri mengalirkan sungai usia, dalam kekerdilan, ketaksempurnaan insan biasa bertanya diri kepada desir air, dan mencari makna dari derau angin. Senja terisi dengan pertanyaan ketika dari masjid sederhana melihat juluran atap pelepah kurma dan tembok banchuan tanah dan pasir, ketika antara sapaan ummah, sempat seikhlasnya ditanya mengapa dijunjung mega yang tidak setempat, merasa bumi yang bernafas sendiri. Semuanya tanda hikmah, lanjutan usia berharga, dan di Madinah kini selepas gelita malam menanam iktibar ummah waspada.

Pada malam-malam tertentu ketika masjid dicerahi unggun jerami dan dalam samar-samar bayang berlelgang ternampak bilik kediaman Nabi ringkas dan sederhana. Dan dalam doa senyapnya Nabi memohon sejahtera untuk ummah yang cekap berkembang, bagi hari depan yang cemerlang. Dan bagi diri sendiri sentiasa diinsafi dan disedari Madinah yang sedang beriak, damai bagi para hijrah, resah bagi musuh Islam, dan menjangah ke dalam nurani, bertanya sepuas dan sedalam sanubari, meneliti kata, menapis suara, setiap tapak dakwah terasa baru dan sasa.

Sekeliling masjid wangi oleh bahasanya sendiri, oleh sopan dipupuk, oleh santun diseri, dan Nabi selepas sampai ahli keluarganya lebih damai berdakwah, giat yang segar, rentak bersukat, senyum bahagia. Semakin hari Nabi memperhati dengan kalbu, menghantar sayang dengan mata, memberi contoh secara amal. Dan di tengah kesibukannya seperti kebajikan sokongan Khadijah pada mulanya kini Saudah pengganti bertuah memberi sokongan berakar, langgam yang bertambah matang, penanya yang sedia menjawab, Nabi yang pernah yatim piatu kini didakap keluarga.



Dikata seperti mengingat, diingat seperti menghadiri, awal mula hadirnya Saudah pengantin yang janda dari Habsyah kumpulan Sakran penuh iman, berhijrah demi agama lapan sekelompok dari Bani Amir dan wanita bertiga. Saudah, Ummu Kalthum dan Umrah, mereka berjerih dan berlawan, kembali semula ke Makkah. Kematangan kafilah ketika di Habsyah, perisai yang unggul, dan Saudah setelah kematian Sakran bin Amir, matang menelusuri gurun yang luas, lebih waja mengurus hidup, lebih selesa dengan anak, tapi terbetik khabar bertanya jodoh dari Khaulah yang amat mengerti.

Dan ternyata tanggungjawab, terfikir nasib anak, terpercik rintik rasa, dari Nabi datang wakil, dari wakil tersebar musim, khemah amat sepi. Saudah janda tiada menyangka, terkatup pintu terbuka jendela, terhulur tangan ke hati, terdengar lagu rumah tangga, lamaran disambut segera. Di Madinah khemah diganti rumah sederhana dalam kawasan masjid pertama. Anak sendiri dibesarkan, Fatimah dan Ummu Kalthum dibimbing sebaiknya, berkembang keluarga Nabi, dalam lingkungan padu dakwah, dan seperti tangan yang menyalami, seperti suara yang merestui, mereka bahagia.

Sesekali Saudah kembali kepada kenangan di Habsyah dan di Makkah; sesekali bertanya diri ia erti derita dan jodoh, sesekali sedu ria ia. Saudah isteri yang setia dimatangkan oleh kembara sepanjang gurun, hari berganti, mendengar angin yang jauh, meneliti kilat di ufuk, dan kini bersama Nabi di masjid pertama teralir surah-surah dalam arus suara, menyampaikan makna mendakap hati, menghantar dakwah yang utuh, Khaulah binti Hakim as-Salamiyah, pencari dan penemu bijaksana disediakan keluarga dibentangkan sejadah, bermaknalah hidup Saudah.



Hampir serentak khabar yang indah ketika Saudah dilamar, 'Aisyah juga dilamar sama, Khaulah binti Hakim as-Salamiyah perunding bijak, mengejutkan Nabi pesonanya hujah kerana Saudah janda 'Aisyah amat remaja tak terfikir Nabi begitu saranannya, tak tertolak Nabi kerana wajarnya. Dan kini sementara menanti bunga lebih berkembang, gerak muda lebih dimatangkan, Saudah penghias dan penghibur, pemimpin dan pendidik keluarga Nabi. Dan dari subuh yang sentiasa menyentuh telah bermula tanggungjawab yang berat, hingga ke malam sebelum lelap, Saudah bahagia.

Gemuk orangnya Saudah, berjalan dengan lenggang yang berat, kata-kata disisip jenaka antara sedar dan tidak, dan Nabi terhibur dan senyum. Memiliknya ketika menjadi isteri, menghujahnya dengan Khaulah, Nabi, peribadi pemikir dan adil, berkira dari jandanya Saudah, wanita yang wajar dilindungi. Dan Saudah lanjut usia dan kurang jelita bukan dacing utama. Nabi faham pusran alam, dan amat mengerti tabii insan, begitu terakam jodoh diterima setulus hati, lalu di sisi ada pembantu, di belakang ada penyokong, di tengah keluarga ada pengasuh puteri-puteri Baginda.

Dan Saudah sendiri kerana janda dirinya, bekal derita dari jauh, dan kerana menyedari lanjut usia dan kurang jelita, sering bertanya-tanya mengapa terpilih dirinya, dan betapa untungnyanya diri dari yang ramai muda dan jelita, terangkat ia ke martabat mulia, isteri Nabi dihormati. Dan di sini berdiri Saudah, pengisi rumah yang penuh hemah, setelah derita dan dewasa dari Habsyah, diberi dan memberi erti dalam kehidupan, matang bertingkat memerhati Nabi, belajar menimbang dari teladan. Nabi mengerti tabii insan dan Saudah dewasa olehnya begitu hidup mereka.



Ragam menyimpan rahsia, mata melihat hati berbisik tidak semua dikata tapi dari air yang mengalir, angin yang menderu, pasir yang berpindah, ada tamsil yang cepat dibaca, dan Saudah, janda matang dari Habsyah, berdiam dalam tahu, sekali menyebut, sekali menutup, resah yang bertabir, dan pada suatu ketika tak dijangka, kata-kata menjadi tofan, kerana dari Nabi yang amat berkira ditawarkan talaq kepada Saudah dan terhenti nafas seorang isteri, besar minat dan kasihnya, masih patuh di laman rumah, dan kini di hadapan renungan Nabi tertimbang segalanya.

Lebih gemuk terasa diri, lebih berat terasa gerak, rupa luntur segera. Telah diazam sejak menjanda, berfikir dalam ketika dipinang, dan telah dijanji kepada diri jika berumah tangga ia hingga ke akhir harusnya. Dan kini kisah jodoh tidak terhurai, mesra rumah berahsia sendiri, santun dan hormat turut berkata. Berlaku kejutan tiba-tiba, amat takut diri, terlepas dari rumah, mungkin mengalir dalam kafilah, betapa dan apa menuju ke hujung, berkira-kira amat lama, berhujah sendirian, diakuinya kepada Nabi peranan wanitanya yang luntur, dia amat mengerti.

Nabi sendiri suami penimbang, kahwin kerana melindungi, sepi diri turut terhalau, dan dalam peribadi Saudah sukar dilihat cacat, kerana jarang menunjuk radang, tidak diguna senjata merajuk, tidak membantah ia. Dalam arus kekuatan, terhimpun dari batinnya, sebagai wanita berakhlak, diatur kata penuh berharap, diminta usah diceraikan, disaran jalan berlembut, bumbung masih di kepalanya, Nabi masih damai berdakwah, dan pada kata akhir melutut diberitahu azam awal dirinya, jika bersuami ingin ia sampai ke mati, amat bermartabat dirasakan menjadi isteri Nabi.



Dirasa diminta yang mustahil seperti dibakar ia basah, disiram ia hangus. Tapi, mengharap dan berdoa senjatanya selain dikenal ramah Nabi dan belasnya. Lalu di situ Saudah berdiri, dalam rindu dan sepi, sebentar ingin menghantar isyarat, sebentar berhujah dengan kesepian. Tapi, tanpa isyarat dan hujah, Nabi tahu hati isterinya, Saudah, yang jarang menunjuk radang, dan wanita yang sedar usia lunturnya, mengenali akar keluarga, bersedia beransur uzur sebagai isteri dimadu, dan tak bertanding ia untuk diperhati, mencukupi hanya sebagai Saudah.

Kepada Nabi diulangi pengorbanan kecil dirinya rela, bertanding bukan dirinya, disadari ia ranting yang tua tidak sesegar Zainab, Hafsah dan Ummu Salamah. Pada malam sejuk yang sayu kepada Nabi diberitahu sebaik tiba giliran malamnya kepada yang lain diberikan giliran, kerana ingatan yang bertanya dan hati yang mewaraskan merelakannya mengenal kawasan serasi tanpa berkisar calar dendam agar rumah tak menjadi tangga patah, agar diri tak berkocak takbur, mencukupi jika malam diserlahi jerami palma, memadai jika dirinya tidak diceraiakannya.

Sebaik fajar mengerlip tiba semua rundingan selesai dihurai, Nabi turun menghalai masjid dengan hati amat tenteram dengan langkah begitu mesra, dan di dalam masjid diserlahi jerami palma, santun dan khusyuk Nabi menunaikan solat dan turunlah embun sebagai langsir mewarnakan ketulusan hati yang baru mendamaikan hati seorang isteri yang terlalu mencintai suaminya, yang berbakti demi agama, yang cepat mengenal kemampuan dan batasan, yang berhujah sebijaksana. Saudah, dalam kawasan masjid pertama, berjaya mengekalkan masjidnya.



Berlakukanya suasana seketika kerana telah sampai Zaid bin Harithah bersama keluarga Nabi dari Makkah dan di Madinah kini selamat rombongannya. Gembira tidak terlukis, adab dan santun dilanjutkan, Nabi bahagia di tengah keluarga, meneliti perkembangan anak, menghalusi hati isteri dan kini, dengan tibanya 'Aisyah isteri jelita, dengan selesainya masalah Saudah, berbunga ketenangan baru, siang malam harum belaka. Mengamati di lantai terdengar tapak baru, di dapur melenggang asap, dikesan suara wanita lembut dan mudah, lemak dan tabah, 'Aisyah dalam keluarga.

Tidak semudah yang disaksi kenit kilat sayup di ufuk begitu kisah 'Aisyah. Khaulah yang menyaran setelah Nabi bersendirian setelah Khadijah tiada lagi. Dua nama serentak pengganti Saudah janda 'Aisyah remaja, kedua diterima. Terkejut Ummu Ruman ulang bertanya ulang mendengar dan ulang berfikir kerana 'Aisyah awal diminta, Mut'im bin 'Adi yang datang bagi pihak anaknya. Abu Bakar ayah yang peneliti, pemegang teguh akan janji, tersentak sama. Tapi setelah diuji, merenung dalam yang jauh, besan tidak menjadi. Lalu, dengan hati tulus, pinangan Nabi diterima, 'Aisyah menjadi isteri.

Remaja baru berputik dari marga Bani Taim keluarga yang cerdas dan jujur, 'Aisyah terasuh dari akar, segan ditengung terlalu banyak, bermula masih anak, bermain di tengah kawan, tapi sebaik tangan terbimbing, cepat kembang dewasa dalam tindak dan kata, seruling tunggal tengah malam, pendamping Nabi penuh mengerti, dan belajarnya amat cepat, membantu Nabi berdakwah, membahagiakannya di rumah, dan pada waktu tertentu sengaja dilangsirkan diri, malu amat berani bertanya, dan setiap dikenang janggut Nabi diingatnya suara bersurah, betapa bertuah.



Anak kelahiran Makkah lima tahun selepas bai'ah kenabian Rasulullah s.a.w. semakin hari semakin peramah. Tidak sia-sia dikesan Nabi sejak kecilnya, amat serasi pesanan Nabi supaya Ummu Ruman menjaganya, dan 'Aisyah, juga sejak remaja dalam rahsia turut terpijak oleh peribadi Baginda. Amat didengar kisah Nabi dari Asma' kakaknya sendiri betapa Nabi di Hira' dicari penyokong Abu Jahal di hadapan gua mereka mendera tak terkesan tapak dan gerak, dan Nabi dan teman memulai hijrah menunggangi Qaswa' dalam tofan pasir dan buruan Quraisy yang dengki, selamat di Madinah.

Ditempuh bahaya bersama kakaknya, kocak yang buas dari kaum Quraisy, sehari selepas Nabi terlepas nyaring ketukan ke pintu rumah mereka, menerjah garang kumpulan Abu Jahal, meregang pintu dan Asma', mengherdik dengan seringai, bertanya dengan mengancam, dan bila jawapan keulid, geletar suara tak terbaca, radang Abu Jahal gunung berapi, kilat marah dan deras tangannya tepat ke pipi Asma', jeritan dan keluhan bertingkah, menggelorakan seisi rumah seperti ternyala api merata, seperti gempa tanah kawasan mereka. Belajarlah 'Aisyah tentang takut dan pengorbanan.

Dan sebaik dewasa sebagai isteri, dalam kawasan masjid pertama, 'Aisyah mula mengerti asas perjuangan Nabi. Dan dalam kasih ia bertanya, ketika bersantai ia belajar, menghirup udara tak sia-sia, semua tamsil dicari maknanya. Di sisi puteri-puteri Nabi dan di tengah madunya, 'Aisyah pemerhati yang utama. Jika di tangan air tercurah di bibir ia dihirup, jika melihat pasir dinampak tapak, merenung bulan terimbas kafilah, dan dalam kawasan yang penuh dakwah serentak dan berlumba suara surah 'Aisyah menjadi lebih bertimbang dengan fikir dan menghayat dengan hati.





Demikian dilangkah kakinya dari sunti diri ke dapur dewasa, bermula dengan rasa berdebar, tanah digores sebagai anak hati matang berkata semakin malam dan pagi semakin mesra 'Aisyah di sisi sejadah dan jubah mengertinya sampai ke batin, khidmatnya tanpa waktu, demi suami dan jemaah, demi puteri Nabi dan madu, makan sama beradab, tutur sopan berisi, kerja tak hirau peluh, bersolat mematuhi waktu, dan bila jiran datang berkunjung, para sahabat datang berunding, 'Aisyah mendengar sepatah anak, senyum di tempat tertentu, penghias hati Nabi.

Sesekali apabila Nabi di giliran lain, bulan mesra di sisi mega, 'Aisyah terusik ke kenangan lama saat bermain ayunan, rambutnya disikat ibu, wajahnya dihias bersih. Anak yang tiba-tiba terasa wanita ramping tubuh ikal rambut kulit putih dan mata bulat semuanya bersuara satu irama. Tak sempat ditanya maksud ibunya, khuatir mengadu kepada ayahnya, darah mengalir sambil berkata dirinya tiba-tiba wanita. Di hadapan kehidupan sudah digubah antara gurun, kafilah dan khemah kenangan 'Aisyah segar berlumba, mencari erti dan diri, mencari segala.

Abu Bakar menjadi ayah yang paling gembira, sahabat Nabi yang setia, kini oleh banchuan dalam keluarga, ikatan menjadi terlalu serasi, sayangnya ia kepada Nabi, sayangnya Nabi kepada 'Aisyah, ikat-mengikat, dan di Madinah, tanah bertuah bagi penghijrah, azan paling syahdu, setiap waktu ditentu, suara Bilal merdu, memanggil setiap peribadi menyertai janji agama menyembah Allah yang satu mengakui Muhammad s.a.w. sebagai pesuruh-Nya, dan di Madinah kota Islam yang dibina, bugar dengan ummah, dan di tengahnya mercup peribadi 'Aisyah yang indah.



Nabi sibuk pelbagai cara, mencari waktu serasi, berkisah sesama sahabat, Berkhawat sesepi diri, menerima dan menghurai wahyu, malam siang dewasa. Dalam sibuk memuncak, pemimpin bertuah dirinya, yang sempat diamal nya, di mana mungkin diwakil nya, dan kafilah datang dan pergi, bertali dari Makkah dan Madinah, membawa berita dan bantuan dan sering didengar marah dan buasnya Abu Jahal menghukum mereka yang tinggal, mengejar mereka yang beredar, tapi, dalam murka dan dendam nya, pengaruh behala terluntur di hadapannya, sementara Nabi di Madinah berkembang dakwah nya.

Kesibukan diri sebagai pemimpin, khidmat peribadi di dalam rumahnya, mempunyai warna dan lagu tertentu kerana yang disayang merasa sedikit, yang bergilir terasa kurang, dan tingkap Nabi yang terbuka mesra dijangah sering setiap isteri bertanya khidmat sekesan mana dan ditanya terkadang langsung ke diri. Bauran terlalu banyak dan tidak tertafsir setiap langkah, ke mana dan di mana Nabi bermalam didengar hingga ke langsir. Berkata-kata setiap isteri di hadapan cermin di sisi lampu bayang-bayang berhujah sesama sendiri begitulah gundahnya 'Aisyah.

Dari ibu dan ayahnya, dari kafilah yang datang dan khemah yang berdiri, 'Aisyah yang kini wanita sudah terlalu dewasa di tengah rumah, tapi tak sempurna diri manusia, lebih lagi wanita dimadu, di cermin hanya dirinya, imbas lain tak termuat, dan terkadang di sana sini nafsu mencabarnya, sehingga melihat selalu yang kurang, berhasrat selalu yang penuh, di pintu madunya terasa lambat, di bilik sendiri amat deras nya, terganggu lah 'Aisyah ke hulu hati, terkadang berkocak hingga ke mimpi berfikir ia sayangnya Nabi, terpihah atau berimbang, wanita biasa dirinya.



Dan sanubari mempunyai kitabnya, catatan luka tersiat lembar-lembarinya, gerigis helai amat berkata ketergesaan tindak suaranya, dan begitulah berceritanya hati 'Aisyah, jika Saudah tak dibaca isyarat, jika Ummu Salamah banyak yang ditafsir, dan memang wanitalah 'Aisyah kasih ingin untuknya, dan memang manusia biasa dirinya cantik tak dinampak, manja tak tersukat, kerana didengar Ummu Salamah, didengar pula Zainab binti Jahsyi, berkocak lagi hingga ke mimpi, resah di bilik sendiri difikir cara memujuk Nabi. Tapi, Rasulullah s.a.w. seperti biasa, sederhana di dalam diam yang bijaksana.

Angin kencang menerjah mukanya, 'Aisyah merenung sayup yang jauh, merasa takjub dan gamam, terlalu muda dirinya, terlalu rupawan juga, amat manja dan lemak suaranya, tapi, dalam riak seindah itu sejak sebelum ia dimadu wajah Khadijah sukar terkikis, suaranya masih di tengah rumah, ketawanya masih dipuji Nabi, dan mengatasi segalanya, seorang ibu amat subur, diberikan zuriat luar biasa, sehingga laman dan rumah tak terasa sunyi, sepi malam masih bernafas, sibuk pagi masih berkawan, Khadijah yang tiada masih berdenyut di tengah keluarga, bandingan tertinggi kepada Nabi.

Berfikir dan merenung 'Aisyah, jika isteri wanitalah ia, tapi sihat badan dan rupawan wajah, suara manja dan tingkah lembut, tetap kosong dan sepi jika tidak berzuriat ia. Dikenang untungnya yang tinggi menjadi isteri Nabi, usia yang muda juga kelebihannya, anak Abu Bakar menambah akarnya, dan sayang Nabi tidak dipendam, sibuk yang ditentukan ruang, malam diadakan. Tak harus gusar hari yang lalu, tak perlu bimbang juga sinar mentari, seluruh pelosok cemerlang biliknya, gangguan hanya di hati yang cemburu. Pada malam-malam sendiri ternampak Khadijah yang dewasa, 'Aisyah merintah.



Peniaga matang dan pintar ia di tengah gurun denai berniaga, Khadijah dikenal peramah, dan ketika dirinya disaran berkeluarga, dinampaknya Nabi gembala yang jujur, muda yang dewasa dan di tengah kafilah di bibir namanya, ranum di bawah Abu Talib, dan pelatih yang cekal dalam kafilah, turut mengenal denyut di pekan Busra, selatan Syria, dijangka ia pilihannya. Dan sebaik terkibar berita Khadijah janda peniaga mencari tangan yang jujur, digalas bahu dihidu pembantu, sedarlah Abu Talib Muhammad s.a.w. tokohnya, maknanya apa janda dan bujang, direstu mereka.

Dan kini Fatimah dan Ummu Kalthum, benih dan baka bertuah, di tengah 'Aisyah menjadi terpegun ia. Bercakap kepada dirinya, merujuk atau merajuk, bayang Khadijah tetap berkisar, menjadi buah puji sentiasa, dan dengan Fatimah dan Ummu Kalthum di sisi, di halaman antara masjid dan rumah, lebih terkesan nafas mereka, lebih ternampak arwah Khadijah. Tak terganggu jika diingini, janda peniaga yang matang dan pintar abadi di hati suaminya, berlanjut dalam suara dan gerak anak-anaknya. Melawan bakal kalah, diterima bakal luka, tapi sayang Nabi masih menjadi penawarnya.

Cemburu masih berlanjut, tapi diterima hakikat hidup, pohon rendang berakar kukuh tak terpuanggah walau di mana. Khadijah di bibir Nabi, lebih terhayat dalam hatinya, dan 'Aisyah suri dapur yang wanita belajar berkendur demi damai, lama merintih dalam kasih, percaya dan berharap jubah Nabi masih menyelimutinya, harum setiap musim mereka. Lalu setiap senja yang tenteram, percikan warna indah di ufuk, direnung jauh ke dalam, dicari kenangan lebih bererti, dan gusar menanti giliran sebaik tiba semua menjadi nikmat, terlupa suasana, terlupa gulana.



Tidak sentiasa giliran diri, Nabi yang sibuk berkelana di tengah ummah dan isteri-isterinya. Sebaik malam dicadari siang, terjaga dari mimpi, 'Aisyah menjadi wanita biasa di dapur, di laman direnung madu-madunya, ditaksir indah diri, ditimbang santun dan manja, diukur minat Nabi. Dan telinga selalu mendengar, bisik sentiasa diterka, teman mengerti, sesudah lama dikenal tabii dan niatnya, di samping sama sehaluan, dibanding alur berita dan ditapis setiap nama, dalam bingar dan sepi, muncullah nama Zainab, Ummu Salamah, Juwairiah, Safiah dan dirinya.

Ramai nama sukar dipilih, ramai madu sukar ditentu, tapi 'Aisyah pencari yang tahu, didengar di kiri dijengah di kanan, diteliti kilat mata, dibaca gerak bibir, dan di antara mereka, walau mulanya berdebar ia, diterima kemudiannya Hafsa binti Umar. Dan ketika tidak diterka orang, mereka bertukar jeling dan tenung, mereka bersambut bisik dan dekah, tapi di bawah arus bersahaja mereka bantu sesamanya membetul duduk di tempat maruah, merengang akar supaya kekal, kerana sayangnya berdua akan Nabi tiada batasnya, khuatir tergelincir dari sayangnya Baginda.

Begitulah terkadang terkicau berita antaranya sekitar Ummu Salamah perkahwinan Nabi didengar mereka dan Ummu khabarnya amat indah kembalilah resah 'Aisyah, tidak damai di sisi dapur, amat risau juga di dalam bilik, beredar ia di dalam rahsia menilai pandangan Hafsa senang sebentar resah seketika, dinampaknya Ummu Salamah madu jelita, cepat diukur debaran Nabi, ditanya secara berkias, Nabi ketawa di dalam merasa tak berubah kaum wanita seperti di zaman Nabi Yusuf layaknya tapi wanita masih wanita, 'Aisyah dan Hafsa memupuk kasih suaminya.



Pada malam ketika sepi penat dan lelah menjelang diri terfikir Nabi setiap giliran yang teratur, kecuali Saudah yang sedia mengalah, tapi sejuk subuh penuh ibadah, beredar dari sejadahnya, Nabi bernafas di tengah Madinah, melihat arus yang datang, menghantar arus pergi dan, dalam setiap langkahnya, dipelihara ketenteraman antara manusia dipererat persaudaraan Muhajirin dan Ansar, dan melalui amalan dilandaskan jalan lebih lurus, diasuh ummah supaya mesra, dan dalam sanubari yang disyahdu, digalakkan mereka membaca al-Qur'an mulia.

Angin sentiasa panas bertiup dari Makkah, Quraisy yang cemburu, masih bangga dengan dewa berhalanya; dihidupkan Isis, Osiris dan Horus, dicelikkan kanak-kanak dengan al-Lata dan al-'Uzza, digertak wanitanya, dan sampai berita di Madinah dalam bauran mencemaskan semua, dicari telinga yang mudah mendengar, dipetirkan ancaman Abu Jahal, sengaja dikecohkan kafilah, dikuak dan diruntuhkan khemah peniaga jika dari Madinah datangnya. Nabi menapis setiap kisah, dicari inti yang tulen, disisihkan yang palsu, dihebahkan kekudusan ke jalan Allah.

Antara mengerti dan berbalam, ingin mengenal dan melupakan, lambat 'Aisyah menemui jalan kerana yang dinampak tapak berkecah, tak dilihat bintang sebagai arah, sampai hanya sekeliling halaman, ternampak madu yang bertambah, dihitung jarak dan detiknya, dibanding cantik mereka dan dalam bilik dan dapur, ketika sepi dan gugup, bersama Hafsa ia bercerita dan berulang kisah sekitar peribadi dan kekaguman wanita, dirasa terlalu cepat uzur malam, dan pagi terlalu letih, 'Aisyah mengingini seluruh kecintaan tapi Hafsa, kerana matang, mewaraskan.



Ketika kencang berita yang benar, langsir kahwin segar berkibar, dalam rahsia yang terbuka, muncul pengantin Ummu Salamah, dari janda jelita menjadi ia madu 'Aisyah. Betapa gusarnya suasana, 'Aisyah paling terluka. Dicari jalan mendengar, merayap dan menyala cemburunya, tapi Hafсах binti Umar, janda muda yang dewasa oleh Habsyah, berkipas menyejukkan, menjelas dan menghujah, Ummu Salamah, Hindun binti Umaiyah nama aslinya, memang cerdas dan anggun, benar dari keturunan mulia, tapi, cubalah difikir ia rupawan janda yang agak tua, betapa jauhlah kekhushyukannya.

Seperti air tasik ketika subuh sejuk dan tenteram hati 'Aisyah, dijeling diri sendiri, disadari badan segarnya, diketahui manis wajahnya, diakui kuasa pujukannya. Di hadapan Hafсах, pengantin Syaaban tahun ketiga Hijrah, bekas janda pahlawan di Uhud, 'Aisyah terkelip lama. Diterima hujah yang dewasa, disenangi cara fikir Hafсах, damai batin agak lama, sebelum resah semula kerana di tengah alir kafilah, di antara sibuknya ia di dapur, terpercik pula khabar Nabi menikah, Zainab binti Jahsyi. Ditentanginya wajah Hafсах, bertanya mata, Hafсах masih mendamaikan.

Wilayah wanita amat terbatas, berkisar di dapur dan di hati suaminya. Jagat Nabi melebihi samudera demi ummah dan agama, demi isteri juga. Belajar mengerti dan memahami, begitu riak saran Hafсах, akan cepat dewasa diri, terhakis gundah yang sia-sia, pada setiap giliran peribadi akan disayangi Nabi, akan sempurna diri wanita, akan terpilih hatinya. Kembali seperti air tasik ketika subuh tenteram sanubari 'Aisyah di hadapan laman dari dapur diteliti khalayak yang khushyuk, diperhati setiap langkah, cuba diterka hati mereka, dan cuba didamaikan hatinya.



Dalam renungannya yang tak tersedar, belajar melihat tumbuhnya hati, dewasa yang matang, jika dijengah jauh ke dalam dijernihkan fikir yang terkocak, dapat dipetik kuntum hemah, begitu dibayangkan Hafsaah. Tapi wanita masih wanita, terkadang cemburu, terkadang ragu, suatu ketika giliran Zainab, berdua mereka sehati, menyukai kecintaan Nabi, sama-sama bertukar teka, mendengar yang detik, menghidu yang wangi rahsia apakah dari Zainab, manja yang terlalu dimanja. Dan sesekali dipinta bantuan Saudah, jujur berkata ia, Nabi diberi minuman madu.

Dan ketika sepi diri sendiri, atau berdua Hafsaah dewasa, 'Aisyah sengaja memanjang khayalan, menghidupkan kisah didengar, terkadang membesar yang kecil, menyalakan yang bara, atau selalu, mencari kurang diri. Diketahui dari mula Khadijah tak bertanding, takhta pertama di hati Nabi. Diketahui juga resah Saudah, dilamarkan Khaulah serentak dengannya. Saudah janda kesusutan rupa, 'Aisyah remaja lembut manis dan ceria. Terlindung kerana tak jadi dicerai, giliran direlakan kepada 'Aisyah. Dunia Saudah buminya sendiri, dan bukan saingan di dapur dan di laman.

Terhidup lanjut kisah didengar, masih membesar yang kecil, 'Aisyah, ketika sepi, memanjangkan khayalan, dan khayalan menjadi benar, walau hanya di dalam kepala, menjadi hidup walau sekadar mimpi. Begitulah hadirnya Zainab binti Khuzaimah dan Zainab binti Jahsyi, juga begitu hadirnya Ummu Salamah binti Abu Umayyah dan Juwairiah binti al-Harith. Mereka semuanya madu bertingkat mengisi kehidupan Nabi atas sebab berbeada. Nabi hormati jasa 'Ubaidah, pahlawan syahid Perang Badar, dilindungi Zainab sebagai isteri, dan 'Aisyah terpilih amat remaja, bertuallah ia.





Ketika setara gusar dan kasihnya, ketika suaminya khusyuk berdakwah, 'Aisyah tak terpancang yang nyata, gundah lebih ratunya. Dan di Makkah, Abu Jahal lebih marahnya, bebayang disangka Nabi, embun dikira kerlip pedang, dan setiap gerak masih dikesan, setiap kata didengar, dikeji setiap usaha, setiap dakwah disanggah. Khabar begini ditahu 'Aisyah tak disangka betapa beratnya. Berdua ia bersama Hafsa basah dengan cemburu, sedang, pada detik sama di sekitar Makkah, dan di tengah gurun, Abu Jahal yang dendam, api marak mengunyah, buas menyebar jalanya.

Diteliti setiap tapak, gerak unta disangsi, disiasat setiap jubah, setiap purdah diawasi, begitu Abu Jahal di Makkah. Dan di Madinah 'Aisyah yang lebih ke dapur, di sisi Hafsa, jengkit menjengah kelibat Ummu Salamah dan Juwairiah menggelorakan dunia gusar dan kasihnya. Mungkin dirasa sesetengah khalayak, atau memang alpa mereka; mungkin semua terlindung langsir balam bayang sukar diterka. Sesekali Saudah berserta, riak tenang dipupuknya, dan sesekali tersedar juga Hafsa, cepat kesal, cepat berhujah, lalu dikembalikan dunia isteri yang mula.

Disadari Ummu Salamah turunan mulia dan Hafsa janda cantik yang tua. Dimaklumi Saudah yang sudah mengalah, diakui Khadijah mengatasi mereka. Diterima Zainab dan Juwairiah, dan 'Aisyah, kesayangan Nabi luar biasa. Pergulatan di dapur dan di laman, persaingan khalayak di tengah malam lebih kocakan dalam diri. 'Aisyah remaja baru berputik dari Bani Taim, terasuh dirinya dari akar, segan ditenung terlalu banyak, dalam rahsia, pinta dipanggil ketika sunyi, dan tak sedar belajar terlalu cepat, kerana setiap dikenang janggut Nabi terngiang suara betapa ia bertuah.



Dijangka tofan ghaib sekitar dapur tak terdengar ke telinga Nabi, silap terka antara wanita, dan Nabi, teladan utama serba diperhati, mendengar tanpa menjeling, menilai suara setiap isterinya, dan tahu, dalam kumpulan berasingan, musim jarang serasi. Kini ditafsir setiap resah, ditimbang setiap rajuk, dibaca air muka, ditangkap kiasnya. Dan pada hari yang amat serasi, dipilih kata mesra bermakna, dijelas sekali imbas betapa berat tugas Baginda, betapa diperlu masa bersepi, kerana kebajikan ummah di Madinah perlu dirancang sebijaksananya.

Halilintar di tengah malam, sepi yang tercakar, memeranjatkan 'Aisyah dan madu-madu lainnya. Berkocak gementar mereka, kesal tak terlukis, maaf lama terucap dan berkejar deras semua khayalan antara mereka. Dapur tiba-tiba terlalu lengang dan malam menjadi telaga sepi sekelompok di sana sekelompok di sini menghimpun kata luntur makna. Tapi, oleh belajar yang lama, oleh insaf diri diuntung, oleh marah ke diri sendiri, dianyam sabar sepanjang mungkin, berdo'a khushyuk mereka agar suami yang ingin bertenang, berkhawat, direlakan ruang yang sepi.

Dan 'Aisyah tumbuh lebih berakar melihat alam penuh bererti, dan, dalam resah dan kesal pilu diperhati sendirinya Nabi, kecuali Rabah, maulanya. Dan daun-daun hari lambat jatuhnya dan gerak musim terlalu lama dinanti. Terkilatlah semula peristiwa genting ketika Nabi berada di Ka'abah dan betapa maraknya cerita didengar tentang kejarnya Abu Jahal; dan terkelip kemudian peristiwa Nabi di Gua Thur betapa terselamat oleh sarang lelabah, dan kini, fikir 'Aisyah, betapa sulitnya Rasulullah s. a. w. terdorong menyendiri untuk berdamai hanya kerana krenah isterinya.



Madinah, dalam nafas getir dan syahdunya sendiri, berkembang, tak terlihat mereka yang sibuk, gusar diperhati mereka yang pemikir. Tanah sejarah tempat mengalir mereka yang berhijrah, tanah penerima, dalam bisik batin sendiri, dalam tidurnya yang penuh mimpi, bersatu dalam keyakinan yang memercik, adab yang berganding, bangsa resah dan budaya yang bercanggah. Di tengah silang jalur barusnya kafilah, datang dan pergi dalam radang dan sayang, bertanya dan menjawab dalam singkat kata, terasa denyut yang baru, di Madinah bakal menjadinya ummah.

Sejarah menghimpunkan keresahan dan kecintaan pelbagai puak, terkadang meretakkan paduan yang ada, kemudian menghimpunkan semula, terkadang terbancuh oleh tengkar dan tengking, kemudian bersalaman mesra pula. Di sini, bumi tempat berhijrahnya Nabi, terbinanya masjid utama, dan di sini kini tempat Nabi menyingkir diri, berjauh dari keluarganya, memetik detik dan detak damai, berfikir sejernih mungkin, bersyahu dan berdo'a, bertangga kaki sendiri, mencapai dengan hati. Madinah, tanah penerima, silang arus berjalurnya kafilah, menghimpun bahagia dan derita.

Masih bergeser kaum Yahudi, tiga kelompok belajar hidup, gamam bergerak, sesak bernafas. Qainuqa', al-Nadir dan Quraiza tali satu berselisih simpul, kusut yang sukar serasi, berpihak menentu hidup, berkawan dan bermusuhan mengikut musim penentu. Begitu menjalarnya sejarah, dan begitu merangkaknya beradaban, Madinah, bumi yang subur bagi petani, kota yang sibuk bagi peniaga, berkampung segala yang insan dari akar yang sedia ada kepada pendatang sedia membina, membancuh dan terbancuh, menghidupkan gerak nafas, dan di tengahnya teguh kaum Khazraj dan Aus.



Dan Madinah, tanah penerima, dalam bisik batin, yang membancuh dan terbancuh, anugerah tanah untuk berdiri, anugerah udara untuk bernafas, berakar jauh ke dalam sejarah, satu hijrah yang panjang, dari duka telagah kaum, Yaman dan Habsyah yang bercakar kepada runtuh Empangan Ma'arib, tenang dan fikir yang sia-sia. Dan Madinah, tanah penerima, mendakap semua kaum belajar mengenal, kaum Aus terhimpun di selatannya, kaum Khazraj subur hidup di utaranya, dan dalam silang arus bertabah, bertani dan berniaga, berkasih dan berbalah, mercuplah bumi Madinah.

Dari kasar rasa dan kejam dendam, antara damai yang sukar dikenal dan tengkar yang sentiasa dinyala, kaum Aus dan Khazraj pernah berkali berselisih fikir, lahap dan dengki di curam ragu, tenaga garang yang sengaja diasah. Berperang mereka sesamanya, sebangsa yang jarang mengerti, menggucur darah nafsu, memusnah dan dimusnah, bermula dengan Perang Sameer, dan berlanjut liar tanpa sabar, berlanjut kasar tanpa hirau, dan berakhir dengan Perang Bu'ath, lima tahun sebelum berhijrahnya Nabi, sebelum terbinanya masjid pertama dan ummah baginda.

Pemberi dan penganugerah bumi Madinah, berubah musim dan beralih angin, bertofan bengis dan berbulan tenang, bumi itu berkata-kata, berbisik sayang kepada manusia. Diberikan tempat bernafas, tidak diganggu suara para dewa; diberikan ruang berhujah, tidak disekat kembangnya agama. Madinah yang mengerti dan penerima, banyak didengarnya bisik dan jerit sejarah, dan dari telinga dan ingatan bumi, banyak dirakamnya derita dan sengsara. Tak dilarang pemuja al-Lata, Manat dan al-'Uzza, dan tak disangah menyerapnya insan hijrah yang menerima hanya Allah dan Nabi.



Nabi dalam tenang dan khusyuknya sendiri, jauh dari telatah isteri, merenung dan memerhati, melihat segala yang berkembang, berfikir apa yang bakal diukir, menghujahkan saran yang waras. Dari wahyu dihayat segala, dipetik bunga yang kembang, dikutip yang inti, diperhias sejernih niat, disebar secepat nadi, dan kini, di tengah Madinah, tanah penerima, setiap waktu terizin, dihantar pesan kalbu yang telah dipersuci surah-surah murni. Ansar kaum bumi bersyukur dan Muhajirin kaum yakin yang berhijrah bersahut hati dan sama beribadah.

Dilihat dengan faham, dicari dengan rindu, di Madinah, bumi penerima, terluang daerah tani, terpelihara bekal senjata, di sisi berhala yang ada, di dalam sekolah yang dibina, dibangunkan pustaka, menghimpun ilmu dan hemah. Masih ada imbasan pengaruh dewa dari Makkah, dan al-Lata berserta al-'Uzza masih bernyanyi di hati sesetengah. Tapi, dalam debar yang kuat, bertiup angin batin yang segar, mencari dan menyanggah berhala yang ada. Sambil bertani saudara Ansar, berniaga pula Muhajirin, dalam subuh yang sejuk dan senja yang indah mereka dibimbing Rasulullah s.a.w.

Madinah tanah yang subur, kurma dan anggur bergugus segar, barli dan gandum bernas dan ranum, dan di daerah damai dan mesra mengalir sungai yang jernih, hening telaga di tempat terpilih. Dan pada tanah yang sentiasa menerima, oleh musim yang serasi, di antara gembala lebih terasuh, bergerak lembu dan kambing, berbondong di sisi unta, dan di sana sini dalam kelompok lebih selesa berkejar riang kumpulan kuda. Madinah, tanah penerima, sibuk yang ketara, dihidupkan pasar sutera dan wangian, didamaikan kelompok rumah dan taman, bayangan hidup berseni.



Berkira-kira segala dalam hari yang berubah, rasa terlalu sanubari. Dari ranting kurma, dalam sepi Madinah, gugur daun-daun uzur, dipetik makna, ditafsir selanjutnya, didengar gugus doa. Antara regekk unta dan kocak kafilah, yang amat sayup kembaranya, masih terhimpun kisah kalut manusia. Akan remuk kenangan perang dari Samer ke Bu'ath, lena sejenak, sebelum dalam alpa terjaga mereka. Akan bertanya diri mungkin tanpa mengharap jawab, tanpa menghirau al-Lata dan al-'Uzza, dalam debar Madinah, bakal didengar dan dibaca setiap bait yang ada.

Mesra dalam dakapan, senyum yang mula, jika tanya tiba-tiba terjawab oleh Ansar awal berakar dan Muhajirin lewat hijrah. Apakah alir pekat saudaranya akan memercikkan mimpi di tengah ladang anggur dan kurma di dalam pasar sutera dan permata? Jauh sama berkelana serentak tibanya. Begitulah subuh sentiasa bangun mengheret gebar basah, lusuh dan rabak. Begitu senja jarang mengantuk sebelum mengibas jubah, sebelum ke sejadah. Dan kuyup dan gigil, gugup dan degil, cuba dimusnah mimpi yang mula, dan disyair kisah biasa, bangun tenang yang sabar, memang hikayat mereka.

Madinah dakap saudara paling menerima masih didebari kocak kafilah yang berhenti. Disambut, disalam dan dijemput dengan tulen batin, menjernihkan suasana kabus pasir, dan di angkasa berjarak misai awan, turut memerhati terbang elang dalam hari yang masih deras bersalin. Dan di hadapan laman di mana kiblat masih ke Bait al-Maqdis hingga ke pasir lantai bersolat jemaah, mengukuhkan rasa akar muhibah, menyiram benih baru bersuara, memupuk kudus beriman. Dan Ansarnya Abdul Rahman bin 'Auf, Muhajirinnya Sa'ad bin Rabi', teladan awal ummah.



Sementara berdasar pohon di Madinah, seruling sayu dari jauh, dan angin yang mengiringi kafilah, terlalu cemar berita yang tiba dari Makkah. Kemarahan mempunyai lidah panas dan berang, di belakang, desak yang keras, marah yang buas, disergah-sergah niat bedebah. Semakin tipis suara sisa dari kelompok Nabi yang tinggal, semakin terdera mereka, dikejar setiap yang lari, dikongkong yang tinggal. Dan dalam rancang semakin mencerut, berlindung dari setiap bayang, mereka yang terselamat membancuh kisah menakutkan, gusarnya Madinah.

Nabi yang menyendiri mendengar segala dalam sunyinya. Berdetak hati, berkira dan berkias, dibisikkan tindak berhemah. Dan dalam khalwatnya terjernih batin terhayat doa, permintaan terlalu khusyuk dan syahdu di atas sejadah, dalam gundah bermakna, direnung dan didengar bisik dihimpun segala hikmahnya. Dan wahyu beberapa ketika tibanya Nabi di Madinah, meneguhkan arah peribadi dan ummah. Disedar ke kemuncak faham berlawan tindak yang wajar kerana ummah yang hijrah bersama bumi baru yang tulus menerima, setiap tapaknya, kini wajar dibela.

Bermulalah rancang meneliti, khabar musuh disaring, gerakannya ditapis dan dihimpun dari segala arah bisik dan jerit kafilah musuh yang ada. Musim berniaga kencang dan rancak, alir kafilah deras dan panjang, amat segar saudagar Quraisy di jalur Syria. Dan dalam musim luruh dan gigit, amat galak kafilah mereka ke Yaman dan Habsyah. Ketawa mereka boleh dibaluti luka, menang mereka boleh disusuli kalah, begitu peta membayangkan, begitu tindak diaturkan, mengenal tapak dan langkah, memilih helah dan senjata, Nabi dan wira-wiranya bersedia menentang.



Gerak awal penuh kawal, kerana tak sentiasa jitu berita, dan tindak berbahaya jika salah petanya. Berulang kali ditapis telinga, suara yang lalu dipatikan, didengar jelas maksud, digariskan yang perlu, dan yang sangsi, dighaibkan. Berulang dikaji dari sumber kisah, mungkin angin, mungkin tofan, mungkin hanya khayalan. Tapi, pada detik tertentu apabila peta tegas panahnya, dihurung secara tersusun, diadang setiap arah. Langkah pertama tapak kecewa, tapi tapak kecil masih berguna kerana, sempat dirasmi pakatan bersama kaum tempatan. Begitu jayanya.

Merancang dari jauh, tepat dan sipi, masih berfaedah. Bertindak perlu serapat mungkin, dan pemimpin harus berserta, berani sebagai contoh, perkara dihormati ummah. Dan bertindaklah Nabi lebih peribadi, hadir dan memimpin dari tengah khalayak, memercik sengat dan semangat. Tapi, jika kepemimpinan diwakilkan, dikibarkan bendera putih pada lembing waja, dihimpunkan pejuang yang gagah dari kalangan Muhajirin. Begitu disediakan ketika disaring berita bergeraknya kafilah gagah oleh Umayyah, musuh pekat ummah, dan dua ratus tenaga bakal mengadang lebih dua ribu unta.

Tapi, kerana tak sentiasa jitu berita, kafilah Umayyah, paling besar, paling kaya, tak terserempak mereka. Berperang hanya dalam hati yang amat bersedia, dan walau hangat yang garang, tak terserempak juga tiga empat hendapan yang dirancang. Dan khabar baru sentiasa merangsang, musuh Islam dalam kafilah, arus yang banyak, dinanti, diterka, dijaga. Dan apakala kembang berita kafilah dari Yaman munculnya, Nabi menghantar Abdullah bin Jahsyi, sepupunya, mengarah hanya merisik berita, memahami keadaan dan kekuatan, mengenal resam dan muatan, bagi gerak masa depan.





Berburu masa sama memburu kisah, didengar dengan tenang dan sangsi sahabat Nabi, dengan rangkai tersendiri, berbisik yang benar, bertanya yang samar. Pada ketika rancaknya kafilah, pada saat Quraisy alpa, didengar aliran kecil kalifah mereka, berat dengan kismis dan sarat dengan kulit, peluang sukar berhelah pada Rejab, bulan amat murni. Abdullah ghairah, tapi masih gusar dan gundah, kerana, cuma dibenar meneliti gerak, bukan tepat bertindak. Dan berbalah hasratnya, kerana yang dihadapi musuh agamanya, lama kacau, lama risau, tapi menyerang ia.

Perang terhadap Quraisy, terbuka dan rahsia, fikir Abdullah, tindak yang waras, kerana telah dibenar wahyu yang terdera wajar berlawan demi tanah dan maruah. Cergas diatur serangan, cekap diperangkap, dan meyerlah kafilah Quraisy yang tersangkut antara Taif dan Makkah, di dalamnya telah dikenal dua saudagar kaum Makhzum, penyanggah Islam paling degil. Pertarungan yang panas, bersilang panah, dan panah pertama terbenam ke dada golongan Kindah, berkecah kafilah dengan jerit dan radang, dan akhirnya tertawan Uthman dan Hakam, terlepas hanya Naufal.

Kemenangan oleh rancang yang rapi, walau, dalam batin, Abdullah resah kerana menyerang di bulan suci. Dalam kafilah pulang dengan manusia dan barang tawanan, Abdullah masih berkira, mengenangi pertalian Rejab dan Syaaban. Meneliti barang-barang menggayuti badan unta, memerhati Uthman dan Hakam yang tertawan, dalam riang kerana menang, resah kerana mengalih arahan, difikirkan jawapan munasabah, disediakan khazanah rampasan untuk Nabi, dibahagi setimpalnya untuk teman-temannya, dan sepanjang pulang ke Madinah dibayangkan betapa nanti tindakan Nabi.



Seperti dijangka dari awal tidak senang Nabi menerima. Kemenangan cepat terasa seperti kekalahan bagi Abdullah. Seperti difikir dengan waras, terjadi yang dijangka, Nabi enggan menerima bahagian rampasan, dan lebih mencengkam pilu Abdullah. Seperti turun kelayak, seolah mengamuk tofan, suasana penuh getir di dalam kumpulan mereka, dan tak terangkat wajah. Turunlah wahyu kemudiannya mewartakan beberapa keadaan mengenai sucinya bulan-bulan terpilih dan salahnya bertarung dalam bulan sedemikian. Tapi, wahyu yang kudus menyebut lebih besar salahnya menghalang jalan Allah.

Amat lama Nabi bersepi, menjernihkan segala yang terwahyu, memahaminya jauh ke inti, meniti setiap kata, mengembalikan makna yang jitu, dan diyakini, lebih berat salahnya mereka yang menentang Allah, yang sengaja menyanggah rumah ibadah, lebih lagi menderma ummah diberkati Allah. Dan setelah seluruhnya dihayati lebih difahami Nabi mendera itu lebih besar salahnya daripada membunuh. Dalam syahdunya pada saat-saat damai Nabi, peribadi terpilih dan mulia, menimbang dengan saksama tindakan Abdullah, oleh penjelasan wahyu, menerima seperlima khazanah dan temannya.

Gempar di kalangan Makhzum, dan berkecakh kafilah-kafilah yang berkelana. Terhantar berita dan tawaran, dan terhantar sekali wang terbusan bagi pembebasan dua orang tawanan. Peristiwa cepat merobah, gurun terlihat lain, langit seperti merangsang dibaca, dan manusia tidak lagi melihat hanya dengan mata, tidak berkata dengan lidah. Begitulah dua tawanan, oleh pengalaman penuh mengajar, memilih dari hati yang lebih terasah. Uthman yang sayang nyawa dan cinta kaumnya memilih kembali ke Makkah, sedang Hakam terlalu merenung, penuh menerima, memilih Islam agamanya.



Setiap peristiwa dalam Rejab dan Syaaban memercikkan tafsir dan tamsil dan mereka yang dalam kafilah, berdiri di khemah berbeda, melihat lebih dengan hati, kesungguhan tajam terasah, terjumpa dan menjumpai permata batin yang dicari. Madinah, bumi penerima, banyak mengerlipkan embun hemah, mendewasakan insan sedar, mematangkan tindakan mereka. Dan lebih berkelana hari, dilihat mentari dan bulan, direnungi bebintang, lebih bertanya dirinya, dan dalam syahdu masa, dan khusyuk doa, mereka menjadi Muhajirin yang terlalu bersyukur dan Ansar yang sedia membela.

Dan dalam Syaaban yang lembut dan mesra, ketika manusia dan kafilah dalam pusanan peribadinya, terhantar petunjuk dan penyedar yang halus. Terlalu banyak masih samar dalam alam luar dan batin manusia, dan peristiwa, yang oleh ganjil dan rahsianya, terlalu lambat dapat dibaca. Detik hari menambah dewasa, yang tertunjuk menunjuk, yang terbimbing membimbing, dalam gerak dan gelora, di Madinah yang penerima, semua pohon berakar, disiram dengan hemah, menjadi rimbun yang rendang, dan antara kaum Ansar yang sedia utuh dan Muhajirin yang tumbuh, mereka teguh.

Tapi, landas dan kebun hati sentiasa mempunyai kekusarannya sendiri, dan kerana kebajikan dan kebahagiaannya sentiasa dicari tempat berkhusyuk, tak diterima simpang selisih, terus diteliti gurun dan gua, dan apakala tersua, dikaji sebelum dipakai, dihidu yang wangi dihembus yang hanyir. Begitu, oleh wahyu yang syahdu, diterima bimbingan baru tentang arah dan adab manusia, lebih khusus tentang kiblat yang perlu jitu, diberitahu wajar dibina mihrab yang sempurna, dan tidak lagi ke Bait al-Maqdis arahnya. Dengan gembira yang sederhana setiap solat mula berkiblat ke Ka'abah.



Kekecohan dan sengketa sejarah kini ditangani dalam insaf dan faham. Berlegar nafas baru yang harum dan berubah Yathrib kepada Madinatun-Nabi. Semua hati disantunkan, dihembus erti dosa dan pahala, digalak khidmat sesama insan dan disedarkan berganda-ganda pahala yang sentiasa tersedia. Terpupuk secara ikhlas, bersih pakaian jernih hati, serasi suara dan kata sehingga sayang berbenih antara Ansar dan Muhajirin, memercupkan daun dan buah yang segar, mengakarkan peribadi kota yang berkembang. Dan pada setiap detik nafas Nabi difikir dan dirangka perlembagaan Madinah.

Kulit tidak harus berbeda, sempadan buatan dipunggah, lalu antara yang atas dengan yang bawah, usul bangsawan atau jelata biasa, dikikis demi ummah. Sengketa dan cakaran, jika terpercik, dirujuk kepada yang tahu, disaring suara seimbang, dipilih yang jernih, diambil inti dan patinya, dan, sepenuh tulus dan belas, disimpulkan selesai yang adil, disiram sebagai taman, dibaja dan dipelihara, hingga yang hadir pohon saksama. Terserlah wajah dan batin yang diingini, begitu sungguh dan rajinnya Nabi menghimpunkan segala yang baik, memberinya seperti hadiah, kepada ummah.

Kerana sederhana dari awalnya, belajar dari gurun dan hemah keluarga, Nabi sentiasa peribadi mudah, manis dilihat, mesra didamping, dan dirinya di dalam rumah atau di luar, di dalam masjid atau di lamannya, sentiasa ia watak berhikmah, sinar bagi ummahnya, sentiasa terpancar kebijaksanaanya melimpahi ke setiap kepala para sahabat dan pengikutnya. Terlalu biasa watak Baginda, di rumah bantu mengemas, pakaian robek dijahit sendiri, keperluan harian diuruskan. Terlalu teladan watak Nabi, berburuh dia bersedia, berdakwah dia ke muka, tak dibedakan papa kaya.



Untuk kuat memanggil dan dengan lemak suara, terpilih Bilal penyampai azan yang pertama. Dalam kudus suasana dan hening angkasa, pada waktu tepat, diseru kebesaran Allah, diakui keesaan-Nya, diumumkan Muhammad s.a.w. pesuruh Allah, dijemput bersolat dan bersama sejemaah ke jalan jaya. Bertingkat tangga dan kukuh asasnya teranugerah wahyu lebih memimpin, demi mengenal lapar dahaga, demi menyedari miskin kaya, diberi makna amat berharga Ramadan diwajibkan berpuasa, dan betapa bertuahnya ummah dalam Ramadan bulan bahagia diturunkan juga al-Qur'an pembimbing manusia.

Seperti bersaing riang gugusan bunga, seperti damainya unta dalam kafilah, terhimpun nikmat batin, membuka ruang hati yang tenteram, menyantun diri, mematang peribadi, dan dalam kibaran masa, setiap detik yang berharga, teranugerah lanjut wahyu yang syahdu menambahkan bimbingan kerlip permata; diinsafkan erti rezeki, titik peluh pakaian peribadi, disedarkan betapa pendapatan perlu berzakat, supaya lebih jernih untung rugi, selesa dan aman, supaya terasa bertuah diri, dan mengerti malang orang, hingga terbahagi kebahagiaan, yang untung puas menghirup, yang rugi mencecap.

Beransur dan berlanjut datangnya wahyu, mengajar untuk bijaksana, ditepis yang salah, dirangkul yang benar, diberi titian mengelak bahaya, diberi hemah supaya dewasa. Dan di tengah debar dan gusar insan, dalam puseran amat mencabar, di mana arak melanjut khayalan, di mana judi menjanji kekayaan, di mana berhala disarangi setan, di mana pilihan lebih ke nafsu, kukuh wahyu sebagai benteng, menyanggah arak, judi dan berhala, demi martabat dan kebahagiaan manusia. Berkhemah dan berkafilah Ansar dan Muhajirin dalam dakapan Madinah; dalam diam, dalam helah, berang musuhnya.



Telah terhantar gelombang dan tofan menyusup membuka diri, dari Makkah, gusar gerun geram yang murka, dari Yahudi dan musyrikin Quraisy, dari Abu Jahal utamanya, dalam banyak helah dan racun, dengan gegar marah, dihantar bayangan serba senjata. Bayang-bayang gurun, antara busut dan bukit pasir, menyelinap kelip dan seringai gigi, dan di antara unta-unta kafilah, aliran niaga atau intipan sengaja, turut dihantar semua nestapa. Diberi pesan yang garang, dijanji tikam yang kejam, dari Nabi, di antara khalwat dan dakwahnya, sentiasa mewaspada ummahnya.

Berdamai antara muka, Nabi yang tenang, memaklumi Abu Jahal yang murka, menambat hati Yahudi di Madinah, Bani Nadir dan Quraizah demi damai di bumi penerima. Bersedia di tengah bahaya, Nabi yang alim, memahami Abu Jahal yang dengki, menyusun sariyah sekitar Madinah, pelosok aman yang gamam demi mengesan darurat. Bergerak lebih melihat, berehat lebih meneliti, arus kafilah, datang pergi, disukat dari jauh, dihidu dari dekat, jika berniaga dilepaskan, jika bersenjata diragui, dan dari hari ke minggu, dibaca semua peta, ditentukan simpang dan sekatnya bahaya.

Setelah disukat dan direnung sariyah khas mula dirancang, dan tiga wira ditentukan memimpin tanggungjawab bermaruah. Disaring teman-teman waja, dibahagi ke kelompok tiga, betapa girangnya betapa bersedianya mereka dari awal peta. Dan jauh di hadapan mereka Hamzah, 'Ubaidah dan Sa'ad masing-masing putera Abdul Muttalib, al-Harith dan Abu Waqas, mengibar panji batinnya. Hamzah ke kawasan Ish, tiga puluh dalam rombongannya; 'Ubaidah ke Wadi Rabigh, enam puluh Muhajirinnya; dan Sa'ad ke daerah Hijaz, bersemangat dua puluh dalam kafilah – mereka gempur pertama demi ummah.



Berjuang dengan penuh hati, Hamzah ke kawasan Ish, tokoh telah teruji. Marahnya kepada Abu Jahal, dan cekalnya memeluk Islam, marah Abu Jahal kepadanya, dan dendamnya yang sarat, memercikkan selisih yang panjang. Dan kini dengan tiga puluh Muhajirin, keyakinan Islam yang mendalam, dan di tepi Laut Merah arahnya, Hamzah percaya, boleh ditentang kafilah lawannya, tiga ratus orang khabarnya. Menghalalah kafilahnya, dengan pedang dan panah, dan unta yang seperti sama bersedia, deras bergerak mereka, bersedia berantakan senjata, tapi, tidak tertembung semuanya.

Kafilah 'Ubaidah sama gemuruh, enam puluh anggota gagah, berpedang dan berpanah, juga dengan unta yang seperti sama bersedia, menekuni jalan di gurun, siang panas, menyejuk dini, hasrat dan niat mem bakar. Di atas tunggangannya, 'Ubaidah, orang kelima belas memeluk Islam secara rahsia di rumah al-Arqam, merasa kini tugas murninya di Wadi Rabigh menghadapi dua ratus orang kafilah Quraisy, pimpinan Abu Sufian bin Harb. Terasa senyap malam berkata-kata, terdengar panas siang membisik-bisik, tapi, tiba pada saat garangnya, tertakdir, tidak memercik pertempuran.

Lebih bersedia sariyah Sa'ad, terkecil jumlah terbesar beraninya, dan mengarah kafilahnya, dua puluh Muhajirin yang tangkas, ke daerah Hijaz. Segak di atas tunggangannya, sahabat terhormat, termasuk yang sepuluh, dikasihi Nabi penuh didoakan, Sa'ad, diberi khabar gembira ditempatkan tempat di syurga, dan kini, cecal dan yakin, bergerak kafilah kecilnya, sentiasa bersedia. Samar khabar di pusaran angin, jalan selisih di saujana gurun, walau telah amat bersedia ia, begitu teratur dan waspada, walau telah jelas dibaca peta, dihendap untuk disergah, tak bertempur ia.



Pedih dari kocak Makkah, dendam yang terhantar, khabar degil, semakin merebak. Berkembang kafilah Quraisy, sarat harta dan senjata. Tidak ada menara sinar, tidak ada yang sedia benar, di Makkah Abu Jahal penentu peta, pemercik berita dan panglima. Dijalarkan gerak dendam, disusup jauh ke Madinah, di saat paling tenteram ketika kafilah berehat, dinyalakan bara sangsi, dan dengan bantuan Yahudi, sesekali marak radang di tengah kota, sesekali hampir berjaya benci menyala. Syahdu Nabi, dalam buana batinnya, dijinakkan sengketa dimesrakan suasana.

Di tengah kufur musuhnya, Nabi, selain dirancang gerak sahabatnya, mendalami peta sendiri. Gerak ke Wadi Rabigh, 'Ubaidah tangkas diwakilkan; intipan ke kawasan Ish dipilih Hamzah yang teruji; dan kepada Sa'ad yang berani bertugas ke daerah Hijaz. Bergerak mereka peribadi percaya, tapi, Nabi perencana, memilih peta yang genting, difikir ke matang timbang, disusun ke cekap ahli, ditunggu saat baraqah, bergerak sama serap dengan hati sebagai panji. Dan tindak baginda ke Abwa', disusuli gerak ke daerah Buwait sebelum ke Usyairah, semuanya demi ummahnya.

Di Abwa' tidak terserempak Quraisy musuhnya, tapi bertuah lain buahnya, kerana sebaik di Wadan tiba kafilah bertemu baginda kabilah Bani Dhamrah, lalu dirunding, secara bijak dan mesra, disukai musibah dan manfaatnya, bersetuju dimeterai perjanjian damai. Di Buwait dijangka lintasan kafilah Quraisy, Umayyah bin Khalaf pemimpinya, hanya khabar tersebar terselisih waktu antara mereka, yang dihendap terlepas dulu. Bersemangat Nabi bergerak lagi, dua ratus orang wiranya, di Usyairah sebulan mereka, tak bertembung musuh, tapi dengan kabilah Bani Madhhaj sempat sekata.





Berkejar ke gelanggang lawan, bersedia peta dan senjata, tak tersangka lawan tiba di rumah, menguji seperti menjelek. Begitu setelah Nabi ke Usyairah, dalam tenang senja di Madinah, tak tersangka menyusup Kurz bin Jabir al-Fihri, berani dan bangga, merampas sejumlah unta, dan kambing juga. Bermula bahaya secara terbuka, isyarat, tanpa gentar, dipancar, tanpa ragu, dihantar. Bukan musuh lagi dari Makkah, sudah di Madinah musuh ummah. Dikejar Kurz segarang benci, perompak pintar dirinya, lincah orang bersedia, dengan tangkas, di Shafawan hilang ia.

Bererti segala yang berlaku, kecoh di Makkah dan heboh di Madinah, kini memuncak dan benderang nyalanya. Ditanya tak terjawab oleh lidah, dijawab tak tersanggup ditapis telinga. Dan percik dan cekau peristiwa, dalam wajah dan jeritnya, untuk lidah dan telinga di Makkah, di Madinah. Terasa gempa yang meretak, desak angin dan terjah ribut, ternampak, busut pasir yang berubah, kafilah yang tersangkak, khemah terpunggang, terakam gusar peristiwa, kerjip mata, kerut dahi, ketar tangan, memang bererti segala yang berlaku, kecoh di Makkah dan heboh di Madinah.

Semua kembali kepada peta, mencantumkan yang robek, meratakan kedut, dan dalam satuan yang gamam dikesan di mana kuat di mana lemah dan dirancang di mana lopak di mana kubu, ditentu di mana busut selamat di mana bukit bahaya. Dalam silang dan simpang berita, kecoh dan kacau peristiwa, Nabi, dalam khalwat sepi, menjernihkan semua kekeruhan, dan dalam solat dan doa menghening diri dan menajam fikir. Dihayati setiap wahyu yang lalu, dihadamkan firman yang kudus, dilanjutkan doa dan solat, pada malam yang terlalu bersih dipohoni petunjuk jernih.



Pada satu detik yang tak teramal, dalam pusar dan terjah pasir, didengar gagahnya kafilah Abu Sufian. Berdahan banyak berita, beranting aneka sangka, berbuah hanya dusta, tapi tidak bagi kafilah dari Syria; berdahan satu berita, beranting bukan sangka, berbuah tidak dusta. Terlalu banyak khazanah dipungah, terlalu sarat di badan unta, dan Abu Sufian dengan teman-teman saudagarnya sedang kembali ke Makkah, girang dan kaya. Di Madinah tertapis sama kisah kafilah Sufian, dan Nabi, demi jitu menghantar Talhah dan Sa'id, mencari berita di Hawra, benar tidaknya.

Talhah bin 'Ubaidillah dari Bani Taim, Sa'id bin Zaid sahabat terpilih, bertuah dalam kembara mereka. Tugas berat terasa ringan, tindak dirasa mulia, kerana, santunnya ketua Juhainah, di Hawra dilindungnya mereka, diberi latar peta, dihurai ke akarnya, disaran cara menyaring. Talhah dan Sa'id, damai dan ghairah, selesa dengan musim, mesra dengan teman, dan dari bicara dan hujah, terdengar nafas dan debar setiap kafilah, ditenung langsung ke mata, diteliti hingga ke roma, dan, pada tepat harinya, dari jauh diintip, kafilah Abu Sufian berlalu amat megahnya.

Ke nadi-nadi bertuahnya, kerana pasti di Madinah, akan didengar Nabi gerak kafilah Abu Sufian di Hawra, tepat pada langkah, benar muatannya, dan, dalam lenggok dan lenggang kafilah, mudah disukat ke mana arahnya. Tapi, ramai musuh di dalam jubah, senyum yang diukir sengaja, angguk yang bererti tidak, geleng dimaksud ya, turut mercup di tengah Madinah. Kerana serong yang bertudung, oleh seorang yang bermuka, disusup dulu khabar rancangan Nabi kepada Abu Sufian. Pintar luar biasa dirinya, diupahnya Dhamdham dari kaum Ghifari, bagi kafilah dipinta bantuan tentera.



Diketahui dan tidak dengan rasmi, oleh kacau terjah berita, oleh sukar diterka, Nabi, kebetulan dalam masalah peribadi, Ruqaiyah, puterinya, gering yang genting, baginda memilih manfaat ummah. Talhah dan Sa'id, pengamat yang telah dibau musuhnya, dalam gusar pulang dari Hawra, amat lambat bagi Nabi. Lebih awal gerak Nabi, mengejar gentingnya peristiwa, dihimpun tiga ratus lebih Ansar dan Muhajirin, bersemangat seluruh batin, dilengkapi senjata seada, dengan tujuh puluh ekor unta, dalam kafilah yang berani, bergilir tunggangan mereka. Perjalanan mula amat bersejarah.

Dipilih daripada peribadi yang cekal dan sedia, disaring, diuji ke akar, diterima yang tak bermasalah, diri atau keluarga, disatukan dalam kelompok yang mengerti. Girang yang terpilih, hiba yang tersisih, kerana teliti menjadi asas, kerana Nabi amat penimbang, menantunya, Uthman, terketepi untuk menjaga isteri sakitnya dan Umair yang ghairah mengharap tertegah kerana masih remaja usianya. Tapi, kerana mengharap perjuangan syahidnya, merintih ia di hadapan Nabi, berhujah dengan air mata, menegap tapak meyakini berani terpilih akhirnya ia, menggeleng Sa'id akan adiknya.

Di antara tujuh puluh unta dan tiga kuda, di sisi panji dijulang Mus'ab, dikekal rentak dan semangat. Dan di antara busut dan bukit pasir, di celah bebayang siang dan balam malam, terbancuh nafas manusia, gemerencing pedang, kibar panji dan renek unta, dalam sepi alam dan resah hewan banchuan menjadi lagu sehati, disedari mereka, disedari Nabi, dan terasa semula kibaran panji. Dan dalam renung dan kenangan lalu, berbaralah degup sariyah pertama, menyalakan kekhusyukan dan ke zaman besi-inti, memarakkan semangat wira mereka, dan Nabi, damai dalam doa, bersama.



Pada dua belas Ramadan nyala berita membakar di Syam. Sudah awal meliar khabar, dari kalangan kabilah Judzam puncanya, dijentikkan luka panas, diberitahu Nabi bakal mengadakan kafilah, dan Abu Sufian bin Harb girang mengesan khabar awal. Dhamdham bin 'Amru telah diupah, berkejar ke sarang musyrikin Quraisy, memarakkan sengat benci terhadap Rasulullah s.a.w. Dan Dhamdham memang raja sengat, berpekek ia buas mengapi, menggoncang marah setiap musyrikin, berulang dilaungkan bahaya adangan oleh Nabi, semakin ke malam semakin disimbahkan racun dendam menjeritkan perang.

Dari Syam, oleh tahu perisai pembantu, kurang gementar kafilah bermula, tapi setiap langkah unta, angguk dan regeknya, mengusarkan Abu Sufian yang memang berpura yakin. Ditiliknya jalan di dalam kepala, sekali cekal, kemudian berubah, sebelum cekal dan gusar semula; ia cuba merisik jalan baru ke Badar. Sukar ditenteram hati, sebentar ke Dhamdham, sebentar ke Nabi, sebentar ke harta, sebentar ke unta, kafilah berubah gerak hingga tersesat mereka. Dan dalam gementar bergoncang sempat dirujuk Majdi bin Amr, orang yang ahli jalan ke Badar, tenanglah mereka.

Masih marak nyala, Dhamdham masih pembakarnya, tiga hari panas merata, dan tiga hari dihimpun segala, disatukan hantu ketakutan, digelorakan sanubari setiap musyrikin Quraisy, dirancakkan bantuan dana, ditimbunkan bukit senjata, dan dengan jerit mengoyak angkasa, sungguh pintar, diejek dan diragu kewiraan Quraisy, dan serentak, meledakkan marah dan benci, berpadulah hantu ketakutan, berpekekilah dendam, bergema dalam batin. Dhamdham masih pembakarnya, semakin dirancak bantuan dana, ditimbin lagi bukit senjata, dikejar tofan yang sedia menggilu, ke Nabi dihalakannya.



Tapi, sebelum gemparnya Dhamdham, marak yang bertingkat dinyalakan, gusar yang sengaja digoncang, di Makkah, hidup kesayuan yang berfikir. Terlalu banyak bisik, terlalu kerap terka, dan di celah kegemantaran, terapung pelbagai tamsil dan mimpi, dibaca, ditafsir dan dibimbangi. Begitu antara tamsil dari mimpi berpunca dari 'Atiqah, dan amat nyaring didengar, terlalu dalam dipercaya, menyebabkan Abu Jahal menyampah. Disangkal setiap tafsir, dijenakakan yang penting, tapi, dalam senyap, dibaca juga benar tidaknya, dan 'Atiqah, mak cik Nabi, terus menghebahnya.

Dikata mimpinya bukan seperti mimpi, disaksinya seperti sekitar diri. Dan dikata, jika dibenarkan ia mentafsir, yakin dan jujur, mimpi itu pesanan yang berjanji, setiap kata wajar dipetik, dari suara waja, dan kata itulah dipersembah dari imbas mimpi. Gamam dan kacau sedetik dua, tapi yang keruh deras jernih, dan, bagi 'Atiqah, semakin dipercaya, terapung mega bahaya, berbara dan berapi, bagi Quraisy musibahnya. Dipanggil makanya saudara sendiri, hampir dalam satu nafas, dilukis semula mimpinya, dan Abbas, turut termampak orang berunta yang dikisah.

Dan dalam imbas mimpi yang dikisah, didengar sekali amaran suara, jelas dan nyaring, sedang terapung bahaya dan dalam masa tiga hari, kata 'Atiqah, kata penunggang unta, akan berjatuhanlah bara musibah ke atas Quraisy. Semakin benderang inti mimpinya, yang dinampak 'Atiqah, dinampak Abbas, betapa tenang penunggang unta, berkerumun khalayak sekelilingnya, dan masuk ia ke masjid dan langsung ke Ka'abah dan dilakukan sesuatu yang masih tamsil juga bagi mereka. Memang bahaya puseranya dari setiap penjuru, dan Abbas, gamam dan kacau, menceritakannya, dari Walid ke 'Utbah.



Kota penuh dijajari berita, manusia berunta, kini di Gunung Abu Qabis, walau imbas mimpi 'Atiqah, walau dikisah Abbas pula, walau dari Walid ke 'Utbah, masih imbas mimpi 'Atiqah, di tengah khalayak, menjadi nyata. Membakar peribadi Abu Jahal ia, didengar seperti tidak bertelinga, dan dicakap seperti bukan dari lidah. Abu Jahal, dalam puncak murka yang dipendam, menyala dari kaki ke rambut, menghembur di hadapan khalayak, dengan gelegak kata, mempersenda mimpi 'Atiqah. Meledak ia dalam ketawa, berjenaka sebenarnya marah, bertanya, dari wanita pula Nabi dipermegah?

Dan begitu cepat senda dipersenda, sehari malam lelap, dan pagi celiknya seperti menjawab tanya dari kelok Abu Qabis jauh ke dalam perut lembah amat berdentum jerit Dhamdham, tali barut Abu Sufian dirancang datang. Digusarkan yang telah gusar, lebih ditakutkan yang sudah takut, pintar bukan kepalang, upah tidak disesia, serasi Dhamdham dengan bohongnya. Menjadi hutan pokok, menjadi rimba hutan, menjadi bukit busut, gunung pula dari bukit, dan dengan segala tindak dan fiil berlakon, menjadi segala helahnya. Dhamdham, tali barut luar biasa, berjaya mengelora Makkah.

Begitulah marak nyalanya, dan tiga hari panas merasa, seperti dibukti, Makkah di puncak kehantuannya, berpekik setajam dendam, dalam batin gema, dan Dhamdham, raja sengat dan pembakar dendam, berhasil meledakkan marah dan benci. Dan tiga hari yang kecoh terhimpun, diikat oleh kegementaran, tiga hari menjadi gunung berapi kepada setiap musyrikin Quraisy Makkah, mereka, pening dan mabuk oleh sengat Dhamdham, di tengah nyata bermimpi, merancakkan bantuan dana, menimbunkan bukit senjata, garang bersedia membariskan tentera, dan Abu Sufian dengan kafilah megahnya bakal dibela.



Semangat perang di lubuknya, hujah menghujah, bakar membakar, dan jerit, senyaring diterima telinga, gempar berpesan. Musyrikin Quraisy, hampir se-Makkah, hampir serentak, menjelirkan lidah marah, malah, sebahagiannya, garang bertanya, apa dikira kafilah Ibn al-Hadrami kini, mangsa panah di Nakhlah? Tubuh yang besar dari dendam yang kasar, padu bersatu, kecuali Abu Lahab menghindar diri menghantar wakil. Bergendang sebelum bergerak, meradang sebelum bertindak, dan Talib, mengikat hajat dua warisan, wakil Bani Hasyim dan Bani al-Muttalib, bersama Abbas, gagah meluru ke depan.

Ketika kekecohan menjelir di Makkah, kafilah Nabi, damai dalam arusnya, menghala ke Badar, jalan pesisir dari Syria, bersedia berperam sehingga muncul Abu Sufian dengan kafilahnya. Tak didengar berita Sa'id dan Talhah, tak diketahui di mana mereka, tak disedari juga angkatan Quraisy. Kafilah Nabi, bersedia berperam, memilih bukit dan telaga di bawahnya, mengenal tempat yang serasi, menyukat tanah di kiri kanan, mengesan lopak dan tunggul, merenung ufuk merasa angin, menilai pedang dan panah. Dibanggunkan khemah darurat, diatur pengawal bergilir, Nabi amat bersedia.

Tak dicari bisik datang, ketika menimba air dari telaga, didengar bicara dua wanita, janji melunas hutang mereka. Terbisik khabar kafilah esok lusa munculnya, kata yang hutang kepada temannya. Dan di situ nanti upah dicari, hutang dibayar. Merayap khabar sekitar khemah, jelas diketahui datangnya kafilah, belum ditentu kafilah siapa, seperti diyakin Abu Sufian orangnya. Lebih bersedia Nabi menapis berita merangsang, lebih kesian lopak dan tunggul, lebih dinilai pedang dan panah, tapi tak lama kafilah menanti, dalam arus damainya semula, berselisih mereka.



Seperti awalnya, Abu Sufian membayangkan jejak Nabi, disisihkan hidu bau, diloncati kesan gerak, dan berita helahnya cepat diberitahu Quraisy di Makkah. Berpesta jika mahu, begitu seperti disaran, kerana semua khazanah dari Syria kini selamat sudah, dan pulang mereka pasti menimbunkan kekayaan yang dimimpi. Tapi lain disaran lain diterima, kerana dalam kafilah tentera Abu Jahal ketuanya, dalam gerombolannya lebih seribu tenaganya. Cuma didengar berita Abu Sufian, dilepaskan dari telinga, kerana alam hati telah cekal gerak berdarah, itu azamnya.

Ke Badar mereka pasti menuju, kafilah yang besar, senjata yang murka, berpaling wanita lemah, sedang mereka wira perkasa, Abu Jahal, dendam yang purba, meradang setiap langkah, berjanji tiga hari penuh berpesta sebaik di Badar mereka. Daging unta, arak anggur, wanita tari bakal dibancuh oleh irama menggila, tiga malam pesta megah, tanda mula, panji awal, kegemilangan mereka. Nafas kita, jerit Abu Jahal, bakal didengar ke seluruh jazirah; pedang Quraisy bakal ketawa di dada musuh mereka. Berita Abu Sufian wanita lemah, azam Abu Jahal lelaki perkasa, pestyanya.

Dalam latar lain ke Badar, kafilah Nabi berarus sepi, dan dalam dada tiga ratus mereka, tidak sedetik pun bergendang pesta. Berganti mereka menunggang tujuh puluh unta dan tiga kuda, sama letih dan sama pulih, kafilah ke Badar juga. Marthad al-Ghanawi, Ali dan Nabi berganti unta seekor; Abdul Rahman bin 'Auf, Umar dan Abu Bakar bergilir unta yang lain. Gemerengcing pedang, dengus kuda, kerlip kilat, guruh yang jauh, kadang serentak kadang selisih, kadang bererti kadang mimpi di dalam kafilah perwira terpilih, bersama Nabi, cekal mereka, menuju Badar sekhushyuknya.





Angin lain panas lain, engsot cepat dan lari lambat, berbeda dalam diri setiap peribadi dalam kafilah. Arus angin terputus-putus sinar panas bertalian, dalam bancuh yang kacau, penunggang unta khayal sendiri, berhanyut jauh ke alam kenangan, sempat menjernih dari yang keruh, dan terkejut kenangan, hadir semula dalam kafilah. Tidak sekumpul kafilah Nabi, berjarak dan berselerak, diatur dengan sengaja, fikir bagi darurat, kerana jika dijerkah dari semua arah, masih sempat melawan dengan akal dan tenaga. Sudah dipetakan gerak dan tindak, kafilah yakin menuju Badar.

Panas lain angin lain, engsot lambat lari cepat, dalam sedar, lelap berjaga, begitu peribadi tiga ratus perwira, dan Nabi memerhatikannya. Masih bergilir mereka berunta, berganti menunggang tiga kuda, putih bendera tunggal, Mus'ab bin 'Umair pembawanya, dan Ali dengan teman Ansar membawa dua bendera hitam, melenggang garang dalam angin, menguncup santun ketika tenang. Nabi memerhatikan semua peribadi lebih tiga ratus perwiranya, terbentuk dalam selerak, az-Zubair bin al-'Awwam pasukan hadapan, di belakang Qais bin Abu Sa'sa'ah pendahulunya, selerak bersatu.

Arus angin terputus-putus sinar panas bertalian dan cermin air di sana sini menghidupkan kenangan setengah peribadi. Sesekali tersenguk seorang dua, terbawa jauh ke dalam mimpi, dan terkejut oleh kibaran panji, putih yang terlalu berkata-kata. Angin lain panas lain mereka bergerak ke Badar. Pada satu simpang menduga, Nabi menghantar dua penghidu khabar, kerana, dalam resa berpengalaman, seperti didengar tapak, seperti dinampak watak. Di antara cermin air dan gelombng wap berbalam dua lembaga di kejauhan. Petang mulai merah, waktu selesa memula khemah, menyerkup malam mereka.



Gelita memercik khayal, dan di sisi lenggok api, khayal kembali remaja. Dalam tompok khemah, dikibas deru angin, sesetengah peribadi bertanya ke diri sendiri, memetik kenangan yang ganjil, dalam rahsia, menjengah waras tidaknya. Begitu gelita memercik khayal, seorang Muhajirin, memetik kenangan yang ganjil, menggeleng takjub, mengangguk setuju, di hadapannya, dalam doa sentiasa, berdiri Nabi, meneliti api kafilah dengan mesranya. Dan Muhajirin, sayup di sisi lenggok api, kembali remaja khayalnya, terkenang peristiwa Nabi di rumah Abu Bakar terperangkap dan terlepas.

Dan dua tiga siku darinya, dalam rahsia kenangan juga, seorang Ansar, patuh teguh terhadap Nabi, melihat peristiwa dalam lenggang api khemah. Tidak menggeleng, tidak mengangguk, patuh teguh percayanya, dan semakin direnung lenggang api, kembali peristiwa didengar, betapa Nabi, dalam deraan Abu Jahal, betapa dengan Qaswa' setianya, penghijrah bertiga ia, meninggalkan Gua Thur, tiga malam persembunyiannya. Dan tersentak Ansar yang patuh, tercelik di sisi unggun api, bersama lebih tiga ratus saudara pejuangnya, menanti subuh, menanti azan, menanti penentangan.

Bersama saudara Muhajirin dan Ansar yang mengenang, malam lalu berahsia. Diteliti alur warna, sambung menyambung nafas hari, dan warna tertumpah aneka, melelapkan unggun api. Dan dalam desir pasir bermula, regek unta dan dengus kuda, dengkur kafilah beransur lemah, berlaga kaleng, dan sedetik kemudian, meninggi syahdu azan, menghidupkan seluruh kafilah, bersolat dan berdoa. Bangun tapak-tapak baru, segar dan bersedia, terubar khemah, terbentuk kafilah, dan dalam derap pagi dengan panji putih di hadapan, bermulalah mereka memasuki sejarah jalan ke Badar.



Berbeda jerit, berbeda gertak, bermula marah yang panjang, Abu Jahal mengoncang kafilahnya segelegak nafsu. Dilupa siang yang panas, juga tak dihirau gelap malam, kafilah Abu Jahal lengkap sebadan, bongkak di kulit megah di hati, percaya semua gurun bakal haknya. Dan mengalir amat yakin, berjamu ternak setiap hari, bual dengan suara gempita, ketawa sengaja dibahakkan, Abu Jahal ketua yang marah, menggelegakkan semangat dan dendam kafilahnya. Sentiasa dikuakkan ungun api, dicekau unta dan kuda, diterjah ahli yang leka, diingatkan Nabi musuh mereka.

Bersimpang jalur terserempak utusan Abu Sufian, gembiranya mengeletek badan, ketawanya jauh ke perut, dan bisiknya ke pucuk kurma. Senyap terperanjat seluruh kafilah, berdekah sedetik, sepi semula, dihadamkan pesan Abu Sufian, disuruh kembali berpesta ria. Khazanah Syria membebani unta selamat bersama kafilah, dan sedang girang menuju Makkah. Berbeda jerit, berbeda hasrat, Abu Jahal penentu arah, Abu Sufian penentu harta. Kembali berpesta seperti menghina, kerana kafilah perang amat bersedia, Abu Jahal berpantang pulang, setiap tapaknya ke depan, ke Badar rindunya.

Rintik-rintik embun menyejukkan, khemah kafilah terbasah juga, dan ada peribadi yang berfikir, bercakap dari denyut jantung, menghantar yang batin. Kafilah berkecah seketika, menantikan suara al-Akhnas bin Syariq, dan marah didengar Abu Jahal, tapi didengar juga. Al-Akhnas cuba waras, mendamaikan yang kacau, menjernihkan yang keruh, dan lebih kepada Bani Zuhrah pesannya, diketuk dada sendiri, disuruh rasa selera, sebab, telah terselamat kafilah mereka, dan Abu Sufian sedang menghala pulang, tidak ada yang bakal rugi kecuali sengaja tergamak menentang Nabi.



Terlalu difikir akan bangsa, disaran perhiasan bersama, tidak dianggap Nabi musuh, tidak digalak memusuhi kerabat, damai al-Akhnas berhujah, dan tetap diingatkan khalayaknya telah terselamat khazanah mereka. Dan, dalam tamsil yang berhias Bani Zuhrah dibijakkan, digalak bertanya dada sendiri dan tidak melupa akan selera, disuruh lorotkan tirai, membedakan kata nafsu dengan kata syahdu. Terkilat cepat dua peribadi, Abu Jahal yang murka dan al-Akhnas yang taqwa, terdengar jelas dua suara berbeda mencari Badar yang bersimbah darah atau berdamai hidup di tengah Makkah.

Benih disemai tunas menjadi, tidak sia-sia merintik embun, tidak rugi kembara unta, dalam kumpulan Bani Zuhrah ranum fikir dewasa, dan, berunding dalam santun, bercongak untung rugi, sebaik mereka di Abwa', dipilih jalan berpisah. Tidak terkesan di tengah mentari, tidak teringat di bawah bulan, berdikit-dikit lesap ahli Bani Zuhrah seperti diatur secara ghaib, seperti ditentu jarak lesapnya. Dan apabila nyaring berita mereka, terlalu lambat diadang, terlalu bahaya dihalang, Abu Jahal, pilu yang murka, bertambah marak radangnya, tapi cecal menghala Badar.

Semakin kurang ungun di waktu malam, dan khemah tidak seramai mula, dihidu payah terbau, dikesan tidak berbekas, cuma disedar tapak berkurang, Abu Jahal mengelegak di dalam. Bani 'Adi yang mengenal matlamat, terasa gelincirnya niat, berunding dalam gelita malam, dan menghilang ketika gelita juga. Ditimbang matang pesan Abu Sufian, kerana terselamat khazanah mereka, dan damai menghala ke Makkah, tak dirasa waras berbondong ke Badar. Begitulah hujah ranum mereka setiba semula di Makkah, ketika bersetentang Abu Sufian, begitu warasnya.



Detik bersama detik berbeda, begitu kafilah Nabi, menghadap yang lain. Berubah pada peta, berkisar dari niat, bertindak wajar sekata, dan kini, oleh latar baru, tenggelam Sufian timbul Jahal, mengejar jadi dikejar, berunding cara Nabi setiap nyawa sama harganya. Dalam tenang meja sidang, semua diberi suara, dan Nabi menilai setiap getarnya, mendengar yang di atas, menghayat yang di bawah, melihat dengan hati. Abu Bakar dan Umar suara Ansar sejati, halus memilih kata, cermat mengukirnya, tanpa gentar dan gempar, tanpa ragu, kafilah disaran maju.

Ditunggu lidah lain, suara sama dalam kafilah, dan menyentak hadirnya, al-Miqdad bin 'Amru dari Bani Zuhrah. Meneliti khalayak teman dari jauh dan dekat, membaca ragam dan gerak mereka, menunggu saat tenang dan serasi, dimula kata kebesaran Allah, dipandang tepat ke Nabi. Teratur dan sopan, menghormati tua, menghargai yang ada, dalam yakin berakar, disaran Nabi mengisi petunjuk Ilahi. Jika berjuang Nabi di medan, dalam kilat terjangan pedang, berjuang sama mereka menghargai darah yang ada. Di kiri, di kanan, di depan, di belakang, di sisi Nabi mereka sentiasa.

Berseri sinar wajah Nabi, mengalir puas yang bangga, kerana, dalam kafilah, darurat yang menguji, teguh menyokong pengikutnya. Tapi, kini di luar Madinah, di wilayah asing amat mendera, betapa duduknya Ansar, masih sesebati janji 'Aqabah, hati dan darah masihkah sama? Bimbang yang sayang, ragu yang rindu sengaja dipancing dari kalbu. Berdirilah Sa'ad bin Mu'az, peribadi cecal rakan sejiwa, setia mereka kepada Nabi, tegasnya. Telah dilimpahkan cahaya kebenaran, dan mereka terasa basah olehnya, kerana itu ke mana musuh Nabi di situ musuhnya.



Jernih sudah batin masing-masing, berdiri dengan berani, setiap wakil telah bersuara. Jelas dinampak gerak di ufuk, bauran api amat menyala, dan, selesai disaring, gemuruh seperti didengar gerak kafilah gergasi musyrikin Quraisy. Bersedia pedang mereka, dengan Abu Jahal murka, mengegelegak dendam mereka. Nabi sadar kafilahnya sabar, tenang bersedia, cergas waspada, dan selepas didengar tekad Abu Bakar, diyakin sokongan al-Miqdad dan dibangga setianya Sa'ad, Baginda tahu, dalam kelompok sepadu itu, mereka mampu menentang lawan dalam setiap medan.

Lalu majulah kafilah mereka dalam barisan bertingkat, mengesan lopak dan tunggul, menyukat tanah di kiri kanan, merenung ufuk merasa angin, tapi masih tidak sekumpul kafilah Nabi, berjarak dan berselerak, hisab yang berkira, dengan rentak selesa pada Jumaat tujuh belas Ramadan tibalah mereka di lembah Badar. Terasa alam bersuara, hampir tamsil di mana-mana, dan kuda dan unta sesekali tergamam seperti diusik udara. Dan manusia lebih senyap mendengar, lebih balam melihat, lebih seram merasa. Di pinggir dan dalam kawasan telah hadir mereka, Badar tanahnya.

Dan setelah diserapi suasana dan tempat, dikira nampak yang benar dan dengar yang bisik, kafilah meninjau tapak khemah, menghidu tapak kubu. Peta setempat wajar ditafsir, dikira lopak dan denainya, kesan tapak dicari hala, mungkin ada suaranya. Nabi faham nafas darurat, dari pengalaman didengar, mentah dan ranum isyarat diperlu, lalu tiga teman cepat diarah, meredah keliling. Ali bin Abu Talib seorang daripadanya. Rapat ia akan Nabi, diketahui kisah Nabi tertidur di pesta Makkah. Hormatnya bukan kepalang, diberi tugas, sentiasa patuh dan cekal diisi.



Zubair bin al-'Awwam turut diarah meredah keliling bersama Ali. Pengamat Nabi paling teliti, pengingat butir dan perakamnya, dipilih ia kerana daya kenang luar biasa. Dan lengkap mereka bertiga di sisi seorang lagi sahabat amat diharga, Sa'ad bin Abu Waqas namanya. Dijunjung tugas penuh amanah dan doanya sering berkat, bersama Ali dan Zubair kini ia, dan bertiga mereka mula meneliti peta setempat, menekuni suara manusia, membaca bekas tapak mereka, menerka niat dan hasratnya. Sebaik tiba di sebuah telaga lama sempat disyaki beberapa watak dan ditangkap mereka.

Sementara Nabi menunai solat, tahanan diteliti dan ditanya. Zubair, Ali dan Sa'ad mempercayai lapis pertama, aneh, bagi pengalaman mereka bertiga. Watak-watak disyak pintar berlakon, dicatat gerak sendiri, diucap kata yang khayal, dan tiga sahabat yang menahannya hampir percaya mereka suruhan orang Quraisy, mencari telaga dan menimbanya. Percaya Zubair dan Sa'ad, tidak dilihat bayang ragu, tapi, tersangkak Ali sedetik dua, didesak sepanas bara, dipaksa mengakui orang suruhan Abu Sufian mereka. Begitu tajam deraan, disertai gertak dan pukul, mengakui sajalah pesalah.

Dan tenang Nabi di hadapan mereka setelah solat yang syahdu, meneliti yang menangkap dan yang tertangkap, dirasakan ada gelincir rahsia. Dibaca air mua, ditafsir gerak anggota, ditenung debar kalbu, dan Nabi, dari pengalaman diranum, sedar bertabir tahanan mereka, berselimut kerana khuatir, lalu kepada sahabatnya bertiga, dalam renung merisik, diperjelas telaahnya. Kilat telah memalsu, yang timbul tenggelam, yang benar salah, begitu telaah Nabi, ditanya lebih berhemah, ditenung jauh ke batin, mengakuilah pesalah di belakang bukit Quraisy berkhemah.



Tergamam tiga sahabat, meneliti dua tahanan, berbeda cerita dalam sekerlip mata. Takjub yang gentar, asal setulen, dari hemah Nabi cepat dipetik. Dan dalam damai tak dijangka, Zubair, Sa'ad dan Ali kagum melihat cara Nabi bertanya setelah tahanan menunjuk ke arah Aqanwal. Ditanya jumlah askar Quraisy yang ada, dijawab terlalu ramai mereka. Ditanya sebanyak mana unta ditemak, terkadang sepuluh ekor, jawabnya. Segera diterka jumlah askarnya sembilan ratus ke seribu tentunya. Bergema suara dari belakang bukit, gerombolan Quraisy mabuk menggempur.

Bukan sebarang besar jumlahnya, telah terisi dendam dan radang, dan, tergesel seiris ia boleh meledak ke gunung. Berniat buas dari awal, bersedia bengis dari mula, dan kini di Badar musyrikin Quraisy sudah terlalu waspada. Nabi terasa segala, Zubair, Sa'ad dan Ali juga merasa dan dijengah diri dan ditinjau orang terlalu besar jurang kekuatan, dan Nabi tenteram, menanya lebih ke inti, menyukat dan menilai lawan. Berjejer nama bangsawan, berkelompok teman ternama, Quraisy membawa lima belas pahlawan ke dalamnya, 'Utbah, Umaiyyah dan Abu Jahal antaranya.

Mengertilah Nabi erti kafilah, resah di sebalik bukit, menghimpun api. Kepada Zubair, ke arah Sa'ad dan Ali, Nabi mentafsir gerak dari Makkah. Tidak lagi melindungi diri, tidak juga membela kafilah, kerana, jika sepuluh ekor unta dikorban sehari, jika seribu askar dilengkapi senjata, datang mereka datang berdendam, garang dan berani mereka menyerang. Di Makkah dideranya ummah, ketika berhijrah diburu dan di Madinah diawas. Abu Jahal telah menggelorakan, reda di Makkah resah di Madinah, dan kini di antara gurun dan bukit askarnya mula menggoncangkan pedangnya.





Didengar akhirnya berita marah, bukan kepalang seribu tentera, cepat dihantar utusan, dan Abu Sufian cuba menjelaskan, khazanah dibeli kini selamat, cuba menganjurkan agar pulang selesa. Tapi, kemarahan lebih awal menyala, berkhemah garang di Juhrah, bersedia membakar ia. Tak bererti lagi helah, kerana bertambah kalut impian, Juhaime dari keluarga Muttalib berjalan dalam mimpi kononnya, ternampak penunggang kuda mengheret seekor unta, dan pada detik tak teduga menikamnya. Terbahak Abu Jahal mendengar mimpi, dicemuh segala, tetap ke Badar ia.

Kepada khalayak yang mendidik berang kata-kata hilang warna kecuali merah. Dan Abu Jahal di puncak kuasanya, setiap kata tersembur api, disuruh merenung yang nyata, digalak mencemuh mimpi, dan mereka seluruh kafilah setiap khemah dimabukkan oleh pesta. Tiga hari dicadang bernanti, berekor unta disembelih dan jamuan ghairah mencurah arak dan biduanita mendandang nafsu. Disaran ke puncak lupa sebelum ke Badar semuanya. Mabuk dan mimpi cepat berbaur, niat awal tercemar, mendendam dikira membela, Akhnas bin Syariq kurang selesa, bersama Zuhrah menyingkir ia.

Dalam pesta yang puncak, riang yang kacau, Talib turut meragu, lalu bersama sebahagian puaknya beredar juga mereka kerana disedari teman walau seluruh badan dalam kumpulan denyut jantungnya masih ke Nabi. Dan pada puncak pesta yang marak, dalam damai yang lain, di balik bukit kafilah Nabi celik bergilir, mula bergerak menuju Badar, memilih tempat berkubu memiliki kawasan bertelaga. Seelok berangkat kafilah mereka berderai turun hujan, diterima alamat yang elok, bukan kepalang rianya. Dalam segar yang baru, riang yang khusus ke lembah Yalyal mereka.



Setentang telaga pertama, kafilah diperintah berhenti, serasa Nabi sesuai kawasannya. Seperti gelisah al-Hubab bin Munzir, tiba-tiba teragak ia, dengan santun berkira didatanginya Nabi, diteliti keliling sebelum bertanya memangkah telah direstui Allah di situ tempatnya. Atau kerana helah perang di situ dipilih, Nabi mengaku memang begitu. Lalu dengan lebih santun berkira al-Hubab menghadapi Nabi berkata dengan beralas tidak di situ sebaiknya. Nabi mendengar santun juga, pandangan teman ditimbang, bersetuju Baginda ke sumur lebih selesa.

Tiba di telaga selesa sejuk, tawar dan sentiasa airnya di situ berhenti kafilah mereka. Cepat dibina kolam sederhana, dan ghairah ditimba air telaga. Di situ mereka berkhemah yakin dan waspada, menanti musuhnya. Seelok damai singgahan mereka, ditentu dengan berkira, berehat tapi berjaga, suasana cepat menjadi serasi, lalu Nabi meneliti para sahabat, memilih dua yang cergas, menghantar meninjau keadaan. 'Ammar bin Yasir pilihan pertama dari kabilah Bani Murad dirasmi Islam di rumah al-Arqam, dan Abdullah bin Mas'ud pilihan kedua orang ke lapan belas memeluk Islam.

Peneliti yang pintar mereka berdua, tapak tidak berbekas, gerak tidak berbunyi, tapi jelas mata membelah gelita, dinampak resah Quraisy betapa ditepuk muncung kuda, betapa terketar tangan mereka, dan betapa kuyup seluruh badan. Dilaporkan segala kepada Nabi, diketahui sahabat yang rapat, dan ternyata mereka berkampung di kawasan serasi, duduk di pasir terpilih, ditemani sumur jernih, dan malam berlalu dengan selesa, nyaman dan damai tidur mereka. Berbeda di pihak musyrikin Quraisy, terperanjat mereka paginya terserempak jejak asing dan heboh kafilah.



Dibaca kecah tapak, dihalusi jarak dan dalamnya, ditafsir hampir mudah. Munabbih bin al-Hajjaj memang pengamat ranum, didekati kesan, direnung bekas, dan, walau dalam berjarak, sempat disukat cetek dan dalam, dan segera diumumkan hasilnya. Dipandang khalayak menanti, sengaja diteliti mereka, lama dalam rahsia sebelum, hampir senafas, diberitahu Ammar dan Abdullah telah meronda. Berdebar sebahagian mereka, menerka erti, mentafsir makna, dan Munabbih, segar melihat, tangkas berfikir, dalam damai di luar, bergelora di batin, sedar kaum muslimin amat waspada.

Benar difikir, jelas diterka, memang kafilah Nabi, kecil dan khusus, sejak awal telah membina gubuk pelindung, dan Nabi dalam khemah sementara, menghalusi dan memeta tindakan mereka. Dan sebaik Nabi merancang di gubuk, di pintu luar mula berjaga, Sa'ad bin Mu'az orangnya. Telah diteliti kolam air, dilihat paras yang selesa, juga telah disaksi keliling khemah, kemudian ke seluruh kafilah. Nabi puas setiap langkah, megah dihayat perwiranya, dalam sepi yang kudus, diketahui kesediaan mereka, walau diberitahu amat berganda musyrikin Quraisy depan mereka.

Suasana perang menghangat sudah, rengok unta dan kuda, denting pedang dan perisai, nafas dan desus suara, berbaur dalam kotak rasa, dalam tekun dan sedia. Bendera perang mula dibahagi, tanda taat dan berani, dan Ali bin Abu Talib penerima pertama. Mus'ab bin 'Umair menerima panji Muhajirin, panji Khazraj untuk al-Hubab bin Munzir, dan Sa'ad bin Mu'az dihulur panji Aus. Dalam angin meningkat panas, garang nafas yang berlumba, segar berkibar bendera-bendera mereka, megah dan gagah, berkata-kata dalam kibarannya, menjerit yang perkasa, memang bersedia.



Dari ramal dan tafsir Munabbih, seperti kecil musuh mereka, diulangi kecah tapak, dibaca dalam jenaka, menyalakan rasa sombong musyrikin Quraisy, Abu Jahal khususnya. Dihebahkan penemuan Munabbih, dalam ketawa, sengaja keras berjela, dipermudah halangan, sehingga disaran 'Utbah bin Rabi'ah, supaya ditenung dalam benar, diuji dari akar dan, tanpa malu, dinilai tenaga. Berkocok pula dalam kafilah mereka, gilir pandang gilir tanya, dan akhirnya, dalam perintah separuh terbuka, 'Umair bin Wahab al-Jamhi digesa, dengan berkuda, menilai Nabi semula.

Garang dan keras kuda berlari, tangkas disengaja, dan mengacah sama, walau dari jauh lagaknya. Dan kafilah Nabi berselerak dan berjarak, peta dan tindak yang telah diatur, bersahaja dalam kelana, menanti dan bersedia, melihat kepul debu dan gema yang sayup, melihat bala tentera Abu Jahal berlagak lincah. Gurun dan bukit disimbah panas yang lain, dan bayang-bayang mengikut setiap yang bergerak, terkadang panjang, terkadang berombak. Hiruk-pikuk bermula dengan nafas yang resah, dan hiruk-pikuk menjadi jerit yang buas menyerkup hampir segala-galanya.

Tapi, Nabi masih tenang dan damai, ingin berkata dengan sopan, dan ingin berpesan. Telah resah di Makkah, mula gelora di Madinah, Nabi mengingatkan musuhnya erti telingkah dan harga jiwa, dan diusulkan mereka kembali ke Makkah semula. Dan dari jauh antara dua pasukan yang sedia bertelagah, Nabi nampak 'Utbah bin Rabi'ah, atas unta coklatnya berkisar dengan resah. Sempat diberitahu kepada sahabatnya masih ada kewarasan dalam kafilah, masih ada kebaikan juga, dan bermulalah pidato 'Utbah tentang taat setia sesama saudara, tapi bara sudah menyala.



Berucap juga 'Utbah, di tengah khalayak cuba dirayapkan hemah, dan gentar dan ragu, dalam kafilah Quraisy, semua mata berjaga, melihat tanpa arah. Suasana bukan lagi damai yang lalu, kata-kata seperti suara yang sia-sia. Tapi di tengah khalayak, penuh sungguh dan harap, 'Utbah mengajar bijaksana, walau bukan bijaksana diperlukan mereka. Diimbangkan kata dengan maruah, diwaraskan tindak munasabah, digalakkan renung, dipujuk fikir, 'Utbah mencuba segala, tapi kata-kata masih seperti suara yang sia-sia. Tidak kecewa hatinya, tidak mengalah ia.

Abu Jahal masih tembuk hatinya terconteng dengan segala dendam, dan, di hadapan Hakim bin Hizam yang cuba berpesan, semakin dicakar dinding geramnya. Tidak diterima awan yang indah, tidak direla angin yang sepoi, Abu Jahal puncak dalam kafilah, bara bermula dari Makkah, nyala menjulang di Badar. Dertawakan 'Utbah, didakwa penakut ia. Medan perang tak punya saudara, kata Abu Jahal, dan 'Utbah melindungi puteranya. Bahang dan berangnya melidah-lidah, tuduhnya berapi, dan tanpa tabir, tanpa segan, dikiraikan tamsil perang, dijulangkan pedang.

Semua sudah dibakar, dan dalam kafilah tidak ada lagi wajah sabar. Menjerit dari tekak, Abu Jahal, mencemuh 'Utbah, dan kepada khalayak disebutkan jantan lelaki, dihuraikan erti berani, diingatkan martabat Quraisy, disarankan perjuangan. Kepul debu mengembang lagi, gurun dan bukit disimbah panas, hiruk-pikuk melontar jala, menyerakup segala. Dan 'Utbah bin Rabi'ah di atas unta coklatnya dan Hakim bin Hizam turut menyaksi peristiwa, sedar nyala api telah bermula dari batin dan kini di tengah khalayak yang kacau dan marah Abu Jahal berkuasa.



Lain langgam dan resam di pihak Nabi, perlawanan yang dahsyat dimulai dengan tangan yang sopan. Ketika diperiksa barisan perwira, jelas Nabi sempat berjenaka, disentuhnya perut Sawad dengan anak panahnya, dan perwira Ansar yang pura-pura sakit itu, berjenaka juga, pinta diizinkan membalasnya. Berjenaka Nabi membenarkan perutnya dijamah, dan barisan yang bersedia, senjata dan hasrat, turut merasa betapa mesranya, betapa insannya Nabi. Lain langgam dan resam di pihak Quraisy, perlawanan diawali dendam dan geram, pedang dan panah menjulang murka dan benci.

Tapak-tapak sudah disediakan, semangat diimbangi fikir, gerak teliti setiap kaki, dan Nabi, setelah memeriksa, sempat berjenaka, kembali ke kubunya, diiringi Abu Bakar, gagah dan tenang. Dan seiring jalan melepasi barisan disaksinya Nabi berdoa memohon kemenangan dijanji Illahi. Lelah dan letih bersedia, peneliti yang cekal, Nabi terasa mengantuk, lalu sekelip dua tidurnya. Betapa tidur ringkas menangkaskan tenaga, dan betapa terlimpah kegirangan sekeliling Baginda, dan berkata Nabi, jelas dan yakin, telah dirasakan kehadiran Jibril dan sokongan Tuhan.

Suasana amat panas dan panas juga suasana. Gurun, bukit merintih perit. Dan unggas seperti lebih awal mengerti, berjejer mereka, terbang liar, junam kisar, gerak kepak yang bisung, suara jerit yang runsing, dan, seperti diatur, seperti memihak hinggap berbaris mereka pada lereng bergerigis di belakang Quraisy dan muslimin. Dibayangkan pesta maut, dijanjikan hidangan bangkai, dan unggas-unggas pencium awal bahaya dan sengketa, duka dan ria. Dengan mata mencari, muncung yang becok, dinanti persengketaan memercik perlawanan, diharap hidangan bangkai.



Dan melangkahlah pahlawan angkuh, al-Aswad bin Abdul Asad al-Makhzumi, berdegar kata dan berentak langkah, menjeling secepat kilat, dan dirinya seperti sekukuh gunung, dirasa dalam dan luar, tanpa gentar menghalai ia ke kolam minum mencabar mengikut caranya, dan keras bersumpah bakal dihirup air kolam atau bakal dimusnahkannya saja. Bergerak ia, lebih sombong dan buas, menghampiri kolam, yang tetap berjaga. Air juga maruah, dan Hamzah bin Abdul Muttalib pengadang depannya. Keras dan liar tiba-tiba meledak mebaurkan suara dan pedang, luka kaki al-Aswad.

Masih melawan ia, sekukuh gunung bongkaknya, luar dan dalam, masih ia cuba menawan kolam, dan pedang Hamzah, pada tetak yang kedua, dalam deras dan tajamnya, meninggalkan al-Aswad sebagai arwah. Berkata-kata suasana, mata yang melihat, bibir yang terketar, unggas yang mengganggu, dan titisan darah di atas tanah, dan lelehannya yang berlanjut, memang bersuara semua dalam tamsilnya di hadapan kolam pemula ujian kuasa. Menanti gerun atau sabar, menilai secara darurat, dan menyaksi mayat, telah bertiuip semboyan perang nyaring dan garang telah bermula luka.

Gamam mencari wiranya sendiri, di antara kekejutan dan kebengisan, maruah berbau dengan marah, bercakap dan bertekad dengan pedang dan suara. Lengang dan riuh berganti muka, senyap dan rusuh berganti nafas. Dan kini, dalam kecah tapak unta, dan gawat fikir dan rasa, terdengar kepak dan jerit unggas, terbau darah yang mula, terhirup hidangan bangkai, terhantar halilintar. Seperti terhenti semua pesan, kemudian terkejut yang marah, di antara keriuhan semula, di tengah sorak yang marak, tampil 'Utbah bersama Syaibah dan Walid mencabar tarung maruah.



Amat sederhana disambut, medan membuka dendam, pedang menanti mangsa. Auf menghantar diri, sedia menentang dari arah mana, 'Utbah dicabarnya. Dan serentak, kerana bertiga musuhnya, Mu'awwidh muncul di sisi pula. Mereka perwira Islam yang berakar, di Madinah di rumahnya Qaswa' selesa, bayang dari syahdu batin, kini benderang berani mereka, depan musyrikin. Kerana bertiga musuhnya, tampil pula Abdullah bin Rawahah, gagah rela. Berhadapan keberanian dan kebencian, sama meledak tenaga, tapi, 'Utbah pahlawan pemilih, mencari yang puncak, memijak yang lurah, menolak mereka.

Lebih gelita kalbu 'Utbah, lebih marah di hadapan 'Auf bertiga, bergema jeritnya menuntut lawan lebih bermaruah, bukan 'Auf, Mu'awwidh, Abdullah. Dan dalam semak fikir dan ketar hati diminta lawan dari puak sendiri. Nabi mendengar dan mewartakan, mengertinya jauh ke akar, meneliti inti beberapa peribadi, memanggil tiga yang sesuai, dan tampillah 'Ubaidah, Hamzah dan Ali, masing-masing jitu berfikir segar bergerak dan waspada. Di hadapan mereka kini, bersedia dan menanti, menentu detik genting, menapis dengan hemah, berlawan sebuas musuh, dan medan menjadi riuh.

Yang tangkas cepat mengelak, berfikir cepat menapak, enam pahlawan tangkas dan berfikir. Yang marah lekas tersalah, yang cerdas, takik menampar; tiga marah tiga cerdas dalam keruh pedang yang berang, takik menampar, hunus menerjah, pertarungan antara marah dan maruah. Ranum langkah dan tangkas-tangkis 'Ubaidah perwira tertua diasaknya 'Utbah, lawannya. Kedua mereka saling meluka dan dalam detik yang buas, tumpas 'Utbah. Dan Hamzah menumbangkan Syaibah, dan Ali membunuh Walid, dan kedua-dua mempercepat kematian 'Utbah, mengusung 'Ubaidah yang luka.





Seperti guruh turut bersorak, suara turut menjadi senjata, di tengah medan, berdarah di badan berdarah di tanah, mata mencari mangsa, hati mencari perwira. Dan kini Ubaidah yang basah kaki oleh darah, lebih cepat diusung ke arah Nabi, pahlawan ranum menumpaskan 'Utbah, diangkat dengan megah. Dan dalam riuh masih panjang, debu yang menyimbah unta dan kuda, terkilat pedang dan terburai panah, berbalas dan bersilang antara musyrikin Quraisy dan muslimin, perang terlalu bersuara. Serentak dari dua lereng tajam turut mengepak unggas ghairah.

Dan tiba-tiba melengking suara Bilal bin Rabah, terlihat kelibat Umayyah bin Khalaf, terenjis kenangan menusuk, tersirap darahnya. Mata ingatan terlalu jelas, pengalaman getir membekas, dan di hadapan, dalam tempur yang mula, dan darah tersimbah, ingatan menggoncang batin. Begitu terkocak Bilal terlihat kerlip Umayyah, dirasa panas gurun dan dadanya yang terhempap batu; dihayat bengis Umayyah yang mendesaknya menyembah al-'Uzza. Terdengar sayup azan di telinganya, kudus syahdu ajaran Nabi dan betapa benciya ia kepada Umayyah.

Berteriaklah Bilal bin Rabah di puncak suara, dari batin garaunya, mengingatkan kaum Ansar di tengah khalayak agar mengepung dan mengejar Umayyah bersama anaknya, Ali. Pesan paling jelas, jika terselamat Umayyah, bererti Bilal dalam bahaya. Lalu amat riuh medan perang, kecuhan dan kecah unta dan kuda, bergelora tapak dan jerit, kejar mengejar liar dan buas, kepung mengepung menjadi, dan gamam gerak Umayyah, dirasa nahas mengejar, disukat tapak dan pedang, tapi di tengah perwira Ansar, mengepung yang menjerut, terkorban Umayyah bersama Ali, anaknya.



Maka bertempurlah sesama khalayak, mengenal dalam kilat dan jarak, dan berseleraklah panah berulang-alik. Kuda dan unta dalam deras yang kacau menyerbu di tengah debu. Pada badan mereka bergayut panah dan pedang, di antara kaki-kaki mereka semakin bertambah mayat bergelimpangan. Hiruk-pikuk dari dua penjuru, dari lereng bergerigis, melonjak dan mengepak buas dan ghairah barisan unggas, penyaksi dan penanti pesta mayat, penghantar tamsil kekalutan manusia. Di tengah kekecohan darurat tajam deras menjunam anak panah ke leher Harithah tembusnya.

Sedang khusyuk ia, dan sedetik ketika meneguk air, ia terkorban tiba-tiba. Nabi berdoa dan meyakinkan tempat gugurnya dijanji syurga. Di kiri kanan, pejuang Islam yang masih kukuh turut hidup dalam semangat dan janji setiap yang syahid ke syurga, kerana memilih jalan Allah, mempercayai Nabi dan demi agama suci. Dan 'Auf yang kecewa tak disambut cabarannya, menyangsi kedudukan perwiranya, tapi, tegas dan jelas, didengar kata Nabi pejuang tanpa baju pelindung lebih diterima wira, dan dilucut pendinding di badan, berjuang ia sepuas kalbu merempuh musuh dan mati.

Semua langkah berkira, semua tindak bersukat, dan dalam deras pedang dan kejut panah, dalam selubung debu dan kecoh manusia, tangkas fikir serta jitu langkah, dua kumpulan kafilah dari arah berbeda, dalam jarak dan jangk, menghantar dendam dan keyakinan, memberi erti kepada mati. Nabi mengamati umatnya, berselera ke jalan Allah, dan dalam detik amat menduga, dikutip ketul-ketul batu, dengan laung jihad yang padu, dilontar ke arah musuh, berselerak oleh kuatnya, terhantar sebagai tamsil perang menjadi senjata luar biasa, pelindung bagi wiranya, nahas bagi musuhnya.



Doa Nabi terlalu syahdu, dalam dan khusyuk memintanya, kemenangan perlu bagi Islam, penghantar pesan umat manusia, penghebah janji bahagia. Lalu dirasa, detik demi detik, dalam gelora perang, bantuan ghaib yang dijanjikan. Ternampak bagi segelintir, terdengar bagi terpilih, dalam derap juang, malaikat mengiringi kebenaran, membenihkan ketakjuban. Hadir yang tak terduga, pada genting detik, 'Ukasyah tanpa senjata menghadapi musuh yang durja. Telah patah pedangnya, belantan kayu dari Nabi, dan dengan yakin restu Baginda, menjadi pedang belantannya.

Tidak terasa terencil dan tidak sendirian, pasukan Nabi, jumlah yang kecil, terasa berlebihan. Setiap gerak meningkat yakin, ada rasa di sisi, kejar yang berani tiada lelahnya, kafilah Nabi dalam selera berjangka, pahlawannya tindak berkira, dalam awan ternampak kuda, dalam debu terkibar bendera. Doa Nabi terlalu syahdu, jernih santun dalam batin, berlawan seikhlas niat berdepan sebagai lelaki, musuh dilintas pantas. Terbangun kisah-kisah mendorong, dalam pakaian ghaib yang mendingin, dan pada detik terpilih ternampak malaikat berkuda, Jibril di hadapannya.

Dalam keajaiban yang dianugerah, oleh jernih doa, tak luka berpesan Nabi supaya insan pahlawannya. Disedar di tengah medan bukan semua musuhnya, kerana oleh dera Abu Jahal saudara menjadi musuh terpaksa. Berulang Nabi berpesan jika terserempak Abu al-Bakhtari bin Hisyam usah dimusuhi ia; begitu juga jika al-Abbas bin Abdul Muttalib dijumpa usah dibunuh ia. Mereka Quraisy yang pernah membantu, bersusah ketika Muhajirin diseksa, di Makkah mereka berhati Madinah, di medan perang, jika berpedang, mereka bukan pembunuh. Kata Nabi lindungi mereka.



Medan yang kacau menghimpun tapak, dalam detik berdarah, tak disangka berhadapan al-Mukhdir bin Ziad al-Balawiy dengan Abu al-Bakhtari. Bergerak menguji mereka, merenung dengan tanya, dan betapa terperanjat al-Mukhdir kerana di hadapannya wira diberkati Nabi. Lembut diumumkan pesan ia disayangi Nabi, dan bakal dilindungi. Terasa amat dihargai, muhibah senyumnya. Tapi di sisi masih ada Janadah bin Malikah, temannya. Betapa Janadah, dilindungi juga? Menggeleng al-Mukhdir, meyakinkan hanya seorang dipesan Nabi, dan Janadah tetap musuh, maka bakal dibunuh ia.

Abu al-Bakhtari berteman setia, jatuh bangun tetap kawan, dan berkata ia betapa dikira orang nanti, jika ia selamat kembali, sedang Janadah mati. Tidak tergambar aibnya, betapa ditertawakan wanita Makkah, tidak tersedia Ia kembali tanpa maruah. Al-Mukhdir mengerti, al-Bakhtari mengerti, lalu bertarunglah mereka sebagai seteru, dan pada saat tertulis, ajallah seorang daripada mereka, al-Bakhtari orangnya. Kemudian ajallah juga Janadah, teman yang amat dihargainya. Medan perang menjadi pilu, darah teman yang dihargai Nabi terpaksa dikorbankan, dan al-Mukhdir sayu.

Dalam geletar yang insaf, dikisahkan peristiwa kepada Nabi, dan Nabi, damai mendengar syahdu berfikir, menahan sayu membuak bangga, kerana Abu al-Bakhtari teman mengerti, bermaruah sebagai teman, bersedia mati oleh setia, walau, jika dipilih, bakal selamat dirinya. Janadah kaku di hadapan Nabi, telah berakhir ceritanya, kekejaman dan persahabatan, telah tertera di atas peta, dan Nabi, dinampaknya semakin damai, mengerti dan menghargainya, kerana dipercayai mereka berdua telah saling mengisi janji – al-Mukhdir kerana pesan, al-Bakhtari kerana teman.



Terjerit di sana sini, terlolong setengahnya, medan menjadi kolam darah. Berpusar angin, berkepul dan berselerak debu, kilat pedang di antaranya. Dan Abu Jahal masih berdiri waja, menjeritkan perintah, bengis dan buas, cekal dan berazam, dan di sekelilingnya wira-wira Quraisy sebagai perisai. Berhampiran, tapi berjarak, wira Ansar, Mu'az bin 'Amru, geram meneliti. Tak tertembus jerit perisai Abu Jahal, waja dan angkuh berdirinya, dan, Mu'az yang geram, melonjak azam, tangkas meluru, terburai adang diri, dengan sekilas lonjak, meluru tajam pedangnya, Mu'az menebas kaki Jahal.

Terapung sejenak kaki di udara, Mu'az, puas melihat dan geram berisi, tak tersedar 'Ikrimah, putera Abu Jahal, meluru rapat, sekilat pedang menebas tangannya, dan amat berdarah Mu'az. Pertarungan menjadi api, membakar kanan kiri, menyala dendam luar biasa. Dengan tangan hampir terkulai, dilawan musuh kiri kanan, sedar dan lupa, perit dan pedih, dan, pada detik selesa, ditanggalkan sendiri tangan dengan kakinya, dengan jerit geram dan marah berlanjut telagahnya. Abu Jahal masih bermafas, dikenal Mu'awwidh akannya menebas Abu Jahal dan sedetik itu arwahlah ia.

Berdenyut nafas manusia nakal, mati antara lupa dan sedar, dan begitu keadaannya ketika ditemui Abdullah bin Mas'ud, gembala kecil di Makkah. Berang Abdullah api menyala kerana di hadapannya musuh Rasulullah s.a.w., sejenak mereka teliti meneliti, sejenak mereka hujah berhujah, dan Abdullah ketika memijak leher musuhnya bertanya tidakkah ia terasa hina kerana begitu akhirnya? Masih bongkak Abu Jahal merasa biasa mati jika di tangan manusia, kerana musuhnya Allah. Berdesir terasa darah, dan serentak mengumumkan kemenangan Allah, kepala Abu Jahal dipenggalnya.



Suasana panas, gurun dan bukit merintih perit, dan masih berjejer unggas, hampir tersentak, sebahagiannya terbang liar, dan menjunam gamam dan mengembang kepak. Terlalu berkecah bau darah antara gelimpangan mayat terlalu terhidang pesta. Dan unggas-unggas gilir bergilir dan serentak mula mematak dan meloncat, mula berpesta mereka. Mayat-mayat cepat menjadi angka dihitung tanpa rasa. Di tengah medan, kicau dan rintih, ketar dan kejang, panji dan pedang. Di celah unta dan kuda, yang hidup, yang luka atau yang mati, bersama tuannya mula dikumpul, diperiksa.

Perang mempunyai seringai taring yang tajam, dan dari pasukan Quraisy taring perang memakan tujuh puluh dua korban. Antara mayat istimewa terkumpul Umayyah, Abu al-Bakhtari, terjumpa 'Utbah dan Syaibah, dan Abu Jahal paling termama. Yang hidup dan cedera di kalangan Quraisy tujuh puluh orang menjadi tawanan terhina. Kalah lawan kalah bertarung, kalah muslimin kalah bersyahid, dan empat belas orang mati perwira, enam Muhajirin lapan Ansar. Perang Badar memberi suara, azam kukuh, semangat teguh, dalam jarak dan selera, suara Madinah ternyata utuh.

Nabi menyaksikan mayat di medan, didoakan bagi perwiranya, dan mayat musuh diarah dikebumikan ke sebuah lubang. Abu Huzaifah yang berdiri terlihat mayat 'Utbah, ayahnya, diseret orang ke lubang. Segera pilu dan pucat wajahnya, dan Nabi cepat merasakan hibanya, merenungnya dalam belas. Pilu cepat terucap sendiri, kata-kata mengisi makna, dalam tamsil yang berbeda. Cepat diberitahu kepada Nabi pilunya lebih kerana mengenangi mengapa mereka yang bijak dan mulia tidak ke Islam. Bukan dihiba kerana sekumpul serentak 'Utbah turut dikuburkan.



Dan berpalinglah kepada tawanan, sekelompok ternama degil, buas dan murka, Suhail bin 'Amru di antaranya. Ramai dari keluarga yang sama, berbeza cuma keyakinan mereka – Abbas keberatan ke Badar tergesa dan terpaksa, suami Zainah, al-'As, dan dua sepupunya, Aqil dan Naufal, tertawan juga. Nabi pemenang melimpah belas amat insani terhadap tawanan, dan diarah dijaga mereka sebaiknya, walau, dalam darurat dan kacau rasa, Umar Farouq paling marah, disaran dicabut gigi Suhail kerana lancang lidahnya. Khemah tawanan disinari belas, erang dan resah meresap ke telinga Nabi.

Malam menang di tengah khemah tawanan tidur Nabi, ringan dan ringkas, sering diganggu rintih Abbas bin Muttalib. Amat ketat tangannya diikat. Berunding Nabi dengan sahabat, disaran longgar ikatan, dan Nabi bersetuju hanya jika semua dilonggarkan. Pada ketika itu, dalam resah tawanan, terserempak Mus'ab akan saudaranya, Abu Aziz, dan diperintah ikat kepada Ansar, kerana diyakin akan besar jumlah tebusannya, maklum anak ibu yang lumayan. Saranan Umar Farouq tak diestui Nabi, saranan sahabat ditimbang adil, dan Quraisy yang ditahan dalam penjara munasabah.

Tapi, dalam tenang sedetik, racau tawanan didengar, disembuh, meledak tiba-tiba percik haloba, bertanya tentang harta, berkira hak siapa, menentu besar kecil jumlahnya. Antara pemenang dan tawanan, antara pemanah dan perisai, antara di medan dan di khemah, hujah yang bara. Dan sebelum bara buas menyala, sebelum tamak meraja di takhta, turun firman penentu, sejuk dan mesra, dan Nabi menghuraikannya. Dihimpun barang tawanan, dengan unta dan kuda, dibawa ke Madinah, dan ketika tenang suasana, mengikut perintah Ilahi, dibahagi dengan bijaksana.



Terasa seperti telah tenang di medan, tompok-tompok gagak atas bangkai, meloncat dan bertarung, bahagian yang banyak seperti masih kekurangan. Tidak lagi unggas di lereng tajam, angkasa setiap detik dilayarinya, mengembang kepak, melayang santai, di antara yang banyak, tiba-tiba ada yang menjunam. Bau medan bangkai merata, bau kemenangan berbau kekalahan, bau kesal dan sedar, bau perlawanan di Badar yang menguji. Telah kuncup kebanyakan khemah, terhimpun dan berkelompok unta dan kuda, pasukan muslimin, bergerak dengan nafas yang segar, menuju ke Madinah.

Tapi, sebelum bergerak semua kafilah, berangkat yang berat, dan dalam lelah, Nabi tangkas berkira, diutus dulu pembawa khabar ke Madinah. Abdullah bin Rawahah, yang bersemangat, dan Zaid bin Harithah, segar, keduanya di pilih Nabi mewakili suaranya, Madinah perlu khabar benar. Tidak kesampaian bau bangkai, tidak berbekas harum-haruman, dan dalam kalut dan darurat, dengan bijak rancangannya, Quraisy telah mendesus berita dibakar dengan api dusta, yang benar dicemar, cemar dibenar. Zaid dan Abdullah, pahlawan di medan Badar, besar tugasnya ke Madinah.

Utusan bergerak dengan peta, ditentu di Aqiq mereka berpisah, Abdullah diatur ke dataran tinggi, dan Zaid melalui dataran rendah, sama tugasnya. Setiap jalan dilalui, berbekas tenang tapak unta, setiap insan dijumpa dibisikkan khabar gembira. Angin malam mesra mendakap, bahang siang masih terasa sedap, kerana, baik di dataran tinggi atau di dataran rendah, bisik, terkadang jerit, khabar masih serupa, kemenangan di Badar khas bagi kumpulan muslimin. Dikisah jumlah korban, dihurai jumlah tawanan, dan kini, dikata, kafilah Nabi dalam sederhana bakal menyusul tiba.





Kacau dan becok kaum munafik, dikibar bendera, dan dengan garang suara, disebarkan kebohongan paling dicipta. Dengan sudip fitnah ditimbus kebenaran dengan kepalsuan, dikata tewas Nabi dalam penggempuran, dan diberi bukti yang waras, kerana Zaid menunggang unta Qaswa', padahal sengaja Nabi membenarkannya. Tapi, Zaid tiba dengan tenang, senyumannya cekal dan manis, beritanya jernih dan ikhlas, diutus Nabi ianya, dan dipinjamkan Qaswa' yang sihat dan cergas agar cepat disebarkan berita, dan Zaid meyakinkan Usamah, anaknya, kaum munafik sengaja berdusta.

Seperti embun malam yang ghaib merintik dan mengembang berita ria, dan khalayak muslimin yang gusar, ketika siang, nyenyaknya selesa. Malam semakin gelita langit semakin mengerlip khabar, indah bercahaya. Dalam sepi, keluarga muslimin, dengan ketar ria, menanti kafilah Nabi, dalam kembara di gurun, dengan khazanah rampasan, dengan tawanan, mereka bakal tiba. Dan pesta sederhana, lebih dalam hati sebenarnya, terucap dalam doa, salam sesama khalayak, dakap bersyukur yang jujur, dari siang bermula, dan dalam setiap salam, terucap syukur kepada Allah.

Gegar dari kaum munafik dan Yahudi gegar laung yang tirus, kerana, lidah jujur mula mencari telinga bertuah. Abdullah bin Rawahah, lidah jujur yang tidak mudah lelah, bergerak merata ia, dari khemah ke khemah, rumah ke rumah, jalan ke jalan, manis suaranya dengan khabar benar. Zaid bin Harithah, penunggang Qaswa' yang direstui, tanpa jerit berkelana menyebarkan berita kemenangan dalam kalbu setiap khalayak, mengusulkan para munafik yang berada di celah-celah mereka. Damai malam dengan dengkurnya, menyelinap mimpi gempur di Badar, esok Nabi menceritakannya.



Sementara bersalin hari, awan titis kelana yang jauh, di Badar kini lebih banyak gagak dan bau, berbaur kehalobaan. Dan dari kelompok terpisah, bangkai yang semakin kurang, pertarungan unggas liar bermula, kekecohan di tengah gurun, kesenyapan suara insan, kekemarukan hewan. Berlalu mula kafilah, dan di sisi sumur tandus, pusara kaum Quraisy Nabi berdiri khusyuk di sisinya, merenung ke dalam lubang, berbisik kepada arwah, memberitahu betapa sudah segala tertunai, yang mungkar musnah, telah dibantu Allah mereka, yang khusyuk jujur, bersama-Nya.

Kagum dan bingung sesetengah menyaksi di sisi kubur Nabi berbisik, terdengar segelintir para sahabat, hairan, terpujuk tapi segan. Tahu mereka keistimewaan Nabi, dan tahu mereka pesanan batin kepada yang arwah, pujuk dan doa yang sama menghantar berita benar. Lama di sisi sumur tandus Nabi berdiri, meresapkan segala yang sepi, mendengar gemanya di dalam hati, sebelum ia beredar, puas dan terisi, sebelum melangkah ia ke kafilah yang bersedia untuk bergerak kini, bersama para sahabat, bersama perwira dan khazanah, menuju Madinah.

Huyung-hayang kafilah, berat oleh khazanah, riang kerana kemenangan. Dalam dan di antara mereka, terhimpun tahanan sayu dan rahsia, kelana penuh mimpi, pengalaman getir dan harapan kembali, berbaur dalam tamsil tak terhurai. Tertinggal medan tempur masih terkiri dan berlonggok bangkai unta dan kuda. Betapa hitamnya unggas-unggas yang semakin kemaruk berpesta, menanti diserkup malam sesudah senja. Dan dalam kafilah, kegirangan kekurangan suara, teralir dalam mimpi yang bakal segar, aneka dan gusar, kerana Nadr dan 'Uqbah di dalamnya.



Tak berubah kalbu mereka, mimpinya masih perlawanan, penuh derhaka, Nadr dan 'Uqbah, tahanan yang berencana, mata yang meliar dan mencemuh, diikuti rentak kaki, berdengus bersama unta, dan segala gerak mereka, dehem dan geleng, tapak dan ludah, sentiasa dihimpunkan para Sahabat, dibaca dalam peta kurang selesa walau tinggi harga tebusan mereka, tetap diyakin mereka malapetaka kerana terlalu akar bencinya kepada Nabi. Bergerak bersama peta, meneliti dan membaca, disaring dan dinilai, mata Nabi yang menyerot, hati Nabi yang menimbang, tak merasa mereka selesa.

Perjalanan kafilah, dalam gurun dan suasana berkira, terus dibaca gerak dan tingkah Nadr dan 'Uqbah. Di medan perang gelagatnya liar dan buas, dengkinya paling puncak. Masih bernyala dendam dan azam mereka; dalam kafilah, dengus mereka terkadang mengatasi dengus unta, mata mereka, walau ke pasir masih mata yang menyala. Nabi pembaca gerak hati penilai dalam sepi, dan telah direnung dan disaring, terlalu banyak dendam terpancar dari hati Nadr dan 'Uqbah. Mereka bukan manusia berhemah, kerana terlalu menyala mungkarnya, Nadr, musuh muslimin dihukum mati.

Dan perjalanan kafilah, dalam gurun dan suasana berkira, masih terus dibaca gerak dan tingkah 'Uqbah pula. Sendirian ia, tapi semangat Nadr terus menyala dalam dirinya. Masih bernyala dendam dan azamnya, dan dengusnya, walau sendirian, masih kuat dari dengus unta. 'Uqbah amat berkata-kata, kesal kerana mati temannya, tidak terhenti dendamnya. Dan mata Nabi, dalam kafilah yang sayu dan sepi, tetap menyerot 'Uqbah. Nabi tetap pembaca gerak hati dan penilai saksama. Dirasa debar musuh, dikesan niat cemarnya, Nabi memerintahkan agar 'Uqbah dihukum sama.



Zaid dan Abdullah yang telah di Madinah bergembira bersama ummah, tapi dalam detik yang sama berduka mereka oleh khabarnya Ruqaiyah yang telah pun arwah. Uthman dan Usamah turut hadir perkuburannya. Madinah mempunyai pesta batinnya, dan oleh berita kemenangan, Madinah juga mempunyai kebanggaan maruahnyanya. Akan tiba Nabi dalam kafilah luar biasa, penuh dengan tawanan dan harta mereka, penuh dengan pesan kejujuran dan kebenaran, betapa dimusnah di Makkah, mengerlip indah dan segar di tengah Madinah, dan Zaid dan Abdullah pembawa obor awalnya.

Kafilah Nabi, dalam letih dan segar, melintasi gurun dan selamat tiba di Madinah, ditunggu lebih awal, dalam sorak puncak, dalam doa kudus. Diteliti khalayak yang puas, pertemuan paling bermakna, berdakapan mereka, menangis oleh riang, ketawa berimbang, kerana Madinah, kota Ansar dan Muhajirin, kini layak mengibarkan panji megahnya, menghirup udara maruah dari bumi ke angkasa, melihat, mendakap teman sebagai saudara dari dunia ke akhirat. Nabi mempunyai nikmatnya sendiri, doanya panjang ke hadirat Illahi, kerana, perjuangan kebenarannya mencecap buah pertama.

Dalam ria yang bersukat, Nabi mempunyai duka tersembunyi, mendengar berita pemergian puterinya. Terkenang kisah remajanya, terlihat anak yang damai dan mengerti, terbayang gelagat dan sayangnya, Nabi, dalam doanya, menerima segala penuh syukur, memahami erti lahir dan mati, dan Ruqaiyah telah hidup penuh bererti. Dan dalam duka tersembunyi juga, Nabi turut belas terhadap 'Afra' yang kehilangan dua puteranya, 'Auf dan Mu'awwidh yang perkasa. Dan kepada Rubayyi, Nabi yakinkan Harithah yang terkorban sebelum berjuang masih terpilih ke syurga ia.



Keruh segalanya, dan seperti gerhana hati, Abu Sufian duka menusuk, tak terhurai peristiwa, tak mengerti warasnya, lama berfikir ia. Terlalu ramai tokoh Quraisy terkorban, terlalu memalu dan memilukan dan Abu Sufian pemikir yang sisa, dalam dendam, bakal mengancam akar sumpah disuburkan, saat membalas sentiasa, langkah kini dikira. Setelah kekurangan tokoh, Abu Sufian tokohnya, bisiknya jerit dan lidahnya petir, dalam sajak seni marahnya, getir yang rahsia, keras ia mencemuh, menuduh, dan mencerca Nabi dan ummah Baginda.

Tak terpeluk dalam kalbu, marah dan benci, amat terhina, perlu disebar dan ingin ke Ka'abah ia, melawat tokoh lebih dewasa, ingin dikisah betapa di Badar, perang yang aib bagi musyrikin Quraisy, mereka kalah. Dalam kesal yang panjang, tangis yang disembunyikan, ingin dipapar silap mereka, betapa pesan wajarnya, tersia-sia di sisi Abu Jahal, dan betapa terlalu banyak harus dibayar. Tidak ada kerja lagi yang indah, khazanah yang selamat dari Syria telah di Makkah, tuannya mati di Badar marah dan benci, kesal yang sia-sia, kepada Abu Lahab kini ingin dikhabar.

Dihidupkan kisah berulang, dalam kerlip dan kuyu Abu Lahab, diperjelas Abu Sufian di tengah kafilah dan wira yang gagah betapa terkejut mereka pedang dan panahnya tidak terkira, kerlip dan deras, tangkas dan ramai, tapi mereka, dalam detik tak terucap, diselimuti cuaca yang luar biasa, terketar dan lesu, takut yang tajam, dan mamai, kerana tidak lagi mereka menghadapi Nabi dan pahlawannya. Ajaib yang sulit diucap, seram amat menggoncang, kerana, kuda dan pedang, gerak dan serang, dalam kabus, dalam apung, terlihat jernih wira serba putih, berjuang di sisi Nabi.



Di bawah khemah Dhamdham, Abu Lahab, pak ciknya, khusyuk mendengar, kekalahan mengaibkan, rahsia yang ganjil, hati yang bertanya dan jawapan yang seperti tiada. Segala menghibakan mereka, kecuali di hujung khemah, Ummu al-Fadil di sisi Abu Rafi', riang mendengar kisah luar biasa. Kedua mereka yang Islam dalam rahsia tiba-tiba di puncak riang, dan Abu Rafi', hamba yang sedang membuat panah, tak terjaga, tergelak suka, cepat, Abu Lahab, oleh kerjip amarah, memukulnya, dan cepat, Ummu al-Fadil, oleh cekal membela, membalas Abu Lahab dengan belantan, hiruklah suasana.

Sukar dimengerti Abu Sufian, dicari waras dalam diri dan peristiwa, dinampak tamsil sukar dibaca, dirasa bara di antara khemah mereka, disedar, jika dibiarkan, khalayak Makkah akan gamam, kisah di Badar akan membakar, dan perlawanan kalah dari awal, tak harus dibiarkan. Ketakutan wajar diikat dari dalam dan luar, dan Quraisy perlu digalak berani secara terbuka. Dan pada waktu amat waras, malam atau subuh, pagi atau senja, mereka harus hanya berkata-kata sesama diri, dan tidak menampakkan kegerunan dengan, secara teratur, menolak tebusan.

Abu Sufian, tokoh baru di kalangan Quraisy yang kalah, bisiknya jerit. Dalam dirinya telah membuak marah, diadang oleh pura-puranya, tapi, dalam tingkat dan puak yang dipilih, dengan teguh dan bengis, disaran agar tidak mereka membayar sebarang tebusan. Mereka diajar menjawab dengan suara yang mungkar, kerana dirinya sendiri yang kehilangan Hanzalah, kerana mati, dan 'Amru, kerana ditahan, bakal terus melawan. Di Badar telah keduanya kehilangan, dan mengapa, katanya, di Makkah dirinya harus terasak, dalam hina dan malu, membayar wang tebusan?



Petir dijangka dibalas petir, Badar tidak harus menundukkan, dan kepada khalayak Quraisy dihasut, dengan bisik menjerit, agar usaha, betapa terdera pun, membayar wang tebusan. Api suara Abu Sufian, dan api dirayapkan ke seluruh khalayak musyrikin Quraisy, membakar diri dengan rela beberapa ketika untuk, pada detik terpilih, membakar pula setiap kafilah dari Madinah. Lawan yang tidak berawal dan dijanji tidak akan berhujung, kerana, pada Abu Sufian, kekalahan yang mengaibkan, hanya dibenar bermula, dan tidak sekali-sekali, dibenar di akhir jalan.

Terbakar seluruh khemah kesabaran, lebih-lebih Hindun, isteri Abu Sufian. Bisiknya juga jerit, tapi jeritnya lebih marak dan beracun, kerana, walau Hanzalah yang terkorban bukan puteranya, tapi 'Utbah, ayahnya, dan Syaibah, pak ciknya, juga Walid, saudaranya, di Badar terkorban. Menyala ke langit murkanya, membuak gelegak dendamnya, dengan ikrar berakar di batin, dan janji di tajam pedang, dengan benci gigi terketap tidak bakal dilupa penghinaan, katanya, tidak mungkin dia membiarkan, dan Hamzah, tokoh terbenci membunuh pak cik dan ayahnnya, tetap dicari.

Kemusnahan di Badar tidak terhenti pada bangkai-bangkai di sumur mati, unggas dan bangkai menghidupkan bau dendam dan azam bagi Abu Sufian. Telah tercerita kepada Abu Lahab, telah digelorakan amarah Hindun, isterinya. Ke tengah khalayak Quraisy diributkan dendam, dinyalakan unggun benci, diingatkan, dan disetujui, agar harta khazanah kafilah dari Syria, untungnya, dihimpun bagi membangun laskar mereka. Berlidah tidak terhenti, dan Abu Sufian, bercakap bagi arwah-arwahnya dan bagi khalayaknya kini akan menawan tebusan Madinah, menukar tebusan Makkah, terus menyanggah.



Malam di Madinah bercalar-calar, memercik mimpi dan permenungan, Nabi pulang dari kemenangan, berfikir lebih jernih tentang tawanan. Bakal bongkak jika, dalam kemenangan, hanya dihitung kibaran bendera, mudah cemar makna jaya jika, dalam keharuan, terlupa kebajikan insan. Di tengah malam yang kudus, putih embun yang damai, Nabi teringat betapa dipesan penerima tawanan, agar adil dijaga mereka, dan pada setiap detik yang kasar, agar dilupakan kekerasan, kerana kemenangan wajar meranumkan hati pemenang, menghemah yang jujur, dan syukur.

Berlanjut percikan mimpi dan permenungan, ternampak kibaran bendera, dari Badar dalam kafilah, sepanjang arus menuju Madinah, dan sahut riang kerana kemenangan, menghidupkan khalayak yang gamam dan girang. Dan Nabi memerhati dengan debar merendah, lebih bertanya ke batin betapa disukat nasib tawanan yang mengeluh dan ragu, betapa demi hati, diberi mereka keinsafan bermaruah, dibunuh atau dimaaf, dihapus atau dihadirkan, kehidupan yang lanjut setelah perang yang memusnahkan, Nabi ingin memberi erti hidup bermaruah kepada tawanan di bawahnya.

Amat dalam diseluk hati, ke hadirat Ilahi sanjungan menyerah, dan Nabi, dalam doa dan menung yang syahdu, menimbang gerak yang disaksi, betapa di Badar, dalam kalut dan jerit, dari kilat mata dan air muka, diserap jernih kalbu sesetengah penyanggah; berlawan bukan kerana yakinnya, berpedang dan berpanah, dalam panas dan dera, lebih kerana terpaksa. Nabi merenung peristiwa sedalamnya, memerhati mata mengakrabi kalbu, dan dalam damai paling luar biasa, dapat Baginda menyingkap tabir diri sesetengah tawanan, ada kerlip menyerah, khusyuk sedia ke jalan Allah.





Dalam malam yang bersepi, langit yang merenung bumi, di antara khemah dan unta, di sisi unggun api dan lelap manusia, masih berjaga Nabi, menanggapi segala yang bernafas di hadapannya, masih didengar dengkur sahabat dan rengok tawanan, yang dalam mimpi mereka mengheret segala dari Badar, menyaksikan kemenangan dan kekalahan, menilai teman dan lawan, bermimpi, barangkali, tentang pelbagai keindahan dan kekalutan, pada detik terkejut, merasa langit berangin, mendengar kersik pasir, dan Nabi, dalam kesendirian yang khusyuk, menyaring kejernihan tamsil alam.

Sebelum dini menggeliat dan subuh menguap, Nabi, dalam menung dan doa, telah memutuskan akan dimaafkan semua tawanan, riang yang harus indah, beruntung ke dua pihak, insaf dan berbudi, asas yang disyahdukan, tawanan wajar membayar tebusan, dan hasil khazanah bakal diguna bagi kebajikan. Yang kaya dan salah bakal memberi, yang miskin dan benar bakal menerima. Dan di tengah musyrikin Quraisy, jika miskin tapi berilmu, dicerna ilmunya sebagai tebusan. Akan damai mereka di tengah kaum muslimin, akan mengajar mereka sebagai guru agar anak-anak membaca dan menulis.

Terlandaslah rasa sahabat antara musuh dan rakan, dan pagi setelah solat yang amat damai, Nabi memberikan arahan, lega bagi tawanan, dan, bagi muslimin, tenang yang menguntungkan. Dirapati satu per satu, dijelas dan dihujah, disebarkan sebanyak senyum, dipertingkat dakwah, dalam suasana sedemikian, Nabi berkata kepada al-Abbas bin Abdul Muttalib, terbukanya pintu baru, terhembusnya angin manfaat, dan dia, wajar menebus Aqil bin Abu T'aib dan Naufal bin al-Harith, dua orang anak saudara, dan 'Utbah bin 'Amru, temannya, menebus sama dirinya.



Seketika belum berhemah al-Abbas kerana masih kemaruk akan harta, dan, dalam judi peribadi, masih dihitng dua puluh auqiah emasnya, dan itulah, dengan yakin katanya, bayaran bagi tebusannya. Tenang Nabi menghadapinya, bermula dengan senyum, berucap penuh hemah, berhujah sedalam hati. Emas tawanan bukan tebusan, kata Nabi. Khazanah begitu pemberian Allah untuk khalayak Islam, dan al-Abbas hanya perantara. al-Abbas masih kemaruk harta, menafikan khazanah miliknya, tapi Nabi tenang mengingatkan betapa sebelum ke Badar banyaknya harta al-Abbas.

Dan terhurailah rahsia harta, sebelum langkah ke Badar, telah dipesan pembahagiannya kepada Ummu-Fadil dan sanak saudaranya, jika gugur dirinya, dan, amat terkejut al-Abbas bagaimana Nabi tahu tentang sukat pembahagian bagi al-Fadil, Abdullah, Qutsam dan Ubaidillah, dan hairannya meningkat takjub, dan takjubnya menjunjung percaya, kerana hanya dia dan isteri berahsia, dan kini tidak begitu rahsiannya, lalu, dipandangnya Nabi penuh terketar, amat dihargai insan luar biasa, dan mengakuilah al-Abbas betapa Nabi memang manusia mulia utusan Allah.

Tidak terkata khalayak lain, percaya al-Abbas percaya mereka, dan tanpa ragu dan tersangkak diuruskan tebusan bagi diri dan saudara dan sekutunya. Beraruslah datang kaum Quraisy dari Makkah, dalam malu dan ragu, khazanah di sisi unta, membawa wang tebusan, banyak dan secukupnya, membebaskan saudara mereka. Dan Madinah memuncak sibuk, kota kemenangan dan agama mulia, pusat keyakinan Ansar dan Muhajirin, dan Nabi, juga para sahabat pejuang di Badar, terpercik maruah dalam dada mereka, tumbuh keyakinan dan kesyukuran luar biasa akan Allah.



Bertingkat dan berarus tawanan ditebus, Madinah terus sibuk dan pada hari tak tersangka muncul wakil dari Makkah, Amru, mewakili Zainab, isteri al-'As bin ar-Rabi', tawanan yang masih di pekarangan Nabi. Anak menantunya al-'As ini, berjuang bersama Quraisy, garang dan yakin menentang pasukan muslimin, dan Zainab, puteri Nabi, kini menghantar wang tebusan dan seuntai kalung yang mengejutkan Nabi. Cepat terkisar kenangan kerana rantai hadiah Khadijah pada pernikahan anaknya kini terlonggok sama dengan wang bagi menebus menantu yang ganjil.

Kalung menghidupkan kemesraan, Khadijah seperti ternampak di sisi, dan Nabi, suami yang penyayang dan ayah yang perindu, ternampak-nampak puterinya di Makkah, merasa terganggu dan hiba, kembali meneliti kalung dan, dengan bijaksana dan cermat, beralas kata-kata berhemah, seperti bertanya, jika ingin dikembalikan tebusan bersama kalung dan wangnya, tidak Baginda mencegahnya. Khalayak yang mengerti di hadapan Nabi, bersetuju mereka, kerana penawan yang perasa, dibebaskan suami Zainab dengan restu, dan bersama dikembalikan wang dan kalung berharga.

Nabi memahami resah puterinya di Makkah, dalam darurat kacau, Nabi menyetujui sikap dan tindakan seorang isteri yang terlalu setia. Tapi, kalung hadiah dari Khadijah, kenangan cinta dan kasih seorang ibu, amat menyusuk di kalbu Nabi, lalu, kepada al-'As yang sedia berangkat, lembut dan tenang pesannya, seelok selamat tiba di Makkah, usah dilupa, diatur dengan cermat, dilayan dengan baik, agar Zainab yang berjasa, isteri yang begitu setia, disediakan dan diiring penuh selamat, agar kembali ke Madinah, kerana, kata Nabi, tak wajar isteri Islam bersendirian.



Terkesan pada hati, berfikir dalam perjalanan, al-'As yang kalah dalam Badar yang mengoncang, cepat mengaturkan agar Zainab dihantar ke Madinah. Dikenal janji bukan di lidah, ditetap azam di sanubari, dipinta Kinanah bin ar-Rabi', mengiringi Zainab sepanjang perjalanan. Berat di bahunya menjadi amat ringan, malah damai, seelok dilepaskan isteri yang setia dan Islam, tapi, dalam detik mengejut, tindak tak terfikir, Abu Sufian bin Harb, tiba-tiba ingin menghalang. Bertentang sebagai lelaki, berpantang dicabar, Kinanah dan rombongan terpaksa dibenar pergi.

Kasih Nabi akan puterinya, nasihat yang ranum diberi, dan, dalam kuduk dan tenang hati, Zainab menerimanya, malah mengerti, mengapa isteri yang Islam tidak wajar didampingi lelaki yang berberhala, dan, demi hari, terkilat khabar dan imbas bisik, didengar al-'As memula membawa barang dagangan milik Quraisy, berniaga ke Syam, bermula rentak baru. Dan, pada langkah yang tak disangka, bertembung kafilahnya dengan rombongan muslimin, terledak telingkah, lawan yang nekad, dan sekali lagi, terbawalah al-'As dan kafilahnya, tapi menghilang ia amat cepaknya.

Pintarnya sukar dipeta, dari cari bekas tapak, tak sedikit tersua, tapi, pada malam gelita, ketika dengkur sesetengahnya, menyelinap al-'As, muncul mengejut di rumah Zainab, dan dalam gentar luar biasa, oleh setia dan mengerti, isteri yang pernah menebusnya dengan kalung anugerah Khadijah, kini sedang khusyuk dan syahdu jernih batinnya, tergugat dalam sangkak, tercabar tanpa faham, masih sempat berkira, mengenang alam mesra yang lama, menapis dengan amat belas, lalu, separuh rela separuh terpaksa diterima al-'As dan disembunyikannya.



Malam menyembunyikan ketakutannya sendiri, tapak tak berjejak, bisik tak terdengar, tapi, paling lara bagi Zainab berlawan dengan rasa dan fikirnya. Paling celik semalaman ia, dan seelok menggeliat subuh, amat bersedia dan jernih batinnya, sekawan teman bersama, pergi berjemaah mereka di masjid, dan Nabi, dalam damai dan khusyuknya, mengimami jemaah. Tenang suasana, kudus pagi amat bererti, dan doa yang panjang dari setiap jemaah, peribadi dan rahsia permintaannya, dan Zainab, dalam suara serasa mengah, mengakui lindungi suami.

Berani dan cekal sebenarnya Zainab, tulus mengakui kepada jemaah, dan Nabi, cepat menyalin rasa puterinya, menimbang seadil fikir, meneliti puteri yang tergamam, dengan suara berimbang, wajah tulus, diberitahu jika benar peristiwa dikisah tak sedikit pun disedar ia. Setelah jernih pagi hening semula, bersurai jemaah ke rumah mereka, dan Nabi, dengan langkah mengerti, dengan nasihat yang sedia, tulus ke rumah puterinya berpesan ayah sejati, jika dilindungi suami, tetap dibenarkan ia, tapi, kerana lain agama mereka, tak dihalalkan bersama.

Dan kepada penawan kafilah al-'As, bersemuka Nabi kemudiannya, dan berbincang dalam muhibah, mengelak yang keruh, berkata Baginda al-'As masih dikira bersaudara, jika ingin berbaik mereka, tak dihalang khazanah dikembalikan, malah amat suka ia. Juga, jika ingin mengambil harta tawanan sedikit tidak dihalang. Dan dalam renung yang amat mengerti, balas renung turut menyambut, berkata khalayak yang menawan, rela dikembalikan khazanah al-'As, lalu teralihlah barang yang disita, selamat dikembalikan di Makkah, al-'As merasa bertuah.



Zainab menunggu mendengar dalam debar, walau berpisah nasib suami diutama, dan kini tenang tasik kalbunya, terlayan al-'As sebaiknya, bersyukur ia, kerana sempat cepat terkenal betapa perih hidupnya ketika di Makkah setelah terbelahnya keluarga oleh Badar yang menyala. Tak diketahui, selepas dibebas, bersama diri bersama khazanah, bagaimana gerak al-'As pulang semula ke Makkah. Tapi, Zainab cepat terkerlip hidup terdera di Makkah, khusus ketika dikhabar bakal kembali ke Madinah, betapa Hindun binti 'Utbah, pamarah yang merancang, cuba menghidu rahsia.

Kenangan mempunyai kalung yang panjang, dalam kemelut khalayak lain, Zainab masih ternampak dirinya mengenderai unta ke Batnu Yajij, dan betapa ketika tiba di Zi Tuwa, kafilah kecil mereka di sisi kawalan Kinanah, dikejar dan digertak Hubar perang yang kehilangan tiga saudara dalam perang Badar. Dan betapa, dengan cekat dan nekad, Kinanah mengacu panah sedia berdarah mempertahankan kakak iparnya, dan dalam hujah dan sergah, uji kekuatan paling bermaruah, Hubar bin Aswad al-Asadi, masih mendengar radang, tapi, cuba, secara bermaruah, berundur dari kafilah.

Akan lain sesudah ini, demikian berharap Zainab setelah kembali ke diri, dan meneliti ucap dan tingkah teman di Madinah, dan teguh dan teliti diperhati bekas suami, yang separuh tergilir kerana terbebas, separuh terharu kerana dihargai. Perang rahsia di dalam dirinya, besar nyala mengatasi Badar. Setiap wajah yang dibaca, mengerlipkan cahaya dalam dirinya, menghidupkan lagu sepi yang bertanya, membangun kesedaran dan keinsafan yang tak ternilai. Al-'As, dalam bingung dan keharuan, mula percaya ada yang berubah dalam batinnya, ditanya, ditanya apa?



Kembali dalam kesendirian, penuh khazanah pada unta, al-'As ke Makkah. Siang yang panas dilihat bekas tapak unta-unta yang awal, dan malam, dalam gelita yang terlihat, mendongak ia ke langit, seperti terdorong membaca setiap kerlip bintang, mencari jawapan yang serasi di dalam batinnya sejak tergilir dan terharu kerana dibebaskan sepenuhnya, dan sejak, dalam bingung dan keharuan, terasa sesuatu berubah dalam diri dengan gemanya yang berulang, dengan denting kaleng dalam kafilah kecilnya, dia benar-benar menuju ke Makkah dalam suasana luar biasa.

Ragu yang awal terhalau, dan empunya khazanah dari niaga di Syam, bersinar wajah dan di puncak gelak, mengelilingi al-'As yang letih, cuba tersenyum kepada khalayak, dan dalam hati, kesan haru dari Madinah, masih berbau kacau, separuh tahu separuh ragu. Tapi, dalam keliling khalayak Quraisy, mula ganjil dilihat dan lain dirasa, mula dipercayai telah benar-benar ada yang berubah dalam batinnya, tak payah ditanya. Ditanggalkan gemuk khazanah dari perut unta, dengan kata yang mesra, diserahkan khazanah, dipinta tanya kepada yang ragu, kerana ada semuanya.

Puas penuh empunya khazanah, untung yang besar dari Syam, menjulang riang mereka. Dalam gelak berlumba, peluk kemenangan sesamanya, seperti serentak mereka bersuara menyatakan puas dan gembira mereka, dan ada di antara mereka, masih di ekor gelak yang memuncak, berkata dalam bahasa puji yang melampau, tapi jujur di dasar, bahawa al-'As telah amat berjasa, dan, kerana besar baktinya, bakal dibalas segala khidmat dan kejujurannya. Tak dipinta lanjut jelas, dalam puas dirinya, dalam kejutan khalayak Quraisy diberitahu yakinnnya akan Allah dan Nabi.



Terkejut mereka yang berhadap, pasir seperti terkisar, mentari seperti terlindung, malam seperti awal, gerak apa di balik segala, tamsil apa yang sengaja disembunyi. Al-'As, membisu sementara yang sengaja, menunjuk bayang di sisi diri, meminta khalayak menghalus batin. Tapi, mereka pembaca gerak diri, yang kenal suara dan nafas temannya, tidak berkira lama, kerana, melihat tapak tenang al-'As, mendengar nafasnya yang damai, meneliti senyumnya yang berulang, mendengar kisah kias yang lebih jelas, mereka tahu, al-'As akan ke Islam.

Berbondong keluarga lain, datang serentak kadang rahsia, mereka cekal mencari saudara, menebus maruah musnah di Badar, memeluk saudara yang hidup. Dan Madinah semakin terdengar nafasnya, menanti seperti dalam pesta, merenung unta yang tiba, membaca iras dan air muka, menghitung berat karung dan saku, menunggu yang berhajat, menawar yang terdesak. Di antara mereka pembaca yang tekun, Abdullah bin Jahsyi paling penunggu, kerana di sudut khemah bertuahnyanya ada tawanan amat berharga, dan dari sayup didengar Khalid dan Hisyam datang menebusnya.

Harga menjadi anak tangga, empat ribu dirham parasnya, kurang sukar, lebih mungkin, dan di tengah gurun seperti mengalir jernih sungai, membalahkan Khalid, saudara anjing Walid yang ditawan, dengan Hisyam, saudara kandung tulennya. Wang berkata-kata sendiri, terkadang berbisik, terkadang menjerit, dan Abdullah tetap tenang pantang berganjak, lebih menyalakan sengketa Khalid dan Hisyam, memperkukuh tuntutannya pula. Didengar Nabi cara tawarannya, ditegur Nabi agar berfikir, disaran agar khazanah perang lebih dipilih, dan itulah kemudian tuntutannya.





Yang dituntut terisi, pesta hari bagi Abdullah, luka lara bagi Khalid dan Hisyam. Tapi terjadi tindak yang lain, peta peribadi berubah gores, sebut tidak bersuara, bisu terdengar jerit, anak bongsu Walid yang ditebus seperti ingin ke penjara semula, kerana, setelah berbayar dengan khazanah, setelah tengkar Khalid dan Hisyam, yang diatur cepat berkecakh, kerana, dalam kafilah pulang ke Makkah, dalam arus Quraisy yang ria, tiba-tiba, lelaki yang ditebus hilang semula, dicari jenuh sekeliling kafilah, dilauang jauh ke sayup, sudah ke Madinah ia.

Merebaklah tanya yang wajar, tumbuh pohon merendang, tiada orang yang berlindung, hingga begitu dikirakan. Khalid di puncak amarah, dan api di setiap nafasnya, bertanya, berhujah, membantah, mengapa tidak awal berundur, mengapa direla hilang khazanah perwira seorang ayah? Walid, anak bongsu yang waras, berfikir lebih dewasa, maruah diutama. Tindaknya, katanya, tindak berkira, paling tak rela ia dianggap penyerah kerana ingin menyelamatkan harta. Berdiri sebagai lelaki, bertindak lebih bermaruah, Walid lebih bertanya batinnya, dan begitu ia rela.

Tapi, anak bongsu terlalu tulus, kurang dimengerti hati saudaranya. Merancang tanpa takut, pulang tanpa gentar, tiba tanpa selindung, dan sebaik tapaknya terkesan di Makkah, Khalid dan Hisyam yang marah, bersalam dan menangkap, tak sempat Walid memungkah khazanah kembali semula ke Madinah. Dilihat langit sama, disedar bumi berbeda, dan, sedang diri dalam kurungan, di sisi suara dan gelak saudaranya, mula bertanya Walid betapa keyakinan dan keikhlasan mempunyai wajah, lain di Makkah lain di Madinah, dan kepada Nabi rindunya bertambah.



Keluarga lain berbondong sama, kafilah tebusan dari Makkah, dan dalam jejeran yang berarus, terkadang sangkak terkadang cepat, datang Jabir untuk menebus sepupu dan sekutu, terus kepada Rasulullah s.a.w. halanya. Disambut seadab tamu, manis muka dan kata, tak lupa Nabi bercerita tentang Mut'im, ayah tamunya. Kibar khemah nyaman menyambut, dalam sepi, debar Jabir disembuhkan, dan jujur Nabi berkata jika Mut'im ada, tak dituntut sebarang tebusan, dibebas percuma tawanannya, dan Jabir, diam berfikir, jengah menduga, separuh terima, selebih dalam gelita.

Datang bertabir niat, lihat lebih merakam, renung amat menghirup, dan Madinah dikunyah dalam debar, seperti malam yang indah, pagi sejuk, seperti kuda yang segar, unta lentok. Madinah dicari akar rahsianya. Dalam bisu yang berkata kota kemenangan yang tumbuh, secara rahsia, amat dikaguminya. Dihirup sedalam akar, didengar hingga ke sepi, dan diteliti ke butir pasir. Warna petang satu senja di luar masjid ia menghirup suara Nabi melagukan Surah al-Tur, menyaring setiap pesan dan amaran inti dera dalam neraka inti nikmat tersedia di syurga.

Tapi keindahan berteman sendiri, langit indah dilupa, kerana terlalu kacau dalam diri, degil dan dendam semakin dimarakkan, dan, dalam hati dan kepala, terisi hanya wajah arwah, Tu'aymah, pak ciknya, mati di tangan Hamzah. Dan Badar terlalu sukar dilupa, malah garang api pedang dan bela, membakar, membakar dan membakar seluruh hatinya. Dikumpulkan khazanah benci, dibesarkan ungunya, dihidupkan lembaga Tu'aymah berdarah, dan serentak, dalam gelegak berangnya, dicepat urus tebusan sepupu dan sekutu, dalam dengus, bergegas ia ke Makkah.



Ulang-alik kafilah, menghantar khazanah menebus tawanan, di Makkah ia menjadi bara membakar. Setiap unta yang pulang terlihat seperti nyala; setiap tebusan yang sampai, kerana terasa terhina, memercik menjadi api. Semakin marak benci dan dengki mereka kepada Nabi, dan, dalam rahsia, sendiri atau sesama, merancang mereka, meruntuh dan memusnah Madinah. Dan di tengah khalayak, seperti bersumpah, tidak ada lidah mesra, tidak disaran salam dan dakap. Setiap tapak bertemu, selisih kafilah atau bayang, dirancang berang. Hanya Ubai paling jelas melawan.

Bersebab khemah berkibar, unta tergamam kerana niat, Ubai di ibu hati. Badar medan yang mencakar marahnya, tak terkikis malu, tak ditanam iri, kerana Umaiyyah, saudaranya, dan 'Uqbah, kawannya, maut selepas perang. Datang ia menebus anaknya, menambah berang dan radang, dan selepas bertukar wang dan tawanan, semakin beracun lidah dan bibirnya. Berdiri gagah ia, mata dan cekak paling waja, tapak dan gerak diiring hentak, dan kasar dan bengkung suaranya ketika berkata berkuda Awd datangnya nanti untuk membunuh Nabi. Dan Nabi, damai luar biasa, tidak terluka.

Berbalas pandang mereka, di sisi tebusan dan unta, berucap dari hati, menerima dan menolak serentak, mengukur dan menguji tengah khalayak. Angin panas dalam batin Ubai, paling marak ia melawan, tenang dan gerak akar racun, dirasa di setiap romanya, dan dalam kerlip sengaja, ditampak Awd, tegap dan garang, melonjak dan menendang liar ia, bakal ditunggang kuda sasa, akan datang ia membunuh Nabi, diulang kata dengan dengus dan bengis. Nabi, damai luar biasa, juga tidak terluka, cuma berkata jika diredakan Allah pasti Ubai mati di tangannya.



Oleh angin dan degil niat, tak berjawab salam dari Madinah, dan Makkah, dengan garau dan dendam Ubai, membenihkan racau di tengah keluarga. Kencang cerita latihan kuda, Awd menjadi citra, dan Ubai bakal di atas, menunggang deras dan menerjah, bersilang pedang dan panah, menuju Nabi. Safuan dan 'Umair memuja Ubai, pak ciknya, terbayang Awd menerjang dan menerkam, ternampak percikan darah dan kilat pedang, dan mangsa. Membuak suara mereka berdua, kepedihan dan kebencian digelorakan, betapa cemarnya maruah ketika ke dalam sumur mayat Quraisy dihumban.

'Umair mengenang tapak kudanya, mengelilingi lasykar muslimin di Badar, gerak yakin ketika mula kerana ramainya lasykar Quraisy, dan berani terlaru di puncak, dan pedang meronta sendiri seperti kemaruk mangsa. Menusuk pilu dan kecewa, tercarik dan koyak semua maruah, dan kini di tengah kisah Awd dan penunggangnya, 'Umair mengenangi nasib anaknya, dan Safuan menngisi arwah ayah. Dibancuh azam dengan dendam, menanti saat amat berkata-kata, dalam senyum dibina, jauh di bawahnya dinyalakan ungun benci, dihembus nafas murka, ke arah Nabi semuanya.

Mengenal batas 'Umair, tapaknya kecil untuk tebusan, terisi jika berhutang, dan saking difikir dalam perit, saking membuak marahnya, tak terimbas jalan, tak terkesan cahaya, kecuali pembunuhan. Hadir bersama api, hurai masih bersimpul, dibisik kepada Safuan, peta berdarah disediakan. Dengan pedangnya sendiri, dalam selimut rahsia, pada saat serasi, bakal muncul ia, dan bakal dibunuhnya Nabi. Paling terisi Safuan, puasnya seluruh badan, nikmatnya seluruh hasrat, dan berjanji ia, jika berlaku sesuatu dilindungi keluarga temannya, asalkan 'Umair membunuh Nabi.



Dendam menelan hari memendek segala dan sekelip kilat pedang 'Umair, penuh bengis, telah di Madinah. Seperti diteliti setiap pasir, dilihat bayang sebagai insan, gerak burung meluka hati, mayat bergelimpangan, seperti di tengah Badar ia, terasa ketaran pedang di pinggangnya. Khalayak menghidu biasa, tapi 'Umar menghidu bahaya, dan disedar Nabi dalam masjid, dalam fikir, dalam doa, dan di luar masjid 'Umair dalam rancang, dalam dendam, dalam uji. Tiba-tiba didengar bisik curiga, 'Umair yang tenang di luar, bergerak kekok, cepat Umar mengadangnya.

Dilapor kepada Nabi gerak ganjil berhajat, datang 'Umair datang berpedang, maka disekat langkah diuji niat. Damai dan syahdu Nabi menimbang, diambil segala yang jernih, diucapkan semesra jemput, dibenar temu. Umar penjaga yang waras, dilepaskan 'Umair beberapa langkah, dipesan teman Ansar mengesan gerak curiga kerana cerah muka boleh berdusta. Hari tenang cuaca cerah, 'Umair, berpedang gagah, menemui Rasulullah s.a.w. dan sebaik jarak serasi diberi salam para dewa. Tapi, Nabi menjawab mesra, menyarankan salam lebih Islami, salam damai bagi kaum syurga.

Datang mesra berhajat, hajat patut mulia, dan kepada 'Umair itu ditanya. 'Umair yang gagah mengerlipkan pedang menyebut soal tebusan puteranya. Nabi pintar dan bijaksana, melihat dengan mesra, meneliti tapi ramah, dan dengan suara dan bahasa berimbang, dengan gerak menjemput, disoal, jika kerana anak datangnya mengapa pedang begitu dibawa, seperti amat ganjil caranya. Anak juga alasan utamanya, lalu disebut Nabi betapa diketahui janji 'Umair bersama Safuan, betapa ingin dilaku pembunuhan. Amat berahsia ia, katanya, tapi, kata Nabi, Jibril yang membisikkan.



Terkejut tiada syairnya, merenung begitu tulus, 'Umair, gamam ke inti, ketar ke nadi, terkelu sedetik dua, melihat segala ghaib, agak ganjil, muncul semula, dan, dalam bingung dan renung, seperti ingin menjerit, kerana rahsia amat rahsia begitu terkunci antara Safuan dan dirinya, angin mana yang menghebahnya. Tenung Nabi masih tenang, mata tidak terkenyit, nafas berentak biasa, dan 'Umair, terkelu lanjut sedetik dua, dengan gagap bertingkat, merenung Nabi dengan kagumnya, mengakui memang pesuruh Allah di hadapannya, mendakaplah 'Umair Islam mulia.

Para sahabat terkocak riang, didengar ucap syahdu, didakap semesranya, dan Nabi berpaling sekeliling mengarah mereka membimbing saudara kini diterima. Ditunjuk Islam yang murni, didengarkan ayat yang merdu, diturunkan sepadat yakin agar 'Umair, kini insan yang Islam, bernafas, luar dan dalam, rasa dan fikir, sebagai mukmin. Bertuah hari mereka, yang datang berpedang, kini pulang dengan iman. 'Umair terasa baru dirinya, telah terbasuh baju, telah lurut pedang, telah luput dendam. Di tengah khalayak sahabat, berjanji 'Umair rancang mengembangk Islam.

Cepat berbekas tapak di pasir gurun, 'Umair kembali ke Makkah, merasa debar yang baru, harum nafas diri dan alam, dan gementar yang ria sentiasa memeluknya. Dan semakin mendekat ke Makkah, terpercik pantas kilat peristiwa, betapa ketika datangnya dendam dan marah, betapa amat nyaring suara pedangnya, dan betapa ketika kembalinya terasa peluk tangan Nabi, terdengar suara surah-surah syahdu, dan, di sisi puteranya yang bebas, kini teringat amat janji dakwahnya. Mencepat unta melangkah, terbayang Makkah menunggu, betapa bahagiannya ia.



Badar membenih pohon cemburu, dalam pesta batin, antara sibuk tebusan, kaum penyembah berhala, pahit bergula sikapnya, kaum Yahudi utamanya. Langit tenang kurang disenang, angin mesra diracuni, khalayak dicemar. Begitu dalam senyap merayap ular, mengetip di kulit lembut, mencengkam di tulang keras, disemburkan sebanyak khianat, dibanjirkan fitnah, dan Yahudi Qainuqa' cergas di belakangnya sama seiring kaum yang munafik. Terbelah Madinah yang menang, dalam iri dan uji, dibongkas akar sepi, dan Nabi sedar susupan bahaya dari Yahudi Qainuqa', dan Nabi bersedia.

Dicari sebab termudah oleh Yahudi Qainuqa', dalam pasar yang sibuk, ditunggu dan dirancang mangsa. Dan pada hari dikira serasi, pada detik terlembut, diganggu seorang wanita muslimah, di toko emas mereka. Diganggu kurang sopan, didedahkan belakang badan, oleh cemar maruah, menjerit wanita muslimah, dan oleh membenteng maruah hadir lelaki muslim bertegah demi adab, melawan demi lelaki, dan terbunuhlah Yahudi Qainuqa'. Lalu sepiantap lupa, membuak segalanya, bertarung dalam kacau, dan terasak sesama puak, terbancuh liar dan berdarahlah pasar yang sibuk.

Terceliklelah nyala yang selamanya bara, dan kini kesan Badar, dari tengah gurun merangkak ke Madinah, dari membisu mula liar bersuara, dari berpura sopan membuak ledak amarah. Nabi sedar Yahudi Qainuqa' yang mendalang, gentar yang berjaga, serang yang perisai, dan, demi janji dan adab, baginda mengingatkan perjanjian damai mereka. Tapi, telah terpercik hasrat lain, bongkak yang diasah, benci ke dasar, dan dengan nafas berdengus, tapak dihentak, dijawabnya Nabi seperti menyindir kononnya tak seberapa menang di Badar, Yahudi lebih sasa.



Terbongkarlah bongkak diri oleh khatir dan iri. Para munafik orang awal bertukar tapak, berdiri di tanah menang, berganjak menggayut angin. Di hadapan Nabi terlalu banyak topeng mereka, senyum di tempat luka, masam di laman ria, dan terlalu pelakon dari diri, terkikis peribadi. Nabi sedar dari akar, memupuk memang hemahnya, tapi para munafik bukan gembala atau peniaga yang setia, percayanya masih ke berhala, musuhnya agama yang mulia, dan dengkinya, berbaju atau berlunggeng, masih pada Nabi. Menjadi pedang tajam kerana Yahudi Qainuqa' sekutunya.

Jalan malam semakin terang, tapak berbekas terkisar semula, kerana, para munafik dan Yahudi Qainuqa', dalam rahsia membancuh rencana, menyelinap dalam bayang, bergebar dalam senyum, sentiasa cergas memacak duri, bercakap damai bermaksud telingkah, menghulur salam bermaksud seteru. Madinah selepas Badar menjadi tempat mereka berjaga, berunta dan berkuda, bertengkar atau berhujah, suara mereka rahsia yang sama, merancang dan memusnah, dan dari unggun yang tunggal, diselerak unggun berganda, marak untuk menghangus dakwah Baginda.

Terbuka kitab sejarah, dipungah isi khazanah, terdedah racun Yahudi. Alam purba terisi kisah yang sama, ke Madinah mereka amat berhajat, tiga rahib contoh yang unggul - Ibn al-Hayyan, Mukhaireeq dan Abdullah bin Salam. Pemanggil hujan yang mujarab, Ibn al-Hayyan ke Madinah menanti kemunculan Nabi, tapi takdir lebih awal ia mati. Rahib termasyhur amat kaya, Mukhaireeq mengesan Nabi dari kitabnya, terlalu Yahudi, tidak ke Islam ia. Dan Abdullah bin Salam juga rahib terpikat sejak di Quba', menemui Nabi amat ke hati, lalu Islam dirinya.





Tapi terlalu ramai duri munafik, menjalar dan menjulang, di sisi khemah dan kafilah, akarnya merempuh. Yahudi Qainuqa' paling bertopeng, senyum yang dengki, dan di belakang Quraisy musyrikin bongkak mereka berdiri, menggenggam jari mengancam, mendongak muka mencerca, menghentak kaki menguji. Dibakarnya sebanyak hati, disepahkan arang dan abunya, kepada setiap Ansar dan Muhajirin di Madinah dicemuh maruah di Badar. Menjadi bahang segala kafilah dan khemah, terisi angin amat amarah, dan muslimin, diam sabar berfikir, cakap bertapis, diuji hemahnya.

Kebongkakan menjulang janjinya, berkibar dan menderu dalam setiap nafas Yahudi Qainuqa'. Dibesarkan bayang diri, digoncang loceng perang, dan, dalam sedar yang membakar, di tengah khalayak muslimin, dijeritkan kuasa berhala, dan dengan tindak liar, dibangkitkan keunggulan dewanya. Tidak lagi disetiai janji walau Nabi mengingatkan, Yahudi Qainuqa' memang dalam gelora megahnya, dan dalam rahsia berniat, menghantar mata dan hati mencari sekutu dari puak Khazraj, dan muncullah Ibn Ubai dan 'Ubadah dalam kepala, sementara berhimpun mereka dalam kubu perkara dibina.

Yakinnya raja yang bongkak, takhta tak terkisar, dan di sekelilingnya dapat serentak dikerah tujuh ratus perwira, jumlah ganda lasykar muslimin di Badar. Tapi, angin dan cuaca, dari gurun istimewa, tak tersangka tiba-tiba terhenti bernyawa kerana sokongan 'Ubadah bin Samit dan Ibn Ubai yang dijangka hanya nyata dalam kata, tidak muncul mereka. Menjerit ragu dari batin, meracau kaki dan mata, menggigil lidah memanggil Ibn Ubai dan 'Ubadah yang masih nyata dalam kata, tidak hadir di khalayak mereka. Dalam bisu yang gementar, Yahudi Qainuqa' marah.



Perwira muslimin di bawah Nabi, gerak bertapak sabar, maju bertingkat, mengepung lembut, melawan tampar dengan salam, menghampiri kubu Yahudi Qainuqa' yang sesak oleh debar, ragu melintas mata dan jerit, berubah bisik, dan tidak dijangka tidak disedar, lima belas hari berlalu dalam haru yang resah. Ketua-ketua Yahudi Qainuqa' mengintip dari kubu, menjengah dalam kejutan, mengharap derap bantuan dari Ibn Ubai dan 'Ubadah. Dan pada detik yang khayal seperti bergema derap kaki, tapi masih tetap segala hanya nyata dalam kata, lalu terpaksa menyerah mereka.

Kerana rasa bersalah mungkin, kerana terkalah, berunding Ubai dengan 'Ubadah, menyedari terlambat segalanya. Percik selisih amat nyata, berdiri mereka di gelanggang berbeda, dan 'Ubadah kurang selesa, lalu Ibn Ubai hanya menjadi pembisik dan pembela Yahudi Qainuqa'. Berat dan cekal ia, menghadapi Nabi dan berhujah, memohon tangan yang lembut, hati yang belas, bagi pihak yang kalah. Nabi pendengar suara sahabat, berbincang penuh mengerti, menimbang cemar dan suci, lalu dalam rentak sehati, tidak disetujui saranan Ubai kerana Yahudi telah terlalu berdosa.

Terlalu cekal Ubai dan amat pembela ia, maka diulangi mohon menyerah, dihujahkan erti belas dan kalah, dan pada detik terlupa, diregangnya Nabi penuh amarah. Tegang membakar suasana, Nabi berhemah tetap terluka, keras dan tegas suaranya, melemahkan Ubai, menginsafkannya, tapi masih amat pembela Ubai, marak semula pintanya, memohon ke dasar hati, menghurai dengan pilu. Lidah mempunyai rayu sendiri, kerlip mata dan cahayanya, merayapkan hasrat dan ampun, mengulangi erti belas dan kalah. Berunding Nabi dengan sahabat, menjengah hemah, dimaaf dengan syarat.



Lambat, tapi disedar, disedar, tapi dicanggih, Ibn Ubai sukar menerima kenyataan yang ada. Terlalu harum nama Nabi, perang di Badar bunganya, segelintir wira sekelumit senjata di tengah sergah dan banjir Quraisy, lasykar Nabi yang juara. Dan kini, amat sengaja, dalam puncak setia ummah Madinah, Yahudi Qainuqa' cuba menyubur angkara, dan Ibn Ubai cepat menghirup pedih, cuba menimbusnya. Terlalu kencang angin dan, terlalu berkibar panji tak wajar duka. Di dalam dan di luar kafilah diterima perintah berundur, dan Yahudi Qainuqa' amat pedih, menerimanya.

Berkecah, berbondong, mengesan tapak, sesekali sesal, kemudian marah, mereka tetap terkerah meninggalkan Madinah. Yang menang saja berkhemah, yang kalah dalam kafilah. Ditatap perigi mandi, diingat jemuran jubah dan dihidu bau diri dan unta, tidak bakal sama lagi segala-galanya. Tapi, demikian syarat dilandas, yang cabar tercabar, terpaksa berpunggal dalam kecoh dan bondong di bawah pengawasan 'Ubadah bin Samit, terpaksa pergi, membiarkan kenangan bersepah di atas pasir, memijak sisa maruah, dengan diri tanpa khazanah, Yahudi Qainuqa' merintih, dendam dan murka.

Seperti bermula dari asal, seperti terlupa nama, mereka bergerak dalam alir yang kecewa. Unta dan kuda hampir berbogel kerana tak dibenar mengangkut khazanah. Dan kali terakhir dihimpun kenangan, ditentukan tempat dan masa, dipisahkan ria dari lara, atau tak terbeda keduanya, Yahudi Qainuqa', dalam derap dan mengah baru, menghidu tanah kelana. Telah letih mereka ketika disinggah serasi di Wadi Qira', dilenakan badan diselimut mimpi. Di sini panas semesra kulit, sejuk diasuh serasi, dalam rehat berfikir dipancang rumah sementara sebelum ke Syam mereka.



Telah tersingkir musuh degil, sedang dalam arus kafilah, Nabi merenung sayup ketika mereka berarus ke Syam, dan dalam sepi menimbang, bertanya dan menjawab tamsil, sebelum datang malam ke masjid Nabi sendirian. Nabi punya hidup peribadi, dan sepi gurun meramas rasa, di hari itu kembali Nabi ke kenangannya, mendasar dan berwarna. Baru kembali dari Badar ingatnya, seperti cermin di muka, bersama Fatimah puterinya, mereka ke pusara Ruqaiyah, terlalu menngis di dalam hati. Dan Fatimah paling ke batin tangisnya, berdiri di sisi ayah, sama remuk di depan pusara.

Anak keempat dan bongsu Fatimah, terlalu cepat belajarnya, dan dewasa semasa kecil, diranumkan peristiwa, tumbuh dari kasih ibu, matang mengenal derita ayah di tengah musyrikin Quraisy yang sentiasa mendera. Di hadapan pusara mereka, merenung dan mengingat, sekerlip terimbas Ruqaiyah, sejenak tersedar diri, Nabi dalam syahdunya, Fatimah di alis kenangan, betapa pada usia lima didengar gempar kenabian ayahnya, dan betapa langit berbintang dan bermentari, betapa berkecah tapak kafilah, dalam naungan ayah berdakwah, Fatimah tersedar segala di sisi pusara.

Anak terlalu diasuh tangan ibu peniaga, belai kakak-kakak yang tiga, dan ayah antara kelana dan dakwahnya menumbuhkan hemah luar biasa. Kini setelah Badar, setelah di pusara Ruqaiyah, Nabi menatap puteri yang bongsu, bunga harum di tengah keluarga, amat sendirian selalunya. Bergerak dari pusara, lintas berpangkah peristiwa sudah, Nabi meneliti Fatimah tak tersangka hampir dua puluh usianya, segar dan yakin, pemikir dalam wilayah sendiri, dan oleh Nabi, melihat bunga harum di tengah khalayak, dirasa amat ranum usia Fatimah untuk dicarikan jodohnya.



Telah rahsia amat lama, dalam sibuk di tengah khalayak, dalam sepi dan renung beramal, dari Badar lagi, setelah uzurnya Ruqaiyah, telah terfikir Nabi jodoh Fatimah siapa. Bunga harum dalam keluarga, dalam rahsia, hampir serentak, diminati Abu Bakar dan Umar, dan keduanya, berharap dari akar ke pucuk, diketepi Nabi tanpa meluka. Dunia kafilah terlalu luas, gerak perwira disusuri, berani dan sopannya ditapis, dan Nabi terlalu serasi dengan Ali bin Abu Talib, dikira, jika seiring ia dengan Fatimah, bunga harum dari hatinya, betapa amat bahagia.

Diucapkan kepada Ali, terperanjat yang suka, oleh miskin diri kerana tak mungkin diwarisi khazanah ayahnya, pemuja berhala; ragunya alas bersebab, dan rumah lusuh di kawasan masjid tak dikira selesa. Tapi, hajat Nabi lantai yang rata, disetujui Fatimah, bunga yang harum. Tidak lama berkocak hati, jernih batin salam kalbu, Ali membaca gerak Nabi, mesra dan percaya paling ke dalam. Ali meneliti kelibat Fatimah, tapak berjengket suara melembut, cepat dipadu tawar dan hajat, dan di hadapan Nabi yang amat menanti, satu detik, Ali menyatakan rianya.

Hajat Nabi sendiri yang berkembang lantai beralas jamuan bermaluah. Tiada sudut tidak berdetak, tiada tangan tersia-sia, kerana, oleh ria yang puncak, demi Nabi, demi Fatimah, Ummu Salamah dan 'Aisyah sama cergas di bilik pengantin, mengatur, mengindah, sama ghairah di meja jamu, menyusun dan menghidang. Dilapiskan pasir lembut di serata lantai, bantal dan sarung diselesaikan, di samping wangian yang amat mendangkap, dan gugus kurma yang dihias berseni, majlis menjadi gerbang menjemput. Bersalamlah siang dan malam, dalam kudus, Nabi menjadi ayah bahagia.



Semakin tipis khalayak dan Nabi turut bergerak, telah didengarnya azan, cepat rindunya pada sejadah, ke masjid untuk jemaah. Dan selepas isyak yang khusyuk, doa yang jernih tenteram, demi Fatimah demi Ali, Nabi kembali ke majlis pengantin melihat sisa ria, terlihat Ummu Aiman yang membantu, terlintas kenangan lalu. Dan ketika Nabi di pintu ditanya ke mana adiknya, terpinga Ummu Aiman meneliti keliling menerka erti, dan, masih gamam dan ragu, ditanya maksud Nabi, kerana di situ hanya menantu dan puterinya. Masih Nabi bertanya ke mana adiknya.

Memang Ali bin Abu Talib dimaksudkan, dianggu dalam tenang, disebut tanpa keliru, dan Ummu Aiman, masih gamam dan ragu, masih meneliti keliling menerka erti, kembali menatap Nabi, dalam ketar dan debar, disusun ayat yang gusar, ditanya betapa anak Abu Talib begitu aneh menjadi adik baginda, dan betapa, jelas kininya, Fatimah jodoh Ali. Terdiam segala mendengar sepi, seperti terhenti suara khalayak, dan seperti terhenti gerak keliling, Ummu Aiman, masih gamam dan ragu, merenung Nabi, membaca kerlip mata, resah menunggu jawab Baginda.

Majlis telah bersurai, lebih tipis khalayak, dan keliling, masih terhias dan wangi, seperti sedia mengantuk, dan Nabi masih berdiri menghadap Ummu Aiman yang menanti. Seperti dikejutkan dari lena, Nabi meminta air, Ummu Aiman yang terjaga, mengambilnya. Berkumur Nabi, menghembur sebahagiannya, menanti kedua pengantin. Dipinta Ali duduk berdepan, direnjis air ke bahu dan ke sebahagian badan, dan bergilir Fatimah pula, dengan rentak dan baca yang sama, Nabi melakukan hampir serupa. Di hadapan Ummu Aiman yang gamam Nabi merestui pengantin bertuah.



Terlepas hidup peribadi, kisar-kisar majlis dan malam yang bermimpi bersama Fatimah. Masing-masing kembali ke diri sendiri, tersentak, dan, menjengah, mencari, mengesan dan mengenal, Madinah masih atas duri. Ibn Ubai, tokoh munafik, berbau malam dan siang, pagi petangnya, kerana lidahnya tak mengenal waktu, mata lelapnya celik, bisunya amat bersuara, memacakkan duri fitnah di sekitar khemah di dalam kafilah. Seperti anak panas desas-desus darinya, bergerak dengan seluruh bayang menyatakan pincang pembahagian barang rampasan, geram berulang.

Nabi tergelincir membahagi, katanya, Uthman di sisi Ruqaiyah, tidak berdarah di medan Badar, besar bahagiannya. Dikembangkan dada, dikembang jari, Ibn Ubai dengan tangkas, bahasa yang indah, dipacak sebanyak fitnah di tengah khalayak. Dan ketika duri patah sendiri, dan fitnah terkikis, Ibn Ubai membuka kampil lain, melepaskan jengking dusta ke tengah rumah Rasulullah s.a.w., dikata nikmat makan dan minum, dan ditegas, hias bilik yang mewah, dari wang rampasan kesemuanya, dituangkan benci yang amat berisi di sekitar diri dan keluarga Nabi.

Pada hari amat rahsia, rancangan yang berminggu, diupah wanita Ansar menghantar permaidani ke rumah 'Aisyah; sebaik dihampar barang mewah, dilepaskan serentak jengking fitnah, dinanti masa selesa bakal dicanang ke tengah khalayak. Terkejut Nabi di hadapan permaidani, ditanya asal pemberi, disyak sejak semula, dan kepada 'Aisyah isteri yang lurus, Nabi menggesa dihantar kembali. Terhampar lantai biasa, dan di atas tikar yang kasar Nabi berbaring setenang sejadah, selesa sampai ke batin, dan, tersentak Umar bin Khattab, datang untuk menyaksi, belas melihat Nabi.



Air mata serelanya, tangis lebih di dalam, tapi dari Umar ikhlas, tak dilindungi, tangis yang bertanya. Nabi meneliti sahabat, cuba mendengar rintih yang rahsia, derita yang ditimbus, dan hampir serentak, Nabi tahu lukanya. Bertanya juga baginda sengaja menyembuh diri, dan Umar, dalam sedu merendah, mengakui dirinya hiba melihat tikar yang kasar menggesel belikat baginda. Menggeleng Nabi memahami sahabat, di atas tikar hidup yang nyata, kata Baginda, tidak terletak nilai dan darjat, di atasnya jika berjujur manusia harus berbakti, dan itu kebahagiaannya.

Dan ada luka yang lain, di atas tikar, terjanji kebahagiaan dari bakti, Umar menghidupkan luka perang. Telah menang di Badar, telah dikebumi para syuhada, telah harum maruah, tapi, betapa, yang tertinggal janda, hilang suara dalam sunyi, hilang peluk dalam sejuk, hilang malkah yang panjang, betapa diri dan anak-anak mereka. Nabi bijaksana yang damai, ditunjuk tanpa gerak, dibantu di luar kata, kerana setiap mereka janda berbeban dianugerahi harta rampasan, dan setiap mereka janda yang belia, dalam tenang dan timbang, dicari pengganti syuhada.

Tapi, ada bahaya yang lebih meluka, tertumpu Nabi ke arahnya, kerana dari warkah Abbas bin Abdul Muttalib disaring tempias khabar, di Makkah, di tengah kejutan kalah, musyrikin Quraisy tak lelah menghimpun tenaga, berfikir dengan peta baru, berhujah dengan lidah marah, berazam tidak menyerah. Warkah bisik dari Abbas meredah gurun mencelah kafilah amat tegas berkata, musyrikin Quraisy yang kecewa di Badar, runtuh sekali dikira cukup, bangun dengan lutut sasa, berang dengan pedang bisa, berjanji, malah bersumpah, tidak lain dicari kecuali Nabi dan Hamzah.





Tidak cuma Quraisy berpeta, marah dan garang, tidak cuma mereka juga. Nabi berulang mesyuarahnya, sahabat diberi lidah dan telinga, dan Nabi teliti mendengarnya. Diketahui sasa musuhnya, dihalusi peta mereka, dihidu Bani Sulaim yang berpakat dan setinggi mana perkakasnyanya. Nabi, di hadapan sahabat memetik setiap hujah, menapis lebih kurangnya, dan dalam derap telah disukat, mengerah bala tentera terhad, mengatur tapak berjangka, ke perkampungan Bani Sulaim diserghah. Tak menjangah di tingkap, tak hadir di jalan, khalayak Bani Sulaim hanya menyerah.

Tapi, tapak menang boleh berdusta. Amat berjaga Nabi, di hadapan lasykar berunta, sisip dan silang panah, derap langkahnya cekal, renung matanya tajam, disangsi bayang yang jauh, diawas unggas terbang, ditafsir hingga ke bisik. Warkah Abbas bin Abdul Muttalib terlalu berguna, kerana awal amaran, jitu butiran, dan kerana peta ronyok yang telah dibaca, kelok dan belok kawasan dihurai, pasukan Nabi menjadi waras, setiap langkah tapak bermakna. Selesa ke perkampungan Bani Sulaim, tak dengar cemas, tak nampak gusar, seperti menang dianugerah, berkesannya warkah Abbas.

Seperti damai hamparan permaidani, harum dan berwarna jengahan bunga, seperti bergerak dalam kafilah sendiri, dan santai yang amat luar biasa, tapi Nabi amat perasa, beda cuaca cepat disukat, dan dalam fikir jernih, awan keruh diragu hujan, kerana hemah dan hikmah terlalu mengajar, terbatas kuasa manusia, perang di Badar contohnya, jumlah besar bukan penentu. Hemah dan hikmah mengejut juga, kerana Badar gurun yang bara, tanpa bantuan para malaikat, kumpulan kecil mudah termusnah. Memang Nabi amat berjaga selepas bahaya Yahudi Qainuqa', Quraisy paling dicuriga.



Kacau dan kalut mempunyai mata dan kaki sendiri, dan di Madinah ia bergerak dalam gelita. Musyrikin Quraisy dari Makkah, kaum munafik yang sedia di Madinah, dan Yahudi yang pintar berdusta, menikam dalam bisu, berkata-kata sesama mereka, dalam rahsia, merenjiskan racun di dalam dan di luar Madinah. Berselerak unggun-unggung dengki, dan pada setiap khemah, digalakkan api menyala, garang dan buas. Dan dalam kafilah di tengah gurun atau di sisi kota, telah direnjiskan duri-duri dusta. Dan di Madinah, dari luar dan dalam, khalayak yang gusar berteduh.

Mereka ahli as-Suffah, mengasihi Islam dan Nabi, kerdil di sisi Allah. Di kerusi batu di sisi masjid berkumpul mereka, berlindung, semakin hari bertambah jumlah. Dalam kabut atau terik mentari, dikejar atau rela sendiri, berteman dan berkelompok mereka singgah, damai dan gusar. Setiap tapaknya, renung matanya, debar hatinya, menghimpun hasrat kudus, mencari tingkap boleh dijengah, pintu boleh dilalui, dan meja, kecil dan lusuh, terhidang juadah seada. Terbuka tangan Nabi, jemputuan yang tulus, dilimpahkan rasa keluarga, makan satu makan dua, bersama.

Menjadi padat masjid, bergema doa dalam jemaah, mereka datang dengan harapan, di tengah khalayak as-Suffah, Ummu Aiman dan Fatimah khidmat tangannya, menghidang dan melayan. Dari masjid ke tengah khalayak, Nabi meneliti dan membaca setiap gerak wajah, menyeluk sedalam kalbu. Ahli as-Suffah, datang dari derita, tiba di masjid bahagia, Nabi tahu mereka pemeluk Islam yang waja. Bergerak dan berharap, di hadapan kerusi batu, mereka bercakap dan berfikir tentang syahdunya agama. Dan Nabi, dibantu Abu Rafi' dan Khaulah yang setia, merasa amat bahagia.



Tidak terbatas sibuk, layar derita terkibar gusar di tengah Madinah. Dalam rintih dan doa, tak dijangka, semakin subur khalayak. Kini, siang dan malam seperti terpaksa celik, dan mereka ahli as-Suffah, ria dan resah, sentiasa teringin membangun khemah. Telah dihitung jerih tapak, mereka masih merasakan dera luka. Cekal dan sabar, mereka mencari kewarasan. Dan dalam khalayak as-Suffah yang resah, Ummu Kalthum, wanita yang belas, turut berhemah di sisi Ummu Aiman dan Anas, anak rajinnya, sama melimpah darma. Mereka memang belajar mengukur bahu, berjerih mereka bersedia.

Pedih, oleh seteru dan racun Yahudi, rusing oleh helah Quraisy Makkah, Madinah diserakup awan yang rusuh. Tapi, kota Ansar dan Muhajirin masih pengamat unggas dan bayangannya. Dalam sepi dan sabar, mereka membaca percik isyarat. Terbiasa, Madinah mempunyai sinarnya sendiri, bebayang berpindah ke tempat bertuah. Terkadang terdengar lembut dan rahsia kata, sesekali tetap dikocakkan azam, dan ditenung ulang bebayang di pasir, dan sesekali ditapis angin yang letih. Di hujung senja, terkadang di bibir malam, terdengar doa mereka, padu dan dalam, memohon baraqah Allah.

Dan menjelang subuh angin mengganggu cergas hingga tiba-tiba terasa terbangun dan berlari segala. Dengan herdik buas, terkadang senyum terdesak, jika begitu, malam cepat mengalah. Dan dalam luka dan alpa, jika begitu, terasa pedih luka lama. Lalu di tengah khalayak, masih sedetik sedar sedetik lupa, oleh berani dan azamnya, ahli as-Suffah seperti mencari peti khazanah, terjumpa peta murka, berhabuk dan koyak diseret ke dalam hati nurani mereka. Dan cepat tanpa dijangka, lebih awal mereka temui pedang purba, terbisu, kagum, berdepan musuh mereka sedia.



Berjamu bernama Nabi, selera yang luar biasa, tak kekok tak cerewet. Seelok mengunyah digalak suap yang ghairah. Tapi sederhana selalunya segala. Dan syukur. Jika juadahnya aneka, masih terbatas Nabi menjamah; dan jika memikat hidangan, berdikit cara jamahnya, agar khalayak sama berselera. Dan Nabi, mengunyah amat beradab, sendawa tetap tertib, kenyang sederhana. Tapi, pada detik terpilih, Nabi masih pembatas diri, mengkarung dimakan tidak, menghalang teman pun tidak. Bau bawang kurang diserasi dimakan dalam segan. Berjamu Nabi, kunyah yang rezeki.

Memang dari hati bersihnya, kata dan amal yang separas, dan Nabi tidak minati bau yang resah. Dari mulut ke gigi cermatnya, dan berkumur ia sebelum dan sesudah juadah. Memang teliti dan patuh dirinya, berbekal sugi biarpun ke mana. Dan jika dikata terlupa bekalnya sentiasa ada pada putera Mas'ud, Abdullah, pengingat khidmat yang setia. Bersihlah bermula di hadapan juadah, bersih masih di akhir hidangan. Kerana, terbiasa bagi Nabi berkumur sehingga selesa, bersugi amat teliti, hingga, dalam gerak terpelihara, dalam syahdu, Baginda teladan bagi sahabatnya.

Dan hening petang, tenang dini, hidup cekap para as-Suffah, terkadang meneliti dan mentafsir bintang darah di jubah, mencari tamsil rahsia, ingin dikesan dan dikenal erti sejarah dalam kabilah. As-Suffah memang orang-orang luka, penelaah setajam faham, disergah pemuja berhalah. Tapi mereka tetap mencintai Allah dan Nabi. Oleh sibuk dan dera, khusyuk yang patuh, terkadang terlupa dibasuh jubah, hapak di tengah khalayak. Dan biasa, oleh gersang di tanah jemur terhidu Nabi bau yang resah. Gelisah Baginda kerana, amat diketahui, perindu wangian utama dirinya.



Terlalu sibuk di tengah as-Suffah, tangan lesu sentiasa bekerja. Dan ketika remajanya luar biasa rajin Fatimah di tengah khalayak yang lara kerana disedar dakwah Nabi amat disokong, maka membantunya kuat ia. Abbas mengirim Abu Rafi', dan Khaulah, janda Uthman bin Ma'zun, berbakti di tengah khalayak Madinah. Fatimah yang telah isteri, dengan Ali, suami mengerti seiring mereka berkhidmat. As-Suffah mempunyai sejadah luas dan tangan membantu, tidak terpinggir mereka. Bulan dan awan sama ditengung, bersyukur dalam doa, tulus dan ghairah kerja mereka.

Tidak selalu terbawa, tapi pada saat berfikir, oleh lara hidup dan tulus cinta, Fatimah berfikir tentang khalayak, khusus nasib as-Suffah. Diberikan hati penuh, direlakan tangan lebih, badan lemah ditegap. Sesekali, bersembunyi dari ayah dan suami bertanya ia erti segala. Terkadang dinampak Abu Rafi', terkadang dikesan Khaulah, cepat dilindungi resahnya, letih yang rela. Di rumah tugasnya isteri, syukur dibantu suami mengerti. Menggiling jagung ia, mengangkat air Ali, sama seiring meringan hidup. Dan dikisahkan ini sebelum tidur mereka berdua.

Amat diyakin rentaknya, boleh dihurai dan ditapis, dan Ali, suami yang belas meneliti isteri, pada detik damai dan selesa, cermat menyaran mengapa tidak ditemui Nabi, diperjelas masalah kecil, dipinta timbang seada. Mungkin oleh sedar beratnya tugas di tengah as-Suffah melimpah; mungkin wajar ditimbangan seorang hamba sederhana, maklum telah terkelupas tapak Fatimah, dan Ali, telah berkali pula sakit dadanya. Berkira paling tenang, menunggu saat serasi, kepada Nabi Fatimah pergi. Tapi, setelah salam kudus, terbisu saja dirinya, tak terucap hajatnya.



Dalam kerlap-kerlip sinar, waktu galak berkejar, dan beban sarat di bahu, berfikir, menimbang, Fatimah dan Ali sepakat dikhabar resah kepada Nabi. Ayahanda ketua keluarga dan ummah sesamar mana tetap dimengerti, cuma, dalam gugup tak terucap niat. Apakah ketar lalu bakal berulang? Wajar memang diharap sayang walau janggal kerana segan, sebab, lebih besar beban Nabi dibantu wajarnya. Kali ini Ali berjanji, suami yang sedar ketar isteri, ditawarkan meneguh semangat, tapi masih Fatimah yang perlu bercakap. Maka tenang menjelang pagi, tidak berhelah, mereka berdua telah sekata.

Dan semasa menghadapi Nabi seperti telah terterka hajat, amat perenung Nabi. Tapi, suara Fatimah digalak mengalir, dibiar malam mengejar pagi, dibiar tersedak ribut gurun. Dan, dalam tenang dihadapnya anak dan menantu, dibaca rahsia ke akar niat, keruh suasana terjelas. Benar, beberapa hamba milik Baginda. Benar juga sulit hidup terdera, tapi, disedar segala pati kehidupan. Bertegas Nabi, demi Fatimah, tak bakal diberi sebarang hamba kerana diyakin meringan satu meluka yang lain. Yang serasi dan dijanji sebanyak hamba bakal dijual, dan seluruh pendapatan agihan demi kebajikan.

Walau tak terenggam dalam tangan, tetap berisi huraian. Dan Ali masih sakit di dada serta Fatimah masih pedih di tangan, terasuh sabar dari nasihat, suara insaf yang mujarab. Sepanjang langkah ke rumah, jernih berfikir suami isteri dibimbing pesan berhemah. Dan resah lena malam termimpi kunjungan tamu, seperti didengar Nabi memohon dibenar ke dalam rumah kerana membawa pesan manfaat. Setelah lama damai dan tenang, mengaku Nabi, Jibril pernah menyampai surah, merangsang memuji dan mensyukuri pemberian Ilahi, lalu, dalam syahdu, ayat terpilih dijelaskan.



Diri dirasa beransur tua, dalam jimat pandang sayang anak diyakin permata. Nabi merasa kasih amat berakar. Setiap dilihat kibar khemah, ombak atau enjutan kafilah; setiap menyaksi salam teman, tulus dalam jemaah, terkadang amat sayu dirasakan kerana rindu ke anak. Dihajat jauh ke dalam diri selepas jemaah dan doa, biasanya, ketika malam yang lena, teringat baginda Fatimah, puterinya. Tidak diucap segarang suara, tapi, dalam bisik, amat tersaring, masih ke anak. Memang jauh dirasa rumah Fatimah, demi keluarga, kini dirasa, amat elok jika dapat berjiran di sisi anaknya.

Khabar sepi banyak lidahnya dan ramai cukup mengerti. Dari bibir ke hati tersingkap khabar keluarga, khusus kasih ayah akan anaknya. Menjengah ke tengah khalayak, bercakap sesama teman, seperti didengar decip burung girang melayan anak. Ke telinga Harithah, saudara mengerti, terdengar kisah resah. Memang berada orangnya, juga mudah perasa, maka ditafsir khabar seerat nadi. Di antara banyak rumahnya, sebuah kebetulan agak berhampiran. Dibisikkan penuh berhema, disampaikan tawarannya, bersyukurlah Nabi budi Harithah, tidak ditolak tawaran bertuah begini.

Girangnya benar bersebab, sebabnya segar berakar, kerana, di tengah ummah mula terlihat tumbuh pohon bakti, rendang dan belas. Di tengah Madinah yang masih resah bererti sungguh pohon begini. Dan setelah berjiran ayah dan anak, tiada dinding bincang dan saran, dirunding tulus dalam keluarga. Amat selesa, maka kedua ayah dan puteri cepat menjadi angin serasi ke tengah ummah, khusus di tengah as-Suffah, harum tiupannya. Fatimah, walau tak mendapat hamba dipinta, tetap difaham waras tindakan ayahnya. Dan Ali, suami pendorong yang rajin, turut merasa bahagia nikmat keluarga.



Tidak terpikil kesemuanya walau renung dan amal, dibina, disedia, paling membantu. Sahabat setia berbahagi tugas, bersandar tidak tumbang, berpisah tidak renggang. Selama di Madinah setelah Badar, sentiasa ditapis ribut, ditangkis ketika liar, didapak ketika sabar, dan salam, setelah setiap jemaah, hidup dalam syukur, beringat, malah menegur. Kerana tidak diam musyrikin Quraisy, jarang jujur Yahudi Qainuqa', walau tidak lagi di Madinah. Kerana serong kaum munafik, tidak Nabi berdiri setempat, memandang dan menimbang gerak bertindak, cekal berjaga.

Menapisnya terlalu cermat, bercakap serentak mengukur, banyak teman, dalam hiruk dan sepi, ditimbang berat ringannya. Dan Nabi tinggi harap kepada Abu Lubabah, dipandang bertimbang tokoh, senyum selesa dan tutur, setiap kata dan irama, seperti telah ditempah. Wajar, makanya, ketika di Badar Abu Lubabah cermat terpilih, dan dengan percaya ke inti, Nabi memerintahnya kembali ke Madinah, berjaga seaman biasa, bertindak sebijak wira. Kerana Madinah kota muslimin terlalu mengharap watak berhemah, kuasa bersopan, tindak waras, maka dipilihlah Abu Lubabah.

Tapi, cepat terluka kalbu yang damai, berita khuatir mendadak tiba, Nabi berhemah, percaya penuh, kagum dan gamam, kerana yang dipupuk dan dipercaya telah berubah dari manusia. Abu Lubabah wakil Nabi di Madinah menggugah khalayak. Dinampak hanya yang jauh, dan ditimbang kurang saksama. Dan bongkak menjadi sendi wajanya hampir tiba-tiba. Tersentak Nabi, selepas syahdu berdoa, mendadak hadir yatim terdera, tunduk dan sedu, berkisah gelagat Abu Lubabah yang menafi pokok miliknya. Kepada Nabi setelah didedah dusta dan helah, dipinta neraca adilnya.





Fahamnya paling mengerti, berhitung berkira, dan Nabi amat percaya Abu Lubabah dapat adil dan perasa, ketua yang baik di Madinah. Agak di puncak diletakkan, diam akan damai, dan begitulah kiranya, tapi, pada ketika tiada terduga saat seorang yang teraniaya, tak disangka cekal dan kerasnya Abu Lubabah, mengadili secaranya, dan pohon kurma tunggal dan subur tuntutan anak yang begitu yatim tak sedikit pun tergugah, tak terhurai malah, tak sedia dikembalikan, berlakulah hitung yang disanggah, kepada Nabi mengadunya yatim lara.

Nabi menghalusi paras pengalaman, keadilan bersih benar di sanubari dan dari sudut mana pun dipandang dan dikira berpihak Nabi seikhlasnya pada Abu Lubabah, dan wakil penjaga Madinah ini kerasnya seluruh nadi, dipegang yang diputuskan, dimiliki tak bakal terbelah, pohon kurma, katanya, dan padanya, hak yang padu, suara lain tiadakan bererti lagi. Lalu terpercik masalah, keadilan dan keazaman separas saja ditarah, mempersulit Nabi yang lembut dan mengerti, luka hati yang disimpan pertimbangan dan pujukan kepada Abu Lubabah, senyum terlalu luka.

Berkira Nabi, resah yang luar biasa, kerana, semakin dirasa, ada sesuatu, biar benar, tetap melukainya, kerana anak yatim yang amat berharap kini seperti terasa tak dibela, dan, dalam tenang dan syahdu, Nabi, teramat damai berkira, mengharapkan faham dari sanubari, lalu pada Abu Lubabah, dengan tenang dan hasrat, Nabi menyebut niat Baginda dapat kiranya pohon kurma tunggal yang subur, sebagai hadiah baginya; cekal dibayangkan niat, tidak padanya diperlihara pohon, kepada yatim yang amat terluka ingin dikembalikannya, alam dijangka akan lebih cerah.



Tidak direstui Abu Lubabah, pohon tunggal pasti miliknya, tetap dibiarkan tumbuh di tempat asalnya. Hasrat dan niat Nabi seperti ditimbang, dimengerti, tapi, hati percaya hak padanya, Abu Lubabah maka enggan memberi dan mengalah; luka yatim, duka Nabi, seperti dibiarkan parah. Tapi, Nabi yang luas ufuk fikiran, jalan sulit dan duka sabar direnung hingga ke hujung, dinampak tetap percik cahaya, jika Abu Lubabah sengaja tak ternampak bayang syurga melalui pengorbanannya, pasti yang lain ada; lalu dijelas hurai yang inti, dipercayai masih ada yang merindui syurga.

Dalam diam senja berlalu malam merangkak, Nabi merenung orang mengerti. Dan pintu terbuka, sinar lembut merayap dari hati, dan Nabi merapati Thabit bin Dahdahah, berkisah tentang erti korban dan keadilan, diperjelas pelbagai jalur melihat bayangan syurga, malah menghayatinya, dan manusia inilah, yang dalam faham dan ingin berbakti bertanya hemah kepada Nabi, jika dibelinya pohon kurma tunggal yang subur, dan jika dihadiahkan kepada yatim yang sedang luka, bakal tercecah syurga baginya? Benar, kata Nabi, lalu ditawarkan pohon khas itu berganti seladang kurma.

Langit seperti terlalu bercahaya, suasana tiba-tiba terdengar bisiknyanya, dan yang didengar hanya yang ikhlas dan berhemah, lalu tawaran itu terlalu besar untuk dihindar, teramat berharga bagi insan Abu Lubabah! Terlihat ladang padatnya kurma, apalah erti pohon tunggal bagi si yatim. Sekilat disetujui Abu Lubabah, cepat dimeterai Thabit bin Dahdahah, lalu hasrat Nabi yang kudus, dan duka Baginda yang bermula, tersembuh segera kerana kini peristiwa keadilan bagi yatim lara terselesai sudah, dan Nabi, dalam diam khususnya, tersayat benar gelagat Abu Lubabah.



Kisah berkembang, malam dan siang di Madinah, uji yang berlarut, semakin Nabi ternampak amat bercabang ragam laku dan debar manusia. Lalu semakin bertimbang, semakin merenung, jauh ke dalam yang ditampak. Tidak mungkin lagi, serentak diterima, serentak disetujui, tidak juga wajar sedetik disimpulkan. Nabi semakin membaca gerak dan warna buana, bisik dan gelagat manusia. Mencari tidak terdapat, menghindar juga tidak menguntungkan, maka dijengah langit dibaca bumi, disaring setiap decip dan bisik makhluk, alam Madinah, dalam gusarnya, perlu cepat dewasa.

Dari jauh dan dekat terkibar panji-panji musuh, megah dan mengancam. Berhati-hati Nabi, menilai kemenangan lalu, mencari kekuatan baru, kerana setiap kafilah yang terimbas, setiap khemah yang dilalui sentiasa terdengar bisik geram, suara kacau dari Makkah, berkepul dalam api, menjilir-jelir dalam khayalan. Dan terasa bahang dalam gelegak kenyataan. Masjid dan azan, jemaah dan iman, di tengahnya sentiasa dicari kedamaian, dan berbisik melalui hati, bersalam sama sejiwa, Nabi meneliti rakan, mentafsir musuh, kerana telah terdengar racun bisik yang amat melawan.

Gelagat Abu Lubabah, kecekalan dan keanehan sikap peribadi dan halobanya mengajar Nabi berduka ada hemahnya, jika ditemui watak suram, dibacanya. Gelagat Ibn ad-Dahdahah mempercayai syurga dan menolak nafsu haloba mengajar Nabi bersyukur bahawa dalam gelita ragam laku masih bercahaya dan percik warnanya yang aneka dari setiap rahsia gua dan dataran gersang ingin dihimpunkan menjadi nyala rasa dan kebijaksanaan yang tinggi yang terlalu dan semakin perlu dalam kocak dan kacau jejeran khabar bahawa para mungkar dari Makkah sedang dirancang menggempur ke Madinah.



Betapa pun, baiknya berita membatasi gerak Quraisy masih paling sengsara kerana pintar lidah, kesan fitnah, Sulaim dan Ghatfan dipengaruhinya, dan Nabi, cekal dan teliti, cergas menghantar bara isyarat, bergerak dengan perisai, bertindak serba menguji, berhati Nabi merancang tapak. Semakin berkembang khabar, terkembang payung berani, dan terhimpun jiran setekad, memberi tangan dan hati seikhlas, berjanji santun sekudus, hingga kuat ikatan kaum Juhainah dengan teman Madinah, memercik amaran dan menghimpun rintangan menyukarkan alir kafilah Makkah untuk ke Syria.

Tidak selari setiap tindak, nafas berkejar dengan debar, dan tidak seragam setiap kata, jatuh dan bangun langkah menyanggah begitu cekal garang berisi, begitu jitu sergah dan jerit, dalam bisu disengaja, menang kalah teradat, teradat, dan pada tapak gerombolan Muharib dengan bantuan seorang Tha'labah terhidu menang dalam perit, tanah dataran cepat tersukat, dan dalam hujan mengejut amat mendera kuyup Nabi olehnya, menyidai pakaian secermatnya. Dan menanti kering di bawah ranting, oleh letih sejenak, tertidurlah Baginda. Tiba-tiba tersentak sedar Baginda, berkalut rasa, berdiri musuh di hadapannya.

Ketua Muharib, sang Da'thur rupanya, yang meneliti dan mengukur setiap gerak, membanci setiap bahaya, dan kini, dalam santai yang terlalu yakin ia berdiri, megah menghunus pedang, merenung dan mengejek Nabi sepenuh dendamnya, dan berkira tanpa menghitung, dan percaya di luar sangsi, hampir menjerit ia kepada Nabi yang sentiasa tenang dalam gelora gelegak bahaya yang berbara. Bertanyalah sang Da'thur yang bertambah megah, terbeliak menguji keliling terlihat hanya dirinya, dan dengan kasar dan yakin mengulangi tanya darurat: Siapakah yang dapat, dan sedia, melindungi Nabi dalam bahaya seburuk itu?



Pantas, yakin, jelas – suara Nabi bersih yang khusus dan singkat berkata: “Allah”, dan hampir serentak terkerlip hadir Jibril dalam putih jubah di antara mereka berdirinya, disergah dada Da'thur yang amat bongkak, terlurut pedang yang tajam, disambut Nabi dengan cekalnya, dan pada detik ghaibnya Jibril, dan pada sangka yang paling payah terkikis, tersedarlah Da'thur seperti terlihat benar ia akan bidadari, terkerlip ada kini tiada. Serentak juga didengarnya tanya Nabi yang kini pedang sudah di tangannya: Siapa bakal menyelamatkanmu? Dengan menyerah dijawab: Tiada kan siapa.

Berubah suasana hampir tiba-tiba seperti angin amat lembut, seperti cahaya amat mesra, berdiri kini lain ertinya, dan tiada gagap tiada gementar, seperti pantas, yakin, jelas – suara Da'thur kini bersih yang amat khusus dan singkat yang amat menyerah, mengakui, tiada Tuhan yang lain selain Allah, dan Muhammadlah yang telah amat menyentuh hatinya kini, tanpa geletar ia mengakui memang Nabilah pesuruh Allah – pantas, yakin dan jelas jawabnya. Di tangan dikembalikan pedang, dan Nabi berdiri di hadapan seterusnya, yang kini, suasana turut merestu, bakal diterima Baginda, Da'thur yang baru.

Alam merayakan khalayak ke khemah Da'thur, berbondonglah mereka semua. Lidah keras beransur lembut, hati degil bertukar jinak, dan Da'thur diajari agama yang syahdu, merujuk ke detik bumi, mendengar yang amat batin, menilai setiap yang terlihat, menyaring demi kudus rasa, dan dari daun yang gugur serta mega yang berarak rahsia, atau angin yang dalam ghaib berkata, semua didengar dan disaring senikmatnya, dan Da'thur, manusia pedang yang pernah bongkak, berubah dari rambut ke kaki, menjadi pengikut berhemah, kemenangan bagi ummah di tengah kafilah di tengah khemah.



Teguh dan padu pada Nabi, tapi suasana dan suara tetap dihalusi, kerana, dalam setiap detik, tapak yang didengar, nafas megah, berita yang tiba semakin merujuk marah pemimpin-pemimpin di Makkah, dan dihantar bara, nyala yang berang dan geram selepas tertimbus jalan selesa ke Syria. Quraisy mendengar hanya suaranya, mencemuh setiap tenaga di Madinah. Bersabar dan bersedia, jalan jauh yang dirancang, Nabi dan pasukannya menuju Syaikhhan dalam rentak separas dan kibaran bendera yang gah, dengan mata mencari, hati menyukat, telinga mendengar dan nafas cergas.

Selepas azan, selesai berjemaah, di Syaikhhan, dalam khushyuk, gerak bersedia dalam asas bertanya dan tapak menguji, Nabi memeriksa ahli barisannya, mengenal yang lama, mengesan yang baru, dan tiba-tiba di antara lasykarnya menyelip lapan remaja, gah dan bersedia, untuk bertarung di medan darah. Merenung Nabi, berkira Baginda di hadapannya, antara anak dua perwira – Usamah waris Zaya dan Abdullah perwira Omar, damai dan cergas mereka, di tengah barisan mereka yang dewasa, keduanya tiga belas usianya, berani dan bersedia yang luar biasa, tergamam dan bangga sejenak Nabi melihatnya.

Dihargai keperwiraan dan disanjung keberanian, tapi kedua mereka dikira belum ranumnya, tenaga dan fikirnya, dan hanya Rafi' yang pakar memanah diserapkan ke dalam pasukan, anak-anak selebihnya menangis amat luka. Tapi, begitu disusun barisan waja, kemenangan ingin diulangi dan kini Uhud rentak dan nafas yang baru, jengkal panah dan kerlip pedang diikat biar sehati, kerana dijangka, malah dipercayai, di Uhud ujian lebih rahsia; kemenangan yang dirancang, nyawa yang dihargai, setiap langkah jela berkira, ditambah anggota menambah tenaga dipupuk asas lebih perkas.



Tidak dipikat secara paksa, tapi di Madinah pengantin baru pun bersedia; Jamilah di ambang isteri, melepaskan suami selepas solat bersama, paling mereka percaya hemah dan hasrat perlu seganding, hidup dan mati anugerah Allah; dan demi agama, demi Nabi bangun perwira sedia bernikmat sejenak berkorban selama, demikian tulus hadirnya Hanzalah. Melambai tangan sebelum subuh, cahaya bakti terpancar sedikit, dan di tengah gagah barisan bergeraklah mereka meninggalkan Syaikhkan bersedia melawan dan menentang, malang, wujud keretakan dalam barisan.

Seperti tersimbah pasir, dalam gelap suara berlanggar, suara tengkar Ibn Ubai. Terlepas lipan-lipan ragu, dan berkersik di atas pasir, tiga ratus anggota munafik berpaling, berkisar, berundur dari barisan. Amat rahsia mungkin, dan tak bersemuka Ibn Ubai dengan Nabi. Kersik barisan yang berkurang, tujuh ratus ahli baki bersemangat dan hentak kaki dan garau suara, tidak menyembunyikan keraguan. Mereka, dalam gerak yang perkasa, menjulangkan semangat erti berjuang. Nabi meneliti mereka, titis air mata yang amat bahagia, juga bangga.

Pemanah yang pakar Nabi himpulkan, terdekat antaranya Zaid dan Saib. Lima puluh yang lain diberi arahan, menghinggap di tempat yang serasi. Arahan juga kepada penggempur, dan dicurahkan semangat amat barbara, dan, dengan mata dan suara yakin, diingatkan setenang bulan agar setiap ahli, betapa perit dan betapa luka, tetap berdiri di tempat tentu, melawan tanpa gusar, bertindak sepadu rentak, biar dalam arus dan hujan panah dan pedang semangat Badar wajar dihidupkan; jika gugur setiap wira, menempatkan tempat suci syurga bagi setiap pejuang.



Bukan sembarangan pedang pada Nabi, alam berkata dulu akan hikmatnya, dan Nabi yang telah bersedia dalam pakaian tempurnya, masih meneliti perwira yang bersemangat di tengah Baginda. Mengangkat pedang pemula semangat, Nabi, meneliti lagi perwira, dari mata menguji mula bertanya siapakah bakal sedia menerima pedang dengan segala ragam rentaknya? Umar yang cepat menyambut, datang hampir, menadah tangan mengharap pedang. Seperti tak terlihat, mata Nabi ke arah lain, dan diulangi tanyanya siapakah bakal sedia menerima pedang dengan segala ragam rentaknya?

Giliran Zubair menyambut cabaran, suaranya yakin lelaki yang padu, berhadap mata tanpa kerlip, tangan terhulur sasa, suara menerima gagah. Tapi, masih seperti sengaja dikenal awal tangan terpilih, diteliti, dan tak bersambut pertanyaan kerana terlalu diduga seperti awalnya juga. Nabi berpaling ke arah lain, menyipi pandang, mencari arah bertanya siapakah bakal sedia menerima pedang dengan segala ragam rentaknya? Abu Dujanah wakil keluarga Khazraj tegas, besar dan cekal suaranya menjawab ia menerima cabaran, terbuka tangannya amat luas dan gagah.

Seperti terancang, sudah di dalam hati, dan seperti terlalu selesa, ke arah Abu Dujanah Nabi memandang, terpancar sinar dari matanya, senyum yakin mempengaruhi suasana, khalayak mencari erti segalanya. Nabi tahu penyambut pedang manusia yang perkasa, serban merahnyah, bayangan dan pancaran semangat berjuang, bayangan maut sedia diterima, dan kepadanya Nabi serahkan pedang di tengah khalayak yang amat ghairah memandang, dan di sisi pejuang yang amat akur keputusan. Dan bersedia semuanya, dalam faham dan janji, mereka bersatu bergerak ke medan juang.





Dalam perjalanan yang seram, gurun bersuara peribadi, berkibar panji, setiap pejuang dalam khusyuknya, bermain dengan khayalan, mencari kisah dan isyarat lama, dan pada setengah-setengahnya, seperti terkerlip wajah Abu Jahal penyala api, seperti ternampak wajah Abu Talib, insan yang tenang memahami tofan di dalam diri. Kembali segala pergeseran, dan kembali juga segala kegusaran, dan kafilah yang bergerak ke medan kini bertapak dengan keberanian, dan khalayak yang bersendiri, dengan mata dan hati yang rahsia, membiarkan Nabi dalam khusyuknya yang peribadi.

Kepada mereka yang pernah di Badar, kerlip kenangan amat mencabar. Seperti didengar jerit dan lolong, dinampak kolam yang pekat berdarah. Seperti dilihat Abu Jahal yang bongkak, seperti berada Abdullah bin Mas'ud, dan seperti sedang terpercik angkara mereka – Abdullah api yang menyala, Abu Jahal pencabar yang murka – sedang bertarung di tingkat akhir. Dan, dalam kafilah yang sedang bergerak, di antaranya ada yang nampak dalam khayalan yang jelas bagaimana berdesir terasa darah, bagaimana Abdullah memijak leher musuhnya, bagaimana dipenggal kepala lawannya.

Semangat itu yang sedang dibarakan, hidup dalam khayalan sendiri-sendiri, dan kini, dalam barisan mengarah ke Uhud, perang baru sedang menyala, kerana musuh dan pemungkir dari Makkah menghimpun dendam dan marahnya, seperti lebih bersedia mereka, dalam jumlah dan garang suara, mereka datang sederap dalam murka yang tiada bandingnya, dan di tengah mereka, bakal hadir Abu Jahal – Abu Jahal baru, sengaja gemar mencerca, dan dalam dengki amat tajam, tidak bakal dibiarkan khalayak Madinah, dalam detik setenang mana pun, bakal terjadi gempur menggempur, bakal tertumpah marah.



Dan telah berada mereka di tengah medan, gurun yang menjerit kasar, kebisingan paling memuncak, suara ghairah dan murka, resah tapak unta, terkejut-kejut anak panah, gemereng geselan pedang, dan sekawan unggas berselerak terbang dalam kepulan awan yang sengaja terdiam. Berkembang cepat debu di celah-celah tapak perwira, menanti bermula saat marah. Seketika telah terbangun sinar mentari, panas bertanya dalam warna, berbahang dengan kata, kasar dan mengerah, akan meledak dendam dan keyakinan, akan menang dengan darah dan akan kalah dengan nisan.

Tangan-tangan Quraisy terketar, resah terlalu luar biasa dan menajam marah; ketap gigi debar dada semakin kencang berlumba, memuncak melayan nafsu. Dan dalam barisan kentalnya, telah teratur dua barisan, Khalid tampak meneraju di kiri, dan dikanan, sama gagah, 'Ikrimah tampak amat marah. Mereka waris dari Walid dan Abu Jahal, membawa api dari Badar ke Uhud, dan mereka nyata dendam yang dilanjutkan, membuak darah melimpah darah. Dan ditengah, dalam getir yang tajam, geram menyala, menunggu Abu Sufian dari mulutnya, terhembus nafas kasar, dan dari lidah racunnya sedia amarah.

Bakal berkepul debu dan panas akan lebih menggigit mengiringi bendera yang sebentar berombak sebentar terkuncup, dan di dalamnya peluh dan darah seperti sudah tersimbah. Masing-masing menanti mengawal debar diri, berkawan dengan pedang, berteman dengan panah, terlonjak atas unta. Khalid, 'Ikrimah dan Abu Sufian dengan kening mengancam dinanti isyaratnya. Berkisarlah pusaran keraguan, mimpi yang terambil dari sejarah kalah, menambahkan ribut terbengis selepas medan di Badar, dan segala mula berjaga, menyukat dan menguji tenaga, kerana kali ini kemenangan dijangka.



Barisan Nabi, kecil yang terjangkau, berbekal dengan kecekalan diri, menghadapi musuh amat durjana. Dari awal, dengan sabar dan cekal, telah diasuh untuk bertenang, melawan pada detik menggesa, berjimat dengan langkah, berhitung dengan tenaga. Dan berdepan dengan 'Ikrimah, Khalid dan Abu Sufian, barisan Nabi sedar mereka berdepan dengan syaitan. Mereka bermula dengan doa, barisan musuh bermula dengan cerca, dan sebentar saja terasa bara yang menyala, terdengar pedang dan anak panah seperti mula sama-sama bersuara di tengah gurun dalam panas mencabar.

Oleh marahnya, barisan kaum munafik Makkah, dibantu Yahudi di Madinah, berpesta dengan lebih bersedia, menangkuk pada setiap peluang, mengupas pada yang lemah, melanggar perjanjian yang ada. Dan kini, di medan yang keras, dalam barisan yang berhadap, sudah bermula suasana geletar, dikecohkan tapak-tapak unta yang gelisah, dimarakkan oleh gesel pedang dan panah, dan Khalid, 'Ikrimah dan Abu Sufian, sudah terketar tangannya, menanti saat berlaga. Nabi mengawasi barisannya dengan damai dan doa, dan amat percaya jumlahnya yang kecil dengan hati yang besar, bersedia.

Pasukan muslimin lebih awal tiba di dataran Uhud, letih tapi bersemangat. Langkah awal tapak bersedia, cepat mengenal lekuk dan datar, cepat faham kawasan sekitar. Dan dari awal bergerak, pesan Nabi sentiasa sama, jangan bermula marah, jangan bertindak berang, sebelum pasukan Quraisy memulakan. Dan Nabi yang mengerti, pengalaman yang lama, diukur dulu setiap tempat. Dan ternampak kawasan berbukit, mata Nabi terarah ke pasukan pemanahnya. Abdullah bin Zubair cepat diarah mengetuai lima puluh orang pemanahnya, bersedia mereka di lereng bukit, tajam mata dan anak panah, berjaga-jaga.



Dan kini tempat bertahan telah ditentu, barisan terkuat paras berbahagi, lawan yang besar diri yang kecil tidak tergentar bersemuka sedekatnya. Nyala marah disaran ditentang air sabar, dan setiap anggota barisan Nabi, dalam cekal menanti arahan, walau disergah musuh yang ramai, tetap tenang dan berjaga. Dan saat berjaga tercetus cemar kerana barisan Quraisy memang mendendam, tiba-tiba memulakan bingar. Dan segera ternampak Talhah bin Abu Talhah bergerak berang merempuh barisan, terjulur pedang, garang dan sombong dirinya, tapi lebih pantas pedang Ali bin Abu Talib.

Damai dan senang Nabi melihat perwiranya, Ali yang menantu, terkenal sebagai "Zul Faqar" telah menewaskan musuhnya, Talhah. Dan suasana nyala memberangsang, pedang dan panah berbalahan, unta dan kuda keras merengkek, dan suara manusia paling ke puncak, jerit marah dan raung kalah tiba-tiba berbaur; dan dalam detik yang sukar diduga, darah demi darah menitis dan mencurah; dan tanah dalam keputulan debu, mulai basah olehnya. Uhud mula dengan kekacauan, gamam dan gusar menyelimutinya, dan hingar dan dengus manusia, di puncak-puncak marah, terdengar seperti hewan juga.

Menentang musuh, Nabi sempat menyaksikan perwira-perwiranya. Tiga wira berlawan segar, menghidupkan pedang dan langkah dalam segar luar biasa. Abu Dujanah yang berikat kain merah di kepalanya, tangkas dan nekad menentang musuhnya. Tidak jauh di sisinya, hampir sebaris dan serentak, Ali bin Abu Talib dan Hamzah bin Abdul Muttalib sama perkasanya. Tapi, medan perang menuntut maut, lawan yang menghirup waktu dan nyawa. Gugur awal Mus'ab bin 'Umair r.a., bakal tumbang tiang benderanya, sebelum disambut dan dijulung yang lain. Amat dahsyat pertarungan.



Kasar setiap nafas, berkira masih kesemua, dan dendam merayap merah. Dua baris gagah, dua keyakinan bersanggah, dua kuasa berhadap, dan Nabi dengan tujuh ratus perwira, dan Abu Sufian tiga ribu ahlinya bersedia sambil berhelah, menanti sambil menguji, sedang terik panas mentari yang gelisah dan awan yang gusar, memercik gelegak setiap detik sama menanti medan darah, lebih besar dari Badar atau lebih berangnya, lebih bengis di antara dua pasukan dalam setiap langkah helahnya, kini memang saat menanti, semua jiwa bakal berharga luka atau mati.

Nabi meneliti wira-wiranya, gah yang panjang, harapan ke hujung hari. Bakal pahlawan syahid sebahagiannya, pedang bersuara panah menerkam, dan dalam hujan jerit dan senjata Nabi bayangkan perwira tiga: Ali bin Abu Talib, Hamzah bin Abdul Muttalib dan Abu Dujanah. Mereka amat bersedia, dan kini mereka menggempur musuh dajalnya, rempuh yang nekad, kisar yang cergas, dalam panah pedang meradang pemegang panji musyrikin sasaran utama, sembilan sekali ditumbangkan, pedang Ali, Hamzah dan Dujanah telah memakan mangsa yang awal.

Amat menyinar seorang pertama, langkah dan lagak begitu tepat selesa, kumpulan kecil besar semangatnya, dan terbayang kemenangan utama, sehingga terkerlip robek dalam tindak, kerana setia mudah dipatahkan, di lereng gunung tertentu, tiga regu pemanah yang dijanji, amat alpa degan sorak dan gugurnya musuh di tangan Ali, Hamzah dan Dujanah; disangka mereka telah di tangan kemenangan hakiki, lalu tergerak lain di hati mereka, khazanah berselerak menjadi hasrat dan kegilaannya, lalu dalam selerak mayat mereka tinggalkan kubu ke harta diserbu.



Tidak mereka belajar hikmah awal tersia-sia, mereka anak-anak biasa. Mula teriras gusar Nabi, radangnya dijernihkan, suaranya penuh tanya, dan dengan kkuatir yang terlindung tak tersampai jerit Baginda, kerana tiga regu pemanah sudah berselerak di tengah medan, mula mengutip harta, dan lengang dan rongak kawasan kubu, mata musuh mengarah ke situ, dan, seperti diduga, setiap langkah dan jerit megah, terdengar milik lawan. Mengapa terlalu awal alpanya regu pemanah yang diamanahkan, dan mengapa terlalu singkat jadinya fikir, terlalu haloba jadinya diri?

Terkerlip keruntuhan pertama, semangat Badar amat meluntur, dan Nabi, dalam pedih yang amat luka, berbisik dalam hati, mendoakan nasib wiranya, sambil menyaksikan musuh seperti sudah pun berpesta di tengah darah. Berteriak Abdullah bin Zubair, diingatkan pentingnya kubu di lereng, diperintah cepat kembali ke kubu, tapi, tiga regu pemanah yang alpa, semakin ke tengah langkah mereka, semakin bertimbun harta rampasannya. Dan dalam mabuknya menghimpun harta, beban berat menghayangkan, gemuruh terdengar tapak unta dan kuda, menyerang musuh dengan liarnya.

Gemuruh yang semakin bergelombang, kisar dan kepul debu menyedakkan, dan dari tengah kegusaran dan jerit perang, mendadak muncul kuda-kuda, dan dalam gerombolan yang ternyata gagah, di hadapannya wira Quraisy seperti amat girang ketawa, seperti terlalu mudah mengalahkan musuhnya. Dan paling di depan Nabi ternampak imbas Khalid bin al-Walid meraja, dialah penggempur paling utama, dialah pencilah paling mengerti, dan di lereng gunung yang kini kosong, disambar peluang amat utama, ditebas pasukan Nabi yang tersilap oleh alpanya, dan tertegaklah bendera Quraisy.



Awan juga seperti berselerak, angin menderu penuh rintihan, dan terasa dari segenap penjuru telah terisi dengan pedang dan panah yang kejam, dan telah menembus ramai pejuang muslimin yang, entah mengapa, alpa akan keadaan, tergoda oleh harta, tertipu oleh wajah, dan kini, makin didengar suara musyrikin Quraisy melengking menjerit langit, menebas tanpa belas, dan dalam gerombolan kuda yang liar, masih terlihat Khalid, penuh sasa dan penuh percaya, inilah kemenangan paling utama; makin galak dan garang pedang dan kuda yang dikuasai merempuh musuhnya.

Mengertilah Nabi dalam pilunya, disaksikan kekalahan depan mata, dan hampir sedetik dirasakan terburailah pasukan muslimin, tertinggal pedang, tersungkur kuda dan unta, berdarah di tanah gersang, membawa cerita paling mendukakan. Dan seperti sedetik juga lakunya, pasukan muslimin, lebih terkecai, berjuang hanya sendiri-sendiri, dan jatuh dan gugur, patah dan luka, jerit dan erang, seperti milik mereka saja, dan terasa bakal tiba kekalahan yang aib dari satu keyakinan yang luar biasa kini, oleh alpa regu pemanah, menukar kemenangan kepada kekalahan.

Dalam kekacauan amat memuncak, dalam keraguan yang tidak terjaga, ruang penuh jeritan baru konon telah mati pemimpin muslimin, konon Rasulullah s.a.w. diumum wafat. Suara pasukan musyrikin menjadi lebih puncak, jeritanya terisi ribuan racun, dan diulang berita wafatnya Muhammad s.a.w., mabuklah pasukan Khalid bin al-Walid, mengelegaklah kebanggaan mereka, dan dalam arus dan rempuh yang terlalu perkasa dihambatnya setiap wira muslimin, dan dengan geram paling garang, dikibasnya pedang marah, dan semakin ramailah gugur pejuang muslimin, betapa dahsyat malangnya.



Menajam dan genting medan yang kacau, darah membuak, dan langkah, sentiasa tergesa, meluaskan daerah derita. Semakin gusar barisan - muslimin yang retak dan musyrikin yang galak - menyalakan api buas, dan di tengahnya Nabi dalam bahaya, gerakannya dikesan dari setiap penjuru, bersilang dan meluru pedang dan panah Abu Dujanah cekal perisainya sehingga menderu datang batu yang besar dari musuh yang amat galak mengenai Nabi, dan tak terelak, terluka dahi Baginda dan patah gerahamnya. Abu Dujanah tak sempat menangkis, sempat mengesan 'Utbah, pelontar marah.

Betapa berselerak diri untuk Nabi sentiasa ada yang melindungi. Dalam payah dan resah, bertapak Nabi setelitinya, dan dengan lindung yang rapi mereka menuju tempat istirahat. Dari musuh masih rempuh, marak marah paling durjana, dan Nabi tanpa terjangkau terperosok dirinya hampir ke dalam sebuah perangkap sempat diregang Ali bin Abu Talib, dengan payah luar biasa, dalam silang panah dan pedang, berkat bantuan dan cekal sahabat, Nabi sempat diangkat dari perangkap. Berpayah mereka meluru ke lereng gunung Uhud, berehat untuk merancang, berfikir lama.

Dan di tengah kelibat musuh nama Nabi masih ghairah disebut, dan Abu Sufian bin Harb masih mengulangi keyakinannya, Nabi mati, katanya. Bongkaknya menjalar dan menjulang, kemenangan paling berharga, dan di tengah khalayak musyrikin diumumkan sebangga diri, dalam khusyuk, diulangi kemenangan di Uhud jelas mengimbangi kekalahan di Badar. Mereka mempunyai muka baru, seperti dikata, mereka mempunyai maruah, yang kini terlalu dipercayai, bakal dipupuk menjadi berhala bangga, sementara dengan pedang masih diburunya tentera muslimin yang patah.





Di pihak muslimin langit yang panas memancarkan duka yang panjang. Nabi yang cedera, sepi tajam berfikir, renung dalam melihat, pilu yang menginsafkan, dan di tengah perwiranya yang kalah, tidak dipatahkan semangat mereka. Dalam bahasa yang bersih, bisik yang terkadang garau, dijelaskan pelajaran yang pedih, dipinta timbang penuh syukur, diharap ingat menjadi perisai. Dan dalam pedih luka dan geraham yang berdenyut Nabi masih kurang percaya bagaimana regu pemanahnya mudah yakin telah menang barisan mereka, dan berkecah ghairah menghimpun harta.

Renungan dan tenungan mula dijernihkan, dan kilat pedang diteliti, dari jauh dilihat langit yang luka, awan yang seperti turut bertanya, dipatikan segalanya dari kekeruhan menjadi jernih, dari kekusaran menjadi tenang. Dan terimbas perlawanan luar biasa ketika di Badar, dicari setiap langkah menangnya, difikir dan diteliti dasar dan landasnya, betapa jumlah bukan hitungan, dan betapa kecekalan menjadi api, dan betapa matlamat dan kesepakatan menjadi senjata dan perisai, kemenangan yang amat mengajar dibandingkan dengan kekalahan Uhud.

Setelah bersih dan sunyi medan, dan setelah barisan musyrikin bersorak kemenangan, meninggalkan bangkai dan sisa harta, bermulalah Nabi mengetuai ummah yang tinggal, meneliti dan menilai kekalahan, mencari dan menguburkan yang mati, dan mendoakan kesejahteraan. Tujuh puluh yang terkira pahlawan syahid, jumlah besar yang menginsafkan, di samping jumlah besar yang membanggakan. Dan dengan payah dan patah, dalam doa penuh menyerah, Nabi bersyukur segala kejadian, kerana kekalahan masih banyak mengajar tentang kemenangan dan perlunya kewarasan.



Memang di merata-rata sengat, kesal yang payah, oleh cuai pemanah; sahabat diingatkan pelajaran yang perit, diambil biar ke sanubari. Perintah hikmah penjujung, mengikut tunggal yang jaya, dari nadi dan hati, dari fikir dan jantung, tak wajar ia sengaja disanggah. Istirahat menjernihkan diri, berfikir secara bersukat dan berkata secara berisi, dalam tenang yang baru di sisi sahabat yang jati berulang-alik hujah disaring, mata diukur ke paras kening yang gelisah – segala menjadi pelajaran, menjadi hikmah yang hemah, menjadi peribadi.

Malam datang bersama angin, kecewa bertitis menjadi embun, dan khemah dan kemudiannya kafilah mula gerak dengan derap yang sekali sama sekali berbeda. Bayangan dan imbasan teman-teman yang gugur, dengus dan erang mereka yang luka, terlalu didengar, dan amat cepat memercik peristiwa Uhud yang bertamsil, di kiri kanan, di depan dan di belakang tamsil itu seperti berkembang terapung dan seperti menjadi payung. Dan dalam dada setiap yang kalah, di tengah-tengah teman Rasulullah s.a.w. segala bertapak, merasa yang luka, memeluk yang hikmat, Uhud gurunya.

Madinah cepat mendengar khabar, renung dan tunduk sama melihat, dan setiap ahli ummah dijalarkan ajaran luar biasa, dihantar kisah dan pesan peperangan berkunci perintah, dan perintah bernadi setia, begitu patinya. Madinah cepat mengunyah khabar, malu yang sopan, kesal yang mengajar, mata Nabi hati ummah sama-sama akrab, tak berpandang dan tak bersuara pesanan terhantar dalam diam suasana, dan dari detik ke detik, khemah mula terisi suara, suara mula membenih pesan, pesan mula mendidik diri. Perang-perang di muka bakal mengira dan menghalusi perintah, bakal patuh.



Menang di Uhud menang di mata, musyirikin Quraisy masih kecewa kerana disangka maunya Nabi, dihebah begitu ghairah, bukan benar khabarnya. Malam dipenuhi mimpi kecewa, siang dirasuk khabar dusta, dan Thulaihah dan Salamah, dua beradik anak Khuwailid, paling luka, merancang ke Madinah. Bakal dicari Nabi, dihantar pedang atau panah, hasrat utama membunuhnya. Tidak pernah khabar terdiam, lidah Makkah terlalu nyaring, telinga Madinah amat mendengar, dan Nabi tercium rancangan Thulaihah, sokongan padu musyirikin Quraisy, dan Nabi, pintar dan tenang, berbalas merancang jua.

Dikumpul seratus lima puluh ahli, dan Abu Salamah putera Abdu Asad, ditugas memimpinya. Terlalu terang siang mencelik, Nabi merancang malam tindak bermula, dan dengan pintar dan waspada, gerombolan musuh dari Makkah cepat terkepung, keras diserang, bertempiran mereka. Betapa besar ertinya, selimut malam serang pagi, mengembalikan maruah dan kekalahan di Uhud berimbang segera, tapi tidak selesa dari Makkah. Panas semakin dinyalakan, benci berganda terhadap Nabi, dan Khalid, putera Sufian, bercakap keras, berhelah buas, ingin menyerang Madinah.

Khabar sentiasa ditapis, akar benar diteliti, bertemu baja yang dengki, tapi Nabi, perancang berkira, gerak berpeta, Abdullah bin Anis dihantarnya, terperangkap Khalid, melonjak bongkaknya, tidak tipis lidahnya, dan tidak dinafi hasratnya, ingin dicari Nabi dari segala sudut, dan, katanya, ingin dibunuhnya Baginda. Tapi yang bertanya dan yang menjawab sama berfikir, sama merancang. Abdullah, pintar tersembunyi, cerdas jati, sempat dipikatnya Khalid bin Sufian, berjaya didorongnya ke jalan lain, ketika tiba kawasan yang rahsia, dibunuhnya perancang yang durjana.



Bijaksana berada di dua pihak, jujur satu dengki satu, dan kaum Quraisy, dengki yang subur, belajar lembut dan berhelah, melatih lentur lidah. Dan, pada waktu selesa, ketika tiada tersangka, dipintanya hantarkan kumpulan dakwah, dinyatakan inginnya mendalami Islam dan al-Qur'an. Jujur menjadi dasar dan asas, hati Nabi amat memaaf, khabar didengar sungguh gembira, hajat ditimbang amat munasabah, lalu, atas ikhlas yang padu, demi agama yang syahdu, tidak terencat azam Baginda, segera dihantar enam sahabat demi mengembang Islam dan kitab yang suci.

Tapi, di tengah khalayak yang berpura-pura, 'Asim, Khubaib dan Zaid, cepat mengesan komplot berbahaya. Disedia panah dan pedang, disimpan penuh berjaga, dan pada ketika musuh berbelot, mereka berenam melawan, terperciklah pertarungan, melimpahlah darah, dan, kerana musuh bersedia, dari awal padat petanya, terbunuhlah tiga sahabat Nabi, dan tertawanlah tiga yang tak tahan melawan. Jangan kejam sengaja disediakan, dan Quraisy bertindak amat buas, dibunuhnya Abdullah bin Tariq; Zaid bin Dathnah dijadikannya hamba, dijual kepada ketua yang kejam, dan Khubaib juga.

Iktibar yang baru dipelajari lagi, lidah betapa lembut, boleh berhelah. Musyrikin Quraisy mempunyai banyak lidah, beda suaranya di mana-mana. Nabi berdamai dengan dirinya, hiba kerana kematian sahabat, tapi lebih matang di kalangan ummah, disebarkan cerita didasarkan hikmah, dan kini, setiap anjur dan saran, setiap senyum dan ketawa, jika dari Quraisy, betapa lemak dan lembut, betapa merendah dan mengalah, tidak dipercaya. Iktibar baru terlalu berharga, lembut lidah amat dicuriga, dan Nabi, kepada ummahnya dikata, bakal begitu hati Quraisy, bakal berjaga ummah.



Berantai degil dan dengki berlanjut, tidak ada kafilah yang damai. Di Madinah sentiasa tersebar fitnah, musyrikin Quraisy, penyebarinya. Tidak lagi terambil kata, berpusu segala berita, dan bijaksana masih berada di dua pihak di tengah khalayak yang berpura-pura. Setiap senja musyrikin Quraisy semakin mempunyai banyak lidah, dan diracun suasana. Tapi, dalam kacau yang resah, gerak dakwah Islam tetap bertenaga. Berlawan di sana sini, menang dan kalah sementara, dan pada Syawal keempat Hijrah, oleh tajam sanggahan Quraisy, meledak Perang Khandak.

Masih Yahudi di belakangnya, dan Nabi oleh pengalaman, amat tahu penyerbuan tentera Ahzab untuk meretakkan dakwah Islam wajar disanggah. Kota Madinah diserkup getetar yang baru, langit dan unggas diawasi ragu, dan empat ribu tenaga cepat terkumpul untuk bertahan, digali parit, dan di barat laut dataran Madinah parit lima ribu hasta dikerjakan, diperosok sedalam sepuluh hasta dan sembilan hasta dilebarkan. Perang yang diduga, tapi tergesa disedia, dan dalam cuaca terlalu dingin, bekalan makanan yang terbatas, perang lapar menjadi utama, ummah cekal menghadapinya.

Dan gemuruh datangnya, sepuluh ribu tentera Quraisy, derap yang gegar, merempuh menghala Madinah kota yang terpaksa dan terlalu bersabar. Tidak lagi setia Yahudi Quraizah, tidak dihargai janji untuk berdamai. Dalam gelegak minyak semakin tercurah bara, dan Nabi dan pengikutnya lebih ke dalam bahaya. Amat azab dan amat debar, berhari tentera Ahzab mengepung kota Madinah. 'Amru bin Abdu Wad garang mencabar, bongkak dan bentak suara, bertanya siapa sedia menghadapinya. Dan Rasulullah s.a.w. menghantar Ali bin Abu Talib, bermula bertarung suara, kemudian tenaga.



Jerit demikian bengis, pedang berlaga dalam gerak berjaga, detik panas meracau di antara mereka, dan pada detik garang dan dahsyat, terjulung pedang deras kelibat jatuh pada 'Amru yang alpa, sedetik gugur ia. Semakin racau di tengah khalayak, berburu dan memburu, dan perajurit berkuda di belakang 'Amru bin Abdu Wad, gegarnya jauh ke inti hati, dan dalam deras yang mengejut pahlawan dan kuda sama-sama berlari. Tapi, ramai pahlawan mengambil tempat, debu-debu disanggahnya dan ramai yang amat marah. Dalam debar marah pasukan Ahzab mengepung Madinah.

Perang banyak kejutan dari kiri dan kanan dan tiba-tiba Nu'man, wira Bani Ghatfan, melonjak ke dalam barisan di tengah khalayak muslim. Tak tersangka, dalam suara amat mesra, diberitahu Nabi dirinya Islam. Kini, dalam hasrat terlalu kudus, diserah dirinya untuk berbakti, dipinta arah apa saja, betapa bahaya, Nu'man bin Mas'ud, tetap rela. Amat syukur Nabi datangnya bantuan luar biasa, dan kepada wira baru disaran agar digagalkan musuh muslimin, dengan pintar dan hikmah, dengan muslihat cerdas dan cermat, Nu'man percikkan kegugupan musuh.

Senjata utamanya hanya lidah, pedang dibiarkan di pinggangnya, dengan mata dan tenung, kata-kata seperti hanyut di tengah kaum Quraisy, seperti terpercik menjadi bunga, dan seperti racun telah ada di dalamnya. Bisa kata terjalar kemudian ke tengah Bani Ghatfan pula sebelum merebak ke Yahudi Quraizah. Masih di pinggang pedangnya, dalam senyum rahsia di hati, Nu'man berjaya memercik ragu ke tengah khalayak musuh, dan dari kukuh bersatu mereka menjadi teman curiga, dan dari sedia berpadu mereka sudah mula bercangah. Nu'man benar-benar baktinya.



Betapa lemah, bercangah yang tajam, masih sempat dikepungnya Madinah. Perlawanan sama bersukat, tindak berkira bantah membantah, tiada tanda kalah, tiada bayang henti, meluru ke depan seketika, kembali surut, Quraisy dan muslimin sama berjaga, cekal dari kaki ke kepala, tangkas dari pedang ke panah. Tapi, sentiasa ada kekejutan yang diharap, dari gelita dijejak sinar, dan pada malam tak tersangka mendera-dera tofan tiba seperti perwira yang lain hembusannya mengejar musuh. Bertempiran kuda dan unta, pasukan Ahzab terkejut, gamam luar biasa.

Masing-masing merenung malam, bertanya dan mentafsirkan bayu gelita. Bukan derap kuda, juga bukan hujan senjata, ada kuasa amat rahsia menggoncang dada musuh muslimin, menggamamkan tindak dan arahnya. Dari Badar ke Uhud, dari perang-perang kecil yang merata, terkilat semula setiap peristiwa, dibaca semula erti rahsianya, dan bersama kuda dan unta, di tengah khemah atau dalam kafilah Abu Sufian tergigil menghadapi kuasa kurang difaham, mencari jawab yang kurang dijumpa, diakui keagalannya dan dituduh Bani Quraizah lencung dan mungkar.

Malam menjadi amat tenang, desir angin bukan tofan, unta dan kuda di sisi khemah, dan Nabi khusyuk dalam doanya, memahami bantuan yang amat rahsia di tengah kesulitan ummahnya. Terlalu panjang cabaran dari Quraisy yang durjana, terlalu memusuhi mereka dari awal Nabi berdakwah. Dan malam menjadi lebih syahdu, doa Nabi kudus terlalu, dibaca semula tamsil alam, dikaji peristiwa aneh, paling menyentuh, terlalu rahsia, dibaca ke dalam tofan mendadak, disedari bantuan siapa begitu besar, disyukuri rahmat dari Allah.



Dalam diri sadar ke inti yang dibiarkan jernih pada malam bertanya, saat pulang dirasakan sendiri, dalam diam, dicari warna-warna lalu, dan dengan penuh tanya, sejarah dan pengalaman dari awalnya, dan dengan amat insaf, dicari setiap kekalahan, ditanyakan erti dan iktibarnya. Teman dan sahabat, isteri dan anak-anak, mata mereka sentiasa menguji, melihat Nabi dalam pelbagai warna, dan seperti diketahui kepuasan dan kekecewaan Baginda. Alir dan arus rasa, dalam batin amat berkata-kata, dijangka barangkali sudah saatnya.

Gelora suasana dan ancaman bakal ada, dan khemah dalam kafilah, sebentar damai sebentar resah, bakal berlanjutan, sepi di tengah malam, saat berfikir yang dalam; gusar di tengah panas, saat bersedia yang cekal; dan Nabi merenung dan menilai setiap arus peristiwa, membaca dengan lebih sadar, dan menjawabnya dalam pelbagai rahsia. Detik sebaiknya untuk berpesan, langsung dan berhemah, Nabi mencari kata yang tepat, memungkah hasrat dari batinnya, dengan cermat mencari watak dan telinga di tengah khalayak yang sama-sama terharu.

Pahlawan perlu disediakan, memilih lebih dari jujur, melupakan resah dan gusar bangsa. Jauh ke dalam peristiwa dan kukuh ke batin diri, dan dari jernih fikir yang terlalu ditenung, Nabi mengangkat Usamah, putera Zaid diyakini wajar menjadi panglima. Tidak semua sekata, Nabi rasakan bahangnya, tapi, pengalaman dewasa dan matang, dan, gerak nadi yang mengilhamkan, Baginda tahu dan sadar, waris mana yang waras disediakan, perang mana yang bakal mencabar, dan Usamah, anugerah putera dari Zaid bin Harithah, harga luar biasa untuknya.





Diatur gerak yang sabar, dan Usamah pahlawan yang gagah menanti, bakal mengatasi segala cabar, penegak bendera dan maruah bangsa, bakal sedia. Tapi, sebelum berangkat bala tentera, derap kaki belum berbunyi, gemereng pedang masih jinak, khalayak dan ahli pasukan yang bakal ke bumi Rumawi, mendengar atau terdengar khabar Nabi yang sakit. Pelbagai punca diakari, setiap sebab diwaraskan, pada tahun ketujuh Hijrah telah berkurangan selera Baginda, dan dalam rahsia, khabarnya telah merayap ke tengah khalayak, gusar yang dipelihara, dijinakkan.

Tapi Nabi, gagah dalam letihnya, wajah kusut tidak di muka, perisai senyum sentiasa cemerlang di tengah khalayaknya. Pada saat letihnya, digagahkan di sisi Abu Muwaihbih, bersedia Baginda keluar rumah. Dan pada suatu malam seperti rahsia, dalam tapak yang amat diatur, Nabi diiringi ke perkuburan Baqi' di Madinah. Dan pada tempat tertentu, dalam khusyuk dan rahsia, terdengar suara jernih Baginda, seperti berkata-kata atau berhujah, menerima dan menapis jawapan, dalam ghaib diketahuinya sendiri Nabi berkata ia memilih bertemu Allah di syurga.

Tergamam dan tersentak khalayak, khemah-khemah dijajari berita, waras dan tidaknya khabar masih menyentuh hingga ke hati, dan Usamah, dalam pasukan yang amat bersedia, berhening diri dan berfikir peristiwa di kuburan Baqi' pada malam Nabi uzur harus banyak dibaca, dinilai warna dan erti rahsianya. Pasukan itu bakal ke Palestin, perang dan siasat patut bermula dan pasukan Rumawi wajar diajar, tapi masih berwaktu untuk berwaras, keadaan Nabi menjadi penentu, Usamah dan bala tenteranya terlalu sayang akan Nabinya, menantikan berita benar.



Nabi sadar gerak sekeliling, dibaca lebih dalam, dimengerti lebih akar. Dan kepada Usamah yang amat menunggu, diteliti wajar pahlawannya; di tengah khalayak yang menanti, suara Baginda tenang dan mesra, suara itu lebih ke arah Usamah. Diulangi waras pilihannya, pahlawan pengganti perkasa ayahnya, Usamah memang tepat, dan Baginda mengarah pasukannya bermula. Khalayak terdiam beberapa ketika, angin saja yang bersuara, unggas sesekali melintas di kepala, dan khalayak khusyuk masih menantinya, berkatalah Baginda tidak dipilih jika tidak ke pihak Allah.

Segelintir sahabat cepat mengerti, tangis dan pilu disembunyikan, dan Abu Bakar al-Siddiq, dalam gelora rasa yang dikawal, amat memahami mengapa begitu kata Baginda, mengapa antara dunia dan akhirat, Nabi memilih hanya Allah. Dan seperti dirasakan lebih awal, dipandanginya Abu Bakar yang keruh wajah, disimbahkannya cahaya yakin, dipinta agar sahabat yang diambilnya sebagai khalil sentiasa tabah dan cekal dirinya. Dirinya lemah dan uzur, dirinya saja dipinta menanggung, dan khalayak diberikan nasihat dan semangat, Madinah masih diancam, wajar dijaga.

Wajah baginda sentiasa mengerti, tenang dan sabar pancaran utama, sebelum meninggalkan masjid, pesannya masih ada, khalayaknya tetap menunggu, kepada mereka, ke arah setiapnya, Nabi berpesan, Muhajirin paling diingatkan. Seperti berwasiat Baginda kepada mereka, seperti dipinta telinga yang jelas, dan kaum Muhajirin seperti diketahui hasrat Baginda, seperti ditunggu amanatnya. Dan dalam bahasa amat jelas, tulus dan rindu di dalamnya, diulangi pesannya agar bersaudara mereka, Muhajirin dan Ansar, kerana Ansar terlalu besar jasanya pada Nabi.



Pada tenang malam dan panas siang, dalam sakit dan lemahnya, Baginda, pemimpin yang berfikir, insan perkasa yang terpilih, terus mengenangi pelbagai peristiwa dan masalah. Pada detik amat genting, berfikir Baginda bertapa nanti pasukan Usamah menghadapi Rumawi yang raksasa. Ke dalam diri ke inti kalbu terasa benar damainya yang syahdu, dan, dalam harap dan percaya, Usamah wira yang cekal, tenaga yang sasa, dipercayai dan diyakini Baginda. Pada malam yang tenang, siang yang panas, berfikir juga Baginda akan nasib kaum Ansar, akan kesatuan ummah.

Hari yang berlalu seperti sama pilu, malam yang berganti seperti sepi. Setiap khabar sekitar Baginda, bangun dan tidurnya, cakap dan senyapnya, terkhabar cepat ke tengah khalayak, ditimbang dan difikir dalam resah, ditafsir dan ditamsil pelbagai warna. Dan Nabi, dalam lemah dan resahnya, masih tetap berulang-alik ke masjid mengimami solat berjemaah, dan hinggalah pada satu ketika, Baginda sendiri terasa amat lemahnya, lalu, kepada 'Aisyah diperintah supaya Abu Bakar mengimami solat, dalam khusyuk yang sama, 'Aisyah, entah mengapa, kurang selesa menerimanya.

Bentak Nabi balas beralas, disuruhnya 'Aisyah menyampaikan perintah, dan tiga kali berulang arah, tiga kali Nabi menghukum, dan 'Aisyah, yang sedar Abu Bakar, ayahnya, lemah dan lembut suara, mudah menangis membaca al-Qur'an, akhirnya patuh isteri lebih utama, dan diterima perintah Baginda, disampaikan kepada ayahnya. Terisilah masjid dengan suara Abu Bakar, berkata-katalah khalayak di dalam hati yang rahsia, betapa lemah dan sakitnya Baginda, betapa resah keadaan Nabi mereka, dalam masjid selepas solat itulah inti perbualan, dan Nabi mengetahuinya.



Amat pilu hari, suara dan suasana seperti bercerita, Nabi diam di sudut masjid, memerhatikan khalayak, menantikan saat berkhusyuk bersama para jemaah. Dan pada ketika-ketika yang resah, demam Nabi meningkat panas, gusar dalam keluarga, berhimpun isteri dan berganti mereka melayani dan menjaga Baginda. Uzur yang meresahkan, sakit, dalam tahan yang dewasa, Nabi amat gemar Siti Fatimah, puterinya. Anak yang sayang berulang mencium ayahnya, limpah kasih menyeluruh kepada ayah yang luar biasa. Dua ketika gering menjadi, tangis dan tawa seperti berganti.

Rahsia ayah kepada anak, terlalu dekat di sebalik hati, diceritakan tanpa sempadan, dipinta agar dimengerti; kepada Fatimah dibayangkan usia yang terhad, kerja yang masih sisa, hasrat yang tinggi, harapan belum terisi, dan panggilan dari Allah yang amat dicintai. Berulang kisah dari lidah yang lemah ke telinga yang segar, atau dari lidah yang mengerti ke telinga yang pudar, dua beranak berkata-kata tentang diri dan keluarga, dan mereka saling ketawa dan tangis pada saat berbeda, dan Nabi sentiasa teringat nasib ummahnya, dan Fatimah memahaminya.

Berkeliling sahabat ketika yang lain, mata dan suara sayu yang panjang. Mereka memerhatikan, cuba menyaring bisik, cuba menerka warnanya. Ada kata-kata amat bermakna, suara yang lemah berat isinya, dan ada pesan yang paling berkesan, di keliling Nabi mereka sedang menantikan. Pada detik tidak terduga, seperti terkerlip sinar tiba-tiba, suara Nabi didengar cergas meminta dakwat yang bakal berkata, kerana, dalam nafas yang lembut dan lemah, Baginda berkata akan ditinggalkan satu wasiat kerana dalam kacau dan racau peristiwa tidak diingini ummahnya berbalah.



Seperti terkejut Umar bin al-Khattab, dipandanginya Nabi dibaca wajah, pemimpin yang sakit cergas berfikir nasib ummah ditafsirkannya. Berkira dan beralas, diseluk ke dalam batin, ditenung mata Baginda, dan dengan yakin tapi ketar, Umar cuba mengingatkan: benar kita dalam gawat, benar ummah dalam kacau, tapi tidakkah telah diwariskan mereka dengan al-Qur'an, tidakkah kitab yang demikian sempurna, tidakkah segala ayat di dalamnya jawapan setiap masalah, pimpinan setiap tindak. Lalu sesama sahabat, depan Nabi, berhujajlah mereka.

Nabi memerhati dan menanti dakwat, terganggu Baginda kerana mula berbalah sesama sahabat sedang wasiat belum diucap. Dan letih yang terasa, sedih yang meluka, Nabi perhatikan debat yang asas, dan Umar, dalam cekal dan jernih suara, masih, tekun dan berbudi, mengingatkan ummah telah dibekali al-Qur'an, tasik yang amat jernih, telaga ilmu yang terdalam, laut hikmah yang memupuk, angkasa yang penuh rahsia, dan ayat-ayat mujarab dan sakti, segalanya, dalam bentuk terhias, segalanya hidangan hati nurani yang utama, masih perlukah wasiat lain?

Berkisah dan berhujah, sihat suasana yang dicari, dewasa hati ummah. Dan sementara mereka kuyup dalam jernih bicara, Nabi, dalam usia enam puluh tiga, lemah yang segar, dengan mata tetap bercahaya, rambut putih sekelompok dua, mula mengulangi keyakinan dan mimpinya. Telah bermimpi Baginda akan syurga, telah dicapainya buah anggur. Khalayak yang amat menyayangi Baginda, mendengar khabar sedemikian, faham dalam sedihnya, kerana amat tahu, Baginda lebih dan ghairah berkata tidak lagi tentang dunia, segala-gala mula ke akhirat impinya.



Pada suatu subuh sepi Nabi terasa sakit kepalanya, tapi dirinya cecal, ke masjid Baginda tuju, di hadapan berdirinya, dan dalam khutbah terlalu sederhana, percikan kata-kata mutiara, irama hati yang sukar dilupakan, Baginda merestui dan memuji pejuang-pejuang di Uhud. Tapi, sakit terasa bertambah, disembunyikan letihnya, dan pulanglah Nabi ke kediaman Maimunah, di situ, sedang rehatnya damai, demamnya memuncak, tapi sedikit reda, Nabi meminta dihantar ke rumah 'Aisyah. Damai di bilik, selesa di katil, Baginda sesekali berkata betapa sakitnya.

Amat dikenal ragam Nabi, 'Aisyah tahu resam suaminya, kini memang Nabi sedang sakit, tapi selain kata yang terkadang letih, sakit dan sihat disilih ganti, Nabi tak ingin isterinya gusar, 'Aisyah amat mengerti. Dan tibalah saat yang lemah, kepala Nabi di pangkuan isterinya, berkata-kata mereka tentang peribadi, berjenaka mesra, Nabi luar biasa, dan sakit itu tetap menjelma. Dan pada detik lain, teringat 'Aisyah betapa kata Fatimah, ayahnya menceritakan tentang akhirat, yakin dan tenang, dengan bisik dan getetar, sukar diterka sakit atau harunya Baginda.

Khabar pedih tentang Nabi mengocakkan pasukan ke Palestin, dan Usamah, sayang terlalu ke hati, pulang tergesa melawat Nabi di rumah 'Aisyah. Alam sudah amat luar biasa, hampir setimpal dengan sayang Usamah, dan, Rasulullah s.a.w., berbaring dalam tenang, tidak terakam wajah sesiapa, tidak juga dapat berkata-kata. Hanya tangan diangkat, beralas tangan Baginda dengan Usamah, doa dan restunya tidak terhingga, dikata tanpa bahasa lidah, diucap dari gerak tangan lemah. Dalam detik lain, setelah diminumkan ubat, bertanya Baginda kali pertama, tentangnya.



Masih khalayak di keliling katil, 'Aisyah paling hampir dipanggil, dan dalam bisik, ditanyakan ke mana milik delapan dinarnya, dan dengan tegas, dipinta supaya disedekah. Malam menjadi lebih bertanya, awan yang ghaib dipercayanya ada, langit masih penuh rahsia, dan unggas yang lena diyakin wujud. Malam lanjut dengan resah, nafas Nabi seperti teriring, dan khalayak ketar dan pilu, bauran yang ganjil dalam syahdu. Dan seperti tenang tampaknya Nabi, suhu badan seperti berkurang, berkat ubat dari Asma', dan Nabi, seperti biasa, pinta ke masjid dirinya.

Dipapah Baginda yang lemah, Ali bin Abu Talib amat berhati-hati, dan Fadhl bin al-Abbas sungguh berjaga, dan selamat mereka ke masjid; dan Abu Bakar sedang mengimami solat, dan berundur ia selangkah, perlahan yang sopan, tapi, Nabi dalam lemah yang syahdu, menyuruhnya meneruskan ibadah. Segala diperhatikan Usamah, dan setelah amat yakin ia seperti telah sembuh Baginda, dipinta pulang ke Palestin. Dan Nabi membenar semua kembali bertugas seperti biasa, sementara, dan rahsia, mengerti dan tahu, dikenang dan dikira, bakal akhir hayatnya.

Hari panas ketika itu, mentari mempunyai kisahnya sendiri, dan langit masih penuh rahsia. Hari panas ketika itu, alam mempunyai ceritanya sendiri, dan gurun masih penuh rahsia. Nabi meminta bejana air, diseluk ke air dan diusap wajahnya, berkata tenang datangnya ajal dan rela. Di pangkuan isteri kepalanya, berkata ia sukar diterka, dan tengah hari Rabiulawal tahun 11 Hijrah Nabi yang mulia menghembus nafas akhirnya. Hari panas ketika itu, mentari mempunyai kisahnya sendiri, dan langit masih penuh rahsia. Hari panas ketika itu, aduh Nabi sudah tiada.